[7] Agenda perjuangan ini bermula daripada termeterainya *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) 1948 oleh Majlis PBB, *Declaration on The Elimination of Discrimination Against Women* 1967, *Convention on The Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) 1979, *The Vienna Declaration and Plan of Action* 1993, *International Conference on Population and Development* (ICPD) 1994, *Beijing Declaration and Platform For Action* 1995 dan Millenium Development Goals (MDGs) 2000. Kesemua agenda perjuangan ini menuntut kepada penghapusan diskriminasi dan kebebasan sewajarnya kepada golongan wanita dalam hal reproduktif mereka dan sosial. Achie Sudiarti Luhulima, *CEDAW: Menegakkan Hak Asasi Perempuan* (Indonesia: Yayasan Pustaka Obor, 2014), 4-20.

University of Malaya

seterusnya mampu menentukan keupayaan peranan reproduktif mereka secara bebas, bila dan bagaimana yang mereka inginkan selagi mana ianya tidak bersalahan dengan syariat yang ditetapkan. Demikian itu, boleh disimpulkan bahawa hak dalam kesihatan reproduktif itu memberikan suatu sisi keadilan dan keseimbangan yang selayaknya bagi seorang wanita dalam memastikan mereka mendapat suatu tingkat pelayanan yang baik dalam hidup mereka, baik daripada penjagaan kesihatan mahupun pelayanan sosial, tanpa sebarang diskriminasi dan pengabaian dari mana-mana pihak di sekeliling mereka.

Dalam suatu Persidangan Antarabangsa Kependudukan dan Pembangunan 1994,[8] hak reproduktif wanita ditetapkan sebagai salah satu instrumen hak asasi bagi semua pasangan dan individu untuk membuat keputusan secara bebas dengan mengambil kira bilangan, jarak dan tempoh untuk mempunyai anak. Ia juga merangkumi hak mereka untuk membuat keputusan mengenai reproduktif yang bebas daripada diskriminasi, ugutan dan keganasan. Tiga ideologi yang diketengahkan dalam isu ini adalah merangkumi aspek perancangan keluarga, hak asasi wanita dan kesihatan wanita yang mana akan menimbulkan implikasi yang besar terhadap hak reproduktif wanita. Keupayaan wanita untuk membuat dan melaksanakan keputusan mereka merupakan penentuan penting bagi kesihatan mereka. Tambahan pula, berdasarkan prinsip hak asasi manusia yang sedia ada, golongan wanita telah ditegaskan untuk menangani secara sendiri perihal pemerkasaan kesihatan wanita semaksima mungkin dan tidak hanya tertumpu kepada matlamat sosial lain.

---

[8] Persidangan PBB pada tahun 1994 mengenai Kependudukan dan Pembangunan Antarabangsa (International Conference Population and Development - ICPD) di Kaherah. Antara isu yang diambil kira dalam program ini adalah tindakan yang asasnya berkaitan dengan hak asasi wanita, termasuk kesaksamaan gender, keluarga, kesihatan reproduktif, kawalan kelahiran dan perancangan keluarga, kesihatan wanita, imigrasi dan pendidikan wanita.

University of Malaya

Wanita mempunyai ciri-ciri biologi mereka yang tersendiri yang berbeza dengan lelaki. Sehubungan dengan itu, masalah seksual dan kesihatan reproduktif wanita mempunyai ciri-cirinya yang khusus berbanding lelaki. Wanita seringkali dikaitkan dengan risiko kesihatan disebabkan 'kerjasama' yang tidak begitu menggalakkan antara beberapa pihak tertentu dalam hubungan kekeluargaan mereka, sehingga membawa kepada masalah kesihatan yang boleh menyebabkan komplikasi kepada diri dan menyumbang kepada kematian dalam lingkungan usia reproduktif.[9]

Kajian nasional berkaitan hak reproduktif dan kesihatan seksual wanita di Malaysia sebelum ini, melalui hasil edaran soal selidik kepada responden juga telah memberikan beberapa petunjuk bahawa kurangnya kefahaman dan kesedaran tentang beberapa aspek kesihatan reproduktif wanita di Malaysia. Oleh demikian, penyertaan kaum lelaki dan wanita melalui usaha-usaha kesedaran dalam isu kesihatan seksual dan reproduktif ini sangat diperlukan bagi meningkatkan lagi taraf kesihatan hidup mereka.[10] Wan Hilya,[11] dan Zarinah[12] mengatakan bahawa tahap kefahaman yang kurang dalam kalangan masyarakat ini tentang perkara-perkara melibatkan reproduktif wanita, boleh memberikan kesan terhadap pengamalan semasa masyarakat. Justeru, ini memberikan gambaran awal

---

[9] Henri Shalahudin, "Wacana Kesetaraan Gender dalam Pemikiran Islam di Institusi Pengajian Tinggi Islam Negeri Di Indonesia: Kajian Kes Di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta" (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016), 436.

[10] Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, "Kajian Nasional Hak Reproduktif dan Kesihatan Seksual Wanita," dicapai pada 25 September 2015, http://portal.kpwkm.gov.my/documents/10156/8c4b885c-d644-43fa-9f05-4bf27cbb031a.

[11] Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.

[12] Siti Zarinah Sahib, "Kurang Pengetahuan Kaedah Kontraseptif," *Harian Metro*, 31 Ogos 2015, dicapai pada 10 Mei 2017 melalui https://www.hmetro.com.my/node/74064

University of Malaya

bahawa masih ramai golongan masyarakat yang masih tidak sedar tentang kepentingan menjaga aspek reproduktif dalam kehidupan mereka.[13]

Hal ini dibuktikan pula dengan polemik bagi salah satu aspek reproduktif wanita iaitu kadar penggunaan kontraseptif yang mencatatkan kebimbangan apabila tahap pengamalannya masih berada dalam paras yang rendah[14] dimana hanya mencatat 37.1 % dalam kalangan masyarakat wanita di Malaysia.[15] Hal ini menimbulkan kebimbangan kalangan kerana saban waktu, kajian semasa dan juga promosi berterusan sentiasa dijalankan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam melihat perkembangan semasa dan meningkatkan penggunaan kontraseptif di Malaysia,[16] tetapi jumlah pengamalan tetap berada pada peratusan yang mendatar dan tidak menunjukkan suatu perkembangan yang memberangsangkan.[17] Mengambil kira di negeri Selangor yang umumnya antara negeri

---

[13] Sinar Harian, "Kepentingan alat pencegah kehamilan," *Sinar Harian*, 23 Januari 2014; Utusan Online, "Kesihatan Reproduktif: NGO perlu main peranan," *Utusan Online*, 5 Julai 2004.

[14] Kadar peratusan sebanyak 37.1% ini masih dikira berada dalam paras yang rendah seperti mana laporan kajian oleh *United Nations*, yang mana Malaysia juga salah sebuah negara anggota Perserikatan Bangsa-Bangsa ini. Laporan ini mencatatkan kadar peratusan bagi beberapa negara sebanyak 40%, adalah dikira sebagai satu kadar yang rendah. Kadar yang baik adalah 59% dan ke atas. Lihat United Nations, Department of Economic and Social Affairs, Population Division, *Trends in Contraceptive Use Worldwide* (New York: United Nations, Department of Economic and Social Affairs, Population Division, 2015), 1.

[15] Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.

[16] Menjadi kepentingan dan target utama bagi penggunaan kontraseptif dalam amalan perancang keluarga kerana ianya dikira sebagai suatu keperluan asas dan hak wanita dari segi kehamilan untuk memperoleh kesihatan optimum, selain daripada mengurangkan risiko kematian maternal dan masalah kesihatan lain yang berbangkit daripada kurangnya kesedaran terhadap penggunaan kontraseptif. Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.

[17] Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.

University of Malaya

yang berada dalam rangka paras urbanisasi dan maju,[18] pasti menjadi jangkaan berada dalam kelompok yang memuaskan. Walau bagaimanapun, perkara sebaliknya berlaku kerana Selangor berada di antara negeri dalam kadar yang agak rendah, melihat kepada kadar peratusan *contraceptive prevalence rate* (CPR) sebanyak 31.7% bagi kaedah moden.[19]

Perkara ini menunjukkan bahawa aspek perancangan keluarga dan kontraseptif adalah antara pengabaian yang lazim terjadi dalam aspek reproduktif.[20] Ianya bukanlah suatu isu baru yang diketengahkan malahan sudah lama muncul dan perbincangan mengenai perancangan keluarga ini juga sudah boleh dikategorikan sebagai suatu isu peringkat global, di mana banyak program-program dan gerakan yang aktif di negara-negara luar memperjuangkan tentang perihal seksualiti wanita dan juga perancangan keluarga. Berbeza dengan masyarakat setempat, mereka, masih melihat isu ini sebagai isu 'ringan' dan hanya boleh dipandang sebelah mata.[21] Fenomena dan senario seperti ini berterusan apabila terdapat segelintir golongan tertentu seperti sesetengah mereka yang berlatar belakang pendidikan agama menganggap isu perancangan keluarga ini sebagai suatu yang bertentangan dengan agama.[22] Mereka dengan sewenangnya menjatuhkan

---

[18] Nur Sulastry Yurni Ahmad, "Bajet 2016 dan Implikasi Kesejahteraan Belia Bandar," dalam *Kesejahteraan Sosial Komuniti Bandar: Pembangunan dalam Kesinambungan,* ed. Roziah Omar & Sivamurugan Pandian (Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri & Majlis Professor Negara, 2015), 26. Lihat juga _____. *Smart Selangor Fokus Tujuh Aspek, Tingkatkan Kualiti Kehidupan Rakyat.* Dicapai pada 15 September 2017 melalui capaian http://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/1394

[19] Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.

[20] Rashidah Abdullah, "Reproductive Health and Rights: The Importance for Muslim Women," *Islam, Reproductive Health, Women's and Rights,* ed. Zainah Anwar & Rashidah Abdullah (Kuala Lumpur: Sister in Islam, 2000), 26-27.

[21] Harlina Halizah Siraj, *Citra Wanita Kontemporari,* 36.

[22] Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.

hukum berdasarkan pemahaman mereka secara literal. Fatwa pada 20 Februari 1977[23] telah membincangkan mengenai perancangan keluarga yang mana diputuskan ia membawa kepada beberapa implikasi hukum berdasarkan situasi berbeza iaitu:

a. Memandulkan lelaki atau perempuan hukumnya adalah haram.
b. Mencegahkan beranak atau menghadkan bilangan anak hukumnya adalah haram melainkan dengan sebab-sebab yang diharuskan oleh syarak bagi orang-orang perseorangan.
c. Menyusun keluarga dari segi kesihatan, pelajaran dan kebahagiaan keluarga dengan cara yang lain daripada (a) dan (b) di atas adalah harus.

Isi kandungan fatwa ini menyatakan, di frasa (b) iaitu *'mencegah beranak dan mengehadkan bilangan anak itu sendiri sebagai haram'*. Jika dilihat pada pentafsiran istilah 'mencegah', kamus[24] mendefinisikan ia sebagai 'suatu ikhtiar supaya tidak berlaku akan sesuatu'. Terma ini jelas merujuk kepada apa jua kaedah perancangan keluarga yang boleh mencegah daripada berlakunya kehamilan secara kekal seperti mengikat tiub fallopian (peranakan).

Walau bagaimanapun, frasa ini digunapakai secara melulu oleh orang perseorangan yang menolak tanpa memahami maksud frasa *'melainkan dengan sebab-sebab yang diharuskan syarak'*. Sekiranya diperhalusi maksud tersebut, sebab-sebab yang diharuskan oleh syarak itu boleh juga meliputi dalam kategori menjaga hak kesihatan reproduktif seseorang wanita. Jika melibatkan situasi kekhwatiran akan keadaan isteri yang berdepan dengan mudarat tertentu disebabkan komplikasi kehamilan, mahupun bilangan anak sedia

[23] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Dicapai pada 5 Febuari 2014, melalui http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/rancangan-keluarga-2.

[24] Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, "Mencegah", dicapai pada 10 Disember 2017, di http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=mencegah

University of Malaya

ada juga sudah terlalu ramai, maka frasa (b) boleh digunapakai. Tetapi segelintir masyarakat, memahami maksud frasa ini dan cuba untuk menginterpretasikannya dalam konteks yang amat rigid, dan disertai dengan salah faham. Mereka secara literal memahami fatwa ini adalah suatu bentuk ketetapan yang membawa kepada implikasi keseluruhan akan pengharaman amalan perancang keluarga. Hakikatnya frasa (c) fatwa tersebut dengan penggunaan istilah *"menyusun keluarga"*, sudah menetapkan akan keharusan perancangan keluarga, tetapi masih juga wujud salah faham terhadap amalan ini.

Hal ini turut dijelaskan oleh Harlina Halizah Siraj[25] melalui pengalaman beliau dalam mengendalikan kes-kes perancangan keluarga. Beliau menyimpulkan bahawa golongan 'alim agama' kurang menerima amalan perancangan keluarga oleh kerana mereka berpegang bahawa amalan tersebut sebagai suatu perkara yang haram. Perkara ini turut disokong oleh Wan Hilya Munirah[26] yang berpandangan bahawa golongan yang berpendapatan rendah dan segelintir agamawan lebih terdedah kepada pengabaian reproduktif wanita kerana mereka tidak membenarkan para isteri untuk mengambil sebarang kaedah dalam merancang keluarga atas alasan ketidakmampuan dan juga agama tidak membenarkan amalan tersebut.

Lebih mengejutkan apabila amalan perancangan keluarga itu seolah-olah dilihat sebagai salah satu medium untuk menolak rezeki yang diberikan oleh Allah SWT[27] dan tidak kurang juga yang berpendapat bahawa ianya sebagai suatu pembunuhan tersembunyi.[28] Berbekalkan kepercayaan ini, amalan perancangan keluarga ditolak sama

---

[25] Harlina Halizah Siraj, "Perancangan Keluarga dan Islam."

[26] Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.

[27] Abdel Rahim Omran, "Contraception, Abortion and Reproductive Issues in the Legacy of Islam," *Islam, Reproductive Health, Women's and Rights,* ed. Zainah Anwar & Rashidah Abdullah (Kuala Lumpur: Sister In Islam, 2000), 122.

[28] Abdel Rahim Omran, "Contraception, Abortion and Reproductive Issues in the Legacy of Islam," 122.

University of Malaya

sekali bagi golongan mereka yang 'gemar beranak ramai' ini tanpa mengambilkira perancangan dan mengambilkira hak isteri dalam menjaga kesihatan reproduktif mereka. Situasi ini boleh dilihat kepada kaum wanita yang mempunyai kadar kelahiran yang terlalu rapat di antara anak yang sedia ada. Hal ini tanpa disedari boleh memberikan suatu kesan jangka panjang kepada kaum wanita yang melaluinya dengan beberapa komplikasi serta risiko kesihatan tertentu.[29] Kes-kes sebegini boleh dielakkan sekiranya masyarakat khususnya wanita menanamkan rasa kesedaran dan pengetahuan yang tinggi tentang hak mereka terhadap diri sendiri dalam menjamin kualiti reproduktif mereka.

Permasalahan dan pengabaian bagi kelompok wanita berkahwin ini tidak hanya terhenti dalam aspek perancangan keluarga dan kontraseptif sahaja. Bahkan pengabaian ini boleh terjadi apabila kaum wanita atau isteri ini dianggap seperti 'objek seks' bagi kaum suami sehingga dinafikan haknya dalam reproduktif dan seksual.[30] Melalui petikan laporan akhbar Sinar Harian[31] ulasan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim yang mana direkodkan sebanyak 3,343 kes keganasan rumahtangga dilaporkan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2015 dengan 2,528 kes melibatkan wanita. Beliau mengulas sedemikian berdasarkan statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Lebih menyedihkan apabila antara keganasan rumahtangga itu juga melibatkan penderaan seksual yang dilakukan terhadap wanita. Perkara ini pula disokong dengan hasil dapatan temu bual yang dijalankan bersama pegawai di unit D11,

---

[29] Ahmad Fakaruddin et al., "Kajian Mengenai Kelahiran Rapat dan Faktor-faktor yang Berkaitan dengannya di Kalangan Ibu-ibu di Kampung Kunci Air Buang Mukim Tanjung Karang," *Buletin Kesihatan Masyarakat*, vol. 2, no. 2 (1995), 13.

[30] Harlina Halizah Siraj, "Perancangan Keluarga dan Islam." Lihat juga Harlina Halizah Siraj, *Citra Wanita Kontemporari,* 61; Rashidah Abdullah, "Reproductive Health and Rights: The Importance for Muslim Women," 22.

[31] T.p., "Lebih 3300 Kes Keganasan Rumah Tangga Dilaporkan", *Sinar Harian*, 1 Oktober 2015, Dicapai pada 24 Januari 2016, http://www.sinarharian.com.my/semasa/lebih-3-300-kes-keganasan-rumah-tangga-dilaporkan.

University of Malaya

Polis Diraja Malaysia (PDRM), yang mana isu keganasan rumah tangga, penderaan terhadap wanita masih lagi berada pada tahap yang membimbangkan lebih-lebih lagi di negeri Selangor yang mana mencatatkan jumlah yang tertinggi antara negeri-negeri yang lain.[32]

Tidak tertumpu pada aspek keganasan rumah tangga, seksual suami isteri dan perancangan keluarga sahaja, malah aspek lain yang turut menjadi polemik dalam kalangan wanita berkahwin apabila mereka diberikan ruang yang sedikit dalam menjalankan peranan reproduktif lain seperti penentuan perkahwinan, penentuan waktu yang sesuai untuk berhadapan dengan kehamilan, penjagaan ketika kehamilan dan kelahiran.[33] Di sinilah antara sebab mengapa fokus kajian ini disasarkan dalam kalangan skop wanita berkahwin, selain kekerapan yang tinggi berlaku di Selangor.

Bertitik tolak daripada isu yang berlaku, begitu banyak polemik yang wujud dalam konteks perbincangan wanita berkahwin ini tanpa disedari. Mengambil kira peranan hak reproduktif mereka yang jauh lebih rumit berbanding wanita tidak berkahwin, sudah pasti ia boleh menimbulkan beberapa penafian dan pengabaian hak secara tidak langsung. Peranan wanita berkahwin itu lebih besar kesannya jika tidak diendahkan kerana boleh mempengaruhi kapasiti dan keupayaan mereka dalam mengekalkan keutuhan dan fungsi institusi kekeluargaan secara keseluruhannya.

Situasi yang berlaku ini membuktikan bahawa sungguhpun banyak kemajuan yang dicapai dalam memberikan nafas baru kepada perkara-perkara berkaitan kewanitaan di Malaysia dan Asia Tenggara umumnya, secara dasar, aspek kesihatan reproduktif wanita

---

[32] Ellyia Ullfah (Asp D11, Unit Keganasan Rumah Tangga, Polis Diraja Malaysia), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 30 Ogos 2016.

[33] Raja Noriza Raja Ariffin *et al*., "Muslim Women's Sexual and Reproductive Health Rights: Evidence from the United States, Iran and Malaysia," *Journal of Business and Social Development,* vol. 5, no. 2 (2017), 3.

University of Malaya

fokusnya wanita berkahwin ini masih lagi terdapat jurang kefahaman, pengamalan dan penjagaannya.[34] Ini juga boleh dinilai melalui perbandingan antara beberapa buah negara Asia iaitu Malaysia, Filipina, China, Thailand dan Vietnam, di mana dalam aspek penggunaan kadar kontraseptif, Malaysia mencatatkan penggunaan yang paling rendah iaitu 30 peratus, berbanding China misalnya yang mencatatkan jumlah paling tinggi sebanyak 80 peratus setelah mana mereka mula memperkenalkan langkah pengawalan kelahiran dengan penetapan Polisi Perancangan Keluarga *(Family Planning Policies)* yang diperkenalkan oleh Negara China bermula awal tahun 60an.[35] Sehubungan dengan itu, walaupun Malaysia tidak berhasrat untuk menetapkan sebarang polisi tertentu yang mengikat dalam memastikan peningkatan pengamalan kontraseptif, tetapi fokus dalam memastikan dalam memastikan peningkatan kadar penggunaan kontraseptif ini sebagai satu usaha memperkasakan golongan wanita dalam memastikan amalan kehamilan yang diingini, kelahiran selamat, dan mengelakkan daripada berlakunya pengguguran tidak selamat kerana emosi kehamilan tidak diingini.[36] Perkara ini juga selaras dengan agenda Nasional yang komited dalam menjayakan lapan petunjuk *Millenium Development Goals* (MDGs)[37] yang mana perkara ini terkandung dalam MDG 5. Secara tidak langsung juga, kadar peratusan di peringkat Nasional ini turut memberikan satu kesimpulan bahawa masih

---

[34] Sri Rahayu Sanusi, "Kesihatan Reproduktif dalam Kalangan Wanita Miskin Bandar di Bandar Medan Sumatera Indonesia," (Tesis Kedoktoran, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 13.

[35] Wang, Fei, "Family Planning Policy in China: Measurement and Impact on Fertility," *MPRA Paper,* 42226 (Germany: University Library of Munich, 2012), 4-5.

[36] Norliza Ahmad, Tey Nai Peng, Kamarul Faridah Kamarul Zaman, Noor Azlin Muhd Sapri, Majdah Abdul Manaf & Ms Yeoh Yeok Kim, "Status of Family Planning in Malaysia," (Unfpa - Icomp, Regional Consultation Family Planning In Asia And The Pacific Addressing The Challenges, 8-10 December 2010, Bangkok, Thailand), 25.

[37] *Millenium Developments Goal* (MDGs) diperkenalkan semasa Persidangan Kemuncak Milenium Bangsa-bangsa Bersatu di New York pada September 2000. Terdiri daripada lapan petunjuk utama dan turut menjadi agenda Malaysia ke arah mencapai kesemua petunjuk MDG tersebut. Achie Sudiarti Luhulima, *CEDAW: Menegakkan Hak Asasi Perempuan,* 20.

wujud stigma negatif dalam menjalankan peranan hak reproduktif dalam kalangan masyarakat, tidak kira lelaki atau wanita di negara kita.[38]

Seharusnya, dalam melangkah ke arah negara maju ini, polemik ini sepatutnya tidak berlanjutan. Pentingnya untuk masyarakat khusus kepada pasangan suami isteri menyedari akan pentingnya mengutamakan aspek kesihatan wanita dalam menjalani kehidupan. Kesihatan bukan hanya tertumpu pada ketiadaan penyakit dan ketidakupayaan semata-mata tetapi lebih besar dari lingkungan itu iaitu berdirinya wanita yang sejahtera dari sudut fizikal, mental dan psikologi, mampu berfungsi secara efektif di dalam keluarga dan komunitinya, sepertimana takrifan asas oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organisation* (WHO).

Oleh kerana itu juga, sekuel daripada pengabaian dan ketidakadilan yang dialami oleh para wanita ini, wujudnya golongan feminisme-feminisme negara yang sangat lantang dalam memperjuangkan hak wanita. Perkara ini boleh dilihat melalui kewujudan-kewujudan badan bukan kerajaan (NGO) tempatan seperti *Sister In Islam* (SIS), *Women's Aid Organisation* (WOA), dan *Asian Pacific Resource and Research Centre for Women* (ARROW). Perjuangan organisasi ini lebih kepada kebebasan wanita dari setiap sisi yang dirasakan boleh memberikan ketidakadilan kepada wanita.

Justeru, berdasarkan kepada permasalahan yang banyak berlaku dalam kalangan wanita berkahwin di negeri Selangor ini, seharusnya suatu pemahaman semasa diperlukan untuk membuka minda dan mata para isteri dalam mempertahankan hak mereka berkaitan reproduktif. Hal ini supaya mereka boleh menjalankan peranan hak reproduktif mereka selaras dengan panduan yang sewajarnya. Dalam erti kata lain, mereka menyedari akan

---

[38] Centre of Reproductive Rights, Asian Pacifics Resources and Research Centre for Women, *Women of The World: Laws and Policies Affecting Their Reproductiv Lives (East and Southeast Asia)* (United States of America: ARROW, 2005), 14.

University of Malaya

keperluan untuk melindungi hak reproduktif wanita dan seksual mereka ini supaya dapat merealisasikan hak dan peranan yang lain dengan baik.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Berbekalkan tujuan yang telah diperjelaskan, kajian ini telah menggariskan beberapa persoalan kajian yang dibahagikan kepada dua fasa[39] iaitu fasa kuantitatif berserta hipotesis[40] dan fasa kualitatif:

1.2.1 Persoalan kajian fasa kualitatif

1) Bagaimana interpretasi perbahasan Islam berkaitan hak reproduktif wanita berkahwin?
2) Apakah dasar yang dibangunkan kerajaan dan instrumen antarabangsa yang berkaitan dalam memperkasakan isu hak reproduktif wanita?
3) Bagaimanakah tahap pengetahuan masyarakat di Selangor tentang hak reproduktif wanita berkahwin?
4) Bagaimanakah tahap pengamalan semasa hak reproduktif wanita berkahwin di Selangor?
5) Adakah indeks berkaitan hak reproduktif wanita berkahwin yang sedia ada berpadanan dengan pengamalan semasa dan menjurus kepada skop perbincangan wanita berkahwin?

---

[39] Dicadangkan oleh Creswell; Lihat John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, ed. ke 4 (USA: Sage Publications Inc, 2014), 185-189.

[40] Hipotesis dibina pada kajian kuantitatif yang mana bertujuan menjalankan analisis statistik yang menggunakan data numerikal bagi membuat satu inferens; Lihat Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik* (Selangor: Penerbit UPM Serdang, 2013), 45.

University of Malaya

1.2.2 Persoalan kajian fasa kuantitatif

1) Apakah terdapat perkaitan/hubungan di antara kefahaman dan amalan masyarakat di Selangor tentang hak reproduktif wanita berkahwin?

   Ho^1: Tidak terdapat perhubungan di antara kefahaman dan amalan masyarakat di Selangor tentang hak reproduktif wanita berkahwin?

   Ha^1: Terdapat perhubungan di antara kefahaman dan amalan masyarakat di Selangor tentang hak reproduktif wanita berkahwin?

2) Apakah terdapat perbezaan di antara lelaki dan perempuan dalam tahap kefahaman dan amalan hak reproduktif wanita berkahwin?

   Ho^1: Tidak terdapat perbezaan di antara lelaki dan perempuan dalam tahap kefahaman dan amalan hak reproduktif wanita berkahwin?

   Ha^1: Terdapat perbezaan di antara lelaki dan perempuan dalam tahap kefahaman dan amalan hak reproduktif wanita berkahwin?

3) Apakah terdapat perbezaan di antara masyarakat bandar dan luar bandar dalam kefahaman dan amalan hak reproduktif wanita berkahwin?

   Ho^1: Tidak terdapat perbezaan di antara masyarakat bandar dan luar bandar dalam kefahaman dan amalan hak reproduktif wanita berkahwin?

   Ha^1: Terdapat perbezaan di antara masyarakat bandar dan luar bandar dalam kefahaman dan amalan hak reproduktif wanita berkahwin?

University of Malaya

4) Apakah faktor-faktor signifikan yang mempengaruhi kefahaman dan amalan tentang hak reproduktif wanita di Negeri Selangor?

Pemboleh ubah bebas:

Skop hak reproduktif wanita berkahwin [1] Perihal Perkahwinan, [2] Hubungan Seksual dalam Perkahwinan, [3] Kehamilan, [4] Perancangan Keluarga dan Kontraseptif, [5] Pengguguran, [6] Kelahiran dan [7] Keganasan Rumah Tangga.

Oleh yang demikian, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui sama ada seseorang wanita itu sememangnya mempunyai haknya tersendiri dalam melaksanakan hak-hak reproduktif wanita sebagaimana yang digariskan di bawah perundangan Islam. Dalam erti kata lain adalah, adakah seseorang wanita Islam itu mempunyai hak di bawah perundangan Islam untuk memutuskan perihal perkahwinannya, kehamilannya, mengadakan hubungan seksual yang berpatutan dalam hubungan rumahtangganya, penentuan bilangan anak dan jarak-jarak yang tertentu, penggunaan kontraseptif serta hubungan rumah tangga yang bebas dari sebarang ancaman dan unsur keganasan rumah tangga. Kajian ini turut mengetengahkan komitmen peringkat kerajaan mahupun global melalui kewujudan dasar dan instrumen sedia ada yang dilaksanakan oleh pelbagai badan berkepentingan, gerakan NGO mahupun golongan feminisme dalam usaha memperkasakan hak reproduktif wanita. Melalui pelaksanaan ini juga, keselarian dengan syariat Islam dinilai bagi memastikan setiap langkah perjuangan dan komitmen yang diberikan tidak bersalahan dengan ajaran Islam.

Dalam kajian ini juga analisis dijalankan bagi melihat kefahaman dan pengamalan semasa hak reproduktif wanita berkahwin melalui penglibatan bersama suami isteri

University of Malaya

terhadap hak-hak reproduktif yang sepatutnya mereka perolehi dalam suatu hubungan kekeluargaan. Dapatan ini bagi melihat sejauh manakah mereka sedar dan amal dari sudut yang positif dan negatif dalam mereka menjalani peranan reproduktif kehidupan seharian.

Antara dapatan baru yang akan diketengahkan dalam kajian ini juga adalah data awalan Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin yang berfungsi sebagai indikator pengamalan semasa dalam memperlihatkan status polemik reproduktif wanita berkahwin di Negeri Selangor.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti hak reproduktif wanita berkahwin berdasarkan prinsip perbahasan perundangan Islam.
2. Menghuraikan hak reproduktif wanita melalui komitmen kerajaan dan antarabangsa.
3. Menganalisis tahap kefahaman dan amalan masyarakat di Selangor dalam menjalankan peranan hak reproduktif wanita berkahwin.
4. Merumuskan preliminari satu indeks hak reproduktif wanita berkahwin.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Berpandukan kepada permasalahan dan objektif kajian, maka kepentingan kajian ini memberi perhatian kepada dua bahagian iaitu kepentingan terhadap pengkajian ini dan kepentingan terhadap hasil pengkajian ini.

1.4.1 Kepentingan terhadap Pengkajian

Kepentingan terhadap pengkajian ini adalah untuk memastikan hasil yang akan diperolehi daripada kajian ini dilaksanakan mengikut perspektif tujuan dan objektifnya.

University of Malaya

i. Mengetengahkan aspek perbincangan hak reproduktif wanita dari kaca mata prinsip Islam itu sendiri dalam merumuskan hak keistimewaan wanita berkahwin membuat keputusan dan menjalankan peranan yang bersesuaian dalam setiap perkara melibatkan reproduktif wanita.

ii. Mengetengahkan dasar-dasar yang dibangunkan dalam memartabatkan kedudukan seorang wanita dari aspek hak reproduktifnya, sama ada melalui deklarasi, mahupun persidangan yang dijalankan di peringkat global antarabangsa, atau dasar-dasar peringkat nasional dari pihak-pihak yang berkepentingan dan terlibat secara langsung dalam hak reproduktif wanita ini seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Malaysia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), dan juga Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan.

iii. Menilai tahap pengetahuan dan amalan masyarakat di Selangor akan kesedaran dan pengamalan mereka dalam menjalankan peranan hak reproduktif wanita berkahwin.

iv. Mengetengahkan satu preliminari Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin sebagai indikator terkini pengamalan hak reproduktif wanita berkahwin di negeri Selangor.

1.4.2 Kepentingan terhadap Hasil Pengkajian

Kepentingan terhadap hasil pengkajian pula adalah merujuk kepada kesan-kesan yang boleh diaplikasi, digunapakai dan dinilai khususnya oleh golongan wanita dalam lingkungan masyarakat luar yang terdiri dari pelbagai latar belakang kehidupan dan kependidikan. Perkara ini sudah pasti membawa kepada kepelbagaian corak penerimaan dalam kefahaman dan pengamalan hak reproduktif. Kajian ini juga memberikan satu landasan supaya golongan ini lebih peka, tegas dan mengambil berat terhadap hak

University of Malaya

reproduktif mereka. Motif utama tidak lain bagi memastikan golongan ini dapat mengambil manfaat daripada kajian ini dan mampu memahami dengan lebih jelas mengenai hak mereka sebagai seorang wanita yang berdiri atas kapasiti seorang isteri mahupun ibu supaya tidak berlaku sebarang ketidakadilan dalam setiap hak yang sepatutnya mereka perolehi.

Selain itu, ianya turut berguna di beberapa institusi dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam runding cara kekeluargaan serta kelompok yang lebih berautoriti dalam mempromosikan keadilan dan kesaksamaan gender. Hal ini supaya dapat diberikan satu maklumat lengkap berkaitan kesihatan dan hak reproduktif wanita berkahwin dalam konteks perbezaan perbahasan antara Islam dan pengamalan sosial supaya garapan antara kedua-duanya mampu memberikan nilai tambah kepada pengamal sedia ada sama ada di jabatan-jabatan kerajaan, swasta mahupun badan-badan persendirian.

Di samping itu juga, hasil dapatan kajian ini akan mengetengahkan satu indeks preliminari yang boleh memberikan pendedahan dan gambaran semasa tentang status reproduktif wanita berkahwin di Negeri Selangor. Secara tidak langsung ia boleh dijadikan garis panduan kepada ahli- ahli akademik, agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia, mahupun badan-badan NGO seperti Womens Aid Organization (WOA) berkaitan hal-hal kaum wanita, untuk dijadikan rujukan bagi nilaian tindakan kajian yang seterusnya demi memastikan kestabilan hak dan kesihatan reproduktif wanita yang seimbang di Selangor mahupun Malaysia.

University of Malaya

Semestinya, kajian ini juga boleh menjadi sumber rujukan dan perbandingan bagi mahasiswa-mahasiswi yang mendalami ilmu yang berkaitan dengan Syariah kekeluargan Islam, hak kewanitaan dan gender serta kesihatan reproduktif.

1.5 SKOP DAN LIMITASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai limitasi terhadap perbahasan yang hendak dikupas berpandukan kepada tajuk kajian sahaja iaitu melihat kepada kajian kefahaman dan pengamalan hak-hak berkaitan reproduktif wanita berkahwin dalam konteks perincian perbahasan Islam mahupun deklarasi-deklarasi antarabangsa yang berkaitan.

Fokus utama kajian dimulakan dengan perincian perbahasan Islam dalam isu kewanitaan dan reproduktif wanita. Melihat kepada kedudukan seorang wanita dalam Islam dan pengiktirafan-pengiktirafan yang telah diberikan syariat membabitkan perkahwinan, perancangan keluarga, seksualiti rumah tangga meliputi kehamilan, kelahiran, pengguguran dan anjuran *mu'āsharah bi al-ma'rūf*. Justeru, perbincangan dilanjutkan kepada huraian dalil-dalil dari sumber *qaṭ'ī* tentang Islam dan hak wanita. Seterusnya perbincangan dilanjutkan kepada pengiktirafan hak reproduktif seseorang wanita itu sebagai suatu hak asasi manusia yang perlu dipelihara sama ada dalam undang-undang antarabangsa mahupun melalui perlindungan yang telah diwartakan kerajaan.

Kajian ini juga mensasarkan masyarakat di negeri Selangor yang sudah berkahwin dalam lingkungan usia reproduktif (20 tahun sehingga 45 tahun) untuk melihat keselarian yang sepatutnya mereka perolehi dalam hak reproduktifnya dan juga pengamalan semasa. Kajian turut disasarkan kepada golongan lelaki, untuk melihat respon para suami dalam aspek reproduktif wanita ini, samaada mereka mengambil serius atau pun masih tidak memahami akan hak-hak reproduktif yang sepatutnya diperoleh wanita.

University of Malaya

Kajian ini dikendalikan di sembilan daerah di negeri Selangor iaitu daerah Petaling, Hulu Langat, Klang, Gombak, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor, Hulu Selangor, dan Sabak Bernam. Memandangkan bilangan populasinya terlalu ramai, proses pengiraan sampel populasi telah dijalankan mengikut formula Jadual Krejchie dan Morgan serta pengiraan melalui formula *Cochran* bagi membolehkan sampel kajian ini digeneralisasikan atas populasi sebenar di kawasan kajian. Maka, bilangan sampel kajian telah menjadi seramai 385 orang. Walau bagaimanapun, mengambil kira faktor kekangan akan kemungkinan berlakunya soal selidik yang rosak, dan tidak dipulangkan kembali soal selidik, maka kajian ini telah ditambah kepada 500 orang.[41] Daripada bilangan tersebut, kajian dikendalikan pula melalui persampelan rawak mudah kepada golongan wanita dan lelaki berkahwin, tetapi melalui penetapan tertentu bagi bilangan setiap negeri bagi mendapatkan anggaran yang sama rata. Seterusnya, keseluruhan data yang diperolehi dikumpulkan, dan dianalisis bagi mendapatkan satu nilaian dan pengamalan yang jelas sama ada pengamalan selama ini selari atau tidak dengan panduan sewajarnya.

1.6 DEFINISI TAJUK

Tajuk bagi penyelidikan ini ialah ***Hak-Hak Reproduktif Wanita Berkahwin Menurut Perundangan Islam: Kajian Kefahaman Dan Amalannya Di Negeri Selangor.*** Dalam bahagian ini, dihuraikan beberapa istilah penting yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

[41] Kajian yang menggunakan kaedah secara lebihan ini juga dapat dilihat pada Zaidatun Tasir & Lim Bee Yeok, *Tahap Pengetahuan, Sikap dan Masalah Penggunaan Komputer di Kalangan Guru di Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah* (Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, t.t.), 4.

University of Malaya

1.6.1 Hak Reproduktif Wanita Berkahwin

Hak didefinisikan sebagai milik atau kepunyaan,[42] dan bersinonim dengan istilah keistimewaan atau kelayakan yang dimiliki oleh seseorang. Reproduktif pula lebih berkaitan dengan peranan yang melibatkan pembiakan.[43] Melihat kepada istilah ini, apabila digabungkan penggunaan kepada hak reproduktif wanita berkahwin akan memfokuskan kepada perihal keistimewaan dan keadilan yang boleh dinikmati oleh golongan wanita yang sudah mendirikan rumah tangga dalam konteks peranan mereka di peringkat domestik kekeluargaan, melibatkan seksualiti, kehamilan dan kelahiran, serta perancangan keluarga.

1.6.2 Perundangan Islam

Perundangan Islam lebih merujuk kepada ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada sekalian makhluk,[44] merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak yang perlu diyakini dan dipatuhi. Dalam kajian ini, disiplin perundangan Islam yang digunakan lebih kepada huraian terhadap ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah melalui pentafsiran ulama' tafsir dan hadis dalam memahami 'fiqh' yang berkaitan kewanitaan dalam Islam. Perbincangan dalam aspek Islam disulami dengan penggunaan elemen kaedah fiqh dan *maqāṣid al-sharī'ah* tertentu bagi mewujudkan kesesuaian terhadap isu kontemporari ini.

---

[42] Istilah 'Hak', yang diguna pakai dalam perbincangan ini diambil daripada kamus dewan edisi keempat yang dicapai daripada laman sesawang rasmi Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai pada 28 Disember 2017 melalui http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=hak

[43] Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, dicapai melalui laman sesawang http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword =reproduktif

[44] Serinity Young, *Encyclopedia of Women & World Religion,* vol. 1 (New York: Macmillan Reference USA, 1999), 488, istilah "Islam". Lihat juga Arif Ali Khan & Tauqir Mohammad Khan, *Encyclopedia of Islamic Law: Foundations of Islamic Law,* vol. 2 (India: Pentagon Press, 75).

University of Malaya

1.6.3 Kefahaman

Istilah kefahaman didefinisikan sebagai keupayaan untuk memahami sesuatu,[45] sama ada faham atau tidaknya seseorang akan sesuatu yang telah dipelajari melalui pembacaan dan sebagainya.[46] Kefahaman dalam kajian ini merujuk kepada pengetahuan masyarakat terhadap perkara-perkara yang melibatkan hak reproduktif wanita berkahwin.

1.6.4 Pengamalan

Istilah amalan boleh memberikan dua maksud yang berbeza. Maksud yang menjurus kepada sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan, dikerjakan, atau memberi makna akan sesuatu perbuatan baik dan kebajikan.[47] Kajian ini menggunakan maksud yang pertama, iaitu merujuk kepada suatu perkara yang lazim diamalkan berkaitan peranan dan hak reproduktif wanita berkahwin.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif dan berkesan bagi menjawab persoalan kajian. Menurut Majid Konting,[48] metodologi kajian lebih kepada perancangan yang dibuat oleh pengkaji bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dan memberi jawapan kepada persoalan kajian.

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang dijalankan di negeri Selangor sebagaimana yang dinyatakan oleh pengkaji di bahagian skop dan limitasi kajian. Pengkaji

---

[45] Kamus Pelajar edisi Kedua, dicapai melalui laman sesawang http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kefahaman

[46] Noresah Baharom *et al*., *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 450.

[47] Noresah Baharom *et al*., *Kamus Dewan Edisi Keempat,* 42.

[48] Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 96.

University of Malaya

menggabungkan kedua-dua metode iaitu pendekatan kualitatif dan juga kuantitatif dalam kajian ini, tetapi lebih berfokus kepada kuantitatif. Pendekatan kualitatif diguna pakai dalam proses temu bual bersama informan-informan yang berautoriti dalam bidang kajian ini.[49] Manakala pendekatan kuantitatif lebih kepada pembangunan soal selidik yang akan dijalankan bersama responden-responden yang terpilih. Walaupun kajian ini berbentuk lapangan, terdapat juga penggunaan bahan-bahan berbentuk dokumentasi dalam menjalankan kajian khususnya pada tiga bab yang pertama iaitu bab yang pertama, kedua dan bab ketiga.

1.6.1 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian ini lebih kepada peggabungan secara bersama *(combinated design)* atau pun digelar *'mixed method'* melalui pendekatan kualitatif dan kuantitatif untuk memperkukuh hasil kajian. Kombinasi kajian kuantitatif dan kualitatif dalam mengumpul, menganalisis dan menggabungkannya dalam satu kajian akan memberi gambaran yang lebih lengkap dalam menjawab persoalan kajian yang dibincangkan.[50] Fasa kualitatif digunakan terhadap dapatan temu bual, dalam memperjelaskan fenomena yang berlaku.[51] Manakala, fasa kuantitatif lebih kepada dapatan melalui edaran soal selidik yang dijalankan ke atas sampel kajian, bagi melihat hubungan yang wujud antara pemboleh

---

[49] Bertepatan dengan teori Strauss dan Corbin 1990 yang mentafsirkan penyelidikan kualitatif sebagai penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang tidak melibatkan prosedur statistik dan bentuk pengiraan. Lihat Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod* (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2006), 7. Antara informan yang ditemu bual oleh penulis adalah:

1) Dr. Wan Hilya Munira daripada LPPKN.
2) Puan Ellyia Ullfah, Pegawai dari Unit D11, Polis Diraja Malaysia (PDRM).
3) SS Dato' Mufti Dr. Zulkifli al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
4) Dr. Zuliza Kusrin, Pensyarah Jabatan Syariah & Undang-Undang, Fakulti Pengajian Islam UKM.

[50] John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 185-189.

[51] Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan,* ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Companies Education, 2012), 57.

University of Malaya

ubah. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, penekanan banyak diberikan kepada fasa kuantitatif.

Melalui fasa kualitatif dan kuantitatif ini, analisis dijalankan pula secara deskriptif dan inferensi bagi meneliti kefahaman serta amalan hak-hak reproduktif wanita berkahwin. Huraian secara deskriptif terpakai pada kajian kualitatif dan kuantitatif, manakala huraian secara inferensi hanya terpakai pada kaedah kuantitatif.

Kajian secara deskriptif melalui kaedah kualitatif digunakan bagi menjelas dan mentafsir soalan-soalan kajian dalam sebarang aspek secara terperinci mengikut kehendak penyelidik.[52] Bentuk ini diaplikasikan ketika menjelaskan bab kedua dan ketiga yang mana aspek perbincangan lebih tertumpu tentang konsep reproduktif wanita, perbahasan-perbahasan dalam Islam, serta pengamalan semasa melalui komitmen negara berkaitan reproduktif wanita. Ia turut diaplikasikan melalui dapatan-dapatan temu bual para informan tertentu yang berkait rapat dengan bidang reproduktif wanita dan syariah kekeluargaan. Bagi fasa kuantitatif pula, pendekatan deskriptif digunakan sebagai huraian statistik yang menerangkan gambaran secara umum[53] tentang perkara yang dikaji yang hanya melibatkan peratusan, min, median, mod, varian, sisihan piawai yang dipersembahkan melalui histogram, carta bar, pai, graf dan sebagainya. Statistik sebegini turut diaplikasikan dalam menerangkan aspek demografi, tahap kefahaman dan amalan masyarakat tentang hak reproduktif wanita secara umum.

Manakala, pendekatan secara inferensi difokuskan untuk melihat hubungan, perkaitan, perbezaan, dan kesan yang wujud di antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain. Tujuan penggunaan kaedah ini untuk mendapatkan satu

---

[52] Sulaiman Shamsuri, *Research Methods for the Social Sciences: Made Simple* (Selangor: DSS Publishing Enterprice, 2004), 22.

[53] Rusinah Joned, *Metodologi Penyelidikan* (Serdang: Pusat Pendidikan Luar, UPM, 2010), 139.

University of Malaya

generalisasi tentang perhubungan antara pemboleh ubah dalam sampel kajian, bagi mendapatkan kesimpulan tentang ciri-ciri populasi.[54] Antara prosedur yang dijalankan Ujian Khi Kuasa Dua, Ujian T, dan Ujian Regressi Logistik. Dalam kajian ini, analisis inferensi dijalankan bagi melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara setiap pemboleh ubah seperti melihat hubungan yang wujud di antara kefahaman dan pengamalan hak reproduktif wanita dalam kalangan masyarakat di Selangor.

1.6.2 Kawasan Kajian

Kajian ini dijalankan di negeri Selangor, di mana terdapat sembilan buah daerah iaitu daerah Petaling, Hulu Langat, Klang, Gombak, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor, Hulu Selangor, dan Sabak Bernam.[55] Justifikasi pengkaji memilih negeri Selangor adalah kerana:

i. Negeri Selangor adalah negeri yang mempunyai populasi penduduk yang tertinggi di antara negeri-negeri yang lain di dalam negara saban tahun. Memegang populasi seramai 5,462,141, di mana majoritinya adalah berbangsa Melayu seramai 2,814,597.[56] Jika dilihat kepada golongan wanita berkahwin yang berusia reproduktif juga sudah menunjukkan angka yang melebihi daripada usia-usia bukan reproduktif, terutamanya dalam lingkungan umur 20 hingga 45 tahun. Ini akan menguatkan lagi dapatan kajian, di mana fokusnya untuk melihat pengamalan aspek reproduktif dalam kalangan mereka ini.

---

[54] Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan,* 34.

[55] Kerajaan Negeri Selangor, "Peta Selangor," *Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor*, dicapai pada 25 Ogos 2016, http://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/122

[56] Jabatan Perangkaan Malaysia, "Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, Jantina, Etnik, Strata dan Negeri Malaysia 2010," *Jabatan Perangkaan Malaysia,* dicapai pada 15 Februari 2013. https://www.statistics.gov.my/censusatlas/images/EthnicEN.pdf

University of Malaya

ii. Negeri Selangor mencatatkan jumlah tertinggi antara negeri-negeri yang lain dalam kes keganasan rumah tangga daripada tahun 2010 sehingga 2015. Jumlah ini memberikan satu gambaran bahawa berlakunya pengabaian dalam aspek reproduktif wanita itu sendiri.[57]

iii. Pengetahuan dan pengamalan masyarakat, tidak kira wanita dan lelaki berkaitan tentang aspek hak reproduktif masih lagi berada pada tahap yang tidak memberangsangkan.[58] Ini disokong melalui kadar peratusan penggunaan kontraseptif (*Contraceptive Prevalence Rate*) yang berada pada tahap mendatar sungguhpun kajian dijalankan setiap 10 tahun, di mana peratusan terkini adalah sebanyak 31.7% bagi kaedah-kaedah kontraseptif moden yang pelbagai.[59] Jika dilihat kepada alasan-alasan kekurangan penggunaan itu antaranya disebabkan ketidakizinan yang diberikan suami. Sedangkan penglibatan para suami/lelaki dalam memastikan pemerkasaan wanita dalam aspek hak reproduktif itu suatu yang perlu dititik beratkan oleh semua pihak.

1.6.3 Populasi dan Sampel Kajian

Persampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebahagian subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Persampelan merupakan satu aspek penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian.[60]

---

[57] Ellyia Ullfah (Asp D11, Unit Keganasan Rumah Tangga, Polis Diraja Malaysia), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 30 Ogos 2016.

[58] Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.

[59] Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.

[60] Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan,* 203.

University of Malaya

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada masyarakat dalam lingkungan usia reproduktif (20-45 tahun) di sembilan buah daerah, di negeri Selangor. Terdiri daripada golongan lelaki dan wanita berbangsa Melayu yang sudah berkahwin. Populasi daripada data yang diperolehi menunjukkan bilangan penduduk mencecah kepada 5,462,141, di mana majoritinya adalah berbangsa Melayu seramai 2,814,597.[61] Merujuk kepada pendapat Mokhtar, tiada konsep khusus dalam menentukan saiz sampel minimum dalam penyelidikan sosial.[62] Pendapat yang sama dipegang Bailey dengan menyatakan bahawa saiz sampel yang sebenar bergantung pada keadaan populasi dan keperluan penyelidikan. Sesetengah pendapat meletakkan 30 kes sebagai saiz sampel minimum dan ada yang kurang daripada itu. Walau bagaimanapun, kebanyakan penyelidik mempertimbangkan 100 kes sebagai saiz sampel minimum dengan alasan, kebiasaannya terdapat beberapa sub-populasi ingin dikaji penyelidik secara berasingan daripada beberapa pemboleh ubah.[63]

Bagi menentukan saiz sampel kajian ini, pengkaji mengambil kira faktor-faktor kekangan seperti masa, kos, kerjasama yang akan diperolehi kerana melibatkan jumlah populasi yang besar. Walau bagaimanapun, Chua[64] ada menyatakan sekiranya jenis populasi yang terlibat adalah populasi yang *homogenus* (mempunyai sifat/ciri-ciri yang sama), saiz sampel yang kecil sudah memadai berbeza dengan populasi yang *heterogenus* (ciri-ciri dan sifat yang berbeza). Kajian ini menunjukkan ciri-ciri populasi yang homogenus antara sembilan daerah yang terlibat kerana membabitkan sampel kajian

---

[61] Jabatan Perangkaan Malaysia, "Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, Jantina, Etnik, Strata dan Negeri Malaysia 2010."

[62] Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2011), 107.

[63] Bailey, D. K., *Methods of Social Research*, 4th ed. (USA: The Free Press, 1994), 96-97.

[64] Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan,* 207.

University of Malaya

terhadap ciri yang sama iaitu golongan masyarakat yang sudah berkahwin, berbangsa Melayu dan dalam lingkungan usia reproduktif.

Walau bagaimanapun, pengkaji masih mengambil kira beberapa formula yang sinonim dalam menentukan saiz sampel kajian. Berdasarkan jadual saiz sampel yang diperkenalkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel bagi setiap populasi dalam penyelidikan yang dijalankan dengan aras keyakinan 95% ialah sepertimana yang ditunjukkan pada jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1: Jadual Persampelan Krejchie dan Morgan 1970

	Required Sample Size							
Population Size	***Confidence = 95 %***				***Confidence = 99 %***			
	Margin of Error				***Margin of Error***			
	5.0%	**3.5%**	**2.5%**	**1.0%**	**5.0%**	**3.5%**	**2.5%**	**1.0%**
10	10	10	10	10	10	10	10	10
20	19	20	20	20	19	20	20	20
30	28	29	29	30	29	29	30	30
50	44	47	48	50	47	48	49	50
75	63	69	72	74	67	71	73	75
100	80	89	94	99	87	93	96	99
150	108	126	137	148	122	135	142	149
200	132	160	177	196	154	174	186	198
250	152	190	215	244	182	211	229	246
300	169	217	251	291	207	246	270	295
400	146	265	318	384	250	309	348	391
500	217	306	377	475	285	365	421	485
600	234	340	432	565	315	416	490	579
700	248	370	481	653	341	462	554	672
800	260	396	526	739	363	503	615	763
1000	278	440	606	906	399	575	727	943
1200	291	474	674	1067	427	636	827	1119
1500	306	515	759	1297	460	712	959	1376
2000	322	563	869	1655	498	808	1141	1785
2500	333	597	952	1984	524	879	1288	2173
3500	346	641	1068	2565	558	977	1510	2890

University of Malaya

5000	357	678	1176	3288	586	1066	1734	3842
7500	365	710	1275	4211	610	1147	1960	5165
10000	370	727	1332	4899	622	1193	2098	6239
25000	378	760	1448	6939	646	1285	2399	9972
50000	381	772	1491	8056	655	1318	2520	12455
75000	382	776	1506	8514	658	1330	2563	13583
100000	383	778	1513	8762	659	1336	2585	14227
250000	384	782	1527	9248	662	1347	2626	15555
500000	384	783	1532	9423	663	1350	2640	16055
1000000	384	783	1534	9512	663	1352	2647	16317
2500000	384	783	1536	9567	663	1353	2651	16478
10000000	384	784	1536	9594	663	1354	2653	16560
100000000	384	784	1537	9603	663	1354	2654	16584
300000000	384	784	1537	9603	663	1354	2654	16586

Sumber: Krejcie dan Morgan (1970)

Pemilihan sampel bagi data kuantitatif yang memenuhi tahap kepercayaan *(confidence level)* adalah penting. Dalam kajian ini, tahap kepercayaan yang digunakan adalah 95 % (0.95), di mana 5% (0.05) kemungkinan berlakunya kesilapan persampelan *(sampling error).* Populasi sebenar seramai lebih kurang dua juta orang, maka jumlah yang dicadangkan oleh Krejchie dan Morgan adalah dalam lingkungan 384 orang. Namun, kajian ini telah mengambil sampel yang lebih daripada jumlah yang dicadangkan, iaitu seramai 500 dan teknik ini turut digunakan dalam beberapa kajian, antaranya Rashidi[65] dan Ilhaamie.[66] Pemilihan sampel yang memenuhi kriteria ini penting bagi tujuan generalisasi sampel kepada populasi sebenar yang lebih besar.

Selain itu juga, kajian ini turut menggunakan formula pengiraan Cochran supaya dilihat tidak terdapat jurang yang terlalu ketara antara saiz sampel yang ditetapkan melalui

[65] Rashidi Abbas, "Hubungan Akhlak Islam dengan Penguasaan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia," (Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

[66] Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, "Amalan Pengurusan Sumber Manusia Berteraskan Kompetensi dan kualiti Perkhidmatan dalam Organisasi Awam di Malaysia: Kesalingbergantungan Tugasan Sebagai Penyederhana" (Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2008), 175.

University of Malaya

Krejchie dan Morgan. Formula Cochran[67] ini juga dilihat sebagai suatu penentuan saiz sampel yang bersistematik dan mengambil kira aspek kekangan subjek sepertimana digunapakai oleh Kamarulzaman.[68] Melalui formula tersebut, minimum saiz sampel yang diperlukan dalam kajian ini adalah seramai 385 orang.[69]

Oleh yang demikian, kajian ini telah melepasi syarat saiz sampel minimum yang ditetapkan dengan memperoleh sampel kajian seramai 500 orang. Walau bagaimanapun, hanya 472 orang sahaja responden yang memberikan kerjasama memulangkan soal selidik. Sungguhpun begitu, ia masih lagi melebihi jumlah yang sepatutnya berdasarkan ketetapan

---

[67] Cochran, W.G., Bartlett, J.E., Kotrlik, J.W. & Higgins, C.C., "Organizational Research: Determining Appropriate Sample Size in Survey Research," *Information Technology, Learning, and Performance Journal,* vol. 19, no. 1 (2001), 43-50.

[68] Kamarulzaman Abdul Ghani, "Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama," (Tesis Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2010), 146.

[69] a) Langkah 1:

$$no = \frac{(t2)\ (p)\ (q)}{d2}$$

t = 1.96 - nilai t untuk α = 0.05
p dan q = 0.5 - nisbah maksimum yang mungkin menghasilkan saiz sampel yang maksimum
d - margin kesilapan yang boleh diterima bagi bahagian yang dianggarkan = 0.05

$$no = \frac{(1.962)\ (0.5)\ (0.5)}{0.052}$$

$$no = 384.16$$

b) Langkah 2:

$$n = \frac{no}{(1 + no/N)}$$

$$n = \frac{384.16}{(1 + 384.16/5{,}462{,}141)}$$

$$n = \frac{384.16}{1.00} = 385$$

Saiz populasi = 5,462,141
n_o = saiz sampel berdasarkan formula Cochran= 384
n1 = memerlukan pengembalian saiz sampel kerana sampel > 5% daripada populasi.
Oleh itu, saiz sampel minimum ialah n1= 385

University of Malaya

Cohen dan Manion dalam kajian Norasmah[70] menjelaskan bahawa kadar pulangan soal selidik mestilah berada dalam lingkungan 70 hingga 80 peratus.

1.6.4 Metodologi Pengumpulan Data

Dalam proses ini pengkaji menggunakan metode-metode yang dibahagikan kepada beberapa cabang utama iaitu:

1.6.4.1 Metode Perpustakaan dan Dokumentasi

Metode ini melibatkan kajian berorientasikan dokumentasi. Ianya bererti satu cara pengambilan data dengan cara meneliti dokumen-dokumen yang ada hubung kait dengan masalah yang dikaji. Metode ini digunakan dengan merujuk kepada buku-buku yang berkaitan dengan hak reproduktif wanita, hak wanita dalam Islam, perancangan keluarga dari aspek kesihatan, dan kesihatan reproduktif. Selain itu, turut digunapakai jurnal, kitab-kitab bahasa arab, pamplet dan dokumen dari jabatan-jabatan yang berkepentingan seperti LPPKN dan PDRM, serta tinjauan ke atas laman-laman web dan sumber-sumber lain yang berkaitan dengan tajuk serta menggunakan bahan-bahan yang telah dikeluarkan oleh individu-individu yang mempunyai autoriti dalam bidang kajian ini. Hasil bahan-bahan yang telah didapati seterusnya dianalisis dalam mewujudkan perbincangan konseptual tentang kajian.

Selain itu, metode kajian perpustakaan turut digunakan oleh pengkaji dalam melihat kajian-kajian lepas yang telah dijalankan khususnya yang berhubung dengan tajuk kajian ini bagi mendapatkan titik perbezaan antara kajian ini dan kajian terdahulu. Kesemua bahan dan data kajian tersebut diperolehi dari beberapa buah perpustakaan sama ada

---

[70] Norasmah Othman, "Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah," (Tesis Kedoktoran, Universiti Putra Malaysia, 2002), 166.

University of Malaya

melalui capaian *'offline'* mahupun *'online'*. Pengkaji menggunakan metode ini khususnya pada bab satu di bahagian sorotan literatur dan seterusnya dihuraikan melalui perbincangan lanjut bidang kajian yang sepenuhnya pada bab kedua dan ketiga. Antara perpustakaan yang dikunjungi pengkaji ialah, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Pengajian Islam dan Perpustakaan Za'ba di Universiti Malaya dan beberapa buah perpustakaan di luar Universiti Malaya seperti Perpustakaan Negara, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia, Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga di Yogyakarta serta Perpustakaan Universiti Gadjah Mada di Indonesia.

1.6.4.2 Penyelidikan lapangan

Sebahagian besar data dan maklumat dari kajian ini diperolehi dari kajian lapangan yang dijalankan di kawasan kajian. Dalam kajian lapangan, pengkaji menggunakan dua kaedah untuk mendapatkan data iaitu, pengedaran soal selidik dan temu bual. Hasil kajian melalui soal selidik merupakan data utama kajian ini dan dibentangkan dalam bentuk jadual-jadual tertentu mengikut subtopik dan dihurai mengikut peratusan. Melalui proses edaran soal selidik, pengkaji telah memulakan gerak kerja bermula Disember 2016 sehingga awal Mac 2017. Proses dilihat mengambil masa yang lama iaitu dalam lingkungan tiga bulan, atas faktor tiada kerjasama daripada segelintir responden untuk menjawab soal selidik tersebut.

Bagi proses temu bual pula, sesi dijalankan dengan menemu bual empat orang informan yang mempunyai autoriti dalam bidang pengkajian ini untuk mendapatkan maklumat dan data yang dikehendaki. Para informan yang ditemu bual terdiri daripada kalangan mereka yang mengendalikan hal-hal kewanitaan dan reproduktif serta

University of Malaya

kekeluargaan Islam. Temu bual yang dijalankan memfokuskan kepada maklumat berkaitan dengan kewanitaan, kekeluargaan dan hak reproduktif wanita menurut keselarasannya dalam perspektif Islam. Selain itu, ianya juga menjurus kepada tahap pengamalan hak kesihatan reproduktif wanita di Malaysia ini, sejauh mana ianya mencapai tahap yang maksimum atau adakah masih berada dalam tahap yang boleh dikategorikan 'pengabaian'.

Dalam melaksanakan kaedah temu bual ini, pengkaji mendahului kaedah pertemuan dengan menetapkan tarikh dan masa temujanji untuk melakukan sesi temu bual. Seterusnya hasil kajian yang diperolehi melalui temu bual dijadikan sebagai data sokongan bagi menghuraikan dapatan kajian. Para informan yang terlibat dalam proses temu bual ialah:

i. Dr. Wan Hilya Munira binti Mustapha ; Pegawai Perubatan UD48, LPPKN.
ii. Inspektor Puan Ellyia Ullfah binti Mazlan ; Pegawai Penyiasat, Unit D11, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM).
iii. SS Dato' Mufti Dr. Zulkifli al-Bakri ; Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.[71]
iv. Prof. Dr. Zuliza binti Kusrin ; Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Pengajian Islam UKM.

1.6.5 Instrumen Kajian

Perbincangan mengenai instrumen kajian merangkumi reka bentuk soalan kajian, pengesahan/rujukan pakar, ujian rintis, dan kebolehpercayaan instrumen.

[71] Justifikasi pemilihan informan ini sebagai seorang individu yang mempunyai kapasiti dan autoriti dalam bidang agama. Walaupun pemilihan beliau bukanlah seorang informan berautoriti dari Negeri Selangor, tetapi pandangan beliau dalam hal keagamaan adalah bersifat rentas masa dan tempat, boleh diterima pakai oleh seluruh masyarakat di negara ini.

University of Malaya

1.6.5.1 Reka Bentuk Soalan Kajian

Dalam kajian ini pengkaji mendapatkan data daripada responden dengan menggunakan set borang soal selidik *(questionnaire)*. Soal selidik ini telah dibina melalui rujukan dan adaptasi soal selidik yang telah ditadbirkan sebelum ini dalam kajian terdahulu oleh pengkaji dalam bidang reproduktif wanita.[72] Ia terdiri daripada 16 bahagian (A hingga Q), tetapi mengandungi bilangan item yang berbeza-beza mengikut kesesuaian dan keperluan objektif kajian, sepertimana berikut:

i. **Bahagian A:** Demografi Responden (7 Item)
ii. **Bahagian B:** Hak Asasi Manusia (7 Item)
iii. **Bahagian C:** Kesihatan Reproduktif (5 Item)
iv. **Bahagian D:** Kefahaman tentang Perihal Perkahwinan (6 Item)
v. **Bahagian E:** Kefahaman tentang Hubungan Seksual Dalam Perkahwinan (12 Item)
vi. **Bahagian F:** Kefahaman tentang Kehamilan (7 Item)
vii. **Bahagian G:** Kefahaman tentang Perancangan Keluarga dan Kontraseptif (14 Item)
viii. **Bahagian H:** Kefahaman tentang Pengguguran (5 Item)
ix. **Bahagian I:** Kefahaman tentang Proses Kelahiran (5 Item)
x. **Bahagian J:** Kefahaman tentang Keganasan Rumah Tangga (7 Item)
xi. **Bahagian K:** Amalan tentang Perihal Perkahwinan (3 Item)
xii. **Bahagian L:** Amalan tentang Hubungan Seksual dalam Perkahwinan (5 Item)
xiii. **Bahagian M:** Amalan tentang Kehamilan (6 Item)

---

[72] Soal selidik adaptasi dan dimodifikasi mengikut kesesuaian daripada:
1) Aida Ghazaryan. Questionnaire For Women In Postpartum Care On Womens Reproductive Health And Rights. *Reproductive Rights And Health in Armenia: Key Challenges.*
2) Sri Rahayu Sanusi. *Soal Selidik Kesihatan Reproduktif dalam Kalangan Wanita Miskin Bandar di Bandar Medan Sumatera Indonesia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2013.
3) UN Working Group. *Non-Discrimination And Equality With Regard To The Right To Health And Safety*.
4) John Cleland. *Illustrative Questionnaire for InterviewSurveys with Young People*.

University of Malaya

xiv. **Bahagian N:** Amalan tentang Perancangan Keluarga dan Kontraseptif (12 Item)

xv. **Bahagian O:** Amalan tentang Pengguguran (3 Item)

xvi. **Bahagian P:** Amalan tentang Proses Kelahiran (5 Item)

xvii. **Bahagian Q:** Amalan tentang Keganasan Rumah Tangga (8 Item)

Jenis item soalan yang dikemukakan kepada responden pula terdiri daripada berbagai-bagai bentuk. Secara ringkasnya, soalan tersebut dibahagikan kepada tiga bentuk yang utama. Pertama ialah bentuk *Demographic Items,* kedua ialah *Likert Scale*, dan ketiga ialah item pilihan tunggal. Item bagi Skala Likert terdiri daripada lima skala iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Tidak Pasti, Setuju, dan Sangat Setuju. Bagi item pilihan tunggal pula melibatkan soalan bagi jawapan ya atau tidak, dan juga soalan yang melibatkan perlu membuat pilihan yang sesuai berdasarkan pernyataan item.

1.6.5.2 Kesahan Instrumen Soal Selidik/Rujukan Pakar

Kesahan adalah kebolehan sesuatu instrumen kajian mengukur apa yang sepatutnya diukur.[73] Kesahan yang tinggi merujuk kepada keupayaan suatu instrumen yang dibina itu dalam mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis kajian.[74] Kajian ini telah melalui proses kesahan kandungan yang dinilai oleh pakar dalam bidang kajian. Proses kesahan pada kandungan dan format soal selidik telah disemak oleh tiga orang tenaga pakar yang terpilih untuk meneliti item dalam kajian ini yang dilaksanakan pada bulan Oktober 2016. Proses kesahan yang dilakukan telah memberikan maklum balas yang baik dalam memperbaiki item-item soal selidik yang telah dibina. Antara pakar yang terlibat dalam kesahan instrumen ialah:

---

[73] Mohd Yusri Ibrahim, *Sembang Santai Penyelidikan* (Besut: Bandar Ilmu, 2017), 139.
[74] Sabitha Merican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2005), 212.

i. Dr. Mohd Norhusairi Mat Hussin, Pensyarah di Jabatan Syariah Undang-Undang, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau adalah Undang-undang Kekeluargaan.

ii. Dr. Wan Hilya Munira, Pegawai Perubatan di LPPKN. Bidang kepakaran beliau adalah reproduktif wanita.

iii. En. Khairul Hazdi Yusof daripada Jabatan Kesihatan Masyarakat, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM). Bidang kepakaran beliau adalah Statistik Penyelidikan, dalam melihat kesahan kandungan soal selidik.

Di samping itu, proses kesahan instrumen turut dijalankan dengan merujuk kepada penyelia utama yang merupakan pakar dalam bidang kajian. Proses tersebut dijalankan bertujuan bagi mendapatkan kesahan muka, iaitu memastikan instrumen soal selidik yang dibina dapat menjawab soalan kajian yang dikemukakan dan bersesuaian dengan tajuk kajian. Komen yang diutarakan oleh penyelia diambil kira, dengan melakukan sedikit perubahan terhadap item tersebut. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut hanya melibatkan beberapa terma dan istilah yang digunapakai dalam soal selidik.

1.6.5.3 Ujian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen

Sebelum menjalankan soal selidik yang sebenar terhadap sampel kajian, ujian rintis telah dilaksanakan terlebih dahulu pada bulan November dan Disember 2016. Ujian ini bagi memastikan kaedah yang direka bentuk itu mempunyai nilai kesahan dan reliabiliti yang tinggi agar data yang terkumpul kelak adalah data yang tepat dan boleh dipercayai.[75]

Dalam kajian ini, 40 orang responden sekitar di negeri Selangor telah mengambil bahagian dan data dianalisis dengan menggunakan SPSS 22. Berdasarkan dapatan

[75] Rufina C. Rosaroso, "Using Reliability Measures in Test Validation," *European Scientific Journal*, vol. 11, no. 18 (2015), 369.

konstruk, nilai cronbach alpha yang diperolehi telah memenuhi syarat yang dicadangkan oleh Bland 1997,[76] iaitu melebihi 0.7. Secara umumnya, hasil ujian reliabiliti ke atas soalan-soalan dalam soal selidik yang dijalankan terhadap responden adalah seperti jadual 1.2 berikut:

Jadual 1.2: Hasil Skor Ujian Reliabiliti Kajian Rintis

Bahagian	Soalan	Nilai Cronbach – Alpha	Bil. Item
D	Kefahaman Responden Terhadap Perihal Perkahwinan	.762	6
E	Kefahaman Responden Terhadap Hubungan Seksual Dalam Perkahwinan	.781	12
F	Kefahaman Responden Terhadap Proses Kehamilan	.887	7
G	Kefahaman Responden Terhadap Perancangan Keluarga dan Penggunaan Kontraseptif	.879	14
H	Kefahaman Responden Terhadap Pengguguran	.743	5
I	Kefahaman Responden Terhadap Proses Kelahiran	.790	5
J	Kefahaman Responden Terhadap Keganasan Rumah Tangga	.747	7

Sumber: Analisis Pengkaji

1.6.5.4 Prosedur Kajian

Pengkaji mengedarkan sebanyak 500 set soal selidik kepada golongan sasaran, dan menganggarkan soal selidik yang akan diperolehi semula sebanyak 450 sahaja, tetapi jumlah yang diperolehi untuk dianalisis adalah sebanyak 472 set. Borang soal selidik diedarkan secara persampelan rawak mudah kepada responden di sembilan daerah di Negeri Selangor dengan penetapan awalan jumlah sampel tertentu bagi setiap daerah. Justifikasi ini dilakukan kerana perlunya kesamarataan antara setiap daerah tersebut. Proses pengedaran soal selidik dijalankan dengan cara pengkaji turun sendiri ke lapangan

[76] Bland, J.M. & Altman, D.G., "Statistics Notes: Cronbach's Alpha," *British Medical Journal*, vol. 314, no. 7080 (1997), 572.

University of Malaya

dan juga menggunakan khidmat *'enumarator'*[77] bagi beberapa kawasan kajian. Kajian ini memfokuskan tempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai, tetapi masih menepati kumpulan sasaran, iaitu golongan dalam lingkungan usia reproduktif. Antara kawasan yang menjadi tumpuan adalah di sekitar klinik-klinik kesihatan di negeri Selangor, bahagian Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) yang sememangnya menjurus kepada subjek kajian iaitu reproduktif wanita, dan juga di kawasan persekitaran Hospital Serdang.

Antara Klinik Kesihatan yang menjadi tempat sasaran dan edaran soal selidik adalah di Klinik Kesihatan Gombak Setia (Gombak), Klinik Kesihatan Ulu Yam Bharu, Batang Kali dan Kuala Kubu Baru (Hulu Selangor), Klinik Kesihatan Kajang dan Bangi (Hulu Langat), dan Klinik Kesihatan Dengkil dan Salak Tinggi (Sepang). Manakala bagi kawasan perumahan pula edaran soal selidik dijalankan di kawasan kejiranan, flat perumahan dengan pertolongan serta bantuan kenalan-kenalan bagi mendapatkan kerjasama menjawab soal selidik tersebut. Antara lokasi yang terlibat seperti di kejiranan Lembah Kinrara, Puchong, Serdang dan Seri Kembangan (Petaling dan Shah Alam), Pekan Sabak (Sabak Bernam), Tanjung Karang (Kuala Selangor), Kolej Komuniti Kuala Langat (Kuala Langat) dan juga Taman Sri Andalas (Klang).

1.6.6 Metode Analisis Data

Dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan, aspek penganalisisan data merupakan elemen yang amat penting dalam mendapatkan hasil dan membuat kesimpulan yang baik serta tepat. Bagi setiap kemunculan kekerapan dalam kategori tertentu akan menjadi asas untuk membina satu rumusan kajian.

---

[77] Enumarator adalah kelompok/individu perseorangan yang dilantik untuk membantu proses pengumpulan data di kawasan kajian lapangan. Lihat Mohd Yusri Ibrahim, *Sembang Santai Penyelidikan,* 86.

University of Malaya

1.6.6.1 Metode Induktif

Metode induktif ialah satu proses menghuraikan, menganalisis atau membuat kesimpulan data yang membawa kepada suatu kesimpulan hukum daripada fakta, data dan maklumat yang bersifat khusus kepada suatu kesimpulan yang bersifat umum.[78] Dalam erti kata lain, metode ini ialah untuk membuat kesimpulan yang bersifat khusus kepada umum.[79] Pengkaji menggunakan metode ini dalam bab yang kelima dan keenam. Hal ini kerana dalam bab yang kelima setelah dianalisis data secara khusus, di akhir analisis, pengkaji akan membuat kesimpulan yang menyeluruh terhadap kajian ini secara umum.

1.6.6.2 Metode Deduktif

Metode deduktif ialah suatu cara membuat kesimpulan dan menganalisis data kepada pola berfikir daripada kenyataan umum untuk sampai kepada kenyataan khusus.[80] Pengkaji mengaplikasikan metode ini dalam bab kedua dan ketiga. Dalam bab kedua dan ketiga pengkaji menganalisis keseluruhan data yang ada daripada kajian awal dalam bidang hak reproduktif wanita melalui kitab-kitab dan rujukan sedia ada untuk mencapai satu maklumat khusus yang menjawab persoalan dan objektif yang telah ditetapkan. Metode ini digunakan ketika mana menganalisis petikan-petikan dari sumber *qaṭ'ī* iaitu al-Quran dan Sunnah untuk mencari kesimpulan dari sumber tersebut supaya dapat digarap satu landasan utama hak reproduktif wanita yang selari menurut perundangan Islam. Bukan itu sahaja, metode ini turut diaplikasikan dalam mewujudkan satu rumusan bahawa pelaksanaan hak

---

[78] Noresah Baharom *et al*., *Kamus Dewan Edisi Keempat,* 576; Imam Bernadib, *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Penerbitan FIP-IKIP, 1982), 52.

[79] Nur 'Azah Abdul Manaf & Mazlan Mohamad Abdul Hamed, *Statistik* (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2000), 2.

[80] Noresah Baharom et al., *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 325. Lihat juga Imam Bernadib, *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan,* 52.

University of Malaya

reproduktif wanita ini di peringkat tempatan dan antarabangsa ini bukan suatu yang bersalahan dengan ketetapan syarak.

1.6.6.3 Metode Perbandingan

Metode perbandingan atau komparatif adalah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperoleh.[81] Kaedah ini digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis dapatan daripada bahan-bahan bertulis tentang hak reproduktif wanita menurut Islam, serta data yang diperoleh dari kajian lapangan yang dilakukan dengan dapatan sedia ada kajian terdahulu. Metode ini diaplikasikan oleh pengkaji dalam bab kedua, dalam melihat keselariannya antara pengamalan semasa dan penetapan fiqh klasik. Serta bab yang kelima bagi menilai kefahaman, pengetahuan dan pengamalan golongan wanita terhadap hak reproduktif yang sepatutnya mereka perolehi, sama ada bertepatan dengan garis panduan yang diperjelaskan dalam bab kedua, ketiga dan juga perbandingan dapatan terdahulu.

1.6.6.4 Metode Kuantitatif

Metode kuantitatif ialah penyelidikan yang menggunakan data kuantitatif iaitu data dalam bentuk angka, bilangan atau statistik untuk menganalisis data berkenaan.[82] Ia biasanya dikaitkan dengan penyelidikan atau kajian yang bersifat uji kaji yang melibatkan data numerik dan statistik. Oleh itu, metode ini melibatkan pengubahsuaian data-data maklumat ke dalam bentuk nombor dan kaedah statistik yang sesuai. Pengkaji mengunakan metode ini dalam mengetengahkan kefahaman dan amalan semasa hak-hak reproduktif wanita

---

[81] Imam Bernadib, *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan,* 90.

[82] Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Intel Multimedia and Publication, 2001), 60-61.

University of Malaya

berkahwin. Justeru, metode ini akan memberikan satu dapatan sama ada pengamalan semasa hak reproduktif wanita berkahwin di Negeri Selangor ini selari atau tidak dengan penetapan sewajarnya. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS 22 bagi menjawab setiap persoalan kajian yang ditimbulkan. Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, metode kuantitatif ini menggunakan pendekatan statistik deskriptif dan juga inferensi.

a) Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif lebih kepada menghurai, menerangkan bagi bertujuan memperihalkan, atau memberi gambaran umum akan sesuatu.[83] Analisis deskriptif digunakan dalam hampir keseluruhan bab yang ada dalam kajian ini. Bermula dari pengenalan di bab pertama, penerangan konseptual tentang hak reproduktif menurut Islam dan pelaksanaan negara di bab kedua dan ketiga, pembentangan data mentah di bab keempat bagi kesemua item-item yang terkandung dalam soal selidik, melalui pembentangan bahagian demografi responden yang meliputi (1) Jantina, (2) Umur, (3) Mastautin, (4) Kategori Penempatan, (5) Tahap pendidikan, (6) Status perkahwinan, dan (7) Pekerjaan. Seterusnya digunapakai dalam membentangkan data secara keseluruhan berkaitan tahap kefahaman dan amalan masyarakat di Selangor tentang hak-hak reproduktif wanita berkahwin di bab yang keempat dan kelima. Antara analisis statistik deskriptif yang digunakan ialah kekerapan, peratus, min, median, mod, sisihan piawai, minimum dan maksimum.

[83] Rahim Utah, *IBM SPSS Statistics For Window 21* (t.t.p: Pejabat Teknologi Maklumat UiTM, 2013), 13.

University of Malaya

b) Analisis Inferensi

Analisis inferensi digunakan untuk menganalisis data, dan lebih bertujuan untuk membuat satu generalisasi terhadap populasi kajian iaitu masyarakat di Negeri Selangor.[84] dalam perkara yang melibatkan hubungan dan perkaitan yang wujud di antara pemboleh ubah yang ada. Oleh kerana kajian ini melibatkan sejumlah populasi yang besar, maka data yang diperoleh dikira bertaburan secara normal dan ujian parametrik digunakan bagi menganalisis data. Antara ujian yang digunakan adalah Ujian Khi Kuasa Dua, Ujian T, dan ujian Regressi Logstik.

Ujian-ujian ini mempunyai peranan tersendiri dalam menghasilkan satu kesimpulan terhadap populasi kajian. Ujian Khi Kuasa Dua *(Chi Square)* adalah ujian untuk menguji sama ada terdapat perhubungan antara dua pemboleh ubah kualitatif dan diskret.[85] Ujian ini dipilih kerana sifat data yang ada dalam kajian ini adalah bersifat kategori, norminal dan ordinal.[86] Ia digunakan bagi menjawab hipotesis pertama dalam melihat hubungan dan perkaitan yang wujud antara kefahaman dan amalan semasa masyarakat di Negeri Selangor sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-duanya atau tidak.

Manakala ujian seterusnya iaitu Ujian T *(Independent Samples Test)* adalah ujian untuk mendapatkan perbandingan antara dua kumpulan data dalam melihat wujudnya perbezaan yang signifikan secara statistik antara dua kumpulan itu.[87] Ujian ini digunakan bagi menjawab hipotesis kedua dan ketiga dalam melihat perbezaan di antara golongan

---

[84] Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik,* 190.

[85] Rahim Utah, *IBM SPSS Statistics For Window 21,* 95.

[86] Kategori norminal adalah data yang tidak mengandungi nilai numerik, manakala ordinal ialah kategori data kualitatif yang nilai kategorinya boleh disusun mengikut tertib nilai tertentu seperti skala likert. Lihat Junaidi, *Memahami Skala-Skala Pengukuran* (Indonesia: Fakultas Ekonomi dan Bisnis, Universitas Jambi, 2015), 1-2.

[87] Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan,* 169.

University of Malaya

lelaki dan perempuan, serta masyarakat bandar dan luar bandar dalam menilai kefahaman dan amalan berkaitan hak reproduktif wanita berkahwin.

Bagi ujian terakhir iaitu ujian Regressi Logistik kaedah *Stepwise* adalah ujian untuk mengenal pasti perubahan dalam dua atau lebih faktor (variabel bebas atau pemboleh ubah peramal) yang menyumbang kepada perubahan dalam satu pembolehubah yang bersandar atau pemboleh ubah terikat. Ia lebih kepada mengenal pasti faktor yang paling banyak mempengaruhi sesuatu amalan atau keberkesanan.[88] Ujian ini digunakan bagi menjawab hipotesis ke empat, iaitu mengenal pasti antara kesemua pemboleh ubah peramal (7 item) yang ada, yang manakah mempengaruhi keadaan pemboleh ubah terikat iaitu Hak Reproduktif Wanita Berkahwin. Dalam kajian ini pemboleh ubah bersandar/terikat adalah hak reproduktif wanita, manakala pemboleh ubah bebas/peramal adalah ketujuh-tujuh aspek hak reproduktif wanita tersebut. Maka kajian akan mencari aspek yang bersangkutan secara signifikan di antara kesemua aspek pengamalan tersebut dalam memberi pengaruh terhadap pelaksanaan hak reproduktif wanita berkahwin.

1.6.6.5 Metode Kualitatif

Metode kualitatif secara umumnya ialah sebarang bentuk penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain bentuk pengiraan.[89] Kajian kualitatif ini juga melibatkan pelbagai metod serta didasari oleh andaian falsafah melalui pendekatan interpretif dan naturalistik bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh

---

[88] Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan,* ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Companies Education, 2012), 244.

[89] Strauss, A. & Corbin, J., *Basics of Qualitative Research, Grounded Theory Procedures and Techniques* (Newbury Park: Sage, 1988), 17.

University of Malaya

tentang sesuatu masalah yang dikaji.[90] Pengkaji menggunakan metode ini melalui pendekatan dokumentasi, secara analisis terhadap ayat al-Quran dan hadis yang terlibat dengan hak reproduktif wanita berkahwin di bab kedua, seterusnya mengetengahkan tentang hak reproduktif wanita dalam konteks pelaksanaannya di peringkat negara di bab ketiga. Pendekatan metod ini turut digunakan dalam mendapatkan data dan maklumat tambahan sebagai satu sokongan terhadap fenemona yang berlaku melalui kaedah temu bual separa struktur dengan informan-informan yang berkaitan.

Setelah data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan inferensi, penafsiran data akan dibuat dengan menyatakan sama ada objektif, persoalan kajian terjawab dengan data yang diperolehi.[91] Perbincangan yang akan dilakukan akan membandingkan keputusan yang dihasilkan dengan kajian-kajian terdahulu. Proses penganalisisan data dalam soal selidik kajian ini mengikut persoalan kajian yang timbul boleh diringkaskan sebagaimana jadual di bawah:

University of Malaya

[90] Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod* (Seri Kembangan: Univision Press Sdn. Bhd., 2009), 8.

[91] John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 210.

Jadual 1.3: Ringkasan Proses Analisis Data

Persoalan Kajian	Analisis Data
1. Bagaimanakah tahap pengetahuan masyarakat di Selangor tentang hak reproduktif wanita berkahwin?	**Analisis Statistik Deskriptif** (Min, sisihan piawai, frekuensi, peratusan
2. Bagaimanakah tahap pengamalan semasa hak reproduktif wanita berkahwin di Selangor?	**Analisis Statistik Deskriptif** (Min, sisihan piawai, frekuensi, peratusan
3. Apakah terdapat perkaitan/hubungan di antara kefahaman dan amalan masyarakat di Selangor tentang hak reproduktif wanita berkahwin?	**Analisis Statistik Inferensi** (Ujian Khi Kuasa Dua/*Chi Square*)
4. Apakah terdapat perbezaan di antara lelaki dan perempuan dalam tahap kefahaman dan amalan hak reproduktif wanita berkahwin?	**Analisis Statistik Inferensi** (Ujian T-test)
5. Apakah terdapat perbezaan di antara masyarakat bandar dan luar bandar dalam kefahaman dan amalan hak reproduktif wanita berkahwin?	**Analisis Statistik Inferensi** (Ujian T-test)
6. Apakah faktor-faktor signifikan yang mempengaruhi kefahaman dan amalan tentang hak reproduktif wanita di Negeri Selangor?	**Analisis Statistik Inferensi** **(**Ujian Regresi Logistik Kaedah *Stepwise*.**)**

Sumber: Analisis Pengkaji

Manakala secara keseluruhan kaedah yang digunakan dalam kajian ini boleh disimpulkan sebagaimana rajah 1.1:

University of Malaya

Rajah 1.1: Metodologi Kajian



University of Malaya

1.7 SOROTAN LITERATUR

Penulisan tentang hak reproduktif wanita banyak dilakukan para sarjana luar, dari negara barat mahupun serumpun Indonesia. Ini kerana rasa kepekaan mereka yang sangat tinggi dalam memperkasakan hak wanita. Boleh jadi juga atas faktor persekitaran mereka, dan situasi kehidupan mereka yang kerap kali terdedah dalam pengabaian hak reproduktif.[92] Bermula dengan cetusan awal untuk peningkatan status wanita antarabangsa sejak tahun 1900 melalui medan forum, sehingga timbul syor berkaitan pada tahun 1967 yang seterusnya membawa kepada cetusan idea CEDAW juga pada tahun yang sama tetapi hanya diratifikasi pada tahun 1980.

Takrifan tentang kesihatan reproduktif tidak jauh berbeza bagi setiap pengkaji seperti Kimala[93] serta Wang dan Pillai[94] kerana mereka berpegang pada takrifan sama yang dicetuskan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Kesihatan reproduktif disimpulkan sebagai satu bahagian yang akan melengkapi fizikal, mental dan kesejahteraan sosial. Ianya bukan sahaja melenyapkan penyakit atau ketidakcergasan dalam fizikal seseorang, tetapi merangkumi semua perkara yang berkaitan dengan sistem reproduktif sama ada fungsi dan juga prosesnya. Hak reproduktif pula melihat sejauh mana keadilan yang diperoleh wanita dalam menjalani setiap aktiviti kehidupannya bermula dengan kesihatan, seksualiti, dan sistem reproduktifnya. Oleh itu, hak reproduktif menekankan bahawa orang ramai khususnya wanita mampu untuk memiliki satu kehidupan seksual yang memuaskan

---

[92] Ani Purwanti, "Pengaturan Kesehatan Reproduksi Perempuan dan Implementasinya di Indonesia," *Palastren*, vol. 6, no. 1 (2013), 110.

[93] Kimala, Price, "What is Reproductive Justice?: How Women of Color Activists Are Redefining the Pro-Choice Paradigm," *Meridians,* vol. 10, no. 2 (2010), 42-65.

[94] Guang-Zhen Wang & Vijayan K. Pillai, "Women's Reproductive Health: A Gender - Sensitive Human Rights Approach," *Acta Sociologica,* vol. 44 (2001), 231.

University of Malaya

dan selamat seterusnya berupaya untuk menentukan keproduktifannya secara bebas, bila dan bagaimana mereka melakukannya.[95]

1.7.1 Kesihatan dan Hak reproduktif Wanita Sebagai Medium Hak Asasi

Dipersetujui Pillai dan Areti,[96] Petchesky,[97] Marge Berer[98] serta Chandiramani[99] bahawa seharusnya golongan wanita ini mencapai piawaian tertinggi bagi kesihatan seksual dan reproduktifnya. Usaha mengklasifikasikan hak reproduktif wanita sebagai suatu agenda hak asasi bagi semua pasangan dan individu sebenarnya menuntut supaya setiap keputusan dibuat secara bebas. Hal ini dengan mengambil kira faktor bilangan, jarak, tempoh untuk mempunyai anak, dan juga mendapatkan kemudahan maklumat yang secukupnya bagi memaksimumkan pemerkasaan wanita, bukan sekadar tertumpu kepada matlamat sosial yang lain sahaja. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa keupayaan wanita dalam membuat dan melaksanakan keputusan mereka merupakan penentuan penting bagi kesihatan mereka.

---

[95] Tigist Tafa, "Assessment of Reproductive Health Right Knowledge and Practice Among Preparatory School Female Students of Asella Town, Oromia Regional State, Ethiopia," (Tesis Sarjana, Addis Ababa University, School of Public Health, 2015), 1.

[96] Vijayan K. Pillai & Arati Maleku, "Reproductive Health and Social Development in Developing Countries: Changes and Interrelationships," *The British Journal of Social Work*, vol. 45, no. 3 (2013), 843.

[97] R. Petchesky, "Reproductive and Sexual Rights: Charting The Course of Transnational Women's NGOs," *Geneva Occasional Paper,* no. 8 (New York: United Nations Research Institute for Social Development, 2000), 3.

[98] Marge Berer, "Sexuality, Rights and Social Justice," *Journal of Reproductive Health Matters*, vol. 12, no. 23 (2004), 6-11.

[99] Chandiramani, Radhinika, "Mapping the Contours: Reproductive Health and Rights and Sexual Health and Rights in India," dalam *Where Human Rights Begin: Health, Sexuality and Women in the New Millenium,* ed. W. Chavkin & E. Chesler (New Brunswick, New Jersey and London: Rutgers University Press, 2005), 127-153.

University of Malaya

Bagi Cervantes Carson,[100] hak reproduktif seseorang wanita perlu dirangkumkan secara serentak di bawah dua kategori hak asasi manusia yang berbeza, iaitu hak individu dan hak sosial. Dalam memutuskan bagaimana, bila atau keadaan untuk memiliki anak adalah suatu penyataan mengenai hak individu dalam memilih reproduktifnya secara bebas. Ianya bertitik tolak daripada konsep kebebasan individu bahawa wanita itu berhak untuk mengawal tubuh badannya sendiri. Dalam masa yang sama, hak untuk akses kepada maklumat dan 'mengawal selia' tahap kesuburan seseorang itu merupakan satu penyataan mengenai hak untuk kebaikan sosial iaitu setiap individu wanita mempunyai hak untuk mendapat maklumat yang terkini dan tepat serta langkah yang lebih efektif dan selamat bagi mengawal selia kesuburan mereka. Sebagaimana termeterainya Deklarasi Beijing pada tahun 1995[101] menyatakan dengan jelas bahawa hak asasi manusia bagi wanita meliputi hak mereka untuk mengawal tubuh badan mereka dan secara bebas membuat keputusan serta bertanggungjawab terhadap urusan yang berkaitan dengan seksualiti mereka.

Penetapan Correa,[102] Pillai dan Wang,[103] Modley[104] menegaskan agenda bagi kesihatan, hak reproduktif dan seksual pada peringkat asas adalah berkaitan kepuasan reproduktif dan keperluan seksual masyarakat, iaitu sejauh mana kawalan terhadap keputusan yang berkaitan dengan seksualiti dan reproduktif seperti perkahwinan, bila dan

---

[100] Alejandro Roberto Cervantes-Carson, *Human Rights, Reproductive Rights, And Population Policies: A Theoretical Intervention, An Analytical Proposal, And An Application To The Case Of Mexico* (Austin: University of Texas, 2002), 68-69.

[101] UN Women, "Beijing Declaration and Platform for Action," dicapai pada 29 September 2015, http://www.un.org/womenwatch/daw/cedaw/text/econvention.htm

[102] Sonia Correa, "From Reproductive Health to Sexual Rights Achievements and Future Challenges," *Reproductive Health Matters*, vol. 5, no. 10 (1997), 107-116.

[103] Pillai, V.K. *et al.*, *Women's Reproductive Rights in Developing Countries* (England: Ashgate Publishing Company, 1999), 10.

[104] Asha Moodley, "Defining Reproductive Rights Agenda: Empowering Women for Gender Equity," *Agenda*. vol. 27 (1995), 8-14.

University of Malaya

siapa yang terlibat dalam hubungan seksual, mengawal selia kesuburan yang bebas daripada ketidakpuasan, kesan sampingan dari pengamalan kontraseptif, mendapatkan akses maklumat mengenai pencegahan dan rawatan bagi penyakit reproduktif dan kelahiran yang tidak selamat. Hal ini bertepatan dengan Persidangan Antarabangsa Kependudukan dan Pembangunan (ICPD) 1994, di mana perbahasan mengenai kesihatan reproduktif dan seksual wanita ini boleh dikira sebagai suatu persetujuan peringkat antarabangsa yang mendefinisikan hak seksual wanita meliputi hak mereka untuk menentukan dan mengawal segala aspek yang berkaitan dengan seksualiti mereka.[105]

Walau bagaimanapun, Chrisler,[106] Harlina,[107] dan Purwanti,[108] berpandangan rata-rata wanita masih kurang menitikberatkan pengetahuan tentang isu ini kerana mereka menganggap bahawa peranan mereka hanya pada kewajipan-kewajipan yang khusus seperti menjadi seorang isteri terhadap suami, menjadi ibu kepada anak-anak, mengatur rumah tangga, berbanding peranan mereka terhadap diri mereka sendiri. Begitu juga dengan pandangan mereka terhadap erti sihat, mereka merasakan bahawa sihat itu hanya tertumpu pada keupayaan fizikal, ketiadaan penyakit semata-mata, sedangkan ianya jauh lebih luas daripada itu.[109]

Jika ditelusuri kajian lalu yang melihat kepada pemahaman dan amalan tentang hak reproduktif wanita ini secara umumnya, banyak yang menunjukkan kepincangan.

---

[105] Sonia Correa and Richard Parker. "Sexuality, Human Rights, and Demographic Thinking: Connections and Disjunctions in a Changing World" dalam *Sexuality Research & Social Policy ; Journal of NSRC*. Vol 1, No. 1. (2004). 20. 15-38

[106] Joan C. Chrisler, "A Reproductive Justice Approach to Women's Health," dalam *Analyses of Social Issues and Public Policy*, vol. 14, no. 1 (2014), 205-209.

[107] Harlina Halizah Siraj, *Citra Wanita Kontemporari,* 32.

[108] Ani Purwanti, "Pengaturan Kesehatan Reproduksi Perempuan dan Implementasinya di Indonesia," 107.

[109] Ani Purwanti, "Pengaturan Kesehatan Reproduksi Perempuan dan Implementasinya di Indonesia," 107.

University of Malaya

Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Afamia, Raghda dan Huda[110] menjelaskan pemahaman masyarakat wanita di Lebanon tentang hak reproduktif dan seksual mereka yang mana kebanyakannya tidak mengetahui mengenai perkara ini. Mereka hanya memahami konsep kesihatan itu apabila boleh hidup dengan aman, bebas dari penyakit, bebas dari bahaya dan boleh keluar bekerja.

Pemahaman yang sama dapat dilihat dalam kajian Tafa,[111] Fitria,[112] yang mengkaji perihal kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja di kawasan kajian mereka iaitu Ethopia dan Indonesia. Penemuan mereka walaupun berbeza latar belakang kajian yang berbeza, tapi boleh dikira berada dalam landasan yang sama apabila wujud kekangan dalam usaha merealisasikan hak kesihatan reproduktif mengikut cara yang sewajarnya. Bagi kajian Tafa, hanya segelintir remaja yang tahu akan isu ini, hasil carian sendiri melalui sosial media. Sungguhpun begitu pemahaman tersebut tidak diaplikasikan secara maksima dalam konteks pengamalan atas kekangan keluarga dan sekeliling. Manakala bagi kajian Fitria memperlihatkan usaha untuk memastikan peranan tokoh pesantren *(kyai)* dan *(nyai)* bersama-sama membina satu suasana yang positif kepada anak-anak pesantren tentang amalan reproduktif wanita yang berkesan supaya tidak berlaku bias gender.

Bagi peringkat kebangsaan pula dapat dilihat pada satu dapatan kajian[113] yang dijalankan peringkat tempatan dalam melihat pemahaman dan pengamalan semasa masyarakat tentang kesihatan reproduktif wanita di Malaysia. Hasil yang diperolehi

---

[110] Afamia *et al*., "Womens Perceptions of Reproductive Health in Three Communities around Beirut, Lebanon," *Journal Reproductive Health Matters*, vol. 13, no. 25 (2005), 34-42.

[111] Tigist Tafa, "Assessment of Reproductive Health Right Knowledge and Practice Among Preparatory School Female Students of Asella Town, Oromia Regional State, Ethiopia," 33.

[112] Maya Fitria & Avin Fadilla Helmi, "Keadilan Gender dan Hak-hak Reproduksi di Pesantren," *Jurnal Psikologi Universitas Gadjah Mada*, vol. 38, no. 1 (2011), 3.

[113] Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, "Kajian Nasional Hak Reproduktif dan Kesihatan Seksual Wanita," dicapai pada 25 September 2015, http://portal.kpwkm.gov.my/documents/10156/8c4b885c-d644-43fa-9f05-4bf27cbb031a.

University of Malaya

menyimpulkan bahawa bagi kedua aspek kefahaman dan amalan ini masih lagi berada pada tahap yang sederhana, dan masih diperlukan usaha dalam mempertingkatnya.

1.7.2 Skop Perbahasan Hak Reproduktif Wanita

Pada dasarnya, banyak kajian-kajian yang dilakukan berkaitan hak kesihatan reproduktif ini secara umum, terutamanya di peringkat global dan antarabangsa sebagaimana yang diperincikan oleh penulis sebelum ini. Perbincangan ini juga telah membawa kepada ruang lingkup perbincangan yang berbeza-beza di antara pengkaji yang ada. Nurhayati,[114] Yunita[115] dan Abdul Jalil[116] menghuraikan ruang lingkup permasalahan reproduktif ini tidak hanya tertumpu pada masalah yang berkaitan dengan kehamilan, kemandulan, kelahiran, tetapi lebih luas dan paling penting adalah aspek perancangan keluarga. Aspek ini dilihat sebagai suatu yang penting dalam perbincangan kesihatan reproduktif, atas dasar kesinambungan hubungannya terhadap pengurangan kadar kematian bayi, kesihatan bayi dan anak-anak. Hubungan ini dilihat kerana apabila mereka menitikberatkan isu kesihatan reproduktif, secara tidak langsung ianya dapat mengurangkan kadar kematian disebabkan oleh kehamilan dan kelahiran samaada kematian ibu atau kematian bayi seperti yang berlaku di Indonesia[117]dan Sub Sahara Afrika.[118]

---

[114] Nung Ati Nurhayati & Agnes Widanti, "Ketentuan Tentang Keluarga Berencana dan Asas Nondiskriminasi Dikaitkan dengan Hak Reproduksi Perempuan," *Jurnal Ilmu Keperawatan*, vol. 1, no. 1 (2013), 27.

[115] Yunita Miftahul Masita, "Hak Reproduksi Pengaturan Jumlah Anak dan Pemilihan Alat Kontrasepsi," (Tesis Sarjana, Program Pascasarjana Prodi Ilmu Kesehatan Masyarakat Universitas Sebelas Maret Surakarta, 2015), 8.

[116] Sri Rahayu Sanusi & Abdul Jalil Armi Arma, *Hak Kesehatan Reproduksi, Definisi, Tujuan, Permasalahan dan Faktor-faktor Penghambatnya* (Indonesia: Universiti Sumatera Utara, t.t), 193-194.

[117] Saparinah Sadli, *Berbeda Tetapi Setara: Pemikiran Tentang Kajian Perempuan,* terj. Imelda Bachtiar (Jakarta: Penerbit Buku Kompas, 2010), 38. Lihat juga Ani Purwanti, "Pengaturan Kesehatan Reproduksi Perempuan dan Implementasinya di Indonesia," 110.

University of Malaya

Hal ini bertepatan dengan Gipson,[119] Yerushalmy,[120] Swenson[121] dan Mesganaw[122] dalam kajiannya yang mendapati faktor kehamilan yang terlalu rapat (kurang setahun) daripada kelahiran yang lalu boleh membawa kepada risiko kematian yang tinggi pada bayi yang dikandung. Walau bagaimanapun, Elizabeth[123] dan Jolly[124] berpendapat risiko dan komplikasi pelbagai itu juga bergantung kepada situasi dan keadaan yang mereka hadapi ketika proses kehamilan seperti mengandung dalam usia yang terlalu muda atau terlalu tua.

Selain Nurhayati dan Yunita, ramai juga berpendapat yang sama akan isu berkaitan perancangan keluarga menjadi fokus keutamaan dalam hak reproduktif wanita. Antaranya Mueller,[125] Theresse,[126] Idda Mosha,[127] Mwenegoha,[128] Alvarez-Nieto,[129] Henri[130] dan juga

---

[118] Glasier, Anna A Metin Gulmezoglu, George P Schmid, Claudia Garcia Moreno, Paul FA Van Look, "Sexual and reproductive health: A matter of life and death," dalam *The Lancet Sexual and Reproductive Health Series* (New York, United States of America: PubMed National Institutes of Health, 2006), 3. Lihat juga United Nations Population Fund (UNFPA), "Making Reproductive Rights and Sexual and Reproductive Health A Reality for All," *Reproductive Rights and Sexual and Reproductive Health Framework. New York,* dicapai pada 10 September 2017, https://www.unfpa.org/sites/default/files/pub-pdf/SRH_Framework.pdf

[119] Gipson, J., et al., "The Effects of Unintended Pregnancy on Infant, Child, and Parental Health: A Review of the Literature," *Studies in Family Planning*, vol. 39, no. 1 (2008), 18-19.

[120] J.Yerushalmy, J.M.Bierman, D.H.Kemp, A. Connor & F.E.Frensh, "Longitudinal Studies of Pregnancy on the Island of Kauai, Territory of Hawai: Analysis of Previous Reproductive History," *American Journal of Obstetrics and Gynecology* (January 1956), 82.

[121] Swenson, I., "Expected Reductions in Fetal and Infant Mortality by Prolonged Pregnancy Spacing in Rural Bangladesh," *Bangladesh Development Studies,* vol. 5, no. 1 (1977), 2.

[122] Mesganaw Fantahun, "Comparative Study of The Characteristics of Family Planning Service Users and Non-Users in Northwest Ethiopia," *African Journal of Reproductive Health: Womens Health and Action Research Centre (WHARC),* vol. 10, no. 1 (2006), 62-70.

[123] Elizabeth M. *et al.*, "Teenage Pregnancy and Associated Risk Behaviors Among Sexually Abused Adolescents," *Perspectives on Sexual and Reproductive Health*, vol. 36, no. 3 (2004), 98.

[124] Jolly, M. *et al*., "The Risks Associated with Pregnancy in Women Aged 35 Years or Older," *Human Reproduction*, vol. 15, no. 11 (2000), 2433.

[125] Mueller, Ruth Dixon, "The Sexuality Connection in Reproductive Health," *Studies in Family Planning,* vol. 25, no. 5 (1993), 269-282.

[126] McGinn, T., *et al.*, "Family Planning in Conflict: Results of Cross-Sectional Baseline Surveys in Three African Countries," *Conflict and Health,* vol. 5 (2011), 2-3.

[127] Idda Mosha, Ruerd Ruben, Deodatus Kakoko, "Family planning decisions, perceptions and gender dynamics among couples in Mwanza, Tanzania: A Qualitative study," *BMC Public Health*, vol. 13 (2013).

[128] Hamisa Omari Mwenegoha, "Women's Reproductive Rights and Autonomy Under Islam as They Intersect with Human Rights Entitlements and Customary Norms and Practices in Tanzania: Lushoto as a Case Study," (Tesis Sarjana, Faculty of Law, University of Zimbabwe, 2008), 56.

[129] Carmen Alvarez-Nieto et al., "Sexual and reproductive health beliefs and practices of female immigrants in Spain: A Qualitative Study," *Reproductive Health Journal,* vol. 12 (2015), 79.

University of Malaya

pengkaji-pengkaji peringkat tempatan dan serumpun seperti Harlina[131] dan Sri Rahayu.[132] Mereka berpendapat bahawa kesihatan reproduktif yang relevan adalah berkait dengan pelaksanaan perancangan keluarga yang profesional merangkumi sikap dan tingkah laku seksual wanita dan pasangan dalam mempengaruhi penerimaan, pilihan dan penggunaan kontraseptif yang berkesan.

Bagi membincangkan tentang aspek perancangan keluarga, Leter[133] mentakrifkan perancangan keluarga sebagai suatu ikhtiar atau usaha manusia yang disengajakan untuk mengatur kehamilan atau jarak kelahiran dalam keluarga bagi mencapai kesejahteraan hidup. Aspek linguistik arabnya dikenali sebagai *'Tahdid al-Nasl'* (تحديد النسل) yang bermaksud pembatasan bilangan kelahiran dengan tujuan mengurangkan bilangan penduduk bagi menyeimbangkan dengan kadar pengeluaran bahan-bahan makanan.

Terdapat beberapa ensiklopedia[134] yang mengklasifikasikan amalan ini sebagai pembatasan kelahiran secara sukarela dengan menggunakan alat-alat atau kaedah-kaedah tertentu seperti melewatkan perkahwinan, mengelakkan daripada berlakunya hubungan seks, memanjangkan tempoh penyusuan, dan terdapat juga cadangan perancangan keluarga dengan cara melakukan pemandulan dan meningkatkan pengguguran. Ianya dapat disimpulkan kepada suatu perkara atau kaedah yang dikira sebagai suatu ikhtiar manusia dalam mengawal kelahiran dengan menggunakan apa jua kaedah kontraseptif yang berkaitan.

---

[130] Henri Shalahudin, "Wacana Kesetaraan Gender Dalam Pemikiran Islam Di Institusi Pengajian Tinggi Islam Negeri Di Indonesia: Kajian Kes Di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta," 332.

[131] Harlina Halizah Siraj, *Citra Wanita Kontemporari,* 43, 51.

[132] Sri Rahayu Sanusi, "Kesihatan Reproduktif dalam Kalangan Wanita Miskin Bandar di Bandar Medan Sumatera Indonesia," 13.

[133] H.Bgd. M. Leter, *Tuntutan Rumah tangga Muslim dan Keluarga Berencana* (Padang: Penerbitan Angkasa Raya, 1985), 96.

[134] T.p., *The New Encyclopedia Britannica*, vol. 2 (Chicago: Encyclopedia Britannica, 1985), 236. Lihat juga T.p., *Encyclopedia Americana, International Edition*, vol. 4 (Danbury, Connecticut: Glolier, 1984).

P.David[135] beranggapan bahawa perancangan keluarga kini suatu cara yang sangat efektif dalam mengurangkan kelahiran dan seterusnya mengawal kadar ferteliti seseorang kerana ia boleh membawa kepada kesan penurunan terhadap pertumbuhan populasi yang terlalu meningkat dengan mendadak.[136] Turut dipersetujui Beegle et al.,[137] dan Birdsall[138] kerana mengambil kira juga amalan ini yang umumnya akan berkait rapat dengan hal kesihatan ibu dan juga anak yang dilahirkan. Justeru, untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga kesihatan diri adalah suatu yang wajar dilakukan. Farzaneh Roudi Fahimi[139] mengulas mengenai pentingnya perancangan keluarga untuk difahami oleh semua golongan masyarakat kerana ianya suatu usaha untuk mengurangkan kadar populasi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat meliputi aspek kesihatan, pendidikan dan hak yang sepatutnya diperolehi oleh isteri dan anak.

Ini juga dapat dilihat dalam usaha Indonesia memperkenalkan perancangan keluarga di peringkat nasional sedangkan amalan tersebut adalah suatu yang dilarang suatu ketika dahulu. Tetapi tidak lagi pada ketika ini kerana usaha besar-besaran yang dilakukan bagi memperkenalkan kaedah perancangan keluarga ini telah memberikan kesedaran dalam kalangan masyarakat bahawa anak yang ramai bukan ukuran bagi keluarga yang hebat tetapi lebih menitikberatkan aspek kualiti sepertimana pandangan Utomo[140] yang menuntut pelaksanaan perancangan keluarga ini sebagai satu langkah mendapatkan taraf keluarga

---

[135] Henry P. David, Janine M. Morgall, "United States and Denmark: Different Approaches to Health Care and Family Planning," in *Studies in Family Planning*, vol. 21, no. 1 (1990), 1-19.

[136] Population Reference Bereau, "World Population Data Sheet," dicapai pada 20 Januari 2014, http://www.prb.org/Publications/Datasheets.aspx

[137] Kathleen Beegle, Claus C Portner & Luc Christiaensen, *Does Family Planning Reduce Fertility? Evidence from Rural Ethiopia* (Washington DC: The World Bank, 2014), 26.

[138] Nancy Birdsall, Bryan Boulier, W.Parker Mauldin, Robert J.Lapham, & David Wheeler, "The Effects of Family Planning Programs on Fertility in the Developing World," dalam *World Bank Staff Working Papers No.677. Population And Development Series,* no. 2 (1985), 37.

[139] Farzanah Roudi Fahimi, *Islam and Family Planning* (Washington: Population Reference Bureau, 2004), 6-8.

[140] Iwu Dwisetyani Utomo, *et al*., "Village Family Planning Volunteers in Indonesia: Their Role in the Family Planning Programme," *Journal of Reproductive Health Matters* (2006), 73.

University of Malaya

yang sejahtera walaupun dengan bilangan anak yang tidak ramai. Kini, lebih daripada 2/3 pasangan di Indonesia mengaplikasikan pelbagai kaedah moden kontraseptif dan selebihnya sedang memperlihatkan kesan ke arah perubahan tersebut.[141] Perkara ini jelas menunjukkan suatu perubahan yang sangat positif dalam kalangan masyarakat Indonesia terhadap penerimaan perancangan keluarga.

Sukamdi[142] berpandangan antara faktor kejayaan terhadap penerimaan perancangan keluarga ini adalah disebabkan usaha giat dalam mempromosikan perancangan keluarga yang dijalankan oleh para sukarelawan tidak berbayar di setiap kawasan kampung. Sukarelawan ini berperanan menyediakan servis kebajikan keluarga seperti membekalkan bekalan kondom, pil kontraseptif, memberi nasihat merancang kehamilan terhadap wanita dan juga servis untuk kesihatan anak.[143]

Tey Nai Peng et. al[144] dan Kimberly et. al[145] menjelaskan senario pelaksanaan program perancangan keluarga di Malaysia bermula apabila keadaan ekonomi negara pada tahun 60 an ketika itu berada di tahap yang agak membimbangkan. Senario ini dikukuhkan lagi dengan peningkatan kadar populasi sehingga 3% setahun kesan daripada tahap kesuburan yang tinggi, lalu memaksa kerajaan untuk menggalakkan perancangan keluarga kepada masyarakat. Suatu program perancangan keluarga peringkat kebangsaan telah dilancarkan ketika itu dan kerajaan komited dalam memberi galakan kepada penduduk

---

[141] Iwu Dwisetyani Utomo, et al., "Village Family Planning Volunteers in Indonesia: Their Role in the Family Planning Programme," 74-75.

[142] Sukamdi, "Importance of Community Participation in the Implementation of the Family Planning Programme," *Experiences in Addressing Population and Reproductive Health Challenges*, vol. 19 (t.t.), 131-134.

[143] Ashok Barnwal, "Success of the Indonesian Population Program: Lessons for India," *Journal of Development and Social Transformation* (t.t.) 43, dicapai pada 10 Mei 2016, https://www.maxwell.syr.edu/uploadedFiles/moynihan/dst/barnwal6.pdf?n=8104

[144] Norliza Ahmad, Tey Nai Peng, Kamarul Faridah Kamarul Zaman, Noor Azlin Muhd Sapri, Majdah Abdul Manaf & Ms Yeoh Yeok Kim, "Status of Family Planning in Malaysia," 1-2.

[145] Kimberly Singer Babiarz, Jiwon Lee, Grant Miller, Tey Nai Peng & Christine Valente, *Family Planning and Fertility Behavior: Evidence from Twentieth Century Malaysia* (Washington DC: Center for Global Development, t.t.), 2.

University of Malaya

untuk mengamalkan perancangan keluarga sebagai suatu kaedah terbaik dalam meningkatkan tahap kesihatan anak dan ibu selain menjaga kebajikan keluarga. Usaha ini secara tidak langsung menyokong agenda *World Health Organization* (WHO) yang meletakkan perancangan keluarga sebagai elemen yang boleh mempengaruhi kesihatan, pembangunan, dan kesejahteraan keluarga serta memberi kesan langsung kepada ibu dan anak.[146] Hal ini kerana, amalan tersebut memberikan peluang kepada pasangan untuk memperolehi anak apabila mereka sudah bersedia untuknya.

Berbeza dengan penerimaan masyarakat di Turkey, Pakistan, dan India melalui dapatan Sahin,[147] Haque[148] dan Chandick[149] yang mana wanita di negara-negara ini mempunyai konflik di antara pasangan suami isteri dalam mengamalkan perancangan keluarga kerana persepsi negatif suami mereka terhadap amalan ini seperti amalan ini bercanggah dengan budaya mereka. Tidak ketinggalan juga polemiknya dalam sudut penerimaan agama kerana terdapat beberapa pendapat dalam menentukan perbahasan kebolehterimaannya dalam Islam.

Jibrail,[150] Musdah,[151] Minnati,[152] Sofa',[153] dan Musthoffa[154] menjelaskan perancangan keluarga dari sudut pandang kebolehterimaannya dalam Islam. Penulisan

---

[146] World Health Organization, "Maternel and Child Health: Report by the Director-General," dicapai pada 20 Februari 2015, http://apps.who.int/iris/bitstream/10665/153131/1/WHA32_9_eng.pdf

[147] Sahin HA & Sahin HG., "Reason for not Using Family Planning Methods in Eastern Turkey," *Eur J Contraceptive Reproductive Health Care*, vol. 8, no. 1 (2003), 11-16.

[148] Casterline J.B. *et al*., "Obstacles to Contraceptives Use in Pakistan: A Study in Punjab," *Study in Family Planning*, vol. 32, no. 2 (2001), 95-105.

[149] Chandick N., *et al.*, "Contraceptive Knowledge, Practices and Utilization of Services in the Rural Areas of India," *Indian Journal of Medical Sciences*, vol. 57, no. 7 (2003), 303.

[150] Jibrail Yusuf, "Contraception and Sexual and Reproductive Awareness Among Ghanaian Muslim Youth: Issues, Challenges, and Prospects for Positive Development," *Sage Open Journal* (2014), 4.

[151] Musdah Mulia, *Pandangan Islam Mengenai Keluarga Berencana* (Jakarta: DPP PDI Perjuangan Jakarta Selatan, 2014), 6-7.

[152] Minnati Daniyyati, "*Tinjauan Hukum Islam Tentang Keluarga Berencana Menurut Yusuf al-Qaradawi*," (Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta), 63-65.

[153] Ṣafa' Halid Hamīd al-Zayn, "Tanẓīm al-Nasl fī al-Fiqh al-Islāmī," (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan An-Najah, Palestine, 2005), 94.

Jibrail, Sofa' dan Musthoffa lebih tertumpu kepada huraian secara deskriptif akan keharusan pengamalan perancangan keluarga atau penggunaan kontraseptif menerusi hujahan perbahasan Islam berkenaan dengannya. Walaupun tiada nas al-Quran secara jelas menyebut dan mengatakan tentang pengharaman perancangan keluarga, tetapi ianya masih boleh diamalkan atas dasar pengamalan secara tradisonal melalui kaedah *al-'azl* yang telah wujud ketika pada zaman Baginda Nabi SAW lagi.[155] Keharusan ini lebih kepada penghujahan berdasarkan hadis dan *qiyās*. Dalam praktis secara *maṣlaḥah* dilihat melalui perbincangan Minnati yang mengetengahkan tentang sudut pandang tokoh fiqh al-Qaradawi dalam melihat keharusan pengamalan perancangan keluarga yang di*qiyās*kan dengan amalan *al-'azl*.[156] Begitu juga Musdah berpandangan bahawa pengamalan keluarga berencana (perancangan keluarga) adalah suatu perkara yang wajar dititikberatkan dalam Islam supaya dapat membina sebuah keluarga yang bahagia. Tuntutan ini memberikan satu garapan ideologi bahawa pelaksanaan keluarga berencana yang sebenarnya bukan terkisar atas dasar penggunaan kontraseptif sahaja, bahkan menuntut kepada perancangan awal kepada kehidupan bahagia dengan salah satu pengukuran iaitu jumlah anak yang sedikit dan berkualiti.[157] Perbahasan berkaitan dengan perancangan keluarga ini akan dilanjutkan dan diperincikan oleh penulis pada bab yang seterusnya dalam melihat bagaimana keharusan, kelonggaran dan juga perbahasan ulama' menurut tafsiran al-Quran dan sunnah dalam menjelaskan tentang perancangan keluarga.

---

[154] Raba Muṣṭaffa Abū Muḥsin, "Ittijāhāt Talabah al-Jāmi'ah al-Ardiniyīn Naḥw 'Amal al-Mar'ah wa Tanẓīm al-Usrah wa 'Alāqatuhā bi al-Mustawā al-Iqtiṣādī al-Ijtimā'ī wa al-Jins," (Tesis Sarjana, Amman Arab University, Jordan, 2008), 13.

[155] Jibrail Yusuf, "Contraception and Sexual and Reproductive Awareness Among Ghanaian Muslim Youth: Issues, Challenges, and Prospects for Positive Development," 4.

[156] Minnati Daniyyati, "Tinjauan Hukum Islam Tentang Keluarga Berencana Menurut Yusuf al-Qaradawi," 63-65.

[157] Musdah Mulia, *Pandangan Islam Mengenai Keluarga Berencana,* 4.

1.7.3 Islam dan Hak Reproduktif Wanita

Perbincangan hak reproduktif wanita juga turut dititikberatkan kerana Islam memberikan setiap wanita hak untuk memperolehi kesihatan yang terjamin, bermula daripada proses menstruasi sehinggalah kepada hubungan intim, kehamilan, dan kelahiran. Hal ini mengambil kira akan kapasiti wanita itu sendiri sebagai seorang makhluk istimewa yang diciptakan dan mempunyai hak tersendiri pada dirinya. Sehinggakan ada pendapat yang mengatakan sungguhpun agama itu meletakkan kewajipan seorang isteri untuk melayani kehendak seksual suaminya, tetapi seandainya berhadapan dengan masalah yang melibatkan kesihatan, kewajipan ini boleh diketepikan.[158] Nataraj,[159] Mangahas,[160] dan Hannah[161] yang mengkaji realiti harian yang dihadapi oleh wanita dalam menangani hak reproduktif mereka, mendapati bahawa terdapat ketidakadilan gender di kebanyakan negara, di mana para wanita di negara ini tidak berkuasa ke atas hak reproduktif mereka.

Mengambil contoh Thailand, wanita hanya berperanan sebagai penjaga keluarga, dan terdedah kepada sisi kehidupan seksual yang tidak dilindungi, kehamilan dan kelahiran yang tidak menentu dan sangat teruk.[162] Sebagaimana Whittaker[163] turut mendapati

---

[158] Abū Isḥāq Ibrāhim Ibn ʻAlī Ibn Yūsuf al-Firuzabadī al-Shirazī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfiʻī*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1980), 288.

[159] Nataraj S., "The Magnitude of Neglect Women and Sexually Transmitted Diseases in India," *Private Decisions, Public Debate: Women, Reproduction, and Population* (London: Panos Publications Ltd., 1994), 7-20.

[160] Malou Mangahas, "The Oldest Contraceptive The Lactational Amenorrhea Method (LAM) and Reproductive Rights," *Private Decisions, Public Debate: Women, Reproduction, and Population* (London: Panos Publications Ltd., 1994), 57-68.

[161] Hannah Tapang, "To See Her Smile Midwifery, Health and Reproductive Choice in Ghana," *Private Decisions, Public Debate: Women, Reproduction, and Population* (London: Panos Publications Ltd., 1994), 86-94.

[162] A. Siriporn Yongpanichkul, "Review of Sexuality and Reproductive Health and Rights in Thailand," *Report for the Sexuality and Reproductive Health Program* (Hanoi, Vietnam: Ford Foundation Office for Vietnam and Thailand, 2007), 6. Lihat juga Wendy N. Duong, "Gender Equality and Women's Issues in Vietnam: The Vietnamese Woman-Warrior and Poet," *Pacific Rim Law & Policy Journal Association* (2001), 232.

[163] M. Whittaker "Rigths and Realities: Vietnames Women Speak," diakses pada 1 Oktober 2015, http://www.regional.org.au/au/mwia/papers/full/23_whittaker2.htm

University of Malaya

diskriminasi yang jelas terhadap wanita di Vietnam dari segi akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif disebabkan oleh faktor ekonomi dan hidup mereka. Di sini dapat dirumuskan bahawa status gender masih lagi menjadi isu besar dalam kalangan masyarakat di sekitar Thailand dan Vietnam ketika mana mereka berusaha untuk mempertahankan peranan reproduktif diri mereka. Selain itu juga, had keupayaan wanita untuk mengakses perkhidmatan penjagaan dan kesihatan diri disekat oleh faktor "status" mereka dalam keluarga. Golongan wanita di sana masih terikat dengan amalan patriarki, di mana perlu kepada keizinan kaum lelaki tidak kira suami, atau bapa mereka untuk mendapatkan setiap aksesbiliti penjagaan reproduktif.[164] Begitu juga Pamela[165] mengetengahkan situasi yang sama turut berlaku dalam kalangan wanita di Kanada apabila terdedah dengan pelbagai jenis kekerasan dalam rumah tangga, daripada suami atau pun ahli keluarga lain. Walaupun saban hari wanita yang menjadi mangsa kian meningkat, namun pelaksanaan untuk mengurangkan situasi pengabaian seperti itu masih lagi samar.

Shahida Zaidi,[166] membawakan perbezaan hak seksual dalam konteks agama yang pelbagai iaitu Hindu, Confucias, Judaism, Kristian dan juga Islam, di mana bagi setiap agama tersebut mempunyai perbezaan kefahaman dan pengamalannyanya kecuali Islam yang sudah ada landasan nyata bagi setiap yang ditetapkan. Bagi ajaran Confucias,

---

[164] Wendy N. Duong, "Gender Equality and Women's Issues in Vietnam: The Vietnamese Woman-Warrior and Poet," 232-233.

[165] Pamela Cross, "Violence Against Women in Family," dalam *Violence Against Women: Health and Justice for Canadian Muslim Women* (Toronto: Canadian Council of Muslim Women, 2013), 4-6.

[166] Shahidah Zaidi, *et al.*, "Sexual Rights and Gender Roles in A Religious Context," *International Journal of Gynecology and Obstetrics* (2009), 151-155.

pegangan ini sangat berpegang dengan konsep ren[167] iaitu salah satu daripada intipati penting dalam ajaran ini. Fahaman Confucias ini lebih berlandaskan kepada keinginan untuk mempertingkatkan moral dan etika. Melalui fahaman ini, terbentuk dua kesan terhadap kesihatan wanita dan statusnya pada masyarakat dan keluarga iaitu wanita itu berhak untuk akses kepada mana-mana informasi berkaitan kesihatan dan penjagaan diri. Walau sebanyak mana aksesbiliti mereka perolehi, ia tetap tidak menghilangkan prejudis gender yang telah lama dipegang bahawa status wanita ini sangat rendah berbanding lelaki. Apabila timbul permasalahan dalam 'fertiliti', sekiranya sesebuah keluarga itu tidak mempunyai zuriat disebabkan permasalahan fertiliti, kebiasannya wanita akan menjadi punca permasalahan untuk dipersalahkan. Maka di situ jelas menunjukkan penafian terhadap hak reproduktif wanita itu sendiri.

Terdapat juga perbincangan yang membahaskan tentang hak-hak kewanitaan ini melalui sudut pandang Islam seperti Hamim Ilyas,[168] yang mengupas penglibatan lelaki dalam peranan hak reproduktif wanita. Menggunakan kaedah persampelan secara *focus group discussion* (FGD), sesi tersebut merungkai bahawa mereka mengakui akan anjuran Islam untuk saling melengkapi dengan fitrah keadaan wanita, saling bertoleransi dalam memberikan ruang kepada pelaksanaan hak reproduktif wanita sungguhpun seorang lelaki itu mempunyai darjat tersendiri atas kapasiti sebagai seorang suami. Yusuf,[169] Roksana et

---

[167] Konsep ren biasanya dimaksudkan sebagai hubungan antara manusia, yang merupakan dasar etika dan politik dalam ajaran Konfusius. Konsep ren ini tidak banyak membincangkan hal berkaitan hantu, Tuhan atau roh, tetapi lebih kepada dunia realiti, menekankan pengajaran dalam mendidik moral individu yang dimulai dari keluarga, negara dan dunia. Lihat Low Hiang Loon, "Konfusianisme dan Nilai Etika Kekeluargaan Cina: Satu Kajian Keturunan Keluarga Kapitan Cina di Kampung Cina Kota Baharu, Kelantan," (Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian TiongHua, Universiti Malaya, 1999), 87-89.

[168] Hamim Ilyas, *et al.*, "Men's Involvement in Reproductive Health: An Islamic Perspective," dalam *Asia-Pacific Social Science Review,* vol. 7, no. 1 (Indonesia: Center for Women's Studies, State Islamic University Sunan Kalijaga, 2006), 98.

[169] Hajiya Bilkisu Yusuf, "Sexuality and The Marriage Institution In Islam: An Appraisal," *Africa Regional Sexuality Resource Centre,* dicapai pada 6 Julai 2017, http://www.arsrc.org/downloads/uhsss/bilkisu.pdf

al.[170] dan Sciortino et al.[171] pula mengetengahkan perbincangan tentang isu seksual dan reproduktif wanita dalam konseptual Islam melalui huraian ayat al-Quran yang menjurus kepada amalan tersebut walaupun bukan secara khusus. Walau bagaimanapun, sasaran kajian-kajian ini lebih kepada penilaian terhadap golongan sasaran yang mereka inginkan sama ada pengamalan dan kefahaman yang ada itu selaras dengan garis panduan syariat. Sepertimana kajian Sciortino memfokuskan amalan di pondok Pesantren, Yusuf di kelompok Nigeria dan Roksana pula sisi yang berbeza dengan pendekatan dokumentasi beliau mengeluarkan bilangan-bilangan surah dalam al-Quran yang menjurus kepada percaturan isu kewanitaan dan kekeluargaan. Apa yang jelas antara kajian-kajian ini, setiap di antara mereka cuba untuk mengetengahkan pandangan Islam dalam beberapa aspek kewanitaan yang meliputi seksualiti, dan penghindaran daripada menzalimi wanita. Dapatan ini menunjukkan bahawa Islam sangat mengiktiraf hak-hak kewanitaan tidak kira dalam apa jua aspek, dari awal kelahiran sehinggalah akhir hayat seseorang wanita.

1.7.4 Kajian Terdahulu berkaitan dengan Hak Reproduktif Wanita

Secara asasnya, kajian ilmiah sama ada makalah, tesis atau jurnal dalam perbahasan hak reproduktif wanita banyak yang memfokuskan kepada perbincangan tentang amalan perancangan keluarga. Perbincangan tertumpu kepada kaedah-kaedah kontraseptif yang ada, kesan sampingan dan pengamalan semasa masyarakat tentang amalan tersebut. Walaupun kajian tersebut mempunyai kaitan dengan peranan hak reproduktif wanita, tapi

---

[170] Roksana Janghorban, Robab Latifnejad Roudsari, Ali Taghipour & Mahmoud Abbasi, "Sexual and Reproductive Rights from Qur'anic Perspective: A Quantitative Content Analysis," *Asian Social Sciences*, vol. 11, no. 3 (2015), 184.

[171] Rosalia Sciortino Lies Marcos Natsir & Masdar F. Mas'udi, "Learning from Islam: Advocacy of Reproductive Rights in Indonesian Pesantren," *Reproductive Health Matters*, vol. 4, no. 8 (1996), 87-89.

University of Malaya

dalam konteks perbincangan yang mereka lakukan lebih kepada perbahasan aspek tersebut secara ’bersendiri’, bukan secara 'fokus sinergi’ perbincangan hak reproduktif wanita.

Dimulakan dengan kajian di peringkat sarjana sepertimana kajian kuantitatif yang dijalankan Yahya Khamis Ahmed Almualm,[172] menilai tahap kefahaman dan penglibatan kaum lelaki dalam amalan perancangan keluarga di daerah Mukalla, Yemen. Hasil dapatan menunjukkan kadar *prevalens* bagi amalan perancang keluarga dalam kalangan suami adalah sebanyak 39.0% sahaja berbanding isteri sebanyak 44.3%. Kepincangan ini memberikan gambaran kurangnya penglibatan kaum suami dalam amalan ini, kerana mereka merasakan bahawa amalan sebegini adalah tanggungjawab isteri semata-mata tetapi masih bergantung pada kebenaran suami.

Kajian sebegini juga seakan sama dengan kajian peringkat sarjana Bruce[173] yang mengkaji tentang penglibatan kaum lelaki dalam kalangan masyarakat di Afrika. Menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif, hasil dapatan bagi seramai 92 orang responden memberikan gambaran yang sama seperti dapatan kajian Yahya yang mana kaum lelaki ini tidak melibatkan diri secara baik dalam membuat keputusan tentang perancangan keluarga ini. Isu penglibatan lelaki ini turut dibincangkan dalam penulisan artikel oleh Ademola et al.[174] dan Jayalakshmi et al.[175] yang mengkaji di persekitaran masyarakat Nigeria dan New Delhi. Walaupun lingkaran situasi yang berbeza, tetapi dapatan yang diperolehi dapat diterjemahkan dalam rangka kesimpulan yang sama sebagaimana kajian sebelum ini iaitu kurangnya percaturan suami dalam membuat

---

[172] Yahya Khamis Ahmed Al-Mualm, *Knowledge, Attitude and Practice of Husbands Towards Modern Family Planning in Mukalla, Yemen* (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2007), 3-4.

[173] Pearl Bruce, “*The Involvement of Men in Family Planning: A Case of 37 Military Hospital*,” (Master Thesis of Sociology. University of Ghana, 2013), 82.

[174] Ademola Adelekan *et al.*, “Male Involvement in Family Planning: Challenges and Way Forward,” *International Journal of Population Research* (2014), 1.

[175] M.S.Jayalakshmi, *et al*., “A Study of Male Involvement in Family Planning,” *Health and Population-Perspectives*, vol. 25, no. 3 (2002), 113.

University of Malaya

keputusan amalan ini atas alasan ia bukanlah proses yang dilalui dan dihadapi oleh golongan tersebut.

Kajian lain di peringkat sarjana dan kedoktoran falsafah yang membincangkan tentang perancangan keluarga seperti Mason,[176] Lauren,[177] Aiko,[178] Zhang,[179] Lu Weiqun.[180] Rata-rata kajian ini membincangkan secara umum mengenai skop perbahasan yang berkait tentang perancangan keluarga sahaja, dalam menilai dari aspek pengetahuan dan pengamalan perancangan keluarga itu sendiri dalam kalangan kawasan kajian masing-masing.

Begitu juga kajian-kajian yang menyentuh tentang hak-hak kewanitaan dalam Islam, sepertimana kajian Muhsin,[181] Rus Sanani,[182] dan Masnon,[183] mereka membincangkan secara umum berkaitan dengan hak wanita menurut Islam. Melihat bagaimana kedudukan wanita dalam kerangka agama, akta-akta mahupun enakmen perundangan keluarga yang wujud di negara masing-masing, serta keistimewaan-keistimewaan yang ada pada setiap sisi mereka dalam menjalani kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit huraian ringkas dalam kajian Rus Sanani dan Masnon yang dilihat menyentuh akan

---

[176] Elizabeth J. Mason, "Identifying Factors of Influence On Family Planning Practices Among Rural Haitian Women," (Master Thesis, University of Pittsburgh, 2010), 45.

[177] Lauren Seyfriend, "Family Planning and Maternal Health: The Effects of Family Planning on Maternal Health in the Democratic Republic of Comango," (Master Thesis, University of Georgetown, 2011), 38.

[178] Aiko Eida, "Perceptions and Behaviour Related to Family Planning in A Rural Area in the Oromia Region, Ethiopia," (Master Thesis, University of Oslo, 2012), 85.

[179] Zhanwei Zhang, "Law, State and Society in the PRC: A Case Study of Family Planning Regulations Implementation at Grassroots Level in Rural China," (Ph.D Thesis, The London School of Economics and Political Science, 2015), 3.

[180] Lu Weiqun, "Contraceptive Choice Among Married Women In Guizhou Province: Socio-Cultural and Relationship Factors," (Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2008). 3.

[181] Muhsin Hariyanto, "Pandangan Islam Tentang Hak-Hak Reproduksi Wanita," dicapai pada 17 Mei 2017, http://muhsinhar.staff.umy.ac.id/pandangan-islam-tentang-hak-hak-reproduksi-perempuan/

[182] Rus Sanani@Asiah Hassan, "Hak-hak Wanita dalam Undang-undang Keluarga Islam dan Enakmen Keluarga Islam di Malaysia: Rujukan Khusus di Negeri Kelantan," (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 48, 83-85.

[183] Masnon Ibrahim, "Hak Wanita dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Brunei," (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 86-90.

University of Malaya

kepentingan wanita mendapatkan hak layanan yang baik dalam hubungan perkahwinan, sama ada melibatkan hak seksual atau hak melibatkan kehartaan. Secara tidak langsung kajian ini serba sedikit mewujudkan elemen unsur penghormatan terhadap reproduktif wanita dan isteri. Tetapi secara fokusnya kajian mereka lebih kepada prosedur perundangan yang membabitkan pemakaian akta dan seksyen berkaitan dalam perihal perkahwinan dan perceraian.

Manakala antara kajian yang dilihat membincangkan skop perbahasan yang sama iaitu menjurus kepada pengamalan semasa hak reproduktif wanita boleh dirujuk pada kajian Browne[184] yang membincangkan bagaimana pengamalan hak reproduktif dalam kalangan wanita di Senegal dan Cameroon. Hasil dapatan beliau juga turut menuntut kepada suatu usaha berterusan bagi lebih memperkasakan pengetahuan dan amalan hak reproduktif wanita terutama dalam aspek penggunaan kontraseptif.

Kajian Vakilian et al.[185] dan Raja Noriza[186] pula mengetengahkan tentang pengamalan semasa hak reproduktif wanita dan seksual di negara berbeza seperti Iran, Amerika dan Malaysia. Hasil kajian Vakilian memperlihatkan walaupun perubahan kemajuan fasiliti dan promosi kesihatan dalam isu ini semakin diperkukuhkan, tetapi tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat masih lagi tidak berubah. Keperluan untuk mempertingkatkan lagi peranan NGO dan masyarakat sekeliling sangat diperlukan bagi memastikan pelaksanaan reproduktif wanita yang terjamin.[187] Dapatan yang hampir sama pada kajian Noriza et al., apabila masih terdapat keperluan untuk meningkatkan tahap

---

[184] Browne, Alyssa, "What's Religion got to do with it? Islam and Fertility in Senegal and Cameroon," (Research Honours Program, Cornell University, 2012), 3-4.

[185] Katayon Vakilian, *et al*., "Reproductive Health in Iran: International Conference on Population and Development Goals," *Oman Medical Journal*, vol. 26 (2011), 146.

[186] Raja Noriza Raja Ariffin *et al*., "Muslim Women's Sexual and Reproductive Health Rights: Evidence from the United States, Iran and Malaysia," 2.

[187] Katayon Vakilian, *et al*., "Reproductive Health in Iran: International Conference on Population and Development Goals," 146.

University of Malaya

pengamalan seksual dan reproduktif ini dalam kalangan masyarakat kepada satu tahap pengamalan yang sejahtera, kerana masih wujud lagi penafian terhadap aspek-aspek reproduktif mereka dalam pengaturan perkahwinan, kehamilan, pengguguran dan aksesbiliti terhadap penjagaan kesihatan terutama bagi kategori mereka yang berpendidikan rendah.[188]

Kajian lain pula seperti Irma Rayani,[189] Dixon,[190] Amanullah,[191] Flegal,[192] Fowler,[193] majoriti membincangkan pengamalan hak reproduktif di kawasan kajian pilihan mereka, tetapi mereka mengambil kira aspek yang berbeza-beza. Kajian Irma Rayani lebih kepada melihat pandangan Islam tentang seksualiti dan pengamalan semasa masyarakat, mengetengahkan bagaimana persekitaran mereka membantu dalam melaksanakan seksualiti mengikut cara yang dianjurkan. Dixon pula mengkaji reproduktif bagi kalangan wanita yang belum berkahwin, melihat kepada tahap fasiliti dan aksesebiliti di sekitar mereka melalui penglibatan badan-badan yang bertanggungjawab mengawal selia pengamalan reproduktif wanita. Manakala bagi Amanullah,[194] Flegal[195] dan Fowler,[196] kajian mereka lebih kepada perbincangan tentang sejauh mana keupayaan seorang wanita

---

[188] Raja Noriza Raja Ariffin *et al*., "Muslim Women's Sexual and Reproductive Health Rights: Evidence from the United States, Iran and Malaysia," 7.

[189] Irma Rayani, "The Silent Desire: Islam, Women's Sexuality and the Politics of Patriarchy in Indonesia," (Ph.D Thesis, School of Social Asian, University of Western Australia, Australia, 2016), 86.

[190] Dixon Bester Jimmy-Gama, "An Assessment of the Capacity of Facilitybased Youth Friendly Reproductive Health Services To Promote Sexual and Reproductive Health Among Unmarried Adolescents: Evidence from Rural Malawi," (Ph.D Thesis, Queen Margaret University, 2009), 152.

[191] Amanullah Khan *et al.*, *Reproductive Decision Making Within Muslim Families in Squatter Settlements of Karachi, Pakistan* (Karachi: Aga Khan University, t.t.), 7-10.

[192] Flegel, Alison C., "Violation of Women's Reproductive Rights: The Doctrines, Laws, and Habits that Create the Foundation of Our Sexist Culture," (Master Thesis, East Carolina University, 2013), 16.

[193] Fowler, Erin, "Advancing Reproductive Rights in a Religious World: A Comparative Survey of Reproductive Rights in Poland, Indonesia and Israel," (Master Thesis, University of Toronto, 2013), 79-80.

[194] Amanullah Khan *et al.*, *Reproductive Decision Making Within Muslim Families in Squatter Settlements of Karachi, Pakistan,* 7-10.

[195] Flegel, Alison C., "Violation of Women's Reproductive Rights: The Doctrines, Laws, and Habits that Create the Foundation of Our Sexist Culture," 16.

[196] Fowler, Erin, "Advancing Reproductive Rights in a Religious World: A Comparative Survey of Reproductive Rights in Poland, Indonesia and Israel," 79-80.

University of Malaya

dalam membuat keputusan untuk hak reproduktif diri mereka. Sungguhpun sasaran kajian mereka berbeza, ada dalam kalangan wanita yang menjadi penghuni penjara, penganut kepada sesebuah gereja, dan juga masyarakat antara tiga agama yang berbeza, tetapi hasil dapatannya boleh diklasifikasikan sebagai arah yang sama, di mana tahap pelaksanaan terhadap hak reproduktif wanita ini harus dipertingkatkan.

Secara konklusinya, berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu yang telah diketengahkan, dapat dirumuskan bahawa kajian yang ada lebih kepada satu bentuk perbincangan umum tentang hak dan kesihatan reproduktif kerana meliputi kitaran seksualiti yang bermula dari usia awal reproduktif, termasuk golongan yang masih belum berkahwin. Selain ia juga banyak menjurus kepada golongan wanita sahaja. Kajian ini cuba untuk mengisi kelompangan yang ada apabila memfokuskan kepada golongan berkahwin, dan sasaran tertumpu kepada dua gender iaitu lelaki dan perempuan bagi melihat keselarian dan keseimbangan dalam kefahaman dan pengamalan isu ini. Kajian ini akan merangkumi dari proses permulaannya berkahwin iaitu untuk hak mereka untuk menentukan pasangan, seterusnya perihal perkahwinan meliputi seksualiti rumah tangga, seksual suami isteri, kehamilan, kelahiran, pengguguran, perancangan keluarga, dan keganasan rumah tangga. Kajian ini juga mengetengahkan perbincangannya dalam konteks keselariannya mengikut syariat melalui perbahasan ulama' terhadap ayat-ayat al-Quran dan hadis serta beberapa *maṣlaḥah* usul fiqh dalam menolak pengamalan yang boleh berbaur kepada pengabaian hak.

1.8 SISTEMATIKA KAJIAN

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab.

University of Malaya

[BAB SATU] Kajian ini didahului dengan penjelasan secara terperinci terhadap beberapa perkara utama yang menyentuh latar belakang permasalahan kajian, kenyataan tentang masalah dan objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian dan sorotan kajian lepas. Bab ini adalah bab yang terpenting dalam memberikan gambaran keseluruhan tentang kajian ini dan bagaimana penyelesaian yang boleh disarankan terhadap permasalahan yang timbul.

[BAB DUA] Bahagian ini menjawab objektif kajian yang pertama. Bahagian ini lebih tertumpu kepada teori tentang Islam dan hak kesihatan reproduktif wanita. Perbincangan dimulakan dengan garapan konsep hak wanita secara umum, seterusnya menjurus kepada perbahasan isu reproduktif wanita. Elemen perbahasan menjurus kepada dua sumber utama perundangan Islam iaitu al-Quran dan Sunnah dalam merangka landasan yang sewajarnya diikuti dalam pelaksanaan hak reproduktif wanita. Bermula dengan hak menentukan perkahwinan, seksualiti suami isteri meliputi hubungan seksual suami isteri, kehamilan, kelahiran, pengguguran, anjuran *mu'āsharah bi al-ma'rūf* dan juga perancangan keluarga. Aspek-aspek ini akan dikupas dari konteks semasa dan juga syariat Islam dalam memberikan dapatan yang boleh dijadikan landasan teori pengamalan hak reproduktif wanita menurut Islam.

[BAB TIGA] Bahagian ini menjawab objektif kajian yang kedua. Penjelasan tentang pelaksanaan hak reproduktif wanita dalam Konvensyen Antarabangsa dan Malaysia. Bahagian ini membincangkan secara teori akan pengiktirafan hak reproduktif wanita sebagai suatu hak asasi manusia yang mana kupasannya berkisar tentang komitmen global dalam pemerkasaan wanita menyentuh kepada konvensyen dan deklarasi

University of Malaya

pemerkasaan wanita dalam konteks antarabangsa serta penerapan dan implementasinya di peringkat kebangsaan.

Selain itu juga, bab ini akan memperincikan tentang evolusi pelaksanaan hak reproduktif wanita di Malaysia melalui kewujudan dasar wanita di Malaysia, serta melihat kepada komitmen negara dalam memperkasakan hak reproduktif wanita melalui usaha pelaksanaannya terhadap ketetapan perundangan negara dan juga badan-badan bertanggungjawab mengawal selia dan menjaga peranan tersebut. Di akhir bahagian ini diketengahkan ulasan tentang keselarian komitmen yang ditunjukkan khususnya di peringkat antarabangsa dengan syariat Islam, bagi menyangkal dakwaan sesetengah pihak akan ketidak selarasan usaha pemerkasaan wanita ini untuk diimplementasikan atas dasar bertentangan dengan syariat Islam.

[BAB EMPAT] Bahagian ini menjawab objektif kajian yang ketiga. Pembentangan dapatan kajian bagi fasa pertama iaitu data kuantitatif dihuraikan secara terperinci dalam bentuk penganalisisan deskriptif tentang demografi responden, seterusnya tahap kefahaman dan juga amalan masyarakat di negeri Selangor. Analisis ini dihuraikan melalui mod, kekerapan, median dan peratusan setiap konstruk mnegikut bahagian yang wujud dalam soal selidik. Bahagian ini secara keseluruhannya hanya membentangkan data mentah yang diperolehi dalam kajian lapangan.

[BAB LIMA] Bahagian ini turut menjawab objektif kajian yang ketiga dan juga objektif kajian terakhir yang keempat. Bahagian ini meliputi penganalisisan data bersama dengan perbincangan bagi menyokong hasil dapatan yang diperolehi. Analisis turut dilakukan dengan sokongan dapatan-dapatan kajian terdahulu. Analisis hasil daripada kajian yang dijalankan ini akan melihat sejauh mana pengetahuan dan pengamalan

University of Malaya

berkaitan hak reproduktif dalam kalangan masyarakat di negeri Selangor. Analisis data kuantitatif secara inferensi dihuraikan dalam bahagian ini, dengan perujian menggunakan Ujian *T-Test*, Ujian Khi Kuasa Dua *(Chi Square)* dan Ujian Regresi Logistik Kaedah *Stepwise* digunakan bagi melihat hubungan signifikan yang wujud di antara variabel yang ditetapkan. Bagi objektif keempat pula, bahagian ini mengetengahkan data indeks preliminari Hak Reproduktif Wanita (IHRWB) negeri Selangor, sebagai suatu indikator semasa dan terkini yang boleh dijadikan panduan kepada pihak berwajib dalam merangka pendekatan yang lebih holistik dalam menangani isu ini.

[BAB ENAM] Bahagian ini merupakan rumusan dan kesimpulan keseluruhan kajian. Diikuti pula dengan saranan bagi kajian mendatang serta langkah yang boleh diambil oleh pihak berkepentingan bagi memantapkan lagi arena penyelidikan kewanitaan serta langkah yang boleh diambil oleh pihak berkepentingan bagi memantapkan lagi arena penyelidikan kewanitaan.

University of Malaya

BAB 2: ISLAM DAN HAK KESIHATAN REPRODUKTIF WANITA

2.0 PENDAHULUAN

Terciptanya golongan wanita dan lelaki memiliki peranannya yang tersendiri. Perbezaan biologi menentukan fungsi reproduksi dan perlakuan yang berbeza bagi kedua-duanya. Sebagaimana dinyatakan dalam bahagian sebelum ini bahawa perbincangan tentang wanita akan membawa kepada sudut pandang yang komprehensif, kerana proses awal kewanitaan yang dimulai dengan menstruasi, kehamilan, proses melahirkan, menyusui anak bukan suatu yang mudah untuk difahami oleh golongan lelaki. Demikian di situlah peranan reproduktif wanita itu bertindak dan perlu disesuaikan mengikut keadaan diri.

Pada dasarnya, hak reproduktif wanita ini mencakupi aspek yang sangat luas, bukan sekadar masalah kesihatan biasa, tetapi ianya berkait dengan pelbagai aspek perlindungan wanita yang berperanan sebagai isteri, ibu, dan juga masyarakat. Peranan mereka dalam menangani isu menstruasi, kehamilan, perkahwinan, dan melahirkan adalah suatu keadaan yang sangat signifikan dalam kelangsungan kualiti bagi generasi akan datang. Akan tetapi isu-isu sebegini masih lagi dianggap sebagai isu biasa bagi perempuan. Jika melihat kepada impaknya jangka masa singkat, tidak kira sama ada dari aspek sosial mahupun ekonomi, pasti tidak akan memperlihatkan kehendak itu secara drastik. Tetapi jika dilihat dalam situasi jangka panjang, akan memperlihatkan begitu banyak kesan yang akan mempengaruhi aspek kehidupan jika kelangsungan dan kepekaan terhadap peranan wanita ini tidak dijaga. Justeru, pembangunan kesihatan wanita perlu dititikberatkan, terutamanya bertujuan mempertingkatkan tahap kesihatan wanita. Sebagaimana pada September 1994, 179 buah negara telah berkumpul di Kaherah dalam menjayakan Persidangan

University of Malaya

Antarabangsa Kependudukan dan Pembangunan[1] *(International Conference on Population and Development/ICPD)*. Persidangan ini telah memfokuskan tentang kesihatan reproduktif dan hak-hak wanita sebagai suatu tema perbincangan. Sikap optimis para peserta persidangan untuk pastikan hak ini berada di tempatnya, tidak mengambil kira soal, bagaiman kesediaan sesebuah negara untuk mengaplikasikan dan menerapkan aspek ini dalam kalangan ahlinya, kerana ianya bergantung kepada komitmen dan sinergi individu-individu yang berautoriti yang akan bertindak sebagai pelaksana.

Pada bab ini dibawakan terlebih dahulu konsep reproduktif itu secara umum dan juga pendekatan perundangan Islam dalam mengiktiraf peranan wanita dalam isu ini. Hal ini kerana, acap kali berlakunya pertentangan pendapat mahupun tohmah dalam membicarakan isu hak reproduktif wanita berkahwin dalam perkara berkaitan penentuan perkahwinan, seksualiti rumah tangga, dan perancangan keluarga, antara golongan yang mendukung hak kebebasan dan golongan yang menolak unsur perjuangan barat dalam kehidupan beragama ini. Justeru, kajian ini akan mengetengahkan secara terperinci bagaimana pandangan Islam dalam hak-hak reproduktif ini melalui perbahasan-perbahasan ulama' berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah supaya dapat merungkaikan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

2.1 DIMENSI DAN SUDUT PANDANG KEWANITAAN DALAM ISLAM

Sebelum datangnya Islam ke semenanjung tanah Arab, wanita diletakkan pada taraf yang cukup hina, tidak terbela dan jauh dari pemberian hak yang sewajarnya. Dalam sejarah

[1] Persidangan Antarabangsa Mengenai Populasi dan Pembangunan, yang telah diadakan pada tahun 1994, merupakan satu acara penting bagi hak wanita. Isu yang diambil kira dalam program tindakan yang asasnya berkaitan dengan hak asasi wanita, termasuk kesaksamaan gender, keluarga, kesihatan reproduktif, kawalan kelahiran dan perancangan keluarga, kesihatan wanita, imigrasi dan pendidikan wanita. Lihat United Nation Human Rights, "Global Commitments," dalam *Women's Rights are Human Rights* (New York & Geneva: United NationsPublications, 2014), 12.

University of Malaya

tamadun manusia, tamadun Greek dianggap sebagai tahap tamadun yang boleh dibanggakan pada zaman itu. Namun begitu, wanita ketika itu diperlakukan dengan sangat teruk. Antara kes yang berlaku ialah perbuatan mengurung wanita di dalam rumah, tidak diberi peluang untuk belajar[2] dan dihina serta dianggap khadam yang hina. Wanita juga boleh dijual beli seperti barang-barang dagangan.[3] Selain itu, wanita tidak diberikan hak untuk bersuara, mereka diberi hak makan dan minum, tempat tinggal dan pakaian sahaja. Manakala, pada kemuncak tamadun Greek pula wanita dijadikan alat untuk memuaskan nafsu lelaki, model-model perempuan bogel dipopularkan sehingga berlakunya keruntuhan moral yang berakhir dengan kejatuhan tamadun tersebut.[4]

Begitu juga yang berlaku pada zaman Rumawi. Golongan wanita remaja dikongkong di bawah kekuasaan penjaganya, sama ada bapa atau datuknya atau sebagainya yang diistilahkan sebagai *'Peter Families'*. Kekuasaan seseorang penjaga adalah mutlak, sehingga boleh menghalau wanita itu keluar rumah, atau menjualnya tanpa pembelaan undang-undang untuk mereka.[5] Bangsa ini juga mempunyai nilai moral yang sangat rendah, di mana mereka menjadikan amalan zina itu sebagai suatu yang biasa dalam kehidupan seharian mereka. Justeru, hidup mereka sepenuhnya bergelumang dengan kelazatan nafsu syahwat. Perbuatan ini terbawa-bawa sehingga menjadikan wanita itu sebagai pelacur terhormat dalam bangsa Rumawi.[6]

---

[2] Pauline Schmitt Pantel, *A history of woman in the West* (London: The Beknap Press of Harvard University Press, 1992), 48. Lihat juga John P. Mckay, Bennett D. Hill & John Buckler, *A History of Western Society,* Cet. Ke 3 (Boston: Houghton Mifflin Company., 1987), 91-92.

[3] Joachim Herrman & Erik Zurcher, *History of Humanity Scientific and Cultural Development,* vol. 2 (London: Routledge, Paris: United Nations Educational Scientific and Cultural Organizations, 1996), 5.

[4] Mustafa Siba'i, *Wanita menurut Syariat Islam dan Peradaban Moden,* terj. Halimuddin (Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka, 1986), 3.

[5] Thomas F.X. Noble, Barry S.Strauss, Duane J. Osheim, Kristen B.Neuschee, William B. Cohen, David D. Roberts, *Western Civilization The Continuing Experiment* (Boston: Huoghton Mifflin Company, 1994), 165.

[6] T.p., *The New Encyclopedia Britannica,* vol. 19 (USA: The University of Chicago, 1992), 909.

University of Malaya

Sehinggalah Islam muncul ketika sebahagian besar manusia menolak keinsanan wanita, dan ketika sebahagian manusia masih menganggap wanita hanyalah sebagai makhluk yang dijadikan semata-mata untuk berkhidmat untuk lelaki. Kedatangan Islam memberikan nafas perjuangan untuk meletakkan wanita pada tempat yang wajar, dan menghapuskan segala bentuk kezaliman manusia sebelum Islam terhadap kaum wanita yang lemah.

Ideologi dan pandangan Islam berkenaan wanita dan hak asasi manusia dianggap sebagai suatu revolusi yang hebat dan unggul di dunia. Seterusnya menafikan kata-kata nista yang beranggapan bahawa golongan wanita itu berada pada taraf yang rendah dalam hierarki manusia. Golongan wanita seharusnya dipandang tinggi sebagaimana Islam mengangkat martabat wanita suatu ketika dahulu. Masyarakat perlu peka, bahawa golongan wanita diibaratkan sebagai pendukung kuat dalam medan kejayaan seorang lelaki, dan di situlah sebenarnya wanita itu diangkat darjatnya selari dengan kapasiti mereka yang berdiri sama ada sebagai seorang anak, isteri mahupun ibu.

Di antara lelaki dan wanita dalam Islam, kedua-duanya mempunyai hak yang sama dalam hal keislaman, keimanan,[7] dosa, pahala[8] dan amalan bagi mencapai kesempurnaan spiritual dalam melaksanakan sesuatu ibadah. Tidak ada perbezaan mahupun kelebihan antara satu sama lain tentang penilaian iman[9] dan amalnya oleh Allah SWT[10] kerana setiap keduanya memikul kebertanggungjawaban yang telah ditaklifkan di atas bahu masing-masing.

---

7 Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, vol. 5, cet. ke 32 (Qāhirah: Dār al-Shuruq, 2003), 2863
8 Muḥammad 'Alī al-Ṣabunī, *Ṣafwah al-Tafāsir,* vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Qur'ān al-Karīm, 1981), 524.
9 Wahbah al-Zuḥaylī, *Tafsīr al-Waṣiṭ,* vol. 1, 275.
10 Muḥammad 'Alī al-Ṣabunī, *Ṣafwah al-Tafāsir,* 253.

University of Malaya

Perkara yang membezakan adalah peranan yang dilalui oleh kedua-duanya. Setiap wanita itu dilihat dalam tiga dimensi yang berbeza, sebagai wanita, isteri dan juga ibu. Bagi setiap kapasiti tersebut, terdapat peranan besar tertentu yang harus dijalani. Demikian itu, menjadi tanggungjawab masyarakat atau kelompok sekeliling untuk menterjemahkan rasa penghargaan itu dalam bentuk perlakuan yang tidak menyakiti, mengeksploitasi dan sopan selaras dengan tuntutan *mu'āsharah bi al-ma'rūf.*

Pada tingkat penilaian amal dan ibadah, jelas memperlihatkan persamaan antara lelaki dan wanita. Walau bagaimanapun, sesuai dengan fitrah kejadian seorang wanita, sudah pasti ada sisi perbezaan sama ada kelebihan mahupun kekurangan berbanding lelaki, dari aspek hak-hak yang lain. Demikian itu, sering kali didengari laungan feminisme[11] berkumpulan mahupun persendirian yang cuba bangkit untuk memperjuangkan hak wanita. Hak yang diperjuangkan boleh dilihat dari pelbagai sudut, ada golongan yang esktrim menuntut kepada kesamarataan sebagaimana yang telah diperuntukkan untuk kaum lelaki, ada juga golongan yang menuntut lebih kepada penjagaan penting melibatkan peranan seorang wanita supaya mereka berhak untuk dilayan dengan cara yang terbaik. Tetapi, dalam Islam, walau sejauh mana hak itu dilaungkan, pandangan keagamaan masih lagi dititikberatkan dalam mengambil kira had-had tertentu kerana sifat perundangan Islam yang berbeza dengan barat.[12]

Sejak dari awal lagi, Islam telah mengehadkan batas-batas tertentu kepada individu dalam menggunakan hak-hak mereka, iaitu mereka hendaklah menjaga kepentingan orang

---

[11] Terdapat pelbagai corak feminisme di dunia ini misalnya *socialist feminism, radical feminism, radical lesbian feminism* dan *moderate feminism*. Antara pertubuhan-pertubuhan NGO yang aktif seperti NCWO, Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), Women's Institute of Management (WIM) dan Sister In Islam (SIS). Utusan Malaysia, "Gerakan Feminisme di Malaysia", laman sesawang *Utusan Malaysia*, dicapai pada 16 Disember 2016, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y =1998&dt=0406 &pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=ot_04.htm

[12] Zulkifli Mohammad al-Bakri (Mufti Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau dengan penulis, 23 Ogos 2017.

lain dan sama sekali tidak menimpakan kemudaratan kepada kepentingan orang ramai. Oleh itu, hak bukanlah mutlak tetapi terbatas kepada tindakan perlakuan yang memberi faedah kepada masyarakat dan menghalang kemudaratan diri dan orang lain.[13]

Oleh yang demikian, jika menyentuh persoalan hak, maka secara tidak langsung ianya berkait dengan konsep keadilan. Keadilan dalam pengertiannya yang luas melibatkan sesuatu perkara yang benar dan melibatkan individu dalam kalangan masyarakat.

Secara literalnya, istilah *al-'adl* bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya.[14] Turut membawa maksud, memberi layanan yang sama rata kepada orang lain atau mengimbangi keadaan ketika berurusan dengan mereka. Al-Asfahani[15] mendefinisikan keadilan sebagai satu konsep yang melibatkan kesaksamaan. Beliau menjelaskan dengan mengatakan bahawa untuk berlaku adil kepada semua pihak adalah dengan cara memberi layanan yang sama rata kepada mereka. Oleh itu, keadilan memerlukan kesamarataan. Sungguhpun begitu, dalam menuntut keadilan dan kesamarataan bukanlah sehingga mengenepikan agama, sudah pasti memerlukan pertimbangan yang sewajarnya dan tidak bertindak dengan sewenang-wenangnya.

Dalam Islam sebenarnya sudah menjunjung konsep hak dan keadilan, hak asasi manusia ini dengan menggunakan istilah *al-daruriyyah al-khams*, yang memastikan setiap kemaslahatan umat sejagat itu sentiasa terpelihara.[16] Ia boleh dianggap sebagai 'prototype' hak asasi manusia versi Islam kerana cakupannya bersifat universal atas dasar-dasar hak

---

[13] Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, vol. 4 (Dimashq: Dār al-Fikr, 1989), 9.

[14] Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, dicapai pada 10 Januari 2016, http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=adil

[15] al-Asfahānī, Abū Qaṣīm Abū al-Ḥussayn bin Muḥammad al-Raghib, *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān* (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1961), 325.

[16] Saari Sungib, "Khutbah al-Wada': Pengisyhtiharan Hak Asasi Manusia Pertama di Dunia," dalam *Islam Demokrasi dan Hak Asasi Manusia* (Selangor: Kemilau Pablika Sdn. Bhd., 2011), 71.

manusia. Hak-hak tersebut meliputi[17]: **[Pertama]** Hak beragama *(Hifz al-Din)*, **[Kedua]** Hak untuk hidup (*Hifz al-Nafs)*, **[Ketiga]** Hak untuk berfikir *(Hifz al-Aql),* **[Keempat]** Hak berketurunan *(Hifz al-Nasl)*, **[Kelima]** Hak memiliki harta *(Hifz al-Mal)*. Sungguhpun ianya tidak memperlihatkan akan hak wanita secara jelas, tetapi interpretasi semasa masih boleh digunakan untuk meletakkan penjagaan hak-hak kewanitaan sama ada diri dan reproduktif wanita itu sebagai salah satu daripada cabang utama *maqāṣid al-sharī'ah* ini.

Kajian ini tidak membincangkan secara khusus akan hak asasi manusia dan wanita secara keseluruhan mengikut tingkat kehidupan yang mereka lalui, tetapi apa yang dibawakan hanyalah salah satu cabang dari beberapa hak yang harus diperolehi oleh seseorang wanita dalam sisi kehidupan mereka. Apa yang ingin diketengahkan adalah beberapa isu yang perlu diperbetulkan dalam persepsi masyarakat tentang peranan wanita ini. Anggapan bahawa lelaki itu berhak sepenuhnya ke atas wanita sehingga menimbulkan kemudharatan dan melakukan sebarang jenis penganiayaan kepada golongan wanita, harus ditangkis dan diperbetulkan. Ini kerana, dalam Islam sememangnya wanita dijamin hak istimewanya tersendiri, sama ada dalam perihal beribadah dan '*ubudiyyah*' pada Allah SWT mahupun perihal reproduktif.

Memperjuangkan kewanitaan bukan sehingga mengenepikan landasan syarak, dan menghambakan golongan lelaki. Hak dan kebebasan yang diberikan oleh Allah SWT bukanlah secara mutlak, tetapi tidak juga terlalu menyekat. Inilah kesederhanaan yang ditunjukkan Islam dalam menyampaikan manhajnya kepada ummah. Sebagai seorang wanita, kebijaksanaan akal yang diberikan Allah SWT perlu digunakan dengan sewajarnya

---

[17] Jasser Auda, *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*, terj Marwan Bukhari A.Hamid (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2014), 7.

dan tidak melampaui batas syariat. Justeru, hak dan kebebasan tersebut akan memberikan manfaat kepada agama, diri, keluarga, masyarakat dan juga negara.

2.2 KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SEKSUAL WANITA

Setiap individu Muslim diasuh supaya memberikan perhatian khusus kepada kesihatan diri yang merupakan nikmat terbesar kurniaan Allah SWT. Nikmat ini jarang dirasai mahupun disedari oleh seseorang sehinggalah nikmat itu ditarik balik buat beberapa ketika dalam berbagai peringkat. Rasulullah SAW ada bersabda:[18]

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا رَاعِيَةٌ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا وَالْخَادِمُ فِي مَالِ سَيِّدِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ قَالَ فَسَمِعْتُ هَؤُلَاءِ مِنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَحْسِبُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَالرَّجُلُ فِي مَالِ أَبِيهِ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Terjemahan: *"'Abd Allāh bin Umar berkata, " Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, 'Setiap kalian adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas kepimpinannya. Imam adalah pemimpin untuk rakyatnya dan bertanggung jawab atas kepimpinannya; lelaki-lelaki adalah pemimpin bagi keluarganya dan bertanggungjawab atas kepimpinannya; perempuan adalah pemimpin dalam rumah suaminya dan bertanggungjawab atas kepimpinannya; pembantu adalah pemimpin atas barang milik majikannya dan*

---

[18] Sahih al-Bukhari: [Kitab الجمعة, باب الجمعة في القرى والمدن , no. hadis 893] Abū 'Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Ḥadīth al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000), 70; Sahih Muslim: [Kitab الإمارة, باب فضيلة الإمام العادل وعقوبة الجائر والحث على الرفق بالرعية والنهي عن إدخال المشقة عليهم , no. hadis 1829; Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisabūrī, "Ṣaḥīḥ al-Muslim," 1006; Jāmi' al-Tirmidhī: [Kitab الجهاد عن رسول الله صلى الله عليه وسلم, باب ما جاء في الإمام , no. hadis 1705; Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah bin Mūsā al-Tirmidhī, "Jāmi' al-Tirmidhī," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, 1826; Sunan Abū Dawud: [Kitab الخراج والإمارة والفيء, باب ما يلزم الإمام من حق الرعية , no. hadis 2928; Abū Dawud Sulayman ibn Ash`ath al-Azadi al-Sijistani, *Sunan Abū Dawud* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salam li al-Nasr wa al-Tawzi', 2000), 1442.

bertanggungjawab atas kepimpinannya." Aku ('Abd Allāh) berkata, "Menurutku, Nabi SAW juga bersabda, 'seorang lelaki (anak) adalah pemimpin untuk harta ayahnya dan bertanggungjawab atas kepimpinannya. Setiap kalian adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas kepimpinannya..."

Ini menunjukkan bahawa tanggungjawab itu seharusnya ditunaikan dengan sempurna dan di antara tanggungjawab kepada diri dan ahlinya ialah dalam menentukan kesihatan yang sempurna dan menjauhkan diri dari terdedah kepada sebarang anasir yang boleh mengganggu gugat kesihatan tersebut. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنفِقُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا تُلۡقُواْ بِأَيۡدِيكُمۡ إِلَى ٱلتَّهۡلُكَةِۛ وَأَحۡسِنُوٓاْۛ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٩٥

(Surah al-Baqarah, 2: 195)

Terjemahan: *"Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik..."*

Perbuatan mencampakkan diri ke dalam kemusnahan juga boleh dikaitkan dengan perbuatan membiarkan kesihatan diri atau keluarga kepada perkara-perkara yang boleh merosakkannya. Islam telah meletakkan banyak panduan yang bersangkut dengan kesihatan sama ada dari segi pencegahan mahu pun dari segi pengubatan. Oleh yang demikian, menjadi tugas setiap Muslim supaya mengambil panduan-panduan tersebut untuk dijadikan pegangan dalam mencapai kesejahteraan hidup.

Sihat atau kesihatan adalah suatu keadaan yang tidak terhad pada hal-hal berkenaan jasmani (fizikal) yang tidak berpenyakit, tetapi juga berkenaan mental, jiwa dan akal yang

University of Malaya

baik, bersih dan utuh. Sihat juga meliputi keadaan-keadaan luaran yang boleh mempengaruhi kesihatan seseorang.[19]

Apabila maksud kesihatan di atas dikaitkan dengan perempuan, maka ianya akan berkait rapat dengan organ-organ reproduktif wanita, fungsinya, serta proses yang berlaku untuk menjalankan fungsi tersebut. Ini merupakan kaitan yang relevan memandangkan masalah kesihatan reproduktif merupakan perkara yang sangat penting bagi perempuan. Oleh itu, kesihatan perempuan merupakan keadaan jasmani dan rohani yang tidak berpenyakit, bersih dan terhindar dari hal-hal yang mengganggu sistem reproduktif, serta fungsi dan prosesnya.[20]

Makna kesihatan reproduktif yang begitu luas akan membawa pelbagai persoalan yang luas pula. Ianya boleh berkaitan dengan kesihatan alat-alat reproduktif perempuan sebelum umur produktif (masa remaja), semasa produktif (masa hamil dan menyusu) dan juga selepas tempoh produktif (putus haid/monapous). Ia boleh dilihat melalui susur galur reproduktif seseorang wanita sebagaimana dalam rajah 2.1 di bawah:

University of Malaya

[19] Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: DBP, 2015), 1490, maksud "sihat".

[20] Rashidah Abdullah, "Reproductive Health and Rights: The Importance for Muslim Women," 20.

Rajah 2.1: Kitaran Hak Kesihatan Reproduktif Wanita



Sumber: Hasil Modifikasi daripada S. Singh.[21]

Merujuk kepada susur galur kitaran hak kesihatan reproduktif yang dilalui seseorang wanita, jelas menunjukkan bahawa hak kesihatan reproduktif itu bermula dari proses awal kelahiran sehingga umur *post*-reproduktif. Ia sebagai suatu penanda aras bahawa di setiap kitaran dan peringkat kehidupan manusia ini terdapat keperluan-keperluan reproduktif yang harus dipenuhi. Hal ini secara tidak langsung memberikan 'lesen' kepada para wanita untuk 'berjuang' mendapatkan hak reproduktifnya tersendiri sekiranya wujud pengabaian-pengabaian terhadap mana-mana aspek reproduktifnya sendiri.

Walau bagaimanapun, kitaran hak reproduktif bagi golongan yang belum berkahwin dan sudah berkahwin sudah pasti mendatangkan implikasi yang berbeza kerana peranan yang dilaluinya juga berbeza. Bagi golongan berkahwin, mereka akan melalui satu kitaran reproduktif yang boleh mendatangkan komplikasi atau kesan yang besar berbanding

[21] S.Singh, "Reproductive Healths, Womens Sexual and Reproductive Rights," dalam *Overview of Reproductive Health, Women Sexual and Rights* (Nigeria: Sukota, 2014), 4.

golongan yang tidak berkahwin. Justeru itu, mendapatkan layanan yang baik dan seimbang dalam seksualiti rumah tangga, tiada paksaan, hak tersendiri untuk mengatur kehamilan, mendapatkan perlakuan dan rawatan kesihatan yang baik dari semua pihak adalah suatu penanda aras bagi sisi keadilan berkaitan hak reproduktif wanita.

2.2.1 Konsep Umum Kesihatan Reproduktif dan Seksual Wanita *(Sexual and Reproductive Health)*

Kesihatan seksual dan reproduktif merupakan komponen penting dalam hak universal untuk mencapai 'standard' kesihatan fizikal dan mental tertinggi bagi golongan lelaki dan wanita, yang termaktub dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan konvensyen hak asasi manusia antarabangsa serta beberapa perjanjian sepakat yang lain.[22] Terkandung dalam hak asasi manusia juga akan penghormatan, perlindungan dan penunaian hak kesihatan seksual dan reproduktif setiap individu untuk berpeluang terlibat secara aktif dalam polisi penjagaan kesihatan dan membuat keputusan bagi penjagaan kesihatan mereka. Ianya merangkumi aspek penentuan [1] bila masanya mereka ingin memiliki anak, [2] memastikan perhubungan yang bebas daripada keganasan, [3] akses dalam mendapatkan maklumat dan pendidikan dan [4] penjagaan kesihatan bagi seseorang anak.[23]

---

[22] Antara kesepakatan perjanjian yang telah menghasilkan komitmen politik yang besar terhadap hak asasi wanita dan kesaksamaan bermula pada tahun 1975, Mexico menjadi tuan rumah kepada satu persidangan dunia wanita dan penetapan 1975-1985 sebagai satu dekad meningkatkan taraf wanita. Tahun 1980, persidangan diadakan di *Copenhagen* dan Konvensyen Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) telah dimaterai. Persidangan Dunia ketiga wanita yang telah diadakan di Nairobi, menyaksikan usaha gerak kerja yang lebih maksima selepas fasa sebelumnya tidak memperlihatkan keberkesanan. Ketiga-tiga persidangan dunia ini menyaksikan para aktivis yang luar biasa dari kalangan wanita seluruh dunia dan meletakkan asas tahun persidangan dunia pada tahun 1990-an dalam menangani isu hak wanita, sepertimana Persidangan Dunia wanita keempat yang diadakan di Beijing pada tahun 1995.

[23] Rashidah Abdullah, "Reproductive Health and Rights: The Importance for Muslim Women," 20.

University of Malaya

Sebagaimana Persidangan Antarabangsa Populasi dan Pembangunan 1994 *(International Conference on Population and Development Cairo 1994/ICPD)* di Kaherah yang menyuarakan dalam satu program tindakannya, tentang konsep kesihatan dan hak reproduktif yang komprehensif. Di Persidangan yang disertai oleh 179 buah negara itu, mentakrifkan kesihatan reproduktif sebagai suatu keadaan lengkap fizikal, mental dan kesejahteraan sosial dan bukan hanya ketiadaan penyakit atau kelemahan, dalam semua perkara yang berkaitan dengan sistem reproduktif dan melalui fungsi dan prosesnya.[24] Oleh itu, kesihatan reproduktif membayangkan bahawa setiap orang boleh mempunyai suatu proses seksual yang memuaskan dan selamat dan mempunyai kebebasan untuk membuat keputusan jika, bila dan berapa kerap untuk berbuat demikian. Selaras dengan definisi tersebut, penjagaan kesihatan reproduktif ditakrifkan sebagai suatu gugusan kaedah, teknik dan perkhidmatan yang menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan reproduktif dalam mencegah dan menyelesaikan masalah kesihatan reproduktif.[25]

Manakala skop penting dalam kesihatan seksual dan reproduktif wanita yang perlu diambil kira, dan menjadi fokus keutamaan selain ia juga selari dengan Program Tindakan ICPD iaitu:[26]

i. Keselamatan ibu dan kesejahteraan hidup kanak-kanak.
ii. Maklumat berkaitan perancangan keluarga dan perkhidmatannya.
iii. Pencegahan dan pengurusan kemandulan serta kegagalan fungsi seksual lelaki dan wanita.
iv. Pencegahan serta pengurusan komplikasi pengguguran.

---

[24] Thoraya Ahmed Obaid, "Religion and Reproductive Health and Rights," *Journal of the American Academy of Religion* (2005), 1160.
[25] Sara E. Davies, "Reproductive Health As A Human Right: A Matter of Access or Provision?" *Journal of Human Rights,* vol. 9 no. 4 (2015), 389.
[26] Sara E. Davies, "Reproductive Health As A Human Right: A Matter of Access or Provision?" 389.

University of Malaya

v. Penyediaan perkhidmatan pengguguran selamat yang dibenarkan oleh undang-undang.
vi. Pencegahan dan pengurusan jangkitan saluran pembiakan, termasuk sindrom HIV (AIDS) yang ditemui dalam kesihatan reproduktif remaja.
vii. Tanggungjawab dan seks selamat sepanjang hayat dan kesaksamaan gender.
viii. Penghapusan amalan yang berbahaya, seperti perkahwinan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga terhadap wanita.

Oleh yang demikian, penjagaan kesihatan reproduktif ini memerlukan suatu kesinambungan yang menyeluruh untuk memastikan setiap skop yang terkandung dalam kesihatan seksual dan reproduktif ini terjaga. Bermula daripada hubungan seksual suami isteri, aspek perancangan keluarga, proses kelahiran dan penjagaan *post-natal*, pencegahan dan rawatan kesuburan, pengguguran, rawatan jangkitan saluran reproduktif, penyakit kelamin (HIV/AIDS), serta setiap apa jua maklumat tentang seksualiti manusia.[27] Kerana itu dikatakan sebelum ini bahawa ianya meliputi proses kehidupan setiap wanita sejak lahir sehingga kematian. Demikian itu, sebarang keadaan yang memberikan gangguan kepada kesihatan wanita akan turut menimbulkan gangguan kepada sistem reproduktif wanita itu sendiri.

2.2.2 Hak Kesihatan Reproduktif dan Seksual Wanita *(Sexual and Reproductive Rights)*

Menjadi satu 'sekuel' atau sambungan kepada ICPD 1994 di Kaherah, konsep hak seksual dan reproduktif telah muncul dan negara-negara yang mengambil bahagian dalam persidangan ini mengesahkannya sebagai satu bahagian yang sangat penting dalam isu hak

[27] Rashidah Abdullah, "Reproductive Health and Rights: The Importance for Muslim Women," 20.

University of Malaya

asasi manusia sejagat. Sama ada hak untuk mendapat kehamilan dan melahirkan dengan selamat, begitu juga dengan kebebasan pilihan mengenai keibubapaan dan seksualiti.

Oleh itu, hak reproduktif membayangkan satu pengiktirafan hak bagi semua pasangan dan individu untuk membuat keputusan secara bebas dari segi jumlah, jarak serta masa melahirkan anak mereka selain akses untuk mendapatkan maklumat akan cara untuk berbuat demikian.[28] Begitu juga, hak seksual bermakna bahawa setiap orang harus mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam seks yang menyeronokkan dan selamat.[29]

Justeru, hak seksual dan reproduktif ini boleh disimpulkan sebagai suatu keadilan yang harus diperolehi setiap individu dalam memastikan diri mereka mencapai standard dan tahap ketinggian kesihatan diri. Demikian itu, mengambil kira daripada ketetapan Program Tindakan ICPD 1994,[30] antara elemen yang terlibat dalam prinsip ini boleh dikategorikan seperti:[31]

i. Hak untuk bebas memutuskan bilangan, jarak dan bila keinginan untuk memiliki anak.
ii. Hak untuk mendapatkan dan membuat keputusan berkenaan pembiakan yang bebas daripada paksaan, diskriminasi, atau keganasan.
iii. Hak untuk mendapat hubungan seksual yang memuaskan dan selamat.
iv. Hak dalam mendapatkan privasi peribadi.
v. Hak untuk akses kepada sebarang maklumat dan informasi berkaitan penjagaan kesihatan seksual dan reproduktif bagi mencapai aras piawaian kesihatan tertinggi.

---

[28] Sara E. Davies, "Reproductive Health As A Human Right: A Matter of Access or Provision?" 389.
[29] Seks yang selamat adalah mereka mempunyai hak dalam menentukan kehendak mereka sendiri sama ada bersedia untuk melakukan atau tidak, bila, bagaimana dan dengan siapa, dalam keadaan yang bebas daripada diskriminasi, paksaan atau risiko jangkitan kelamin yang sia-sia.
[30] T.p., "Sexual and Reproductive Health Rights," *United States: Amnesty International USA*, www.amnestyusa.org/women, diakses pada 10 Januari 2015.
[31] Angela Heimburger & Victoria Ward, "Putting the 'S' Back into Sexual & Reproductive Health," *International Journal of Sexual Health* (2014), 73.

University of Malaya

Maka, dalam usaha memartabatkan hak ini, Program Tindakan ICPD mengemukakan beberapa cadangan bagi memastikan hak-hak ini dipenuhi, merangkumi:[32]

i. Setiap amalan dan perlakuan yang bebas daripada diskriminasi.
ii. Akses kepada pendidikan universal.
iii. Mengawal kesuburan seseorang, termasuk pilihan sama ada dan bila ingin berkahwin atau mempunyai anak serta perlindungan daripada pensterilan terpaksa.
iv. Mengenal pasti dasar dan amalan yang berkaitan di antara kesihatan seksual dan reproduktif, pembangunan dan persekitaran.
v. Perlindungan daripada perkahwinan di usia muda atau kahwin paksa.
vi. Penglibatan berterusan kaum lelaki.
vii. Dapatan penuh pada peringkat nasional dan global untuk memastikan akses kepada penjagaan kesihatan asas, termasuklah hak seksual dan reproduktif.

Secara khusus, hak yang dinyatakan ini turut diakui oleh Persidangan Dunia Antarabangsa Wanita di Beijing 1995 *(World Conference on Women)* yang mengesahkan akan kepentingan kesihatan dan hak reproduktif, dengan menetapkan ianya sebagai satu komponen penting hak manusia yang telah dikenal pasti di dalam dokumen hak asasi manusia antarabangsa. Oleh kerana itu, seseorang wanita mempunyai hak dalam membuat keputusan secara bebas dan bertanggungjawab berkaitan hak seksualiti mereka, termasuk kesihatan seksual dan reproduktif yang bebas daripada paksaan, diskriminasi dan keganasan. Ini bermakna seharusnya elemen hormat-menghormati akan integriti seksual seseorang itu menjadi tanggungjawab bersama. Ini kerana kesihatan dan hak seksual

[32] T.p., "Sexual and Reproductive Health Rights," *United States: Amnesty International USA*, www.amnestyusa.org/women, diakses pada 10 Januari 2015.

University of Malaya

adalah suatu komponen yang sangat kritikal bagi kesihatan dan hak reproduktif seseorang wanita.

Justeru, takat kuasa seorang wanita dalam memutuskan untuk melibatkan diri dalam hubungan seksual, meminta amalan seksual yang selamat dan sebarang penggunaan kontraseptif sebagai pencegah kehamilan harus diambil kira atas dasar kapasiti dan autonomi mereka sebagai manusia yang mempunyai hak asasi tersendiri. Serba sedikit secara tidak langsung ianya mengurangkan amalan kehamilan yang tidak diingini dan berisiko tinggi. Maka, demi kesejahteraan dan pemerkasaan wanita itu sendiri, kawalan terhadap anggota badan dan seksualnya dikira sebagai suatu sisi penjagaan yang sangat penting. Bukan bermakna mengenepikan hak suami, tetapi keperluan terhadap kepuasan bersama, persetujuan dan rasa hormat secara zahir di antara lelaki dan wanita di dalam perhubungan seksual mereka adalah salah satu asas untuk kesamaan perkongsian dalam rumah tangga.

Tidak dinafikan bahawa hak asasi manusia digambarkan dalam setiap elemen hak seksual dan reproduktif wanita, bagi memastikan akses sejagat kepada hak tersebut. Tetapi, kadangkala wujud kekangan-kekangan individu mahupun persekitaran yang menyebabkan pelaksanaan itu terbatas seperti kemiskinan, penjagaan kesihatan atau infrastruktur yang tidak mencukupi, pengurusan yang lemah atau pelbagai halangan lain.

Pada skala global contohnya, masih lagi terdapat hak reproduktif yang diabaikan,[33] apabila wujud ketidaksamaan gender yang timbul daripada diskriminasi budaya, dan amalan, yang menghalang wanita daripada berdikari. Antara lain juga, ramai wanita yang bersalin sendiri tanpa bidan atau kakitangan mahir kerana kekurangan bantuan perubatan,

[33] Isfahan Merali, "Advancing Women's Reproductive and Sexual Health Rights: Using the International Human Rights System," *Development in Practice*, vol. 10, no. 5 (London: Routledge, 2000), 614.

University of Malaya

sehingga membawa kepada kecacatan ibu dan kematian bayi. Malah, antara yang mengecewakan apabila berpunca daripada kegagalan kerajaan mereka untuk memperuntukkan pembiayaan yang mencukupi dalam menggalakkan penjagaan dan peningkatan hak-hak reproduksi dan seksual wanita.[34]

Selain itu juga, penafian dilihat pada kesihatan dan hak seksual wanita apabila sebilangan besar wanita yang ingin mengamalkan kawalan kelahiran tidak boleh mendapat akses kepada kontraseptif. Malahan, sebilangan besar kanak-kanak perempuan berusia antara 15 dan 19 tahun terpaksa berhadapan dengan kehamilan yang tidak diingini setiap tahun.[35] Perkara sebegini jika dilihat secara mata kasar memperlihatkan unsur keganasan terhadap wanita. Keganasan tidak dinilai hanya melalui cara deraan fizikal semata-mata, tetapi ia melibatkan juga keganasan terhadap pencabulan integriti wanita itu sendiri. Ini dilihat daripada penafian dan pengabaian yang dilakukan terhadap skop-skop penting yang harus dijaga bagi wanita, secara tidak langsung ianya boleh memberikan kesan yang tidak baik pada diri wanita itu sendiri.

Apa yang ingin diketengahkan dalam kajian ini secara tidak langsung akan memperlihatkan beberapa pengabaian hak reproduktif yang berlaku dalam kalangan wanita berkahwin. Rasional skop pilihan pada sasaran hak reproduktif wanita berkahwin sahaja, apabila melihat kadar kekerapan pengabaian hak reproduktif wanita yang berlaku ini lebih membimbangkan pada golongan wanita yang berkahwin berbanding aspek-aspek lain yang menyentuh isu wanita secara umum. Peranan dan hak itu meliputi aspek penentuan

---

[34] Lawrence Omo-Aghojo, "Sexual & Reproductive Health Concepts & Current Status Among Nigerian," dicapai pada 25 April 2016, di laman www.ajmhs.org

[35] National Population Commission (NPC) (Nigeria) and ICF Macro, *Nigeria Demographic & Health Survey* (Abuja, Nigeria: National Population Commission & ICF, 2009).

University of Malaya

berkahwin, seksualiti rumah tangga termasuk hubungan seksual, kehamilan, kelahiran, pengguguran, anjuran *mu'āsharah bi al-ma'rūf* dan amalan perancangan keluarga.

2.3 ISLAM DAN HAK REPRODUKTIF WANITA

Islam memberikan hak-hak reproduktif yang seimbang di antara lelaki dan perempuan. Jauh berbeza dengan pengamalan terdahulu pada zaman Jahiliyyah yang menganggap hak reproduktif ini adalah hak penuh dan domain bagi lelaki. Wanita pada ketika itu diletakkan tarafnya sebagai *'the second creation'* yang harus diperlakukan sebagai *'the second sex.'*[36] Mitos ini telah memberikan satu persepsi kepada wanita bahawa mereka itu tidak layak untuk berdiri sama tinggi dengan kaum lelaki dan menjadi satu kewajipan untuk mereka melayani secara paksa hak dan keinginan kaum lelaki.[37]

Tetapi kedatangan Islam memberikan kemerdekaan sejati pada kaum wanita termasuk urusan-urusan reproduktif mereka. Hal ini sedikit sebanyak memberikan kesamaan di antara layanan yang sepatutnya menjadi milik lelaki juga turut sama seperti kaum wanita. Keseimbangan hak reproduktif wanita ini dapat dilihat dalam beberapa hukum kekeluargaan dan kehidupan. Sebagaimana yang dinyatakan, kajian ini hanya akan menyentuh aspek-aspek yang menjadi permasalahan dalam isu reproduktif wanita berkahwin bermula dengan amalan penentuan perkahwinan, seksualiti rumah tangga meliputi hubungan seksual suami isteri, kehamilan dan kelahiran, perancangan keluarga, kontraseptif dan *al-'azl* serta aspek keganasan rumah tangga yang bertentangan dengan anjuran *mu'āsharah bi al-ma'rūf*.

---

[36] Nasaruddin Umar, "Teologi Reproduksi," dalam *Bias Jender dalam Pemahaman Islam*, ed. Sri Suhandjati Sukri (Yogyakarta: Gama Media, 2002), 25.
[37] Nasaruddin Umar, "Teologi Reproduksi," 25.

University of Malaya

2.3.1 Menentukan perkahwinan

Perkahwinan adalah sebuah perjanjian yang dibuat di antara banyak pihak, dalam memastikan sebuah ikatan yang dibina itu mencapai objektif pensyariatan pernikahan sebagaimana digariskan oleh Islam. Justeru, dalam menentukan sesebuah perkahwinan, ianya bukan sekadar hak seorang lelaki mahupun walinya. Bahkan seorang wanita juga berhak untuk menentukan perihal perkahwinannya tersendiri sama ada dengan siapa, dan bila dia akan berkahwin.

Terkandung dalam hukum fiqh kekeluargaan, kewujudan wali dalam sesebuah perkahwinan merupakan hal yang sangat penting kerana ketiadaan wali akan mempengaruhi kepada sah atau tidak sesebuah akad perkahwinan yang dijalankan.[38] Pegangan ini adalah kesepakatan yang diterima melalui pandangan Mazhab Syafie, Maliki dan Hanbali. Manakala bagi Mazhab Hanafi, keperluan terhadap wali hanya wajib bagi perkahwinan kanak-kanak dan orang gila sama ada lelaki atau perempuan walaupun sudah dewasa. Manakala bagi perempuan yang sudah baligh dan berakal pula sama ada gadis atau janda, maka tidak ada sesiapa pun yang berhak mewalikannya, sekalipun walinya. Mereka berhak mewalikan dirinya sendiri dengan syarat lelaki itu sekufu. Sekiranya tidak sekufu, maka wali berhak menentang dan memfasakhkan pernikahan itu.[39] Ketetapan ini disandarkan daripada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 232:

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَن يَنكِحْنَ أَزْوَٰجَهُنَّ إِذَا تَرَٰضَوْا۟ بَيْنَهُم
بِٱلْمَعْرُوفِ ۗ ذَٰلِكَ يُوعَظُ بِهِۦ مَن كَانَ مِنكُمْ يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۗ ذَٰلِكُمْ أَزْكَىٰ لَكُمْ وَأَطْهَرُ ۚ
وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٢﴾

(Surah al-Baqarah, 2: 232)

---

[38] Mohammad Azam Hussain & Alias Azhar, "Definisi Wali dalam Pernikahan: Perspektif Fiqh dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia," *Kanun,* vol. 27, no. 2 (2015), 202.

[39] Shams al-Dīn al-Sarkhasī, *al-Mabsuṭ*, vol. 15 (Bayrūt, Lubnan: Dār al Ma'arif, 1398), 10.

Terjemahan: *Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu habis masa idah mereka, maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka, apabila mereka (lelaki dan perempuan itu) bersetuju sesama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh Syarak). Demikianlah diberi ingatan dan pengajaran dengan itu kepada sesiapa di antara kamu yang beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih suci. Dan (ingatlah), Allah mengetahui (akan apa jua yang baik untuk kamu) sedang kamu tidak mengetahuinya.*

Menurut Ibn Abbas, ayat ini diturunkan sejajar dengan pencegahan Ma'qal bin Yasar yang melarang saudara perempuannya untuk kembali rujuk dengan suami yang telah menceraikannya.[40] Walaubagaimanapun, ayat ini dijadikan sandaran dalil oleh para sahabat Abu Hanifah bersama-sama firman Allah surah yang sama[41], yang mengatakan bahawa seorang wanita berhak untuk menikahkan dirinya sendiri atas dasar hak dan kekuasaan yang ada pada mereka daripada asas ayat yang ada.[42] Mereka juga berpegang dengan hadis:[43]

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْأَيِّمُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا وَالْبِكْرُ تُسْتَأْذَنُ فِي نَفْسِهَا وَإِذْنُهَا صُمَاتُهَا

Terjemahan: *"Seorang janda lebih berhak atas dirinya daripada sang wali, sedangkan seorang gadis harus dimintai izinnya (untuk menikahkannya) dan izinnya adalah diamnya…"*

Kalimah *al-ayyim* dalam hadis ini lebih merujuk kepada pentafsiran wanita yang tidak mempunyai suami, samada gadis ataupun janda. Justeru, ianya membawa implikasi

---

40 Jalāl al-Dīn al-Ṣuyuṭī, *al-Durr al Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr,* vol. 2, tahqiq 'Abd Allāh Ibn 'Abd al-Ḥassan al-Tarakī (Qāhirah: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2003), 706-707.

41 Surah al-Baqarah ayat 240 dan ayat 230.

42 Al-Qurṭūbī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān,* Cet 1. Vol 4. (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 2006), 105.

43 Jāmi' al-Tirmidhī, [Kitab كتاب النكاح, باب ما جاء في استئمار البكر والثيب] no. Hadis 1108. Dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Al al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1759.

maksud bahawa *al-ayyim* ini lebih berhak kepada dirinya daripada walinya.[44] Justeru, berdasarkan ayat dan hadis tersebut, mereka berpendapat bahawa golongan wanita ini mempunyai kelayakan yang sempurna untuk menguruskan hartanya, maka dengan sendirinya dia juga berkelayakan sepenuhnya untuk mengahwinkan dirinya sendiri. Erti kata lain, pernikahan itu adalah hak mutlak perempuan untuk menentukannya.[45]

Adapun bagi kalangan yang tidak bersetuju pernikahan ini dijalankan sendiri tanpa wali bersandarkan kepada riwayat hadis [46]:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ بِغَيْرِ إِذْنِ مَوَالِيهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَالْمَهْرُ لَهَا بِمَا أَصَابَ مِنْهَا فَإِنْ تَشَاجَرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ

Terjemahan: *"Seorang perempuan yang menikah tanpa izin dari walinya, pernikahannya batal (tidak sah)." Beliau mengucapkannya sebanyak tiga kali, kemudian beliau bersabda, "Jika dia telah mencampurinya, berikanlah mahar baginya sebagai ganti dia telah menghalalkan kemaluannya. Jika para wali dari perempuan tersebut saling berselisih (menolak untuk menikahkannya), hakim menjadi wali bagi orang yang tidak mempunyai wali."*

Maka, walaupun terdapat kelonggaran dalam perbahasan di kalangan mazhab Hanafi untuk membenarkan seorang perempuan itu menikahkan dirinya sendiri tanpa penglibatan wali, tetapi melihat kepada konteks keperluan wali dalam sesebuah perkahwinan ini pada abad 21 ini, ianya adalah suatu yang masih wajar dan relevan, dalam memastikan tujuan

---

[44] Khoiruddin Nasution, *Status Wanita di Asia Tenggara: Studi Terhadap Perundang-Undangan Perkawinan Muslim Kontemporer di Indonesia dan Malaysia* (Jakarta: Leidin INIS, 2002), 170.

[45] Mohammad Azam Hussain & Alias Azhar, "Definisi Wali dalam Pernikahan: Perspektif Fiqh dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia," *Kanun,* vol. 27, no. 2 (2015), 204.

[46] Sunan Abi Dawud [Kitab النكاح, باب في الولي] no. Hadis 2083. Dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Al al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000). 1376

utama dan matlamat sesuatu pernikahan itu tercapai.[47] Selain bagi menjaga hubungan rumah tangga dan kekeluargaan antara seorang anak dengan orang tuanya. [48]

Sungguhpun dilihat penekanan terhadap pentingnya peranan dan keperluan wali dalam pernikahan seorang anak perempuan itu, ianya bukanlah suatu mandatori kepada wali untuk melakukan paksaan terhadap anak di bawah tanggungannya untuk menjalankan pernikahan tanpa kehendak anaknya.[49]

Lazimnya praktis kebiasaan sebegini adalah lebih kepada memenuhi kehendak dan kepentingan peribadi wali itu sendiri. Hal ini bertepatan dengan anjuran Islam yang melarang untuk sesebuah perkahwinan itu dijalankan secara paksa ke atas anak gadisnya, iaitu:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا يَحِلُّ لَكُمۡ أَن تَرِثُواْ ٱلنِّسَآءَ كَرۡهٗاۖ وَلَا تَعۡضُلُوهُنَّ لِتَذۡهَبُواْ بِبَعۡضِ
مَآ ءَاتَيۡتُمُوهُنَّ إِلَّآ أَن يَأۡتِينَ بِفَٰحِشَةٖ مُّبَيِّنَةٖۚ وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ فَإِن كَرِهۡتُمُوهُنَّ
فَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَيَجۡعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ خَيۡرٗا كَثِيرٗا ١٩

(Surah al-Nisā', 4: 19)

Terjemahan: *"Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadaNya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)."*

---

47 Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah,* vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1985), 127.

48 Mohammad Azam Hussain & Alias Azhar, "Definisi Wali dalam Pernikahan: Perspektif Fiqh dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia," 206.

49 Abu Bakar, "Kawin Paksa: Problem Kewenangan Wali dan Hak Perempuan dalam Penentuan Jodoh," dalam *al-Ihkam*, vol. 5, no. 1 (2010), 85.

Ayat di atas merupakan penjelasan terhadap penghapusan segala bentuk kezaliman terhadap wanita yang berlaku sebelum kedatangan Islam.[50] Menurut al-Shawkānī, ayat di atas menjelaskan Islam melarang seseorang wali melakukan penganiayaan terhadap anaknya dalam hal urusan pernikahan sehingga menyebabkan anaknya itu tidak mampu membuat keputusan sendiri dan menafikan hak anak mereka sebagai pembuat keputusan mutlak dalam kehidupan perkahwinan.[51] Bukan itu sahaja, menurut Hamka, hak-hak golongan wanita juga perlu dilindungi dan mereka tidak boleh diperlakukan sewenang-wenangnya tanpa persetujuan mereka.[52] Pendapat ini sangat bertepatan untuk diaplikasikan dalam zaman kontemporari ini.

Dalam membincangkan permasalahan ini, terdapat beberapa pendapat ulama yang boleh dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu;

2.3.1.1 Anak Perempuan Yang Belum Baligh

Menurut pendapat ibn Battal, anak perempuan yang kecil, iaitu yang masih belum mencapai usia akil baligh yang boleh menikah dan ayah kandungnya sebagai wali mujbir boleh menikahkan anak tersebut dengan lelaki dewasa baik dengan persetujuannya ataupun tidak[53] dan juga tanpa keredaan anak perempuannya itu.[54] Hal ini juga disokong oleh Ibn Hazm, iaitu wali boleh menikahkan anaknya walaupun tanpa izin anaknya sendiri. Situasi ini dibenarkan selagi anaknya belum mencapai usia baligh, dan anak tersebut tidak boleh bercerai ketika dia sudah baligh.

---

[50] Shaykh Abū Bakr Jabīr al-Jazā'irī, *Tafsīr al-Qur'ān al-Aysar,* vol. 2, 341.

[51] Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Fatḥ al-Qādir al-Jāmi' Bayna fī al-Riwāyah wa al-Dariyah min 'Ilm al-Tafsīr,* vol. 1 (t.t.p.: t.p., t.t.), 707.

[52] 'Abd al-Mālik bin 'Abd al-Karīm Amr Allāh, *Tafsīr al-Azhar*, vol. 4 (Jakarta: PT Pustaka Panjimas, 1983), 300.

[53] Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,* vol. 11, ed. Abū Qutaybah Nazar bin Muḥammad al-Fariyabī (Riyāḍ: Dār al-Ṭayyibah, 2005), 347.

[54] 'Abd al-Raḥmān al-Jazā'irī, *Kitāb al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Arba'ah,* vol. 4 (Bayrūt, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 31.

University of Malaya

Dalil di atas diambil menerusi kisah ‘Ā’ishah yang dinikahkan oleh ayahnya pada ketika umur ‘Ā’ishah enam tahun.[55] Akan tetapi pandangan ini telah ditentang oleh Ibn Shubrumah yang berpendapat bahawa wali tidak boleh menikahkan anak perempuannya sebelum mencapai usia baligh dan tanpa izin anaknya itu sendiri. Adapun bagi kisah perkahwinan Nabi SAW dengan ‘Ā’ishah adalah khusus untuk perkahwinan Baginda SAW sahaja.[56] Ini kerana pendapat lain mengatakan bahawa perkahwinan Rasulullah SAW dengan ‘Ā’ishah lebih bermotifkan dakwah dan memberikan kebebasan bagi Abu Bakar RA memasuki rumah tangga Rasulullah SAW.[57]

Penekanan ini diberikan pada situasi anak perempuan yang masih belum baligh dan masih di bawah umur kerana anak ini dikhuatiri tidak dapat menghasilkan kemaslahatan dari akad yang dilakukan selain kemampuan yang terbatas untuk memenuhi setiap kewajipan yang harus dipikul dalam kehidupan sebagai suami isteri terutama dalam pengelolaan kewangan rumah tangga.[58]

2.3.1.2 Anak Perempuan Yang Sudah Baligh

Terdapat beberapa pendapat ulama’ dalam persoalan dan perbincangan ini, iaitu [pertama], pendapat daripada Imam Malik, Imam Shāfi‘ī dan Ibn Abi Laila, mereka berpandangan bahawa si ayah boleh memaksa anak perempuannya untuk bernikah selagi mana paksaan itu tidak menimbulkan bahaya yang jelas kepada anak perempuannya yang masih kecil

---

[55] Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Sa‘īd bin Hazm al-Andalūsī, *al-Mahalla bi al-Athār,* vol. 9, ed. ‘Abd al-Ghaffar Sulayman al-Bandarī (Bayrūt: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 2003), 38.

[56] Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Sa‘īd bin Hazm al-Andalūsī, *al-Mahalla bi al-Athār,* 39.

[57] Mahmud Yunus, *Hukum Perkawinan dalam Islam* (Jakarta: Hidakarya Agung, 1985), 69.

[58] Raihanah Hj. Azahari, “Kuasa Wali Mujbir: Suatu Perbincangan,” *Jurnal Syariah*, vol. 2 (1997), 159.

University of Malaya

ataupun yang sudah mencapai usia baligh. Alasan mereka adalah apabila ayah boleh menikahkan anak yang masih kecil, maka ianya terpakai untuk anak yang sudah dewasa.[59]

Menurut Imam Shāfi'ī dan pendapat ini juga merupakan pendapat Abu Laila, Ahmad dan Ishaq, mereka menyatakan bahawa datuk dan bapa kepada anak perempuan yang sudah mencapai usia baligh dan dewasa boleh memaksa anak perempuan itu untuk bernikah walaupun anak perempuannya itu menunjukkan rasa tidak puas hati atau membantah dengan keputusan walinya itu.[60] Tetapi pandangan ini ditambah oleh kalangan ulama' Shāfi'iyyah yang meletakkan beberapa syarat bagi membenarkan pernikahan anak perempuan yang masih kecil atau yang telah dewasa dan anak gadis yang telah baligh tanpa harus meminta izinnya dengan tujuh syarat yang telah ditetapkan, iaitu **[pertama]** tidak ada permusuhan secara zahir antara wali dengan anak perempuannya, **[kedua]** tidak ada permusuhan yang berpanjangan secara zahir antara anak perempuan dengan calon suami, **[ketiga]** calon suami itu hendaklah sepadan atau sekufu, **[keempat]** suami itu mestilah mampu memberi nafkah, empat syarat yang awal ini merupakan syarat sah akad dan apabila akad yang dilakukan dengan menghilangkan salah satu syarat maka akad tersebut batal, **[kelima]** anak perempuan yang dinikahkan itu hendaklah mendapatkan pemberian mahar misil, **[keenam]** mahar yang diberikan mestilah daripada harta yang boleh digunakan, **[ketujuh]** mahar diberikan dengan kadar segera.[61]

Pendapat [kedua] ialah pendapat daripada Imam Abu Hanifah,[62] ulama' mazhab Ḥanafī, al-Awza'ī, al-Thawri, Abu Ubayd, Ibn Munzir dan satu riwayat daripada pendapat

---

[59] Abū 'Umar Yūsuf bin 'Abd Allāh bin Muḥammad bin 'Abd al-Bar bin 'Asim al-Namri al-Qurṭubī, *al-Tamhid li ma fī al-Muwaṭṭā' min al-Ma'ānī wa al-Asānid,* vol. 19 (t.t.: t.t.p., 1988), 98.

[60] Imām Muḥy al-Dīn Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī, *al-Majmū' Sharḥ al-Muhazzab,* vol. 16 (Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t.), 169.

[61] 'Abd al-Raḥmān al-Jazā'irī, *Kitāb al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Arba'ah,* 37.

[62] Shams al-Dīn al-Sarkhasī, *al-Mabsuṭ*, vol. 5, 9-11.

Imam Ahmad menyatakan bahawa ayah atau wali lain tidak boleh atau tidak berhak memaksa anak perempuannya yang masih gadis untuk menikah dan jika hal ini berlaku maka pernikahan itu tidak sah.[63]

2.3.1.3 Perempuan Janda

Berkenaan dengan hal perempuan yang telah menjadi janda, maka ulama' empat mazhab telah menyatakan bahawa wali mujbir tidak boleh melakukan perkahwinan secara paksa, iaitu tanpa mendapat keizinan daripada anak perempuannya yang telah menjadi janda kerana janda itu lebih berhak keatas dirinya.[64] Menurut Imam Nawawi, perempuan janda harus ditanya dahulu persetujuannya secara jelas kerana perempuan janda ini tidak malu-malu lagi terhadap lelaki,[65] sebagaimana firman Allah:

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَن يَنكِحْنَ أَزْوَٰجَهُنَّ إِذَا تَرَٰضَوْا۟ بَيْنَهُم
بِٱلْمَعْرُوفِ ۗ ذَٰلِكَ يُوعَظُ بِهِۦ مَن كَانَ مِنكُمْ يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۗ ذَٰلِكُمْ أَزْكَىٰ لَكُمْ
وَأَطْهَرُ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٢﴾

(Surah Al-Baqarah 2:232)

Terjemahan: *"Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu habis masa 'iddah mereka ' maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka, apabila mereka (lelaki dan perempuan itu) bersetuju sesama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh syarak). Demikianlah diberi ingatan dan pengajaran dengan itu kepada sesiapa di antara kamu*

---

63 'Abd al-Raḥmān al-Jazā'irī, *Kitāb al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Arba'ah,* 37. Lihat juga Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad Ibn Rushd al-Qurṭūbī. *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid,* vol. 3 (Qahirah: Dār al-Salām, 1995), 1241.

64 Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,* vol. 16, 261.

65 Imām Muḥy al-Dīn Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim,* vol. 9 (Miṣr: Matba'ah Azhar, 1929), 204.

University of Malaya

yang beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih suci. dan (ingatlah), Allah mengetahui (akan apa jua yang baik untuk kamu) sedang kamu tidak mengetahuinya".

Manakala bagi anak perempuan kecil yang sudah janda sama ada kematian suami mahupun diceraikan, maka walinya tidak boleh mengahwinkannya kembali sehingga ia baligh. Oleh yang demikian, anak kecil yang sudah janda kedudukannya sama dengan janda yang telah dewasa, iaitu harus meminta keizinannya terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk mengahwinkannya.[66] Sebagaimana hadis Nabi seperti berikut:

حدثنا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ ، حدثنا سُفْيَانُ ، عَنْ زِيَادِ بْنِ سَعْدٍ ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْفَضْلِ ، سَمِعَ نَافِعَ بْنَ جُبَيْرٍ ، يُخْبِرُ ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ: أَنّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّم ، قَالَ: " الثَّيِّبُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا ، وَالْبِكْرُ تُسْتَأْمَرُ ، وَإِذْنُهَا سُكُوتُهَا[67]

Terjemahan: *"Telah menceritakan kepada kami Qutaibah bin Sa'id: Telah menceritakan kepada kami Sufyan dari Ziyad bin Sa'ad dari Abdillah ibn Al Fadhli: Telah mendengar Nafi' bin Jabir dengan khabar dari Ibn 'Abbas ra. bahawasanya Nabi SAW telah bersabda: seorang janda lebih berhak atas dirinya daripada walinya dan perawan harus dengan izinnya dan izinnya ialah diamnya…"*

Justeru, kesepakatan jumhur ulama' termasuk mazhab Shāfi'ī, Mālikī dan sebahagian mazhab Ḥanbalī berkenaan upacara pernikahan yang sepenuhnya atas paksaan wali mujbir ke atas anak gadisnya adalah dibolehkan. Namun, mazhab Ḥanafī dan sebahagian mazhab

---

66 Zayn al-Dīn 'Abd al-'Azīz al Malibarī, *Fatḥ al-Mu'in* (Surabaya: Dār al 'Ābidīn, t.t.), 103.

67 Sahih al-Muslim: [Kitab النكاح, باب استئذان الثيب في النكاح بالنطق والبكر بالسكوت , no. hadis 1421], Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisabūrī, "Ṣaḥīḥ al-Muslim," 914. Lihat juga Jāmi' al-Tirmidhī: [Kitab النكاح عن رسول الله صلى الله عليه وسلم, باب ما جاء في استئمار البكر والثيب, no. hadis 1107], al-Tirmidhī, *Jāmi' al-Tirmidhī* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharif*: *al-Kutub al-Sittah* (2000), 1758. Lihat juga Sunan Nasa'i: [Kitab النكاح , استئمار والثيب في نفسها, no. hadis 3267], Aḥmad bin Shu'ayb Abū 'Abd al-Raḥmān al-Nasa'ī, "Sunan al-Nasa'ī," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2299. Lihat juga Abū Dawud, Sunan Abū Dawud: [Kitab كِتَاب النِّكَاحِ , باب في الثيب, no. hadis 2098.] Lihat Abū Dāwud Sulayman bin Ash'ath bin Isḥāq al-Azdi al-Sijistanī, "Sunan Abū Dāwud," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1377. Lihat juga Sunan Ibn Majah: [Kitab النكاح , باب استئمار البكر والثيب, no. hadis 1871,1872]. Muḥammad bin Yazid bin Mājah al-Qazwinī, "Sunan Ibn Mājah," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2589.

Ḥanbalī dan pendapat daripada Ibn al-Qayyim, tidak membolehkan hal tersebut. Adapun perempuan janda, maka ulama' seluruh mazhab sepakat bahawa kewajipan wali untuk meminta izin apabila hendak menikahkannya, iaitu dengan tidak memaksa dalam proses pernikahan.[68]

Dalam isu penentuan perkahwinan ini, memberikan hak kepada anak perempuan dalam perihal mereka membuat keputusan pada waktu bila, dan dengan siapa mereka ingin berkahwin adalah tindakan yang wajar diaplikasikan. Tidak semestinya ia hanya kuasa besar wali terdekat untuk menentukan secara penuh walaupun agama membenarkan. Kuasa ijbar yang ada pada wali mujbir perlulah dilihat dari sudut dimensi yang berbeza daripada pandangan fuqaha' terdahulu. Mengekalkan kuasa ini dalam konteks perkahwinan antara anak gadis dengan seorang lelaki yang benar-benar diyakini seorang lelaki yang soleh dan tanggungjawabnya dalam menguruskan rumah tangga, maka boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, tertakluk juga kepada keizinan anak gadis itu kerana mereka yang akan menanggung sebarang risiko yang muncul dari perkahwinan tersebut.[69]

Bagi praktis anak perempuan yang sudah baligh, tetapi masih berada dalam lingkungan umur 18 tahun ke bawah pula, pengekalan terhadap kuasa wali sebagai pembuat keputusan dalam menetapkan urusan perkahwinan mereka adalah hal yang munasabah. Pengekalan kuasa ini bertujuan supaya setiap perkahwinan yang dijalankan di awal usia ini hanya berlaku selepas melihat kepada keperluan yang selayaknya, dan bukan didasari dengan keinginan tanpa sebarang tujuan. Di Malaysia, sememangnya wujud enakmen yang mengkhususkan tentang perkahwinan bawah umur, sebagaimana termaktub dalam seksyen 8 (umur minimum untuk berkahwin):

---

[68] Muhd Fauzi Muhamad, *Undang-Undang Keluarga Islam dalam Empat Mazhab. Pembentukan Keluarga,* vol. 1, ed. ke-2 (Selangor: Synergymate Sdn Bhd., 2003), 55.

[69] Raihanah Hj. Azahari, "Kuasa Wali Mujbir: Suatu Perbincangan," 159.

"Tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah enakmen ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu…"[70]

Enakmen ini hanya membenarkan perkahwinan seorang gadis apabila sudah mencapai umur 16 tahun sahaja. Sekiranya umur seseorang gadis itu adalah bawah daripada umur minimum tersebut, maka suatu kebenaran perlu diperolehi terlebih dahulu dari pihak mahkamah berserta dengan alasan-alasan yang munasabah mengapa suatu perkahwinan itu perlu. Tidak dinafikan, pada kebiasaannya perkahwinan seawal usia 16 tahun ni terjadi kerana dasar cinta. Ini boleh dinilai daripada pengamalan semasa yang berlaku di negara kita.[71]

Dapatan yang diperoleh daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) merekodkan, sebanyak 6,268 permohonan perkahwinan bawah umur membabitkan umat Islam bagi tahun 2010 hingga 2015. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun, membentangkan jumlah permohonan yang direkodkan sebanyak 1,025 kes bagi tahun 2015, 1,032 kes bagi tahun 2014, 1,090 kes bagi

---

[70] Enakmen 2 Tahun 2003, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Seksyen 8,

[71] Sejak akhir-akhir ini kes-kes perkahwinan kanak-kanak banyak dilaporkan oleh akhbar tempatan. Antaranya seorang lelaki Riduan Masmud, 40 tahun telah didakwa merogol seorang budak berumur 12 tahun, dan kemudiannya telah mengahwini mangsanya sebagai isteri kedua dengan keizinan Mahkamah Syariah. Pada 14 Disember 2014, seorang pemuda berusia 21 tahun, Zulhelmi Kaharudin, berkahwin dengan seorang gadis berusia 15 tahun, Nurulain Mohammad, di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka, Ayer Keroh. Manakala, Zulhelmi, seorang peniaga restoran dan isterinya masih menuntut di tingkatan 3 persekolahan. Pada 30 November 2014, seorang pelajar tingkatan lima, Nur Izzati Amiera Ishak yang berusia 17 tahun pula telah berkahwin dengan teman lelakinya, Muhd. Muaz Mislan yang berusia 15 tahun. Perkahwinan ini juga juga direstui keluarga mereka. Mereka berkahwin selepas bercinta kira-kira dua bulan. Lihat Noor 'Aziah Mohd Awal, "Perkahwinan Bawah Umur atau Perkahwinan Kanak-kanak: Satu Manfaat atau Mudarat?" *Suaranita: Buletin Persatuan Wanita Universiti Kebangsaan Malaysia,* vol. 71 (2016).

University of Malaya

tahun 2013, 1,095 kes bagi tahun 2012, 1,045 kes pada tahun 2011 dan 981 kes pada tahun 2010.[72]

Bukanlah suatu angka yang sangat besar untuk dibandingkan dengan jumlah remaja yang ada, tetapi praktis sebegini dilihat sebagai satu jalan mudah yang sangat longgar untuk melepaskan anak terlalu awal dalam memilih jalan hidupnya hanya kerana perasaan cinta si anak. Faktor ini antara yang memberi sebab kepada kemunculan kelompok feminisma negara[73] yang lantang bersuara menyatakan ketidaksetujuan mereka. Hal ini dilihat dengan lebih jelas apabila Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu *(UNICEF)* menetapkan sekiranya berlaku suatu perkahwinan yang melibatkan pasangan di bawah usia 18 tahun, maka ia dianggap sebagai satu pelanggaran hak asasi manusia. Begitu juga pada tahun 2013, *UN Human Rights Council* meluluskan satu ketetapan bahawa perkahwinan bawah umur itu adalah satu pelanggaran hak asasi manusia. Mengikut *UNICEF* lagi yang telah menjalankan penyiasatannya ke atas lebih 118 negara, dianggarkan lebih 700 juta wanita yang ada di muka bumi ini telah berkahwin semasa mereka di bawah umur (masih kanak-kanak), manakala kira-kira 250 juta berkahwin sebelum mereka berusia 15 tahun.[74]

---

[72] Mohd Azrone Sarabatin, Norakmah Mat Youb & Ahmad Suhael Adnan, "6268 permohonan kahwin bawah umur," *Berita Harian*, 19 Mei 2016.

[73] Antara gerakan feminisma yang ada di Malaysia ialah Sister In Islam (SIS), dibentuk pada tahun 1988 terdiri daripada kumpulan peguam, aktivis, ahli akademik dan wartawan wanita termasuk Zainah Anwar dan Marina Mahathir. Tujuan penubuhan bagi mengadakan satu gerakan untuk menyelesaikan masalah wanita Islam di Mahkamah Syariah. Jabatan Agama Islam Selangor, "Sister In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme di Malaysia?" laman web *Jabatan Agama Islam Selangor,* dicapai pada 4 September 2017 melalui http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/2012/julai/KertasKerja_4.pdf. Terdapat juga gerakan feminisma lain yang agak ketara dalam mempertahan dan memperjuang hak-hak kesaksamaan gender dan keadilan wanita ini antaranya *Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia (PERTIWI)*, *Pertubuhan Pertolongan Wanita/Women's Aid Organisation (WAO),* dan *All Women's Action Society (AWAM).*

[74] Salleh Buang, "Kahwin Bawah Umur: Apa Kata Undang-Undang?" *Utusan Online*, 19 April 2016, dicapai pada 12 Jun 2016.

University of Malaya

Urusan perkahwinan ini seharusnya tidak dipandang enteng, meskipun mengikut adat kebiasaan, seseorang wanita berkahwin di usia muda, ketika persekolahan, tetapi apa yang penting adalah prinsip kematangan dalam diri mereka itu. Tidak tertumpu kepada tahap kematangan semata-mata, apa yang lebih penting adalah kemampuan seksualiti mereka sekiranya dinikahkan secara paksa mahupun dengan kerelaan sendiri dalam usia yang tidak sepatutnya. Pernyataan ini tidak bermaksud bahawa sesuatu perkahwinan itu terbina dengan hubungan kelamin semata, tetapi ia adalah suatu fitrah yang Allah SWT limpahkan kepada umatNya, bahawa perkahwinan adalah cara untuk umat manusia menyalurkan keinginan fitrahnya melalui cara yang halal di sisi Islam. Justeru itu, apabila berlakunya sesuatu hubungan perkahwinan itu dalam keadaan pihak yang tidak bersedia dalam aspek seksualitinya, ia secara tidak langsung boleh membawa kepada kesan-kesan yang tidak diingini baik dari segi pengaturan dan pengurusan kehidupan mereka, sama ada yang melibatkan mental dan fizikal. Bahkan apa yang lebih besar apabila kegagalan dalam menguruskan dan memberikan yang terbaik buat pasangan kerana faktor kematangan itu, secara tidak langsung boleh menyumbang kepada pengabaian reproduktif dan seksual seseorang wanita itu sendiri.

Bertitik tolak dari apa yang dijelaskan dilihat berlakunya pertentangan antara dua keadaan hak reproduktif wanita dalam hal ini. Pada masa yang sama ingin meraikan hak untuk mereka memilih bila mereka ingin berkahwin, tetapi tanpa disedari tersirat satu lagi hak yang lebih penting, iaitu hak mendapatkan suatu kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang dengan mengembangkan potensi diri mereka dalam pendidikan dan kerjaya di masa akan datang. Tidak kurang juga melihat kepada komplikasi kesihatan itu sendiri, usia perkahwinan yang terlalu awal dan muda membuka ruang kepada risiko kesihatan fizikal,

University of Malaya

di mana mereka akan menempuh proses kehamilan, komplikasi bersalin dalam usia yang terlalu awal.

2.3.2 Seksualiti Rumah Tangga

Istilah seks sering disalah tafsirkan oleh masyarakat hingga kadangkala perbincangan berkaitan isu ini sering kali dielakkan. Kesan daripada tertutupnya ruang-ruang perbincangan ini secara tidak langsung boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat berkenaan masalah seks ini. Istilah seks boleh diterjemahkan secara umumnya sebagai keinginan syahwat, jantina, jenis kelamin dan bangsa.[75] Daripada istilah seks, maka lahirlah istilah seksualiti yang menerangkan tentang sifat, tabi'i atau dorongan seks dan juga dianggap sebagai elemen penting bagi mengukuhkan kebahagiaan rumah tangga.[76]

Reaksi seksualiti adalah sesuatu yang bersifat kenalurian yang memerlukan perubahan dalaman seseorang individu dan juga fitrah bagi lelaki dan perempuan. Ianya bukan sekadar tertumpu kepada lelaki sahaja, bahkan ia juga melibatkan naluri kewanitaan. Berkenaan dengan seksualiti wanita, ia telah mendapat tempat yang terendah berbanding kaum lelaki dan seolah-olah telah dieksploitasi oleh kaum lelaki.[77]

Islam tidak pernah mengabaikan hak seksualiti seseorang, buktinya hubungan pernikahan yang sah itu adalah salah satu cara yang terbaik untuk menyalurkan nafsu lelaki

---

[75] Zainal Abidin Safarwan *et al.*, *Kamus Besar Bahasa Melayu* (Petaling Jaya: Percetakan Kum, 1995), 1647.

[76] Istilah '*Seksualiti*' yang diguna pakai dalam perbincangan ini diambil daripada kamus dewan edisi keempat yang dicapai daripada laman sesawang rasmi dewan bahasa pustaka. Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, dicapai pada 9 Disember 2015, http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=seksualiti

[77] Harlina Halizah Siraj, "Perancangan Keluarga dan Islam."

dan wanita ke tempat yang sesuai dan selamat berlandaskan prinsip agama Islam. Sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran;

وَمِنْ ءَايَـٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَـٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

(Surah ar-Rum 30:21)

Terjemahan: *"dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir…"*

2.3.2.1 Hubungan Seksual Suami Isteri

Allah SWT menjadikan manusia sebaik-baik kejadian dalam keadaan berpasang-pasangan, sama ada lelaki dan wanita. Fitrah manusia pula ada dua, iaitu hidup berpasangan dan nafsu seks. Kedatangan agama Islam tidak pernah memusnahkan dan menghilangkan fitrah semulajadi manusia, tetapi agama Islam datang untuk mengajar manusia bagaimana hendak menguruskan fitrah itu selaras dengan kehendak beragama. Agama Islam juga sangat menggalakkan umatnya untuk hidup berpasangan, melalui pensyariatan perkahwinan selaras ianya sebagai salah satu cara untuk menyambung legasi-legasi manusia di muka bumi.

۞ هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا ۖ فَلَمَّا تَغَشَّىٰهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيفًا فَمَرَّتْ بِهِۦ ۖ فَلَمَّآ أَثْقَلَت دَّعَوَا ٱللَّهَ رَبَّهُمَا لَئِنْ ءَاتَيْتَنَا صَٰلِحًا لَّنَكُونَنَّ مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٨٩﴾

(Surah al-A'raf 7:189)

Terjemahan: *"Dialah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari (hakikat) diri yang satu, dan ia mengadakan daripada hakikat itu pasangannya (diri suami isteri), untuk bersenang hati dan hidup mesra yang satu kepada yang lain. ketika suami mencampuri isterinya, mengandunglah ia dengan kandungan yang ringan, serta teruslah ia dengan keadaan itu (ke suatu waktu). kemudian ketika ia merasa berat (dan menaruh bimbang) berdoalah suami isteri itu kepada Tuhan mereka (dengan berkata):" Sesungguhnya jika Engkau (wahai Tuhan kami) mengurniakan kami nikmat yang baik, tentulah kami menjadi orang-orang yang bersyukur..."*

Hal ini juga bertepatan dengan hadis Rasulullah yang melarang umatnya untuk hidup membujang dan berseorangan, sebagaimana hadis Nabi SAW:

أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، يَقُولُ: جَاءَ ثَلَاثَةُ رَهْطٍ إِلَى بُيُوتِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْأَلُونَ عَنْ عِبَادَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَلَمَّا أُخْبِرُوا كَأَنَّهُمْ تَقَالُّوهَا ، فَقَالُوا: وَأَيْنَ نَحْنُ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَا تَأَخَّرَ ؟ قَالَ أَحَدُهُمْ: أَمَّا أَنَا ، فَإِنِّي أُصَلِّي اللَّيْلَ أَبَدًا ، وَقَالَ آخَرُ: أَنَا أَصُومُ الدَّهْرَ وَلَا أُفْطِرُ ، وَقَالَ آخَرُ: أَنَا أَعْتَزِلُ النِّسَاءَ فَلَا أَتَزَوَّجُ أَبَدًا ، فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَيْهِمْ ، فَقَالَ: " أَنْتُمُ الَّذِينَ قُلْتُمْ كَذَا وَكَذَا ، أَمَا وَاللَّهِ إِنِّي لَأَخْشَاكُمْ لِلَّهِ وَأَتْقَاكُمْ لَهُ لَكِنِّي أَصُومُ وَأُفْطِرُ ، وَأُصَلِّي وَأَرْقُدُ ، وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ ، فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي[78].

Terjemahan: *"Anas bin Malik berkata "Ada tiga orang yang pernah datang ke rumah isteri Nabi SAW, mereka bertanya tentang ibadah Nabi SAW. Ketika mereka diberitahu (perihal ibadat Nabi SAW, mereka beranggapan bahawa ibadat yang dilakukan oleh Nabi SAW itu sedikit dan biasa-biasa sahaja. Mereka berkata, Siapa diri kita jika hendak dibandingkan dengan Nabi SAW? Allah telah mengampuni dosa baginda yang telah lalu dan akan datang.' Salah satu dari mereka berkata, "Aku akan selalu melaksanakan solat malam." Yang lain berkata, "Aku akan berpuasa terus menerus sepanjang tahun tanpa ada pernah putus." Yang lain berkata pula, "Aku akan menjauhi wanita dan tidak akan menikah selamanya." Rasulullah SAW lantas berkata, "Apakah kalian yang berkata begini dan begitu?. Demi Allah, aku sendiri yang paling takut pada Allah dan paling bertaqwa padaNya. Aku sendiri tetap puasa, namun ada waktu untuk*

[78] Sahih al-Bukhari: [Kitab النِّكَاحِ , بَاب التَّرْغِيبِ فِي النِّكَاحِ , no. hadis 3158], Abū 'Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Ḥadīth al-Sharif: al-Kutub al-Sittah* (2000) 438. Sahih al-Muslim: [Kitab كتاب النكاح, باب استحباب النكاح لمن تاقت نفسه إليه ووجد مؤنه واشتغال من عجز عن المؤن بالصوم, no. hadis 1401], Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisabūrī, "Ṣaḥīḥ al-Muslim," 910.

istirehat tidak berpuasa. Aku sendiri mengerjakan solat malam dan ada waktu untuk tidur. Aku sendiri menikahi wanita. Siapa yang membenci ajaranku, maka ia tidak termasuk golonganku…"

Apabila penyaluran fitrah manusia itu diberikan kepada setiap individu, seharusnya setiap hubungan seksualiti lelaki dan perempuan itu dikelola dengan cara yang terbaik dan sihat kerana ia adalah anugerah Allah kepada hambanya, sebagaimana sabda Nabi SAW;

عَنْ أَبِي الْأَسْوَدِ الدِّيلِيِّ ، عَنْ أَبِي ذَرٍّ ، ..... ، وَفِي بُضْعِ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيَأْتِي أَحَدُنَا شَهْوَتَهُ ، وَيَكُونُ لَهُ فِيهَا أَجْرٌ ؟ ، قَالَ: أَرَأَيْتُمْ لَوْ وَضَعَهَا فِي حَرَامٍ أَكَانَ عَلَيْهِ فِيهَا وِزْرٌ ، فَكَذَلِكَ إِذَا وَضَعَهَا فِي الْحَلَالِ كَانَ لَهُ أَجْرٌ. "[79]

Terjemahan: *"Daripada Abu al-Aswad ad-Dili, daripada Abu Zar……dan pada hubungan intim di antara kamu juga merupakan sedekah, " para sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah, bagaimana mungkin kami bersama isteri dengan syahwat (disetubuhi) boleh mendapat pahala?" Rasulullah SAW berkata, "Bagaimana pendapat seseorang meletakkan nafsu tersebut pada tempat yang haram (berzina) tidakkah dia berdosa? Begitulah sebaliknya jika dia menempatkan nafsunya pada yang halal (berkahwin). Dia pun berhak memperoleh pahala…"*

Menurut Imam Nawawi dalam syarh Sahih Muslim, maksud kalimah بُضْعِ dalam hadis di atas adalah jima' atau kemaluan. Kedua-dua definisi tersebut adalah benar dan boleh diterima pakai. Hal ini menunjukkan bahawa suatu perkara yang boleh dinilai sebagai suatu ketaatan jika ia didasari dengan niat yang benar dan betul. Jima', iaitu bersetubuh atau hubungan intim suami isteri boleh menjadi ibadah jika dimulakan dengan niat untuk menunaikan hak isteri, bergaul baik dengannya, dan melakukan kebajikan sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT. Di samping itu, jima' juga boleh ditakrifkan sebagai ibadah apabila diniatkan hubungan intim suami isteri untuk

[79] Sahih al-Muslim: [Kitab الزكاة , باب بيان أن اسم الصدقة يقع على كل نوع من المعروف, no. hadis 2329], Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisabūrī, "Ṣaḥīḥ al-Muslim," 837.

memperoleh keturunan yang soleh, menjadi benteng diri agar tidak terjerumus dalam kancah zina, agar pasangan tidak memandang atau melakukan perkara yang diharamkan, juga tidak berfikiran atau hendak melakukan perkara yang bukan-bukan mahupun maksiat.[80]

Apabila sudah memasuki alam perkahwinan, Allah SWT membekalkan kepada manusia nafsu syahwat terhadap pasangan mereka untuk mereka saling menanam rasa cinta di antara satu sama lain seterusnya mencapai objektif utama dalam pernikahan. Nafsu merupakan fitrah semulajadi yang Allah SWT bekalkan kepada manusia sejak azali lagi. Sebagaimana firman Allah SWT;

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلْبَنِينَ وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ
وَٱلْفِضَّةِ وَٱلْخَيْلِ ٱلْمُسَوَّمَةِ وَٱلْأَنْعَٰمِ وَٱلْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ
حُسْنُ ٱلْمَـَٔابِ ﴿١٤﴾

(Surah Ali-Imran 3: 14)

Terjemahan: *"Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga)…"*

Selain itu, Nabi SAW juga menggalakkan umatnya agar memiliki anak hasil daripada hasil perkahwinan. Anjuran ini sebagai salah satu daripada objektif utama perkahwinan untuk mengembang biakkan keturunan serta meramaikan umat Islam. Sebagaimana hadis Nabi SAW:

---

[80] Imām Muḥy al-Dīn Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim,* vol. 7, 92.

عَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ ، قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ: ".....تَزَوَّجُوا الْوَدُودَ الْوَلُودَ ، فَإِنِّي مُكَاثِرٌ بِكُمُ الْأُمَمَيَوْمَ الْقِيَامَة[81]."

> Terjemahan: *"Daripada Ma'qil bin Yasar, beliau berkata: Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW, lalu baginda bersabda:……."Berkahwinlah kamu dengan perempuan yang berbaka banyak anak kerana aku akan berbangga dengan kamu di hari kiamat kelak dengan banyaknya umat."*

Penjelasan ini memberikan petunjuk akan keinginan lelaki dan perempuan terhadap seks merupakan perkara fitrah semulajadi yang telah dibekalkan oleh Allah SWT. Oleh sebab itu wujudnya pensyariatan pernikahan yang akan membawa kepada beberapa implikasi terhadap tanggungjawab yang harus dilunaskan oleh seorang isteri terhadap suaminya. Perkara sebegini kadangkala menjadi perselisihan dalam kalangan masyarakat, tentang sejauh mana tanggungjawab itu perlu dijalankan mengikut lunas-lunas agama. Permasalahan-permasalahan yang kebiasaannya timbul berkaitan isu seksualiti wanita dalam konteks rumahtangga ini boleh dilihat dalam beberapa isu di antaranya ialah:

a) Larangan Terhadap Suami Isteri Menolak Hajat Pasangan Masing-masing

Suami adalah pemimpin dalam sesebuah institusi kekeluargaan dan ketua rumah tangga yang meliputi isteri dan anak-anak. Allah SWT mengangkat darjat lelaki sebagai pelindung

---

[81] Hadis ini diriwayatkan oleh Abū Dawud, Sunan Abū Dawud: [Kitab كِتَاب النِّكَاحِ,... بَاب النَّهْيِ عَنْ تَزْوِيجِ مَنْ لَمْ يَلِدْ مِنَ,no. hadis 2050], Lihat Abū Dāwud Sulayman bin Ash'ath bin Isḥāq al-Azdi al-Sijistanī, "Sunan Abū Dāwud," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah,* 1374. Syeikh Al-Albani telah meletakkan hadis ini sebagai Hasan Sahih. Lihat Sahih Sunan Abū Dawud: [Kitabكِتَاب النِّكَاحِ,... بَاب النَّهْيِ عَنْ تَزْوِيجِ مَنْ لَمْ يَلِدْ مِنَ,no. hadis 1789], Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī, *Ṣaḥīḥ Sunan Abū Dāwud,* vol. 6 (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'rif, 1998), 291. Syeikh Al-Albani telah meletakkan hadis ini sebagai hadis sahih dengan jalur hadis daripada Anas bin Malik. Lihat Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī, *Irwa' al-Ghalīl fī Takhrij Aḥādith Manar al-Sabīl*, vol. 6, cet. 1 (Bayrūt: Maktabah al-Islāmī, 1979), 195.

University of Malaya

dan dia juga wajib untuk memberi nafkah kepada tanggungannya. Sebagaimana firman Allah SWT:

ٱلرِّجَالُ قَوَّٰمُونَ عَلَى ٱلنِّسَآءِ بِمَا فَضَّلَ ٱللَّهُ بَعۡضَهُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٖ وَبِمَآ أَنفَقُواْ مِنۡ أَمۡوَٰلِهِمۡۚ فَٱلصَّٰلِحَٰتُ قَٰنِتَٰتٌ حَٰفِظَٰتٞ لِّلۡغَيۡبِ بِمَا حَفِظَ ٱللَّهُۚ وَٱلَّٰتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَٱهۡجُرُوهُنَّ فِي ٱلۡمَضَاجِعِ وَٱضۡرِبُوهُنَّۖ فَإِنۡ أَطَعۡنَكُمۡ فَلَا تَبۡغُواْ عَلَيۡهِنَّ سَبِيلًاۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيرٗا ٣٤

(Surah al-Nisā', 4: 34)

Terjemahan: *"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha tinggi, lagi Maha besar…"*

Dalam hal berkaitan hak seksual suami terhadap isteri, terdapat hadis yang menyatakan bahawa isteri seharusnya melayani keinginan seksual suaminya dalam apa jua keadaan sekalipun. Seorang isteri tidak boleh menolak keinginan seksual suaminya. Sebagaimana hadis nabi SAW;

University of Malaya

عَنْ قَيْسِ بْنِ طَلْقٍ ، عَنْ أَبِيهِ طَلْقِ بْنِ عَلِيٍّ ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : إِذَا الرَّجُلُ دَعَا زَوْجَتَهُ لِحَاجَتِهِ فَلْتَأْتِهِ ، وَإِنْ كَانَتْ عَلَى التَّنُّورِ[82]

Terjemahan: *"Apabila seorang suami mengajak isterinya untuk bersama, maka hendaklah isterinya itu memenuhinya walaupun dia sedang berada di dapur."*

Bukan itu sahaja, jika seorang isteri menolak ajakan suami, malaikat akan melaknat si isteri tersebut. Hal ini boleh dirujuk melalui hadis nabi SAW;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ: " إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهِ فَأَبَتْ فَلَمْ تَأْتِهِ ، فَبَاتَ غَضْبَانَ عَلَيْهَا ، لَعَنَتْهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تُصْبِحَ[83]

Terjemahan: *"Jika suami mengajak isterinya ke tempat tidur, kemudian si isteri menolaknya sehingga suami tidur dalam keadaan marah kepadanya, maka isteri akan dilaknat oleh para malaikat sampai pagi…"*

Selain itu, terdapat juga hadis nabi SAW yang lain;

عن عبدالله بن أبي أوفى..... وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ ، لَا تُؤَدِّي الْمَرْأَةُ حَقَّ رَبِّهَا حَتَّى تُؤَدِّيَ حَقَّ زَوْجِهَا ، وَلَوْ سَأَلَهَا نَفْسَهَا وَهِيَ عَلَى قَتَبٍ لَمْ تَمْنَعْهُ[84]

Terjemahan: *"Demi Allah, yang jiwa Muhammad berada di tanganNya, seorang wanita tidak akan boleh menunaikan hak Allah sebelum ia*

---

[82] Jāmi' al-Tirmidhī: [Kitab الرضاع, باب ما جاء في حق الزوج على المرأة, no. hadis 1160], al-Tirmidhī menyatakan hadis ini hasan gharib. Lihat Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah bin Mūsā al-Tirmidhī, "Jāmi' al-Tirmidhī," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, 1765. Hadis ini dinilai sahih oleh al-Albani. Lihat Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī,* vol. 1 (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000), 593.

[83] Sunan Abū Dawud: [Kitab النكاح , باب في حق الزوج على المرأة , no. hadis 2141], Abū Dawud Sulayman ibn Ash`ath al-Azadi al-Sijistani, *Sunan Abū Dawud* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharif: al-Kutub al-Sittah* (2000), 1380. Hadis ini juga ada diriwayatkan oleh al-Bukhari, Sahih al-Bukhari: [Kitab النكاح, باب إذا باتت المرأة مهاجرة فراش زوجها , no. hadis 5193], Abū 'Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Ḥadīth al-Sharif: al-Kutub al-Sittah* (2000) 449. Hadis ini juga ada dalam Sahih al-Muslim: [Kitab النكاح, باب تحريم امتناعها من فراش زوجها, no. hadis 1436], Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisabūrī, "Ṣaḥīḥ al-Muslim," 919.

[84] Sunan Ibn Majah: [Kitab النكاح , باب حق الزوج على المرأة, no hadis 1853], Muḥammad bin Yazid bin Mājah al-Qazwinī, "Sunan Ibn Mājah," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah,* 2588. Al-Albani menilai hadis ini sebagai hasan sahih (no. hadis 1515). Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī, *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah,* vol. 2, 121.

menunaikan hak suaminya. Andai kata suami meminta dirinya (hubungan intim suami isteri) sedangkan dia sedang berada di atas punggung unta, maka dia (isteri) tetap tidak boleh menolak…"

Zahir hadis-hadis di atas menunjukkan betapa pentingnya untuk seorang isteri menunaikan kehendak seksual suaminya. Dalam ertikata yang lain, isteri tidak boleh menolak keinginan seksual suami saat diperlukan.

Sebenarnya perintah tersebut masih lagi tertakluk dalam beberapa situasi dan keadaan. Perkara sebegini bukanlah suatu yang tidak boleh ditoleransikan antara kedua-dua pihak. Beberapa pengulas hadis ini memberikan penjelasan bahawa, secara asasnya kewajipan untuk memenuhi keinginan seksual seorang suami ditujukan kepada seorang isteri yang sememangnya tidak mempunyai sebarang alasan munasabah untuk menolaknya. Misalnya, Wahbah al-Zuḥaylī[85] memberikan pengecualian kepada seorang isteri melayani keinginan suami apabila isteri tersebut berada dalam keadaan sedang mengerjakan suatu kewajipan agama yang memang tidak dapat ditinggalkan. Penolakan isteri juga dibenarkan apabila merasakan dirinya telah dizalimi oleh suaminya.[86] al-Shirazi[87] pula memberikan pengecualian apabila seorang isteri tiada keinginan, tidak terangsang pada ketika itu untuk sesuatu hubungan kelamin, maka boleh menangguhkannya kepada tempoh tiga hari. Melalui cara sebegini, setiap amalan seksual suami isteri ini akan berjalan dengan cara yang makruf, dan tiada lagi anggapan bahawa isteri itu seakan satu objek seks dalam hubungan rumah tangga.[88] Apa yang diperlukan adalah keberanian seorang isteri untuk

---

85 Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, vol. 7, 335.

86 Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, vol. 7, 335.

87 Abī Zakariyyā Maḥy al-Dīn Ibn Sharf Nawawī, *Kitāb Majmū' Sharḥ Muhadhdhab li al-Shirazī*, ed. Muḥammad Najib al-Muṭi'ī, vol. 18 (Jeddah: Maktabah al-Arshād, t.t), 90, "Bab 'Ushrah al-Nisa' wa al-Qism."

88 Tutik Hamidah, *Fiqh Perempuan Berwawasan Keadilan Gender* (Indonesia: UIN Maliki Press 2011), 110. Lihat juga Masdar Farid Mas'udi, *Islam dan Hak-Hak Reproduksi Perempuan* (Indonesia: Penerbit Nizam, 1997), 112-113.

mengutarakan keberatannya dan juga ihsan daripada pertimbangan seorang suami untuk memberikan kelonggaran. Di situlah wujudnya suatu pertimbangan dan perlakuan yang baik diberikan kepada wanita dalam memelihara hak seksualnya.

Walau bagaimanapun, melihat dari sisi keadilan hubungan seksual ini, bukan sahaja isteri yang tidak boleh menolak ajakan suami, malah sebenarnya suami juga tidak boleh menolak ajakan isterinya. Sepertimana dalam firman Allah SWT:

وَلَهُنَّ مِثْلُ ٱلَّذِى عَلَيْهِنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ

(Surah al-Baqarah 2:228)

Terjemahan *"...dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak)..."*

Ini dapat memberikan satu implikasi hukum bahawa menjadi kewajipan seorang suami juga untuk memenuhi kehendak seksual isteri sebagaimana pandangan Ibn Qudāmah[89] bahawa seorang suami wajib memberikan khidmat seksual jika tiada keuzuran kerana ia dikira juga sebagai hak suami isteri yang harus ditunaikan. Ia boleh dikatakan sebagai suatu simbol keadilan dalam menjalankan setiap tanggungjawab rumah tangga, iaitu suami mempunyai hak yang harus ditunaikan isteri, begitu juga pada sisi isteri. Tetapi kerapkali berlaku adalah sebaliknya, apabila para isteri sering kali ditakutkan dengan ancaman kederhakaan dan mendapat laknat sekiranya tidak menunaikan hak seksual ini mengikut waktu keinginan suami. Sedangkan secara adilnya, kedua-dua mereka mempunyai tanggungjawab yang sama rata dalam konteks ini.

[89] Muwafiq al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah, *al-Mughnī,* vol. 10 (Riyāḍ: Dār 'Alam al-Kutub, 1997), 220.

b) Kewajipan Suami Melayani Isteri dengan Cara Yang Diizinkan Syara'

Masalah hubungan seksual suami isteri adalah satu perkara penting yang perlu difahami selari berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Allah SWT telah mengangkat martabat manusia kerana manusia mempunyai peraturan hidup tersendiri berbeza dengan makhluk hidupan yang lain. Islam telah menetapkan kaedah-kaedah dan adab-adab dalam hal seksual suami isteri berpandukan dalil yang sahih. Allah SWT telah memuliakan manusia berbeza dengan binatang, sebagaimana firmannya;

۞ وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِىٓ ءَادَمَ وَحَمَلْنَٰهُمْ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلْنَٰهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

(Surah al- Isra' 17: 70)

Terjemahan: *"dan Sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan".*

Isteri merupakan amanah Allah SWT kepada suami, dan menjadi tanggungjawab suami untuk memelihara maruah isteri dari segenap aspek demi merealisasikan keharmonian rumah tangga berteraskan syariat Islam, sebagaimana firman Allah SWT:

نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا۟ حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ ۖ وَقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُم مُّلَٰقُوهُ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٢٣﴾

(Surah al-Baqarah 2:223)

Terjemahan: *"isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu; dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah Sesungguhnya kamu akan menemuiNya (pada hari akhirat kelak) dan berilah khabar gembira wahai Muhammad) kepada orang-orang yang beriman…"*

Menurut Hamka, isteri diibaratkan sebagai ladang yang luas untuk suami bercucuk tanam di ladang tersebut dengan benih dan cara yang baik supaya suami memperolehi hasil tanaman yang terbaik. Isteri juga sebagai tempat suami berkasih sayang dan tempat suami bersuka ria.[90] Dalam hal seksual suami isteri pula, sememangnya fitrah suami isteri kadangkala menginginkan cara yang pelbagai dalam menjalani kehendak seksual masing-masing. Walau bagaimanapun, setiap perlakuan hubungan itu perlulah selari mengikut cara yang makruf. Matlamat perkahwinan bukanlah melepaskan syahwat semata-mata tetapi matlamat utama adalah dengan niat ibadat kepada Allah dan mengembangkan keturunan zuriat. Maka Allah SWT telah menetapkan perkara yang telah difardhukan dalam hubungan suami isteri. Allah SWT juga melaknat bagi siapa yang menggauli isterinya melalui dubur isteri dan dalam keadaan haid sebagaimana pendalilan al-Quran dan hadis berikut:

ملعونٌ مَن يأتي النِّساءَ في محاشِّهنَّ . يعني: أدبارَهنَّ[91]

Terjemahan: *"Allah melaknat bagi siapa yang menggauli isterinya melalui dubur…"*

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ
...مَن أتى حائضًا أوِ امرأةً في دُبرِها أو كاهنًا فصدَّقَه بما يقولُ فقد كفرَ بماأُنزلَ علَى محمَّدٍ
[92]

---

[90] 'Abd al-Mālik bin 'Abd al-Karīm Amr Allāh, *Tafsīr al-Azhar*, vol. 27, 294.

[90] Abū Fidā' Ismā'il Ibn Kathīr al-Qurshī al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr,* vol. 2, ed. Sami bin Muḥammad al-Salāmah (Riyāḍ: Dār Ṭayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi', 1997), 199.

[91] Hadis ini dinilai hasan oleh Ibn 'Addi iaitu melalui 'Uqbah bin 'Amir. Lihat Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī, *Ādab al-Zaffaf fī Sunnah al-Muṭaharrah* ('Umman: Maktabah Islāmiyyah, 1998), 105.

[92] Sunan Abū Dawud: [Kitab الطب, باب في الكاهن , no. hadis 3904], Abū Dawud Sulayman ibn Ash`ath al-Azadi al-Sijistani, *Sunan Abū Dawud* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharif: al-Kutub al-Sittah* (2000), 1510. Hadis ini juga ada diriwayatkan oleh al-Tirmidhī, Jāmi' al-Tirmidhī: [Kitab الطهارة عن رسول الله صلى الله عليه وسلم , باب ما جاء في كراهية إتيان الحائض , no. hadis 135], Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah bin Mūsā al-Tirmidhī, "Jāmi' al-Tirmidhī," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, 1647.

Terjemahan: *"Barang siapa menggauli (jima') perempuan (isterinya) dalam keadaanya isterinya sedang haid atau pada duburnya atau mendatangi dukun lalu membenarkan ucapannya (dukun), maka dia telah kufur terhadap apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW…"*

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْمَحِيضِ ۖ قُلْ هُوَ أَذًى فَٱعْتَزِلُوا۟ ٱلنِّسَآءَ فِى ٱلْمَحِيضِ ۖ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ
حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ ۖ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ ٱللَّهُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ
ٱلْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

(Surah al-Baqarah 2:222)

Terjemahan: *"dan mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci, maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri…"*

Menurut al-Tabari, larangan secara menyeluruh bagi suami yang ingin menggauli isterinya melalui kemaluan ketika waktu haid.[93] Begitu juga Imam Ahmad meriwayatkan daripada Anas menyatakan bahawa, pentafsiran golongan Yahudi jika isterinya sedang haid, mereka tidak mahu makan dan tidur bersama isterinya. Lalu Allah menurunkan ayat di atas sebagai suatu sanggahan terhadap orang Yahudi.[94] Menurut Hamka, wanita dalam keadaan haid bukanlah najis sepertimana yang difahami oleh golongan Yahudi dan tidak ada larangan untuk saling bercumbuan antara suami isteri ketika bersama.[95] Larangan ini adalah suatu larangan mutlak jika dilihat melalui zahir ayat di atas, tentang pengharaman

---

[93] Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*, vol. 3 (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 1980), 728

[94] Abū Fidā' Ismā'il Ibn Kathīr al-Qurshī al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr,* vol. 1, 589.

[95] 'Abd al-Mālik bin 'Abd al-Karīm Amr Allāh, *Tafsīr al-Azhar*, vol. 1, 198.

melakukan persetubuhan ketika haid. Walau bagaimanapun menurut al-Jazā'iri, majoriti ulama' menyatakan bahawa sekiranya suami tetap melakukan persetubuhan tersebut, ianya tidak membawa kepada implikasi kaffarah, bahkan hanya sekadar jatuh hukum haram dan berdosa.[96]

Menurut Sayid Qutb, jika pasangan suami isteri melakukan hubungan seksual ketika isteri dalam keadaan haid akan menyebabkan matlamat bersama itu tidak akan tercapai kerana perkara tersebut hanya melenyapkan kenikmatan bersama selain fitrah manusia suka akan kebersihan dan kesucian.[97]

Maka jelas di sini peranan isteri kepada suami dan tanggungjawab suami dalam menjaga amanah Allah SWT agar suami dapat memanfaatkan isteri ke jalan yang diredhai Allah SWT. Bukan itu sahaja, Islam mewajibkan kepada suami isteri agar melaksanakan tuntutan seksual selari dengan kaedah yang dibenarkan Islam semoga hasilnya itu dirahmati oleh Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ

(Surah al-Nisā', 4: 19)

Terjemahan: *"dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik…"*

Menurut at-Tabari, suatu kewajipan terhadap suami untuk menggauli isterinya dengan cara yang dihalalkan sesuai dengan syariat Islam.[98] Sememangnya tidak menafikan hak para suami untuk melakukan apa cara sekalipun ketika menjalinkan hubungan suami isteri, tetapi ia perlulah patuh kepada adab-adab yang dibenarkan oleh syara', sebagaimana firman Allah SWT:

---

96 Shaykh Abū Bakr Jabīr al-Jazā'irī, *Tafsīr al-Qur'ān al-Aysar,* vol. 1, 363.
97 Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, vol. 1, 242.
98 Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*, vol. 6, 532.

.....هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمۡ وَأَنتُمۡ لِبَاسٌ لَّهُنَّۗ عَلِمَ ٱللَّهُ أَنَّكُمۡ كُنتُمۡ تَخۡتَانُونَ أَنفُسَكُمۡ
فَتَابَ عَلَيۡكُمۡ وَعَفَا عَنكُمۡۖ فَٱلۡـَٔـٰنَ بَـٰشِرُوهُنَّ وَٱبۡتَغُواْ مَا كَتَبَ ٱللَّهُ لَكُمۡۚ .....

(Surah al-Baqarah 2: 187)

Terjemahan: *"Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu. maka sekarang setubuhilah isteri-isteri kamu dan carilah apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu.."*

2.3.2.2 Anjuran *Mu'āsharah bi al-Ma'rūf* dalam Hubungan Suami Isteri

Dalam kehidupan berumah tangga, suami isteri mempunyai hak dan kewajipan ke atas pasangan masing-masing. Hak ini tidak akan dipenuhi sekiranya berlaku pengabaian tanggungjawab dan juga kewajipan sesama pasangan. Sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah al Baqarah ayat 228 seperti berikut:

وَلَهُنَّ مِثۡلُ ٱلَّذِى عَلَيۡهِنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ وَلِلرِّجَالِ عَلَيۡهِنَّ دَرَجَةٌۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

(Surah al-Baqarah' 2: 228)

Terjemahan: *"Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya menurut cara yang makruf. Akan tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada isterinya. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana...."*

Menyentuh tentang hak suami isteri, sudah pasti setiap pasangan suami isteri akan mengimpikan satu hubungan yang harmoni, perlakuan yang baik di antara pasangan selari dengan hak-hak yang digariskan Islam dan juga hak semasa. Ini yang dikatakan sebagai anjuran dan tuntutan untuk *mu'āsharah bi al-ma'rūf* di antara suami isteri. *Mu'āsharah bi al-ma'rūf* adalah satu anjuran bagi suami untuk menggauli para isteri dengan baik. Tuntutan ini tidak lain tidak bukan bagi memastikan matlamat untuk mendapatkan

perkahwinan yang sakinah, mawaddah dan warrahmah. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 19 yang mana:

وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ

(Surah al-Nisā', 4: 19)

Terjemahan: *"dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik…"*

Imam al-Shawkānī dalam tafsirnya[99] menerangkan makna kalimah *mu'āsharah bi al-ma'rūf* ini dengan saranan untuk memperlakukan para isteri sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah dengan cara yang baik, iaitu dengan memenuhi hak-haknya berupa mahar dan nafkah, dan baik dalam ucapannya.

Prinsip *mu'āsharah bi al-ma'rūf* ini banyak dituntut dalam hubungan seksual di antara suami isteri.[100] Tetapi mengambil pendekatan bahawa dalam perkahwinan, penjagaan hubungan yang harmoni bukan tertumpu keseluruhannya pada aspek seksual, bahkan menuntut kepada hubungan zahir yang lebih besar seperti nafkah, penjagaan kesihatan isteri, kehamilan dan kelahiran. Justeru, prinsip ini sangat sesuai untuk diluaskan skopnya pada setiap perbuatan yang baik, dan santun antara pasangan serta jauh dari segala bentuk kekerasan.[101] Sekiranya berlaku kekerasan walau dalam apa bentuk sekalipun, secara jelas ia telah bertentangan dengan prinsip *mu'āsharah bi al-ma'rūf* ini.

Setiap tindakan kekerasan yang dilakukan oleh suami terhadap isterinya, sama ada kekerasan terhadap fizikal, perkataan, perbuatan mahupun seksual, ia boleh dikategorikan sebagai suatu bentuk keganasan rumah tangga yang secara jelas bertentangan dengan hak

---

[99] Muḥammad bin 'Ali bin Muḥammad al-Shawkānī, *Fatḥ al-Qādir al-Jāmi' Bayna fī al-Riwāyah wa al-Dariyah min 'Ilm al-Tafsīr*, terj. Sayyid Ibrahim (Jakarta: Pustaka Azzam, 2008), 759.

[100] Tutik Hamidah, *Fiqh Perempuan Berwawasan Keadilan Gender,* 109.

[101] Norzulaili Mohd Ghazali, *Nusyuz, Syiqaq dan Hakam menurut al-Qur'an, Sunnah dan Undang-Undang Keluarga Islam*, cet. Ke-1 (Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2007), 19.

University of Malaya

reproduktif wanita. Secara konklusinya, prinsip *mu'āsharah bi al-ma'rūf* ini boleh dilihat apabila setiap tindakan dalam pergaulan rumah tangga itu dilandaskan dengan asas kewajaran yang seimbang melalui kaca mata agama dan masyarakat, maka ia boleh dikategorikan sebagai seorang suami yang telah melakukan satu pergaulan yang ma'ruf.[102]

2.3.3 Kehamilan dan Kelahiran

Setiap wanita akan melalui proses kehamilan dan kelahiran tatkala bergelar seorang isteri dan proses ini diterjemahkan sebagai peringkat awal kehidupan bagi manusia. Dengan itu setiap wanita berkahwin perlu menyiapkan diri dengan ketahanan yang kuat dari segi mental dan fizikal apabila berhadapan dengan proses kehamilan dan juga kelahiran.

Dalam memastikan kelancaran proses tersebut, harus dimulai seawal daripada saat diketahui hamil lagi dengan menitikberatkan penjagaan kesihatan diri ibu dan bayi dalam kandungan bagi mengelakkan daripada sebarang komplikasi kesihatan yang boleh mengundang mudarat kepada kedua-duanya. Selain mengamalkan gaya hidup yang sihat, menangani tekanan (stress) secara berkesan, mengelakkan diri daripada sebarang pendedahan toksiditi tidak kira pencemaran udara, air dan makanan adalah suatu usaha yang sangat penting pada peringkat kehamilan.[103]

Proses kelahiran pula menuntut pasangan untuk sentiasa bekerjasama melibatkan diri dalam penjagaan ibu, penjagaan anak yang baru lahir supaya perjalanan membesarkan khalifah yang diamanahkan itu berjalan dengan baik, dan teratur mengikut cara yang sepatutnya.

---

[102] Zulkifli Mohammad al-Bakri (Mufti Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau dengan penulis, 23 Ogos 2017.

[103] Rizem Aizid, *Buku Lengkap Fiqih Kehamilan & Melahirkan: Panduan Syar'i Seputar Kehamilan hingga Melahirkan* (Yogyakarta: Penerbit Saufa, 2016), 59-64.

University of Malaya

Walau bagaimanapun, satu perkara yang harus disedari dalam memastikan seorang isteri menjalani proses kehamilan yang selamat adalah, terlebih dahulu memberikan ruang kepada isteri untuk menentukan masa yang dirasakan sesuai pada pandangan dan kesediaan diri mereka untuk berhadapan dengan proses kehamilan.[104] Dalam erti kata lain, pentingnya bagi seorang suami untuk memastikan isteri mereka sudah bersedia untuk hamil, iaitu mengambil kira dalam suatu tempoh masa yang wajar dan juga jarak dengan anak yang sedia ada. Agenda ini bukanlah menuntut kepada kewajipan secara menyeluruh bagi seorang suami untuk diikuti, tetapi lebih kepada suatu usaha untuk memastikan seorang isteri itu tidak melalui kehamilan yang tidak diingini *(unwanted pregnancies)* yang mungkin secara umumnya boleh memberikan komplikasi lain yang boleh memudaratkan.[105] Perkara ini secara tidak langsung berkait rapat dengan amalan penggunaan kontraseptif atau perancangan keluarga yang juga menimbulkan polemik tersendiri dalam perbincangan selanjutnya.

Proses kehamilan dan kelahiran ini turut dikategorikan sebagai suatu kelemahan yang berganda (وهناً على وهنٍ) sepertimana yang terkandung dalam beberapa surah al-Quran seperti:

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصَـٰلُهُۥ فِى عَامَيْنِ أَنِ ٱشْكُرْ لِى وَلِوَٰلِدَيْكَ إِلَىَّ ٱلْمَصِيرُ

(Surah Luqman, 31: 14)

Terjemahan: *"Dan kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada dua orang ibu- bapanya, ibunya telah mengandungnya dalam*

[104] Marlene Makenzius, *Unintended Pregnancies, Abortion and Preventions. Women and Men's Experiences and Needs* (Sweeden: Uppsala Universitet, 2012), 57.

[105] Mansureh *et al.,* "Unintended Pregnancy and Its Adverse Social and Economic Consequences on Health System: A Narrative Review Article," *Iranian Journal of Public Health*, vol. 44, no. 1 (2015), 12.

keadaan lemah yang bertambah- tambah, dan menyusukannya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepadaku dan kepada dua orang ibu bapamu, Hanya kepada-Kulah kembalimu"

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ إِحْسَـٰنًا ۖ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا ۖ وَحَمْلُهُۥ وَفِصَـٰلُهُۥ ثَلَـٰثُونَ شَهْرًا ۚ .....

(Surah al-Ahqaf, 46: 15)

Terjemahan: *"Kami perintahkan kepada manusia supaya berbuat baik kepada dua orang ibu bapanya, ibunya mengandungnya dengan susah payah, dan melahirkannya dengan susah payah (pula). mengandungnya sampai menyapihnya adalah tiga puluh bulan…"*

Kedua-dua ayat ini mengandungi ibrah yang sangat besar apabila menggambarkan keperitan dan kepayahan seorang wanita yang bergelar ibu saat melalui proses kehamilan hingga kelahiran. Oleh itu, menjadi suatu kewajipan bagi seseorang anak untuk meletakkan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada ibu yang telah mengandungkannya.[106] Hal ini sesuai dengan darjat yang telah diletakkan oleh Islam antara kehormatan terhadap ibu dan juga bapa.

2.3.4 Proses Pengguguran

Amalan pengguguran lebih kepada suatu proses untuk menyingkirkan embrio atau fetus dari uterus ibu sebelum cukup bulan, sama ada secara spontan atau taruhan.[107] Pentafsiran dan pembahagian pengguguran berbeza mengikut istilah perubatan (medikasi) atau istilah fiqh. Dalam istilah perubatan, pengguguran diklasifikasikan sebagai penamatan kehamilan setelah berlakunya persenyawaan telur (ovum) di dalam rahim ibu sebelum mencapai

---

[106] Abdullah bin Muhammad Alu Syaikh, *Tafsir Ibnu Kathir,* terj M. 'Abdul Goffar E.M., vol. 8 (Jakarta: Pustaka Imam Asy Syafi'i, 2008), 502.

[107] Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, dicapai pada 5 September 2017, http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pengguguran&d=129316&

waktu 20 minggu.[108] Menurut istilah perubatan, pengguguran didasari dengan satu tempoh waktu tertentu, samada sebelum atau selepas usia 20 minggu. Berbeza dengan istilah fiqh yang tidak menetapkan sebarang indikator waktu tertentu.

Dalam sorotan fiqh pengguguran ini, boleh dibahagikan kepada beberapa jenis pengguguran seperti pengguguran spontan, pengguguran kerana dharurat, pengguguran kerana khilaf, dan pengguguran kerana menyerupai kesengajaan.[109] Bagi setiap jenis pengguguran itu memberikan satu indikasi dan hukum yang berbeza.[110]

Aspek pengguguran ini boleh menimbulkan implikasi hukum yang berbeza, bergantung pada alasan dilakukan samaada mengelakkan daripada berlakunya sesuatu mudarat yang lebih besar atau pun sekadar menutup rasa kekesalan atas kehamilan yang tidak diingini. Pengguguran yang dijalankan kerana kehamilan yang tidak diingini atas dorongan pelbagai faktor persekitaran yang lain samaada ekonomi, sosial atau rasa malu adalah haram secara qat'ienya dan tiada toleransi agama dalam isu ini.

Berbeza dengan pengguguran yang dijalankan atas kekhuatiran terhadap mudarat yang lebih besar berlaku. Mudarat yang lebih besar itu jika mana melibatkan keadaan kesihatan si ibu yang sememangnya tidak dapat menampung kehamilan tersebut, dan diyakini bahawa kehamilan itu boleh membahayakan dan meletakkan situasi si ibu dalam bahaya. Maka dalam hal ini, kaedah umum syariat الضرر الأشد يزال بالضرار الأخف[111]

---

[108] Maria Ulfah Anshor, *Fikih Aborsi Wacana Penguatan Hak Reproduksi Perempuan* (Jakarta: Penerbit Buku Kompas, 2006), 35.

[109] Maria Ulfah Anshor, *Fikih Aborsi Wacana Penguatan Hak Reproduksi Perempuan,* 38-39.

[110] Perbincangan dan isu ini tidak menjadi fokus utama kajian ini, dalam mengetengahkan perbahasan implikasi hukuman bagi setiap amalan pengguguran. Bacaan lanjut boleh dilihat pada perbincangan Maria Ulfah Anshor yang membahaskan perbincangan terperinci berkaitan fiqh pengguguran. Lihat Maria Ulfah Anshor, *Fikih Aborsi Wacana Penguatan Hak Reproduksi Perempuan.*

[111] Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali@Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh* (Selangor: Ilham Abati Enterprise, 2000), 180.

membenarkan melakukan mudarat yang lebih ringan bagi mengelakkan daripada mudarat yang lebih besar.

Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada syarat usia kandungan tersebut tidak lebih daripada 120 hari.[112] Ini berbekalkan kesepakatan para ulama' fiqh yang berpegang bahawa menggugurkan anak selepas ditiupkan roh padanya adalah suatu perlakuan kesalahan yang berat dan haram.[113] Apabila janin tersebut telah membentuk rupa seorang manusia, justeru menjadi suatu pengharaman untuk seseorang itu menjalani proses pengguguran sungguhpun pada asasnya untuk kesihatan si ibu.[114]

Adapun pengguguran bagi janin yang telah ditiupkan roh, iaitu sudah melepasi tempoh 120 hari, pandangan beberapa ulama' kontemporari[115] ada yang membenarkan dengan syarat itu adalah jalan terakhir yang ada untuk menyelamatkan nyawa si ibu dari kematian atau disebabkan kecacatan yang sangat teruk.[116] Walau bagaimanapun, ianya mesti dibuktikan secara medikasi daripada pakar perubatan yang bertauliah. Hal ini kerana menjaga kehidupan yang yakin adalah keutamaan berbanding kehidupan janin yang masih belum pasti.[117] Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Israa' ayat 33, iaitu:

وَلَا تَقْتُلُوا۟ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۗ

---

[112] Ibn 'Ābidīn, *Radd al-Mukhtār 'ala al-Durr al-Mukhtār* (*Hasyiyah Ibn 'Ābidīn*), ed. 'Adil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd, 'Alī Muḥammad Mu'awwadh (Riyāḍ: Dār 'Alam al-Kutub, 2003), 336.

[113] Ibn 'Ābidīn, *Radd al-Mukhtār 'ala al-Durr al-Mukhtār* (*Hasyiyah Ibn 'Ābidīn*), 336.

[114] Baharuddin, Ahmad Syukran, "Jenayah Pengguguran Janin," *Majalah al-Ustaz,* vol. 60 (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2017), 70-71; Yusuf al-Qaradhawi, *Halal dan Haram dalam Islam,* terj. Zulkifli Mohammad al-Bakri (Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi, 2013), 374; Makiah Tussaripah Jamil *et al*., "Pengguguran Bayi Menurut Perspektif Islam dan Perundangan di Malaysia," *Global Journal of al-Thaqafah,* vol. 2, no. 1 (2012), 75.

[115] Maḥmūd Shaltūt, *al-Islām 'Aqīdah wa Sharī'ah* (Qāhirah: Dār al-Qalam, 1966), 289-290. Lihat juga Yusuf al-Qaradhawi, *Halal dan Haram dalam Islam,* 374.

[116] Jabatan Kehakiman Islam Malaysia, "Fatwa Menggugurkan Janin Pembawa Atau Pengidap Penyakit Thalassaemia," *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia* (Putrajaya: JAKIM, 2002), 87.

[117] Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *Mawsū'ah Fiqhiyyah,* vol. 2 (Kuwait: Dār al-Ṣafwah, 1998), 57.

(Surah al-Isra', 17: 33)

"Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya), melainkan dengan suatu (alasan) yang benar…"

Manakala, bagi pengguguran yang berlaku sebelum tempoh 120 hari, ia memberi pelbagai tafsiran yang berbeza dalam kalangan fuqaha' antaranya:

i. **Pendapat pertama**: Pengguguran janin sebelum berlakunya proses peniupan roh adalah dibolehkan bagi sebahagian pendapat ulama' dari mazhab Ḥanafī, Shāfi'ī dan Ḥanbalī dan Mālikī,[118] namun perlu dengan keizinan daripada kedua-dua ibu bapanya dan ada sebab yang memerlukan.[119] Mereka berdalil dengan hadis Ibn Mas'ud yang menunjukkan bahawa roh belum ditiup ke dalam janin dan penciptaan masih lagi belum sempurna sebelum empat bulan.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ، قَالَ: حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ: " إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا ، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ ، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ ، ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ وَيُؤْمَرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ بِكَتْبِ رِزْقِهِ ، وَأَجَلِهِ ، وَعَمَلِهِ ، وَشَقِيٌّ ، أَوْ سَعِيدٌ ، فَوَالَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ إِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ

[118] Antara ulama yang membenarkan adalah Imam Ibn 'Abidin, Imam Abū al-Hassan al-Lakhmiy, dan Ibn Qudāmah. Hal ini dipersetujui apabila terdapat alasan untuk apa perlu dilakukan pengguguran tersebut dan sebelum berlakunya persenyawaan bagi Ibn Qudāmah.

[119] Maria Ulfah Anshor, *Fikih Aborsi Wacana Penguatan Hak Reproduksi Perempuan,* 103.

النَّارِ فَيَدْخُلُهَا ، وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيَدْخُلُهَا[120] "

Terjemahan: *"Dari 'Abd Allāh bin Mas'ud, dia berkata: telah berkata kepada kami Rasulullah SAW, dan dia adalah orang yang jujur lagi dipercayai: "Sesungguhnya tiap kalian dikumpulkan ciptaannya dalam rahim ibunya, selama 40 hari berupa nutfah (air mani yang kental), kemudian menjadi 'alaqah (segumpal darah) selama itu juga, lalu menjadi mudghah (segumpal daging) selama itu, kemudian diutus kepadanya malaikat untuk meniupkannya ruh, dan dia diperintahkan mencatat empat perkara yang telah ditentukan: rezekinya, ajalnya, amalnya, kesulitan atau kebahagiannya. Demi zat yang tiada Ilah kecuali Dia, sesungguhnya setiap kalian ada yang melaksanakan perbuatan ahli syurga sehingga jarak antara dirinya dan Syurga hanyalah sehasta, namun dia telah didahului oleh al kitab (ketetapan/takdir), maka dia mengerjakan perbuatan ahli neraka, lalu dia masuk ke dalamnya. Di antara kalian ada yang mengerjakan perbuatan ahli al-Nar (penduduk neraka), sehingga jarak antara dirinya dan neraka cuma sehasta, namun dia telah didahului oleh taqdirnya, lalu dia mengerjakan perbuatannya ahli Syurga, lalu dia memasukinya…"*

ii. **Pendapat kedua**: Pengguguran pada tahap ini adalah makruh kerana mengambil kira waktu peniupan ruh yang tidak pasti, justeru perbuatan tersebut sebagai langkah berhati-hati. Pendapat ini dipegang oleh oleh sebahagian ulama' mazhab Ḥanafī seperti Ali al-Qami[121] dan juga sebahagian mazhab Shāfi'ī seperti Imam al-Ramly.[122]

---

[120] Sahih al-Muslim: [Kitabباب كيفية خلق الآدمي في بطن أمه وكتابة رزقه وأجله وعمله وشقاوته وسعادته , القدر, no. hadis 6723] Lihat dalam Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisabūrī, "Ṣaḥīḥ al-Muslim," 1138; Sahih al-Bukhari: [Kitab باب ذكر الملائكة, بدء الخلق, no. hadis 3208] Lihat Abū 'Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Ḥadīth al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000), 260. Jāmi' al-Tirmidhī: [Kitab باب ما جاء أن الأعمال بالخواتيم, القدر عن رسول الله صلى الله عليه وسلم, no. hadis 2137] Lihat Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah bin Mūsā al-Tirmidhī, "Jāmi' al-Tirmidhī," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, 1866., Sunan Ibn Majah: [Kitab باب في القدر, السنة, no hadis 76]; Sunan Abū Dawud: [Kitab باب في القدر, السنة no. hadis 4708]. Lihat Muḥammad bin Yazid bin Mājah al-Qazwinī, "Sunan Ibn Mājah," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah,* 2481.

[121] Maria Ulfah Anshor, *Fikih Aborsi Wacana Penguatan Hak Reproduksi Perempuan,* 93.

[122] Baharuddin, Ahmad Syukran, "Jenayah Pengguguran Janin," *Majalah al-Ustaz,* 70-71.

iii. **Pendapat ketiga**: Pengguguran janin sebelum tempoh peniupan roh dikira sebagai haram. Implikasi ini berdalilkan logik bahawa tatkala berlakunya proses persenyawaan nutfah dan ovum yang dikenali dengan al-nutfah, bermakna sudah bermula saat untuk menerima kehidupan. Perbuatan merosakkan kewujudan tersebut dikira sebagai suatu perkara yang sangat keji. Pendapat ini dipegang oleh sebahagian mazhab Mālikī, iaitu Imam al-Dardir, Ibn Qudāmah dari mazhab Ḥanbalī, dan sebahagian mazhab Shāfi'ī, iaitu Imam Ghazali. Imam Ghazali pula berpandangan akan pengharaman ini atas gambaran bahawa percambahan antara sperma dan ovum diibaratkan sebagai satu transaksi serah terima (ijab-qabul) yang tidak boleh dirosakkan tatkala 'disepakati' dalam rahim isteri.[123]

Zahirnya, pengguguran ini hanya boleh dilakukan apabila bertembung antara dua mudarat, dan mendapat pengesahan daripada pakar perubatan bertauliah akan kesahannya, maka di situlah rukhsah pengguguran boleh dilakukan sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Sepertimana fatwa yang telah dikeluarkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-26 Mac 1990 telah membincangkan berkaitan proses pengguguran disebabkan kecacatan yang timbul. Keputusan menetapkan bahawa haram menggugurkan janin di dalam kandungan kecuali atas sebab-sebab kecacatan yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.[124] Hal ini bertepatan dengan penjelasan hukum terbaru yang boleh dijadikan rujukan semasa yang dikeluarkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, apabila berhadapan situasi

[123] Maria Ulfah Anshor, *Fikih Aborsi Wacana Penguatan Hak Reproduksi Perempuan,* 99.
[124] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.*

mudarat melibatkan kehamilan ini, berkaitan amalan pengguguran yang dibolehkan disebabkan virus zika yang melanda negara suatu ketika.[125]

2.3.5 Penentuan Kehamilan (Perancangan Keluarga)

Islam bukan sekadar agama biasa, yang menuntun kepada aktiviti ritual keagamaan semata-mata, tetapi ianya juga sebagai satu sistem sosial merangkumi akhlak dan peradaban. Oleh yang demikian, nilai-nilai yang terkandung dalamnya juga merangkumi kesempurnaan manusia dalam seluruh aspek kehidupan. Syariah Islam yang komprehensif tidak hanya tertumpu dengan masalah keimanan dan ibadah sahaja, bahkan ianya terkait tentang perilaku moral, interaksi sosial, urusan muamalah, perundangan, perkembangan masyarakat dan hubungan antarabangsa.

Secara umumnya, Islam menunjukkan bagaimana sikap 'simpati' itu diterjemahkan dalam hal ini, kerana sungguhpun umum mengetahui bahawa pensyariatan perkahwinan itu pada dasarnya adalah untuk menambahkan zuriat sebagaimana firman Allah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا
رِجَالاً كَثِيرًا وَنِسَآءً ۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا
﴿١﴾

(Surah Al Nisaa 2:1)

Terjemahan: *"Hai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhan mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya; dan daripada kedua-duanya Allah memperkembang biakkan lelaki dan perempuan yang banyak. dan bertaqwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) namaNya kamu saling meminta satu sama*

[125] Zulkifli Mohamad Al-Bakri, "Bayan Linnas: Hukum Berkaitan Virus Zika," dicapai pada 12 September 2017, http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/bayan-linnas/1243-bayan-linnas-siri-68-hukum-hukum-berkaitan-virus-zika

lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu…"

Sungguhpun disyariatkan anjuran perkahwinan ini untuk meramaikan umat, harus diingat bahawa kehamilan yang tidak dirancang kekerapannya, pengaturan jumlahnya, akan memberikan kesan dan komplikasi pada isteri terutamanya melibatkan taraf kesihatan si isteri.[126] Bertitik tolak daripada hadis asal riwayat daripada Ibn Abbas yang seterusnya dijadikan kaedah asas dalam elemen قواعد فقهية yang mana menyebut:

لا ضرار ولا ضرار [127]

Terjemahan: *"Tidak memudaratkan dan tidak dimudaratkan…"*

Ini menunjukkan suatu ketetapan umum yang digunakan oleh para ulama' apabila menetapkan sesuatu hukum, khususnya apabila tiada dalil yang khusus dan tegas tentang sesuatu perkara ini. Justeru, apabila sesuatu perkara itu boleh memberikan kesan mudarat pada sesuatu yang lain, maka secara terangan ianya dibolehkan untuk menolak atau menerimanya dalam konteks menyingkirkan dan menghilangkan setiap kemudaratan yang timbul[128] selaras dengan kaedah fiqh yang lain, iaitu الضرر يزال. Begitu juga yang berlaku dalam perancangan keluarga, sekiranya ianya menyentuh tentang kemudaratan yang dihadapi oleh ibu dalam aspek kesihatan, ketidakmampuan ekonomi bapa dan kekosongan

---

[126] Harlina Halizah Siraj, *Citra Wanita Kontemporari*, 66.

[127] لا ضرار ولا ضرار adalah segala kemudharatan yang berlaku wajib dihilangkan dan dihapuskan. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang bersangkutan dengan masalah melibatkan kemudaratan. Ada antara kaedah yang menghalang kemudaratan itu daripada dilakukan manakala kaedah ini pula menerangkan tentang kewajipan untuk menghilangkan kemudaratan tersebut apabila ia berlaku. Oleh itu, kaedah ini menunjukkan bahawa apabila berlaku sesuatu kemudaratan yang menimpa mana-mana pihak, maka kemudaratan itu wajib dihilangkannya daripada terus ditanggung.

[128] Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali@Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh,* 177.

University of Malaya

pendidikan keagaamaan dalam membesarkan anak-anak, maka amalan perancangan keluarga adalah wajar.[129]

Terdapat beberapa pandangan yang tidak membenarkan amalan perancangan keluarga sebagaimana akan dilanjutkan dalam perbincangan, mengambil kira hadis yang melarang umatnya untuk hidup membujang dan berseorangan sebagaimana sabda baginda yang menegaskan:

> عَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ ، قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ: ".....تَزَوَّجُوا الْوَدُودَ الْوَلُودَ ، فَإِنِّي مُكَاثِرٌ بِكُمُ الْأُمَمَيَوْمَ الْقِيَامَة[130]."
>
> Terjemahan: *"Daripada Ma'qil bin Yasar, beliau berkata: Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW, lalu baginda bersabda:……."Berkahwinlah kamu dengan perempuan yang berbaka banyak anak kerana aku akan bermegah dengan kamu di hari kiamat kelak dengan banyak umat..."*

Sungguh pun demikian, aspek perancangan keluarga harus dilihat secara menyeluruh, melalui pensyariatannya dalam Islam, keharusannya melalui al-Quran dan al-Sunnah, sebelum ianya diinterpretasikan pelaksanaannya dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim. Pandangan ini akan memberikan satu kata putus sama ada ianya dibolehkan ataupun ianya boleh dikira sebagai satu 'kezaliman' bagi golongan yang tidak menerimanya dalam hubungan kekeluargaan.

---

[129] Heather Boonstra, *Islam, Women and Family Planning: A Primer* (t.t.p.: The Guttmacher Report on Public Policy, 2001), 4.

[130] Hadis ini diriwayatkan oleh Abū Dawud, *Sunan Abū Dawud*: [Kitabكِتَاب النِّكَاحِ,... بَاب النَّهْيِ عَنْ تَزْوِيجِ مَنْ لَمْ يَلِدْ مِنَ,no. hadis 2050], Lihat Abū Dāwud Sulayman bin Ash'ath bin Isḥāq al-Azdi al-Sijistanī, "Sunan Abū Dāwud," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah,* 1374. Syeikh Al-Albani telah meletakkan hadis ini sebagai Hasan Sahih. Lihat *Sahih Sunan Abū Dawud*: [Kitabكِتَاب النِّكَاحِ,... بَاب النَّهْيِ عَنْ تَزْوِيجِ مَنْ لَمْ يَلِدْ مِنَ,no. hadis 1789], Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī, *Ṣaḥīḥ Sunan Abū Dāwud,* vol. 6, 291. Syeikh Al-Albani telah meletakkan hadis ini sebagai hadis sahih dengan jalur hadis daripada Anas bin Malik. Lihat Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī, *Irwa' al-Ghalīl fī Takhrij Aḥādith Manar al-Sabīl*, vol. 6, 195.

University of Malaya

2.3.5.1 Perbezaan pendapat berkaitan hukum perancangan keluarga: Kelompok menyokong dan menolak

Sejauh mengangkat permasalahan perancangan keluarga ini dalam sorotan kajian yang lalu, tidak ada nas yang jelas dalam al-Quran tentang pelarangan suami isteri untuk menjarakkan kehamilan, mengatur keluarga, mengurangkan bilangan zuriat selari dengan kemampuan fizikal, dan ekonomi keluarga mereka. Hal ini turut terpakai juga pada sebarang kaedah kontraseptif sama ada kaedah tradisional, iaitu *al-'azl* mahupun kontraseptif moden yang lain. Perbincangan fuqaha' dalam hal ini akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

Masih ada pandangan yang diutarakan oleh golongan yang menolak dan menyokong dalam menginterpretasikan hujah-hujah mereka tentang hukum perancangan keluarga disertai dengan nas al-Quran mengikut kefahaman mereka. Perkara ini bukanlah suatu kesalahan besar pada hematnya, tetapi ianya bertambah kompleks apabila sesetengah mereka terlalu ekstrim dalam pentafsiran rhadap ayat al-Quran tersebut untuk dalam memastikan pendapat mereka itu diterima pakai.

a) Perancangan keluarga sebagai suatu pembunuhan anak secara *'khafiyy'*

Isu ini seringkali diperdebatkan oleh para ulama' terdahulu[131] sekiranya perancangan keluarga ini dibahaskan. Perkara ini menjadi serius kerana mengambil dasar utama hukum pembunuhan anak sebagai suatu dosa besar dan bukan sekadar haram. Pengkaji

[131] Walaupun ada kajian artikel tentang golongan yang bersetuju dengan amalan perancangan keluarga, tidak kurang dengan golongan yang menentang dengan dukungan ayat al-Quran yang dibawanya seperti Syeikh Abū Zahrah yang menerbitkan satu kritikan pedas tentang perancangan keluarga dalam Majalah Liwa' Al-Islam yang bertajuk تنظيم النسل. Selain itu, Dr. Sallam Madzkur, dalam pengkajiannya نظرة السلام الى تنظيم النسل , Maulana Maududi dalam bukunya Gerakan Keluarga Berencana.

membawakan hujah oleh golongan menolak dan menerima pendapat ini sepertimana berikut:

i) Golongan yang menolak perancangan keluarga

Golongan yang menolak[132] menyatakan dengan jelas bahawa sebarang kaedah kontraseptif dan juga amalan yang boleh mencegah kehamilan itu sebagai suatu yang berdosa, kerana dianggap sebagai pembunuhan anak. Mereka berhujah berdasarkan nas al-Quran seperti berikut:

وَلَا تَقْتُلُوٓاْ أَوْلَٰدَكُم مِّنْ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ ۖ

(Surah al-An'am 6: 151)

Terjemahan: *"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut kemiskinan, Kami akan memberi rezeki kepadamu ……."*

Melihat kepada zahir ayat di atas dapat diketahui bahawa terdapat segelintir manusia membunuh anak kerana takut kepada kemiskinan dan kefakiran sedangkan Allah SWT telah menjamin rezeki setiap makhluk ciptaanNya. Berdasarkan ayat ini jugalah konsep perancangan keluarga itu telah dibahaskan sehingga menyebabkan perpecahan kepada dua golongan, iaitu golongan yang menyokong dan menolak konsep perancangan keluarga ini.

[132] Antara golongan yang menolak sepertimana dinyatakan Syeikh Abū Zahrah, Dr. Sallam Madzkur, Maulana Maududi dari Jamaa't el-Islami, Mufti Muhammad Shafi' dari Dār al-'Ulum Karachi, dan Maulana Ihtisham al-Haq Thanvi. Lihat Abul Fadl Mohsin Ebrahim, *Isu-isu Biomedis dalam Perspektif Islam: Aborsi, Kontrasepsi dan Mengatasi Kemandulan* (Jakarta: Penerbit Mizan, 1988), 82-83.

University of Malaya

ii) Golongan Menyokong Perancangan Keluarga[133]

Golongan ini agak berfikiran terbuka dalam mentafsirkan nas al-Quran kerana mereka tidak bersetuju dengan perumpamaan yang dibawakan golongan yang menolak bahawa kontraseptif itu sebagai salah satu *wa'd* (pembunuhan tersembunyi). Menurut mereka *wa'd* terjadi secara biologis ketika seorang bayi yang dilahirkan dengan bernyawa dan dibunuh hidup-hidup ataupun suatu janin yang telah sempurna terbentuk digugurkan. Mereka berpegang dengan pendapat bahawa kaedah kontraseptif itu sekadar mencegah kehamilan dan tidak melibatkan sebarang pembunuhan sama ada yang nyata atau tersembunyi.[134]

b) Perancangan keluarga sebagai suatu berlawanan dengan Qadar, Rezeki dan Tawakkal kepada Allah

Penggunaan kaedah kontraseptif yang semakin meluas mungkin dianggap sebagai salah satu medium penafian daripada menerima ketetapan Sunnatullah yang sudah diaturkan kepada hambanya, untuk mengimarahkan bumi, dan berlawanan dengan ketentuan Qadar. Secara tidak langsung ianya membawa erti bahawa ketidakyakinan terhadap kemampuan Allah untuk memberikan rezeki terhadap anak-anak yang dilahirkan, dan bertentangan dengan kebergantungan (tawakkal) kepada Allah.

i) Golongan Yang Menolak Perancangan Keluarga

Golongan ini menegaskan bahawa apabila Allah berkehendak pada seseorang untuk mengandung, memiliki anak, justeru sebarang kaedah perancangan keluarga itu tidak dapat

---

[133] Antara kalangan pemikir Islam yang membenarkan amalan ini seperti Dr. Fadzlur Rahman (Islamabad), Khalifa Abdul Hakim, Akhtar Hameed Khan, dan Muhammad Syahid Islam. Lihat Abul Fadl Mohsin Ebrahim, *Isu-isu Biomedis dalam Perspektif Islam: Aborsi, Kontrasepsi dan Mengatasi Kemandulan,* 82-83.

[134] Ismail Yakub, *Terjemahan Ihya' Ulumuddin: Kitab Nikah,* vol. 1 (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd., t.t.), 1134.

University of Malaya

untuk mencegahnya, atas sebab setiap sesuatu itu bergantung kepada kehendak Allah sebagaimana Allah berfirman:

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٢٩

(Surah At-Takwir: 81:29)

Terjemahan: *"Dan kamu tidak dapat menghendaki (menempuh jalan itu) kecuali apabila dikehendaki Allah, Tuhan semesta alam…"*

Menurut Ibn Kathir, setiap kehendak manusia itu bergantung kepada kehendak Allah SWT sebagai Tuhan sekalian alam.[135] Menurut Sayyid Qutb, setiap Mukmin perlu beriman dengan ayat ini dengan bergantung sepenuh harapan dalam memohon pertolongan daripada Allah SWT, dan percaya setiap perkara baik itu adalah daripada Allah SWT.[136]

Masalah kewangan sememangnya menjadi punca utama kebanyakan pasangan hendak mengawal kehamilan. Apa yang perlu diketahui adalah, ketetapan rezeki itu telah ditetapkan oleh Allah SWT, sebagaimana firmanNya dalam al-Quran:

۞ وَمَا مِن دَآبَّةٖ فِي ٱلۡأَرۡضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزۡقُهَا وَيَعۡلَمُ مُسۡتَقَرَّهَا وَمُسۡتَوۡدَعَهَاۚ كُلّٞ فِي كِتَٰبٖ مُّبِينٖ ٦

)Surah Huud:11: 6)

Terjemahan: *"dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Luh Mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan)..."*

---

[135] Abū Fidā' Ismā'il Ibn Kathīr al-Qurshī al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr,* vol. 8, 340.
[136] Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, vol. 6, 3844.

Menurut Ibn Kathir, Allah telah menetapkan rezeki setiap makhluk ciptaannya dan semuanya jelas tertulis dalam sebuah kitab di sisi Allah.[137] Penafsiran makhluk dalam ayat di atas menurut Wahbah al-Zuḥaylī pula ialah setiap makhluk yang hidup di darat dan laut telah dijamin rezekinya oleh Allah SWT.[138] Manakala menurut Muhammad ‘Ali al-Sabuni dalam Safwah al-Tafasir menjelaskan maksud makhluk yang ada dimuka bumi ini ialah manusia dan haiwan.[139]

Berdasarkan ketetapan yang Allah SWT berikan inilah, setiap orang Islam itu berpegang teguh dengan kepercayaan bahawa setiap anak yang dikurniakan itu telah tercatat rezekinya yang tersendiri, dan ianya menjadi pegangan bagi sesetengah golongan yang tidak menerima amalan perancangan keluarga ini dalam kehidupan rumahtangga mereka. Selain itu, mereka turut berpegang dengan firman Allah SWT:

قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ قَتَلُوٓاْ أَوْلَٰدَهُمْ سَفَهًۢا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُواْ مَا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُ ٱفْتِرَآءً عَلَى ٱللَّهِ ۚ قَدْ ضَلُّواْ وَمَا كَانُواْ مُهْتَدِينَ ﴿١٤٠﴾

(Surah al-An’am, 6: 140)

Terjemahan: *“Sesungguhnya rugilah orang-orang yang membunuh anak-anak mereka kerana kebodohan, lagi tidak berpengetahuan (sedang Allah yang memberi rezeki kepada sekalian makhluknya), dan juga (rugilah orang-orang yang) mengharamkan apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mereka, Dengan berdusta terhadap Allah. Sesungguhnya sesatlah mereka, dan tiadalah mereka mendapat petunjuk...”*

Menurut al-Qurtubi, ayat ini menceritakan tentang amalan golongan Arab Jahiliyyah yang membunuh anak-anak mereka kerana khuatir kepada kemiskinan.[140] Menurut Sayyid

---

[137] Abū Fidā’ Ismā‘il Ibn Kathīr al-Qurshī al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr,* vol. 4, 305-306.
[138] Wahbah al-Zuḥaylī, *Tafsīr al-Munīr fī al-Manhaj wa al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah*, vol. 6 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2009), 327.
[139] Muḥammad ‘Alī al-Ṣabunī, *Ṣafwah al-Tafāsir,* vol. 2, 7.
[140] Al-Qurṭūbī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān,* vol. 9 (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 2006), 48.

University of Malaya

Qutb, Arab Jahiliyyah membunuh anak mereka kerana mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang Islam. Mereka tidak beriman dengan kekuasaan Allah SWT yang telah menyusun rezeki setiap hambanya.[141]

Ayat-ayat ini walau bagaimanapun telah disalah ertikan kefahamannya dan dijadikan asas kepada pegangan golongan yang menolak ini dengan mengambil kira setiap makhluk itu telah ditentukan rezekinya. Justeru, melaksanakan amalan perancangan keluarga kerana risaukan tentang keupayaan ekonomi untuk membesarkan anak tersebut adalah suatu yang bertentangan dengan kekuasaan Allah. Ayat ini turut dijadikan sandaran, iaitu:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّهُۥ مَخۡرَجٗا ۝٢ وَيَرۡزُقۡهُ مِنۡ حَيۡثُ لَا يَحۡتَسِبُۚ وَمَن يَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِ
فَهُوَ حَسۡبُهُۥٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَٰلِغُ أَمۡرِهِۦۚ قَدۡ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَيۡءٖ قَدۡرٗا ۝٣

(Surah at-Talaq, 65: 2-3)

Terjemahan: *"Bertaqwalah kepada Allah, nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar... dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya. dan barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan yang (dikehendaki)Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu..."*

Maka berdasarkan beberapa ayat al-Quran yang diketengahkan itu telah dijadikan sandaran kepada mereka sebagai asas pegangan dalam menolak amalan perancangan keluarga ini.

ii) Golongan Menyokong Perancangan Keluarga

Bagi golongan yang menyokong perancangan keluarga, mereka mengakui bahawa sebagai seorang Muslim itu tidak terlepas dari kepercayaan terhadap taqdir (qadar), iaitu kemampuan dan kekuasaan Allah SWT dalam memberikan rezeki dan konsep bertawakkal

[141] Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, vol. 3, 1222.

kepada Allah.[142] Mereka sekadar berpegang bahawa kaedah kontraseptif dalam perancangan keluarga itu hanyalah sekadar saranan dan ikhtiar yang hasilnya turut terletak di tangan Allah. Ianya boleh jadi akan berjaya mahupun gagal dengan izin Allah SWT.

Islam sama sekali tidak mendorong sikap sekadar berharap semata-mata tanpa berupaya untuk berusaha, walaupun hakikatnya Allah sudah pasti akan memberikan rezeki kepada hambaNya. Seringkali konsep tawakkal itu disalah ertikan oleh segelintir pihak, iaitu dengan menyerahkan semata-mata kepada Allah tanpa sedikit pun berusaha untuk mempersiapkan diri terhadap masa depan.[143]

Justeru, pentafsiran surah Hud ayat 6[144] yang diguna pakai oleh golongan yang menolak itu telah disangkal oleh golongan ini dengan hujah bahawa ayat itu tidak memberikan penyelesaian dalam jaminan Allah menetapkan rezeki setiap makhluk itu dengan cara menciptakan segenap makanan dan membawakannya kepada makhluk sekadar dengan kepercayaan naluri makhluk semata-mata. Jelas dimaksudkan di sini adalah Allah memberikan petunjuk tentang bagaimana cara untuk mendapatkan rezeki tersebut dan menunjukkan jalan dalam usaha melakukan sebarang ikhtiar dalam meneruskan kehidupan.

c) Perancangan Keluarga Bertentangan Dengan Tuntutan Konsep *Kathrah* (Jumlah Ramai)

Antara isu besar dalam perancangan keluarga adalah mereka percaya bahawa tuntutan jumlah ramai ini sebagai suatu yang dimestikan dalam hubungan perkahwinan demi

---

[142] Al-Qurṭūbī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān,* vol. 5, 48.

[143] Al-Qurṭūbī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān,* vol. 5, 48.

[144] وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِي ٱلْأَرْضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا ۚ كُلٌّ فِي كِتَٰبٍ مُّبِينٍ

Maksudnya: dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Luh Mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan)

menjaga kualiti dan ratio pertumbuhan kaum Muslim di dunia.[145] Malah ianya dijadikan sebagai sandaran semakin besar jumlah Muslim di dunia, semakin kuat dan hampir mereka kepada keredhaan Allah dan Rasul. Ini berdasarkan beberapa hujah yang diutarakan oleh golongan tersebut, iaitu:

i) Golongan Menolak Perancangan Keluarga

Bagi golongan ini, mereka menekankan bahawa anak adalah sebagai aset yang sangat besar[146] sebagaimana yang digambarkan dalam al-Quran:

ٱلْمَالُ وَٱلْبَنُونَ زِينَةُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ

(Surah al-Kahfi: 18: 46)

Terjemahan: *"Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia…"*

Mereka juga beranggapan bahawa manusia itu harus berkembang biak kerana Allah merujuk manusia itu sebagai *khalifah* yang akan memakmurkan bumi sebagaimana firman Allah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّى جَاعِلٌ فِى ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً

(Surah al-Baqarah: 2: 30)

Terjemahan: *"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi".*

Selain itu, mereka juga berpegang dengan misi manusia itu diciptakan adalah untuk menghuni dan mengembangkan bumi ini sebagaimana firman Allah:

---

[145] Abul A'la Maududi, *Rancang Keluarga: Dari Sudut-sudut Kemasyarakatan, Politik, Ekonomi, Akhlak & Agama* (Kedah: Pustaka Ikhwan, 1985), 104.

[146] Abul A'la Maududi, *Rancang Keluarga: Dari Sudut-sudut Kemasyarakatan, Politik, Ekonomi, Akhlak & Agama,* 104.

University of Malaya

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَٱسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَٱسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّى قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾

(Surah Hud: 11: 61)

Terjemahan: *"Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya…"*

Ayat ini memberikan tafsiran *"pemakmur"* itu sebagai pengembang di muka bumi. Penafsiran bagi kalimah وَٱسْتَعْمَرَكُم فِيهَا ialah Allah SWT menjadikan manusia ini sebagai pemakmur di dunia, iaitu justifikasi penciptaan manusia itu sebagai pemakmur dunia dengan meramaikan penghuni dunia dari kalangan manusia itu sendiri yang mempunyai pelbagai personaliti diri[147] dan manfaat[148] serta Allah juga menciptakan dunia itu sebagai tempat tinggal manusia[149] agar manusia dapat menjalani kehidupan mereka dengan selesa.[150]

Justeru, golongan ini berpegang bahawa perancangan keluarga merupakan suatu bentuk larangan terhadap apa yang diizinkan oleh Allah dengan mendatangkan hujah berasas pada firman Allah:

قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ قَتَلُوٓاْ أَوْلَٰدَهُمْ سَفَهًۢا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُواْ مَا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُ ٱفْتِرَآءً عَلَى ٱللَّهِ ۚ قَدْ ضَلُّواْ وَمَا كَانُواْ مُهْتَدِينَ ﴿١٤٠﴾

(Surah al-An'am: 6: 140)

---

147 Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, vol. 4, 1907.
148 Abū Fidā' Ismā'il Ibn Kathīr al-Qurshī al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr,* vol. 4, 331.
149 Al-Qurṭūbī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān,* vol. 11, 149.
150 Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*, vol. 12, 453

Terjemahan: *"Sesungguhnya rugilah orang yang membunuh anak-anak mereka, kerana kebodohan lagi tidak mengetahui dan mereka mengharamkan apa yang Allah telah rezeki-kan pada mereka dengan semata-mata mengada-adakan terhadap Allah. Sesungguhnya mereka telah sesat dan tidaklah mereka mendapat petunjuk."*

ii) Golongan Menyokong Perancangan Keluarga

Keharusan dalam memiliki anak bagi setiap pasangan yang berkahwin adalah suatu yang pasti untuk memastikan penerusan legasi dan keturunan,[151] tetapi telah disalah ertikan oleh golongan yang menolak, di mana ianya dijadikan sebagai suatu motif utama dalam perkahwinan seterusnya menolak amalan perancangan keluarga.[152] Anak yang dikurniakan itu semestinya menjadi satu rahmat kurniaan pada suami isteri, tetapi tidak bermaksud ianya harus 'diterjemahkan' dalam jumlah yang terlalu ramai sehinggakan tidak dapat ditanggung dan dibesarkan mengikut saranan Islam. Mereka berpegang dengan beberapa dalil, iaitu:

ٱلْمَالُ وَٱلْبَنُونَ زِينَةُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱلْبَٰقِيَٰتُ ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

(Surah al-Kahfi: 18: 46)

Terjemahan: *"Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia tetapi amalan-amalan yang kekal lagi soleh adalah lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu serta lebih baik untuk menjadi harapan…"*

Menurut Al-Qurtubi, anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia yang mempunyai keindahan dan manfaat.[153] Anak sebagai hiburan bukannya dinilai dari sudut banyaknya bilangan anak, tetapi penjagaan anak mengikut cara kehidupan Islam yang akan dipandang

---

[151] Jawatankuasa Pengkaji dan Penyemak JAKIM, *Memasuki Gerbang Perkahwinan,* edisi Kedua (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008), 66.

[152] Muḥammad Abū Zahrah, *Tanẓim al-Usrah wa Tanẓim al-Nasl* (Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1976), 103-104.

[153] Al-Qurṭūbī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān,* vol. 13, 291.

mulia.[154] Selain itu, ibu bapa bertanggungjawab untuk mengajak anak mereka agar memperbanyakkan amal ibadah kepada Allah SWT,[155] dalam mencari kehidupan keluarga yang diberkati dan diredhai Allah sebagaimana firman Allah SWT;

وَٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَٰجِنَا وَذُرِّيَّٰتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

(Surah al-Furqan: 25: 74)

Terjemahan: *"dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa..."*

Menurut Al-Qurtubi, seseorang itu akan tenang hatinya apabila memiliki anak yang diberkati Allah[156] dan taat kepada perintah suruhan Allah SWT.[157] Maka, untuk mendapatkan keredhaan Allah itu tidak cukup dengan anak ramai yang dilahirkan, tetapi lebih kepada ketaqwaan terhadap Allah itu sendiri. Apatah lagi pada abad ini, untuk membesarkan anak dalam lingkungan agama yang benar, suatu yang sangat mencabar bagi ibu bapa. Harus juga dilihat kepada hak anak-anak yang sepatutnya mendapat setiap keistimewaan mereka sebagaimana yang digariskan dalam Islam, dibimbangi sekiranya terlalu mengejar kuantiti anak yang ramai, berlaku penafian terhadap hak yang sepatutnya diberikan.

Seterusnya golongan menyokong ini membawakan dalil tentang penyusuan dalam aspek menjarangkan kehamilan, di mana firman Allah:

---

[154] Aḥmad al-Sharbassī, *al-A'immah al-Arba'ah* (Qāhirah: Dār al-Hilāl, 1964), 123-124.
[155] Abū Fidā' Ismā'il Ibn Kathīr al-Qurshī al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr,* vol. 5, 161.
[156] Al-Qurṭūbī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān,* vol. 15, 488.
[157] Abū Fidā' Ismā'il Ibn Kathīr al-Qurshī al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr,* vol. 6, 132.

University of Malaya

وَٱلْوَٰلِدَٰتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَٰدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ ۖ لِمَنْ أَرَادَ أَن يُتِمَّ ٱلرَّضَاعَةَ ۚ

(Surah al-Baqarah: 2: 233)

Terjemahan: *"Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan…"*

Ayat ini antara mekanisme yang Allah berikan pada manusia dalam aspek menjarakkan kehamilan, iaitu untuk memastikan anak yang sedia ada mendapat hak penyusuannya dengan sempurna sehingga genap dua tahun.

Tidak kurang juga apabila golongan yang menolak perancangan keluarga mengatakan bahawa kesemua ini adalah suatu konspirasi dari barat yang tidak lain bertujuan mengurangi jumlah dan kekuatan kaum Muslim. Tetapi ianya disangkal oleh golongan menyokong atas alasan kualiti kaum Muslim itu tidak hanya tertumpu kepada jumlahnya semata-mata tetapi ianya akan menampakkan 'kelompangan' sekiranya tidak seiring dengan kemampuan fizik, sosial, spiritual, rohani, pendidikan dan intelektualnya.[158]

Jelas, gambaran keseluruhan yang diberikan tentang perdebatan antara dua golongan, iaitu golongan yang menolak perancangan keluarga dan golongan yang menyokong perancangan keluarga bersama hujah-hujah yang dibawakan memberikan mereka hak untuk menerima atau menolak perancangan keluarga itu sendiri.

Melihat kepada beberapa penulisan terdahulu, terdapat beberapa buah negara, di mana beberapa kumpulan yang menolak program perancangan keluarga atas beberapa alasan tertentu pada awalnya, menerima kembali dasar itu selepas beberapa tahun yang

[158] Abul Fadl Mohsin Ebrahim, *Isu-isu Biomedis dalam Perspektif Islam: Aborsi, Kontrasepsi dan Mengatasi Kemandulan,* 84.

mendatang. Sebagai contoh pada tahun 1979, pemimpin baharu Iran[159] membubarkan program perancangan keluarga di negara ini atas alasan ianya adalah satu komplot dari Barat. Walau bagaimanapun, sepuluh tahun kemudian, rentetan perjuangan Iran dalam mengadakan peruntukan bagi keperluan asas penduduk yang semakin meningkat, kerajaan mereka menggunakan semula dasar tersebut dan mewujudkan salah satu program perancangan keluarga yang paling berjaya di negara membangun.[160]

Begitu juga yang terjadi pada Algeria yang bertukar ketetapan dan pandangannya mengenai amalan perancangan keluarga. Pada Persidangan Penduduk Dunia Bangsa-bangsa Bersatu 1974, Algeria adalah antara negara yang menentang program perancangan keluarga atas alasan ianya sebagai salah satu konspirasi imperialis yang bertujuan untuk menghadkan penduduk di negara membangun. Walau bagaimanapun, selepas itu kerajaan Algeria mengamalkan dasar penduduk yang menggalakkan perancangan keluarga sebagai sebahagian daripada rancangan pembangunan negara mereka. Justeru dapat dilihat, sebagaimana bangkangan yang diperolehi pada awalnya, tetapi lama kelamaan ianya dapat dilihat sebagai suatu yang positif untuk dilaksanakan dalam kelompok masyarakat.[161]

Pegangan yang digunapakai dalam isu ini adalah melihat kepada *maṣlaḥah* yang boleh diberikan kepada masyarakat, sekiranya sesuatu perkara itu boleh menolak kepada mudharat yang lebih besar dan memberikan kemaslahatan sejagat, maka, bukan suatu yang bersalahan untuk dilaksanakan. Begitu juga dalam konteks amalan perancangan keluarga ini, sekiranya amalan ini boleh membantu meningkatkan tahap kesihatan dan

---

[159] Revolusi Iran adalah sebuah revolusi yang mengubah kerajaan Iran daripada sistem pemerintahan monarki kepada sistem Republik Islam. Pertukaran ini dibuat melalui pungutan suara rakyat Iran oleh Ayatollah Ruhollah Khomeini, setelah beliau berjaya mengusir raja Iran terakhir, Shah Mohammad Reza Pahlavi keluar dari Iran.

[160] Farzanah Roudi Fahimi, *Islam and Family Planning,* 5.

[161] Farzanah Roudi Fahimi, *Islam and Family Planning,* 5.

University of Malaya

mengurangkan risiko serta mudarat yang lebih besar dalam konteks reproduktif wanita, maka tidak menjadi suatu kesalahan untuk diamalkan. Ini dapat dilihat dengan penetapan fatwa[162] mengenai amalan perancangan keluarga tahun 1977[163] yang mana menyatakan:

> *"[a] Memandulkan lelaki atau perempuan hukumnya adalah haram, [b] Mencegahkan beranak atau menghadkan bilangan anak hukumnya adalah haram melainkan dengan sebab-sebab yang diharuskan oleh syarak bagi orang-orang perseorangan, [c] Menyusun keluarga dari segi kesihatan, pelajaran dan kebahagiaan keluarga dengan cara yang lain daripada (a) dan (b) di atas adalah harus…"*

Fatwa ini sebenarnya memberikan ruang kepada pasangan untuk menyusun keluarga yang mereka inginkan, bermula dengan bilangan dan jarak bagi setiap anak. Persoalan yang timbul adalah apabila berlakunya salah faham dalam mentafsirkan zahir fatwa ini. Dalam konteks ini, menghilangkan secara kekal keupayaan untuk mengandung sememangnya suatu yang diharamkan apabila ianya dilakukan tanpa sebarang indikasi syarak yang benar-benar menyatakan akan keperluan amalan ini, dan pengesahan dari pakar yang bertauliah sepertimana tindakan membuang rahim *(hysterectomy),* atau membuang testis *(vasectomy)*. Kaedah ini boleh dikategorikan sebagai تحديد النسل iaitu lebih kepada mengehadkan kemampuan diri untuk hamil dengan sengaja.[164] Kategori ini boleh dirumuskan terhadap ketetapan frasa (a) dan (b) fatwa tersebut.

---

[162] Fatwa didefinisikan sebagai pemberitahuan terhadap sesuatu hukum kepada masyarakat setempat yang diperlukan dalam berhadapan dengan pelbagai persoalan semasa yang memerlukan kepada penyelesaian tuntutan beragama. Lihat Azman Ab Rahman, "Konsep Fatwa dan Cabaran Penguatkuasaannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa,* vol. 2 (2011), 8.

[163] Bab Munakahat [*Fatwa Rancangan Keluarga (1977*)], lihat dalam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia,* 153.

[164] Umar Mukhtar Mohd Noor, "Hukum Perancangan Keluarga," *al-Kafili al-Fatawi*, dicapai pada 13 Disember 2017, http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/574-hukum-perancagan-keluarga

Berbeza dengan amalan تنظيم النسل yang lebih kepada bentuk perancangan dan penyusunan dalam amalan menjarakkan anak demi mencapai kestabilan keluarga, dan mengelakkan daripada berlakunya kepincangan ketika menguruskan anak-anak yang sedia ada.[165] Kategori ini menjadi suatu keharusan bagi amalan perancang keluarga ini, yang mana maksudnya lebih menjurus kepada ketetapan di frasa [c] fatwa tersebut. Dalam erti kata lain, setiap pasangan boleh mengambil sebarang inisiatif samaada tradisional *(al-'azl)* mahupun moden dalam mengatur jarak dan bilangan anak mereka atas dasar menitik beratkan kesihatan isteri, dan memberi ruang sebaiknya pada isteri untuk melalui kehamilan yang mendatang dalam suasana dan situasi yang tenang. Apa yang penting adalah perbincangan, persetujuan secara bersama antara pasangan dengan menitikberatkan keperluan dan keadaan semasa demi *maṣlaḥah* yang lebih baik dalam hubungan kekeluargaan.

Fatwa ini mungkin jelas bagi mereka yang faham perbezaannya antara terma mengehadkan dan menyusun bilangan keluarga itu. Polemik yang berlaku apabila tafsiran secara umum dilakukan pada frasa (b) fatwa tersebut yang membawa kepada implikasi hukum haram terhadap keseluruhan amalan perancangan keluarga ini.

Oleh sebab itu, selaras dengan kedudukan fatwa sebagai salah satu autoriti penting dalam sumber hukum perundangan Islam, serta kepentingannya dalam pentadbiran perundangan Islam negara, sudah pasti institusi fatwa ini menjadi antara mekanisme utama rujukan masyarakat dalam merungkai permasalahan berkaitan pengamalan dalam kehidupan manusia. Ada ketikanya, terdapat keperluan dan isu-isu semasa kontemporari yang menuntut untuk dilihat semula kedudukan hukum syarak berkaitan dengannya,

[165] Umar Mukhtar Mohd Noor, "Hukum Perancangan Keluarga."

melalui sisi perbahasan fiqh yang lebih luas seperti mana amalan perancangan keluarga ini. Justeru itu, keperluan untuk menilai semula hukum tentang amalan perancangan keluarga ini, adalah suatu yang releven kerana di situ juga secara tidak langsung menunjukkan satu fleksibaliti hukum syariah yang ditetapkan atas dasar ijtihadi Ulama' yang berautoriti.

Setiap fatwa yang diwartakan sememangnya tidak mempunyai kuasa dan tidak mengikat secara perundangan,[166] tetapi dari konteks penguatkuasaannya tetap mengikat individu yang tinggal di negeri yang diwartakan fatwa tersebut.[167] Pada dasarnya, fatwa perancangan keluarga ini diputuskan ketika Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 12, bersamaan 20 Januari 1977. Sungguhpun fatwa ini adalah hasil Muzakarah di peringkat Kebangsaan, dan sama sekali tidak mengikat masyarakat di Negeri Selangor untuk mengikutinya, atas faktor beberapa prosedur tertentu di peringkat negeri yang harus dipatuhi untuk digazetkan di peringkat negeri, ianya masih boleh dijadikan sebagai satu panduan hukum kepada masyarakat Islam di Negara ini. Apatah lagi fatwa ini lebih bersifat kepada pengamalan peribadi seseorang, yang mana sifatnya tidak mengikat masyarakat untuk megikutinya,[168] tetapi dijadikan sandaran hukum untuk pengamalan semasa dalam sesuatu kelompok masyarakat.[169] Hal ini juga kerana, persepsi dan tanggapan masyarakat khususnya pada

---

[166] Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia," *Jumal Syariah*, vol 10, no. 1 (2002), 39.

[167] Azman Ab Rahman, "Konsep Fatwa dan Cabaran Penguatkuasaannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," 19. Berbeza fatwa tahun 1977 ini pula terpakai kepada keseluruhan rakyat Malaysia kerana diputuskan di peringkat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

[168] "*Seksyen 49. Fatwa yang disiarkan dalam warta adalah mengikat"* Dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 ada menjelaskan:
"(1) Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan peribadi."

[169] M. Erfan Riadi, "Kedudukan Fatwa Ditinjau dari Hukum Islam dan Hukum Positif (Analisis Yuridis Normatif)," *Jurnal Ulumuddin,* vol. 6 (2010), 474.

University of Malaya

institusi fatwa itu dilihat sebagai suatu yang besar kerana diputuskan secara ijtihadi daripada kalangan individu yang berautoriti.

2.3.5.2 Perbahasan dalam Pengamalan *al-'Azl*

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa tiada ayat al-Quran yang jelas menyentuh tentang pengharaman kontrasepstif dalam perancangan keluarga, hanya kerana terdapat mafhum ayat yang mengatakan tentang larangan membunuh anak kerana takut akan kemiskinan, ianya tidak boleh dikiaskan kepada pengamalan perancangan keluarga. Ayat itu lebih kepada merujuk masyarakat zaman Jahiliah di zaman pra Islam yang menguburkan setiap anak perempuan yang lahir secara hidup-hidup.

Kontraseptif jelas berbeza dengan pembunuhan anak. Pembunuhan anak adalah suatu pembunuhan yang nyata di hadapan mata, sedangkan kontraseptif tiada sebarang perlakuan yang menjurus kepada pembunuhan. Ianya hanya sekadar proses reproduksi asas antara lelaki dan perempuan. Setakat perbahasan sebelum ini berkaitan interpretasi al-Quran tentang kontraseptif, tiada sebarang penemuan secara terus menyatakan tentang isu ini, justeru peranan hadis akan mengambil tempat dalam merungkai keterangan akan keharusannya.

Melihat kembali sejarah asal, kaedah kontraseptif tradisional yang dipraktikkan sejak awal lagi adalah *al-'azl*. Berasal dari kata kerja bahasa Arab *'azala* yang secara harfiahnya bererti mengeluarkan, menyisihkan, memindahkan atau memisahkan.[170] Secara tekniknya, *al-'azl* digunakan untuk menjelaskan proses penarikan oleh kaum lelaki pada ketika

[170] Osman Hj. Khalid et al., *Kamus Besar Arab-Melayu-Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 1548.

pengeluaran sperma (ejakulasi) untuk mengelakkan daripada terjadinya pembuahan pada ovum (sel telur).[171]

Menurut Syeikh Muhammad Amin asy-Syanqiti, sebahagian ulama' menjadikan firman Allah dalam surah al-An'am ayat 151[172] sebagai ayat larangan untuk melakukan *al-'azl* kerana dianggap sebagai pembunuhan anak secara tersembunyi.[173] Menurut al-Shawkānī, *al-'azl* merupakan pembunuhan secara tersembunyi kerana ada niat untuk menghindari kehamilan.[174]

Menurut Al-Qurtubi, ulama' yang melarang perbuatan *al-'azl* menggunakan ayat ini sebagai dalil kerana mereka berpendapat melakukan perbuatan ini seumpama membunuh makhluk dan keturunan. Sebahagian ulama' yang lain berpendapat perbuatan *al-'azl* itu merupakan pembunuhan secara sembunyi terutamanya jika melibatkan wanita yang belum memiliki anak melainkan mendapat keizinannya, sebagaimana pendapat Malik dan al-Shāfi'ī.[175] Manakala sebahagian ulama' yang lain, iaitu Hasan dan Muhammad al-Muthanna berpendapat perbuatan *al-'azl* ini dibolehkan dan tidak berdosa. Sepertimana sesetengah pandangan bagi golongan yang menerima *al-'azl* ini mengakui bahawa ramai sahabat Nabi SAW yang mempraktikkan *al-'azl*, sekiranya *al-'azl* itu dikira sebagai *wa'd*, sudah tentu Nabi SAW akan melarang sahabatnya dari mengamalkannya.[176] Hal yang membezakan adalah, Imam Malik dan Imam Shāfi'ī berpendapat untuk tidak

---

[171] Akhter Hameed Khan, "Islamic Opinion on Contraceptive," dalam *Muslim Attitudes Toward Family Planning* (New York: The Population Council, 1973), 63.

[172] وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُم مِّنْ إِمْلَٰقٍ نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ …. (Surah al-An'am, 6: 151)
Terjemahannya: "Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut kemiskinan, Kami akan memberi rezeki kepadamu ……"

[173] Muḥammad Amīn bin Muḥammad Mukhtār al-Shanqitī, *Adwā' al-Bayān fī Idah al-Qur'ān bi al-Qur'ān,* vol. 2 (Jaddah: Dār al-'Ilm Fawā'id, 2005), 328.

[174] Muḥammad bin 'Alī al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār al-Muntaqā' al-Akhbār,* vol. 12 (Bayrūt: Dār Ibn al-Jawzī, 2006), 305.

[175] Al-Qurṭūbī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān,* vol. 9, 108.

[176] Ismail Yakub, *Terjemahan Ihya' Ulumuddin: Kitab Nikah,* vol. 1, 1134.

University of Malaya

membolehkan melakukan perbuatan *al-'azl* terhadap wanita yang belum memiliki anak bagi memberi mereka peluang untuk memiliki anak.[177]

Menurut Hamka, proses *al-'azl* ini tidak ada larangan yang jelas dalam Islam kerana tidak mempunyai dalil yang kuat. Beliau memasukkan hal ini dalam urusan rumah tangga yang tidak perlu dihebohkan kerana bimbang akan menjejaskan institusi rumah tangga itu sendiri.[178] Beliau cenderung dengan tidak bersetuju atas pelaksanaan perancangan keluarga ini kerana beliau telah mengemukakan dua perkara negatif yang berlaku sekiranya seseorang itu mengamalkan perkara ini, iaitu pengaruh negatif terhadap kesihatan mental dan kemorosotan moral dalam hidup berkeluarga.[179]

Berdasarkan firman Allah dalam surah al-An'am ayat 151 itu, terdapat juga pengulangan dalam mafhum ayat dari firman Allah SWT;

وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَـٰدَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَـٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ ۚ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْـًٔا كَبِيرًا ﴿٣١﴾

(Surah al-Isra': 17: Ayat 31)

Terjemahan: *"Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut kemiskinan. Kamilah yang akan memberi rezeki kepada mereka dan juga kepadamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar…"*

Menurut at-Tabari, ayat ini merupakan bantahan Allah terhadap golongan Arab jahiliyyah kerana mereka suka membunuh anak perempuan kerana takut kepada kemiskinan dan tidak mampu untuk menafkahi anak-anak mereka.[180] Tetapi, pengulangan mafhum ayat boleh dimaksudkan dari segi zahirnya membuktikan bahawa setiap anak itu

---

[177] Al-Qurṭūbī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān,* vol. 9, 108.

[178] 'Abd al-Mālik bin 'Abd al-Karīm Amr Allāh, *Tafsīr al-Azhar*, vol. 8, 104.

[179] 'Abd al-Mālik bin 'Abd al-Karīm Amr Allāh, *Tafsīr al-Azhar*, vol. 8, 107.

[180] Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr bin Yazid bin Kathīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī min Kitāb Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl al-Qur'ān*, vol. 5, tahqiq Bashar 'Awad Ma'rūf dan 'Iṣam Faris al-Harastanī (Bayrūt: Mu'assasah Risālah, 1994), 26.

dikurniakan rezekinya tersendiri. Justeru, bagi golongan yang menolak amalan *al-'azl* sebagai perancangan keluarga, mereka turut mengklasifikasikan pentafsiran ini terhadap suatu perbuatan pembunuhan secara tersembunyi.

Golongan ini memandang kutipan nas di atas sebagai suatu nas larangan secara tidak langsung, sungguhpun diakui bahawa tidak terdapat nas yang menyebut kontrasepsi secara eksplisit.[181] Selain itu juga, mereka mendukung hujah mereka dengan merujuk satu hadis diriwayatkan Judamah, bahawa Nabi telah merujuk tentang satu amalan kontrasepsi tradisional, iaitu *al-'azl* sebagai suatu pembunuhan tersembunyi. Hadis tersebut sebagaimana berikut:

عَنْ جُدَامَةَ بِنْتِ وَهْبٍ أُخْتِ عُكَّاشَةَ ، قَالَت: حَضَرْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أُنَاسٍ وَهُوَ يَقُولُ " :لَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ أَنْهَى عَنِ الْغِيلَةِ ، فَنَظَرْتُ فِي الرُّومِ ، وَفَارِسَ ، فَإِذَا هُمْ يُغِيلُونَ أَوْلَادَهُمْ ، فَلَا يَضُرُّ أَوْلَادَهُمْ ذَلِكَ شَيْئًا " ، ثُمَّ سَأَلُوهُ عَنِ الْعَزْلِ ، فقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " ذَلِكَ الْوَأْدُ الْخَفِيُّ " ، زَادَ عُبَيْدُ اللَّهِ فِي حَدِيثِهِ ، عَنِ الْمُقْرِئِ ، وَهِيَ :وَإِذَا الْمَوْءُودَةُ سُئِلَتْ[182]

Terjemahan: *"Daripada Judamah bin Wahb al-Asadiyyah (Saudara perempuan Ukkasyh) berkata, "Saya bersama orang-orang lain mendengarkan pembicaraan Nabi. Saat itu, agenda bersabda, "Aku hampir melarang al-Ghailah, tetapi kemudian aku mempertimbangkan orang Rom dan Parsi dan mendapatkan bahawa perempuan-perempuan mereka biasa menyusui anak-anak mereka dalam keadaan hamil, tanpa ada akibat buruk. Kemudian mereka bertanya kepada Baginda SAW tentang al-'Azl lalu Baginda bersabda, al-'Azl itu adalah pembunuhan anak secara tersembuyi (al-Wa'd al-Kahfi)…"*

Jelas dapat dilihat di sini, terdapat beberapa pendapat ulama' yang agak keras untuk tidak membenarkan terjadinya amalan *al-'azl* dalam suatu hubungan suami isteri kerana

[181] Abū al-A'la Mawdūdī, *Harakāt Tahdīd al-Nasl* (Bayrūt: Muassasah al-Risālat, 1982), 138.
[182] Imām Maḥy al-Dīn al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Imām al-Nawawī,* vol. 10 (Bayrūt: Dar al-Ma'rifah, 1995) 15-16.

melihat ia sebagai suatu yang bertentangan dengan fitrah manusia selain ia juga bertentangan dengan konsep rezeki yang telah ditetapkan oleh setiap anak yang akan dilahirkan sepertimana pandangan Ibn Hibban yang melarang praktis amalan ini.[183]

Bagi pendapat mazhab fiqh Islam pula berpendapat bahawa *al-'azl* dibolehkan tetapi dianggap sebagai suatu praktik yang tidak patut (makruh) kerana ianya seakan menghapus hak seorang wanita untuk merasakan kepuasan seksual dan memiliki anak[184]. Keharusan ini diringkaskan seperti berikut mengikut pandangan mazhab-mazhab fiqh Islam:

a) Mazhab Ḥanafī

Imam al-Kasani, seorang fuqaha' mazhab Ḥanafī ini berpendapat bahawa makruh bagi seseorang suami melakukan *al-'azl* tatkala bersama isterinya tanpa izin isteri. Ini kerana hubungan seksual yang berakhir dengan ejakulasi adalah penyebab terjadinya penghasilan anak-anak tersebut yang merupakan hak seorang isteri. Perkara ini dilihat seakan menafikan hak tersebut apabila berlakunya proses *al-'azl* melainkan ianya dilakukan dengan izin isteri tersebut.[185]

b) Mazhab Mālikī

Imam Malik bin Anas, mengatakan bahawa seorang lelaki tidak mempunyai hak untuk melakukan *al-'azl* dengan isterinya tanpa persetujuan isteri itu sendiri,[186] sebagaimana hadis Nabi:

نهى رسولُ اللَّهِ صلَّى اللَّهُ عليهِ وسلَّمَ أن يُعزَلَ عن الحرَّةِ إلَّا بإذنِها[187]

---

[183] Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,* vol. 11, 650.
[184] Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma'ād,* vol. 4 (Miṣr: Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī wa Awlāduh, 1960), 21.
[185] 'Alaw al-Dīn Ibn Mas'ūd al-Kasānī, *Baḍā'i' al-Ṣanā'i',* vol. 2 (Qāhirah: t.t.p., t.t.), 334.
[186] Mālik Ibn Ānas, *al-Muwaṭṭā'* (Bayrūt: Dār al-Nafā'is, 1971), 409.

Terjemahan: *"Nabi SAW tidak mengizinkan al-'Azl tanpa persetujuan isteri…"*

c) Mazhab Shāfi'ī

Imam al-Nawawi, menjelaskan bahawa *al-'azl* beerti melakukan hubungan seksual sebelum terjadinya ejakulasi, iaitu suami menarik keluar alat sulitnya dan membiarkan *al-'azl* terjadi di luar kemaluan isteri. Pendapat imam al-Nawawi meletakkan hukum perbuatan ini sebagai makruh tidak kira dalam apa jua keadaan, sama ada isteri bersetuju atau tidak.[188] Pendekatan yang diambil ialah sekiranya proses *al-'azl* ini dilakukan terhadap isteri merdeka dan isteri itu mengizinkan tindakan tersebut, maka tidak haram ia dilakukan tetapi jika isteri tidak mengizinkan proses *al-'azl* terdapat dua pendapat dan pendapat yang kuat adalah tidak haram.[189]

d) Mazhab Ḥanbalī

Ibn Qudāmah, seorang ulama' dari mazhab ini mengatakan bahawa melakukan *al-'azl* tanpa sebarang alasan adalah makruh tetapi tidak bersamaan dengan haram. Pendapat ini tidak jauh berbeza sebagaimana pendapat dari Imam Nawawi. Ibn Qudāmah turut menekankan bahawa perbuatan *al-'azl* ini tidak boleh dilakukan sekiranya tidak mendapat persetujuan daripada isteri.[190]

Berdasarkan hujahan ringkas setiap mazhab ini, jelas penekanan diberi terhadap persetujuan isteri dalam memberikan hak yang sewajarnya kepada seorang isteri untuk mendapat kepuasan seksual yang sepatutnya dan memiliki anak.

---

[187] Hadis riwayat al-Baihaqi, no. hadis 2528. Lihat Al-Ḥafīẓ al-Jalīl Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥussayn bin 'Alī al-Bayḥaqī, *Sunan al-Ṣaghīr,* vol. 3 (Miṣr: Manṣūrah, 1989), 69.

[188] Imām Maḥy al-Dīn al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Imām al-Nawawī,* vol. 10, 9.

[189] Imām Maḥy al-Dīn al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Imām al-Nawawī,* vol. 10, 9.

[190] Muwafiq al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah, *al-Mughnī,* vol. 10, 229.

University of Malaya

Walaupun pendapat-pendapat ini mengatakan ianya makruh, tetapi di dalam banyak keadaan pada masa kini ianya sudah menjadi suatu kebiasaan dan keharusan. Keharusannya berbalik kepada keadaan seperti risiko yang akan dihadapi oleh isteri dalam mendepani kehamilan, menanggung beban yang berlebihan dalam kelahiran yang berterusan dan juga kesulitan ekonomi keluarga. Justeru, kontraseptif secara *al-'azl* mahupun sebarang kaedah yang lain itu dibolehkan dengan mengambil kira prinsip darurat.[191] Prinsip ini akan mengimbangi di antara keselamatan isteri dan kesihatan tubuhnya. Firman Allah SWT ada menegaskan:

يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ

(Surah al-Baqarah: 2: 185)

Terjemahan: *"Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu…"*

Beberapa kalangan cendekiawan Islam[192] yang berhujah untuk membenarkan kontraseptif secara *al-'azl* ini sekiranya berhadapan dengan beberapa keadaan, iaitu:[193]

i. Memberikan ruang masa isteri untuk berehat, memperhiaskan dirinya sendiri tanpa bimbang akan perubahan fizikalnya, dan mendapat kesihatan maksimum sebelum kehamilan seterusnya.[194]

---

[191] Abū Ḥamīd Muḥammad bin Aḥmad al-Ghazzālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn,* 1302.

[192] Antara ulama' yang membenarkan adalah Imam Ghazali dalam Kitabnya Ihya' Ulumuddin, Dr. Yusuf Qaradhawi dalam kitabnya Halal & Haram dalam Islam. Boleh lihat juga dalam Thariq at-Thawari, *KB Cara Islam* (Indonesia: Penerbit Aqwam, 2007), 122.

[193] Ahmad al-Sharabassi, "Islam and Family Planning," dalam *Muslim Attitudes toward Family Planning* (New York: The Population Council, 1973), 110-111.

[194] Yusuf al-Qaradhawi, *Halal dan Haram dalam Islam,* 368-371. Lihat juga Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi ad-Dimasqi, *Mutiara Ihya' Ulumuddin Imam Ghazali: Hak Milik Muslim*, terj. Hasmah Isa (Shah Alam: Illusion Network, 2011), 327.

University of Malaya

ii. Memastikan anak yang sedia ada memperoleh hak menyusu badan daripada ibunya.[195]

iii. Memastikan kestabilan ekonomi keluarga.[196]

2.3.5.3 Pengalaman *al-'Azl* melalui pensyariatan Hadis-hadis Nabi SAW;

Al-'Azl ini telah dipraktikkan oleh para sahabat sejak bersama dengan Rasulullah SAW lagi. Hal ini telah disebut berulang kali kepada Nabi SAW, namun baginda SAW tidak pernah melarang hal ini. Begitu juga jika dilihat dalam al-Quran, tidak terdapat dalil pengharaman mengenai hal ini. Dalil dari segi keharusan *al-'azl* sebagaimana Rasulullah SAW telah bersabda:

عن جابرٍ قالَ :كنَّا نعزلُ على عهدِ النبيِّ صلَّى اللهُ عليهِ وسلَّمَ والقرآنُ ينزلُ[197]

Terjemahan: *"Bahawa Jabir berkata, kami melakukan al-'azl pada masa Rasulullah SAW ketika al-Quran masih turun..."*

Melihat kepada hadis ini, jika perbuatan *al-'azl* ini dilarang oleh Nabi SAW, maka pastinya akan ada wahyu diturunkan bagi melarang perbuatan ini.[198] Hal ini juga

---

[195] Yusuf al-Qaradhawi, *Halal dan Haram dalam Islam,* 371.

[196] Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi ad-Dimasqi, *Mutiara Ihya' Ulumuddin Imam Ghazali: Hak Milik Muslim*, 328.

[197] Sahih al-Bukhari: [Kitabالنكاح, باب العزل, no. hadis 5207, 5208, 5209], Lihat Abū 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharif al-Kutub al-Sittah* (2000), 450 dan lihat juga Sahih al-Muslim: [Kitabالنكاح, باب حكم العزل, no. hadis 3559], Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisabūrī, "Ṣaḥīḥ al-Muslim," 920. Hadis ini juga diriwayat oleh Ibn Majah [Kitab النكاح, باب العزل, no. hadis 1927]. Lihat Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharif al-Kutub al-Sittah* (2000), 2592. Terdapat lafaz matan hadis yang hampir serupa maksudnya dan terdapat juga penambahan hadis iaitu " كُنَّا نَعْزِلُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَبَلَغَ ذَلِكَ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَلَمْ يَنْهَنَا " : ، قَالَ جَابِرٍ عَنْ Maksudnya: Daripada Jabir berkata, "Kami biasa mempraktikkan *al-'Azl* dan al-Quran sedang diwahyukan." Sekiranya perkara ini sesuatu yang mesti dilarang, al-Quran tentu sudah melarang kami (melakukannya).

[198] Al-Imām Abū al-Ḥasan al-Ḥanafī al-Ma'rūf bi al-Sindī, *Sharḥ Sunan Ibn Mājah*, vol. 2, tahqiq Shaykh Khalīl Ma'mun Shayhan (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 1996), 451.

disebutkan oleh Ibn Hajar, sekiranya ia diharamkan nescaya akan turun ayat al-Quran bagi melarang perbuatan ini.[199]

Secara hakikatnya tiada dalil yang mengharamkan perbuatan *al-'azl*, tetapi ia beralih secara langsung kepada ketetapan takdir. Setiap ketetapan takdir manusia telah ditentukan semuanya oleh Allah SWT. Selain itu kehalalan *al-'azl* turut dinyatakan secara verbal (lisan) yang mana terdapat satu hadis Nabi SAW menyatakan secara spesifik istilah *al-'azl* dan menghalalkannya.

حدثنا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ يُونُسَ ، حدثنا زُهَيْرٌ ، أَخْبَرَنا أَبُو الزُّبَيْرِ ، عَنْ جَابِرٍ ، أَنَّ رَجُلًا أَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فقَالَ: إِنَّ لِي جَارِيَةً هِيَ خَادِمُنَا وَسَانِيَتُنَا ، وَأَنَا أَطُوفُ عَلَيْهَا ، وَأَنَا أَكْرَهُ أَنْ تَحْمِلَ ، فقَالَ " :اعْزِلْ عَنْهَا إِنْ شِئْتَ ، فَإِنَّهُ سَيَأْتِيهَا مَا قُدِّرَ لَهَا " ، فَلَبِثَ الرَّجُلُ ثُمَّ أَتَاهُ ، فقَالَ: إِنَّ الْجَارِيَةَ قَدْ حَبِلَتْ ، فقَالَ: " قَدْ أَخْبَرْتُكَ أَنَّهُ سَيَأْتِيهَا مَا قُدِّرَ لَهَا[200]

Terjemahan: *"Telah menceritakan kepada kami Ahmad bin 'Abd Allāh bin Yunus, telah menceritakan kepada kami Zuhayr, telah memberitahu kepada kami Abu Zubayr daripada Jabir, beliau berkata, "Seorang lelaki datang kepada Nabi SAW lalu mengatakan, " Saya mempunyai seorang jariah (budak wanita) yang melayani kami dan mengairi pohon kurma kami. Saya menggauli dia (secara halal) tetapi dia tidak mahu hamil," Nabi berkata, " lakukan al-'Azl dengannya bila kamu mengkehandakinya. Apa yang telah ditakdirkan baginya pastilah akan berlaku padanya." Setelah beberapa waktu, lelaki tadi kembali lalu mengatakan bahawa jariah itu telah hamil. Nabi berkata, " telah aku katakan kepada kamu, apa yang telah ditakdirkan akan berlaku padanya."*

---

199 Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,* vol. 11, 644.

200 Sahih al-Muslim: [Kitab النكاح, باب حكم العزل, no. hadis 3556], Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisabūrī, "Ṣaḥīḥ al-Muslim," 920. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Abū Dawud. Sunan Abū Dawud: [Kitab النكاح , باب ما جاء في العزل, no. hadis 2173], Abū Dawud Sulayman ibn Ash`ath al-Azadi al-Sijistani, *Sunan Abū Dawud* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharif: al-Kutub al-Sittah* (2000), 1382. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Ibn Majah: [Kitab المقدمة , باب في القدر, no. hadis 89], *Sunan Ibn Majah* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharif al-Kutub al-Sittah,* (2000), 2483

Melihat kepada zahir hadis ini, ternyata ada suruhan daripada Rasulullah SAW tentang *al-'azl*. Nabi SAW menyebutkan perkataan *al-'azl* secara terang-terangan tanpa kiasan dan membenarkan hal ini berlaku tanpa ada larangan dalam hadis ini. Pertanyaan lelaki itu tidak ada menyentuh mengenai amalan *al-'azl* tetapi Nabi SAW menjawab secara spontan dengan menyuruh atau mempraktikkan *al-'azl*. Ternyata di sini, amalan *al-'azl* itu dibolehkan oleh Nabi SAW melalui zahir hadis ini. Manakala, hadis-hadis lain yang mendukung pengamalan *al-'azl* secara samar boleh dilihat melalui ungkapan Nabi SAW yang dapat ditafsirkan oleh sebahagian orang, sebagai membolehkan ataupun tidak menyukai proses *al-'azl* ini. Di antaranya ialah:

أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيّ ، قَالَ: ذُكِرَ الْعَزْلُ عَنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فقَالَ: " وَمَا ذَاكُمْ ؟ " ، قَالُوا: الرَّجُلُ تَكُونُ لَهُ الْمَرْأَةُ تُرْضِعُ ، فَيُصِيبُ مِنْهَا وَيَكْرَهُ أَنْ تَحْمِلَ مِنْهُ ، وَالرَّجُلُ تَكُونُ لَهُ الْأَمَةُ فَيُصِيبُ مِنْهَا ، وَيَكْرَهُ أَنْ تَحْمِلَ مِنْهُ ، قَالَ " :فَلَا عَلَيْكُمْ أَنْ لَا تَفْعَلُوا ذَاكُمْ ، فَإِنَّمَا هُوَ الْقَدَرُ

Terjemahan: *"Daripada Ibn al-Muhayriz, bahawa Abu Sa'id ditanya tentang apakah ia mendengar Nabi menyebutkan al-'Azl, lalu ia menjawab dengan merujuk kepada perang Bani Musthalaq, di mana sebahagian sahabat hendak mempraktikkan al-'Azl, "Kami berkata, 'Apakah kita melakukannya sementara Nabi berada di antara kita? Tidakkah kita harus menanyakan itu kepada Baginda? Maka kami pun bertanya kepada Nabi, dan beliau berkata, 'La 'Alaikum alla taf'alu. Tidak ada jiwa yang ditakdirkan untuk menjadi ada hingga di Hari Pengadilan melainkan akan menjadi ada…"*

Selain itu, diriwayatkan juga:

عن ابي سعيد الخدري أصبنا سبَايَا فكنا نعزِلُ ثم سألنا رسولُ اللهِ صلَّى اللهُ عليهِ وسلَّمَ عن ذلك ؟فقال لنا وإنكم لتفعلونَ ؟وإنكم لتفعلونَ ؟

وإنكم لتفعلونَ ؟ ما من نسمةٍ كائنةٍ إلى يومِ القيامةِ إلا هي كائنةٌ"[201]

Terjemahan: *"Daripada Abu Sa'id al-Khudriy bahawasanya dia telah mengabarkan kepadanya, dia berkata, "Kami mendapatkan tawanan wanita dan kami melakukan al-'Azl pada mereka. Kemudian kami menanyakannya kepada Rasulullah SAW. Beliau bersabda kepada kami, "Kalian melakukannya? Kalian melakukannya? Kalian melakukannya? Tidak ada satu jiwa yang ada hingga hari kiamat kecuali ia akan tetap ada…"*

Kesamaran mafhum hadis dapat jua dilihat dalam:

أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيّ ، قَالَ: ذُكِرَ الْعَزْلُ عَنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فقَالَ: " وَمَا ذَاكُمْ ؟ " ، قَالُوا: الرَّجُلُ تَكُونُ لَهُ الْمَرْأَةُ تُرْضِعُ ، فَيُصِيبُ مِنْهَا وَيَكْرَهُ أَنْ تَحْمِلَ مِنْهُ ، وَالرَّجُلُ تَكُونُ لَهُ الْأَمَةُ فَيُصِيبُ مِنْهَا ، وَيَكْرَهُ أَنْ تَحْمِلَ مِنْهُ ، قَالَ " :فَلَا عَلَيْكُمْ أَنْ لَا تَفْعَلُوا ذَاكُمْ ، فَإِنَّمَا هُوَ الْقَدَرُ

Terjemahan: *"Daripada Abu Sa'id al-Khudriy mengatakan bahawa al-'Azl disebutkan kepada Nabi SAW, Baginda SAW bertanya, "Mengapa demikian?" Mereka mengatakan, "Seseorang lelaki mempunyai isteri yang menyusui anak dan ia mengadakan hubungan dengannya tetapi tidak mahu isterinya hamil, dan seseorang lelaki mempunyai seorang jariah (budak wanita) dan mempraktikkan hubungan (halal) dengannya tetapi ia tidak mahu hamil." Baginda menjawab, "La 'alaikum alla taf'alu, itu hanya takdir…"*

Melihat kepada hadis di atas, terdapat penggunaan *la 'alaikum alla taf'alu* yang menyebabkan terjadinya perbahasan dalam memahami frasa ayat tersebut. Frasa ayat ini terbahagi kepada dua pemahaman, iaitu pertama bagi kelompok yang menyokong proses *al-'azl* ini dan kedua yang menolak *al-'azl*. Bagi pendapat kelompok yang menyokong proses *al-'azl*, mereka menggunakan hadis ini sebagai hujah kerana hadis ini tidak menyatakan secara jelas tentang pengharaman *al-'azl*. Mereka menganggap, jika Nabi

---

[201] Sahih al-Bukhari: [Kitabالنكاح, باب العزل, no. hadis 5210], Lihat Abū 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharif al-Kutub al-Sittah* (2000), 450 dan lihat juga Sahih al-Muslim: [Kitabالنكاح, باب حكم العزل, no. hadis 3546], Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisabūrī, "Ṣaḥīḥ al-Muslim," 919.

SAW melarang *al-'azl* sudah tentu terdapat penafian jelas di dalam hadis ini.[202] Bagi kelompok yang menolak *al-'azl*, mereka menyatakan hadis ini merupakan teguran Nabi SAW kepada sesiapa yang mempraktikkan proses ini.[203]

Berdasarkan hadis-hadis yang dibawakan, dapat dilihat akan keharusan membenarkan *al-'azl* sebagai suatu bentuk kontraseptif adalah bersifat secara langsung. Para sahabat yang dekat dengan Baginda SAW juga turut mengakui dan mempraktikkannya, tetapi Baginda tidak melarang pengamalannya. Dikatakan al-Quran sedang diwahyukan pada ketika itu tetapi tiada sebarang nas mengharamkan, justeru ianya dianggap sebagai keharusan dan kehalalan melaksanakan kontrasepsi tersebut. Apatah lagi Baginda SAW turut menyatakan secara verbal. Ianya turut diperakui oleh majoroti cendekiawan dan ulama' hatta masih ada segelintir yang menolak itu hanya sekadar kalangan minoriti sahaja.

Secara kesimpulannya, hasil daripada perbahasan yang diketengahkan ini dapat dirumuskan bahawa sejauh menyingkap pandangan tentang amalan perancangan keluarga tidak ada dalil secara khusus yang menghalang penggunaan sebarang kaedah kontrasepstif, samaada praktis tradisonal melalui *al-'azl* atau pun moden. Umumnya mengiktiraf akan keharusan pengamalan ini berpaksikan kaedah fiqh yang ada, iaitu الأصل فى اللأشياء الاباحة [204] yang membawa satu kesan hukum akan tiap-tiap sesuatu itu adalah sah dan dibolehkan melainkan ianya telah ditetapkan sebaliknya dengan jelas dalam teks Qudus akan pengharamannya.

---

[202] Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,* vol. 11, 647.
[203] Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,* vol. 11, 647.
[204] الأصل في الاشياء الاباحة merupakan pecahan kaedah daripada kaedah asas اليقين لا يزال بالشك (Keyakinan tidak akan dihilangkan dengan keraguan). Lihat Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali@Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh,* 119.

Apatah lagi mengambil kira akan kepentingan pasangan yang mengamalkan amalan menjarakkan kehamilan dengan beberapa faktor dan alasan tertentu:[205]

i. Mengelakkan risiko kesihatan kepada kanak-kanak yang menyusu daripada "perubahan" susu seorang ibu hamil.
ii. Mengelakkan risiko kesihatan terhadap ibu yang akan terhasil kesan kehamilan yang berulang-ulang.
iii. Memelihara kecantikan dan kecergasan fizikal isteri, seterusnya meneruskan kenikmatan suaminya dan memastikan kehidupan perkahwinan yang lebih bahagia.
iv. Mengelakkan daripada kesukaran ekonomi dalam menjaga keluarga yang besar, hingga mungkin memaksa ibu bapa untuk mengambil jalan keluar dengan aktiviti yang menyalahi undang-undang untuk mencari nafkah.
v. Membolehkan pendidikan, pemeliharaan yang betul, dan didikan agama yang komprehensif terhadap anak-anak sedia ada.

Oleh dasar itu, penetapan terhadap amalan perancangan keluarga ini adalah suatu pengamalan yang dibenarkan dalam Islam bagi setiap pasangan suami isteri apabila ada hak, keperluan atau perkara yang ingin mereka pelihara dalam memastikan kestabilan dan kemaslahatan rumah tangga. Begitu juga dengan pengamalan *al-'azl*, apabila hampir semua mazhab perundangan Islam bersetuju bahawa kontraseptif oral itu dibenarkan dalam situasi keizinan isteri mahupun tiada keizinan isteri, kerana seorang isteri juga mempunyai hak untuk memperoleh keseronokan seksual mereka.

[205] Farzanah Roudi Fahimi, *Islam and Family Planning,* 6.

University of Malaya

2.4 KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SEKSUAL WANITA: HAK DAN KEPERLUAN SEORANG WANITA

Kesihatan berasal daripada bahasa Arab *'Shihhah'*. Ia adalah bentuk 'masdar', iaitu kata asal tanpa merujuk kepada sebarang jantina, masa atau bilangan dan ia adalah dari kata kerja *shaha, yashihu, shihah*, bererti hilangnya penyakit atau tidak terdapatnya penyakit pada tubuh, atau tiada sebarang kecacatan.[206]

Apabila maksud kesihatan dikaitkan dengan wanita, maka ianya akan berkait dengan alat-alat reproduktif, fungsi-fungsinya, serta proses bagi berjalannya fungsi-fungsi tersebut. Ini merupakan kaitan yang wajar memandangkan masalah kesihatan reproduktif merupakan perkara yang sangat penting bagi wanita. Oleh yang demikian, kesihatan wanita merupakan keadaan jasmani dan rohani yang tidak berpenyakit, utuh, bersih dan terhindar dari segenap hal yang mengganggu sistem reproduktif, serta fungsi dan prosesnya.[207]

Perhatian yang meningkat terhadap isu hak reproduktif wanita adalah satu fenomena yang timbul daripada kempen-kempen yang giat dijalankan serata dunia. Kesedaran di setiap lapisan masyarakat telah mendorong kaum wanita agar bersatu untuk menghentikan diskriminasi jantina yang ditempuhi mereka selama ini. Kesan daripada publisiti terang-terangan terhadap gerakan wanita oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1960, hampir setiap negara di dunia, dengan cara mereka yang tersendiri, telah melancarkan program-program pemerkasaan wanita sama ada di peringkat kerajaan,

---

[206] Osman Hj. Khalid et al., *Kamus Besar Arab-Melayu-Dewan,* 1324.

[207] Rita Raj, Chee Heny Leng & Rashidah Shuib, "Between Modernization & Patriachal Revivalism," in *Negotiating Reproductive Rights, Women Perspectives Across Countries and Cultures* (USA: Zed Books Ltd., 1988), 111.

University of Malaya

melalui mekanisme kementerian wanita, mahupun di peringkat individu persendirian dan organisasi bukan kerajaan.[208]

Hal seperti ini terjadi kerana, banyak perkara dan masalah khas yang dihadapi wanita, diabaikan oleh para lelaki, terutama melibatkan peranan reproduktif mereka.[209] Peranan reproduktif ini dilihat oleh lelaki sebagai sesuatu yang semula jadi bagi wanita. Oleh kerana mereka tidak melalui setiap peranan ini, maka pada anggapan mereka ianya sebagai suatu proses biasa dan seringkali mengabaikannya.[210] Sedangkan sebenarnya beban penyakit yang ditanggung wanita kebanyakannya berhubung kait dengan peranan reproduktif yang dimainkan oleh kaum mereka.[211] Harus disedari bahawa pengabaian terhadap peranan reproduktif wanita boleh membawa kepada risiko kesihatan yang lebih serius sekiranya tidak dibendung dari awal, dan akhirnya boleh menyumbang kepada kematian.[212]

Ini bertepatan dengan perbincangan Thinker[213] yang mana mengikut puratanya seramai 1600 orang wanita di dunia ini yang meninggal dunia setiap hari disebabkan masalah dan komplikasi yang dihadapi melibatkan peranan reproduktif mereka seperti kehamilan dan kelahiran. Kerana itu peranan reproduktif wanita berkahwin lebih kompleks

---

[208] Bonnie Shepard, "Sexuality Counselling Family Planning in Columbia," in *Responding to Cairo, Case Studies of Changing Practices in Reproductive Helath & Family Planning* (USA: Population Council, 2002), 135.

[209] Agus Dwiyanto & Muhadjir Darwin, *Seksualitas, Kesehatan Reproduksi, dan Ketimpangan Gender: Implementasi Kesepakatan Konferensi Kependudukan Kairo bagi Indonesia* (Jakarta: Pustaka Sinar Harapan bekerjasama Pusat Penelitian Kependudukan Universitas Gadjah Mada & The Ford Foundation, 1996), 23.

[210] Adrina et al., *Hak-hak Reproduksi Perempuan Yang Terpasung* (Jakarta: Pustaka Sinar Harapan bekerjasama Pusat Penelitian Kependudukan Universitas Gadjah Mada & The Ford Foundation, 1998), 177.

[211] Anne Thinker, "Improving Women's Health: Issues and Interventions," in *Health, Nutrition, Population* (Washington: The World Bank, 2000), 13.

[212] Harlina Halizah Siraj, *Citra Wanita Kontemporari,* 43.

[213] Anne Thinker, "Improving Women's Health: Issues and Interventions," 13.

University of Malaya

halnya jika tidak diendahkan kerana boleh terdedah kepada risiko lain rentetan pemenuhan tanggungjawab dan peranan mereka dalam rumah tangga.

Persidangan Populasi dan Pembangunan Antarabangsa 1994[214] di Kaherah telah menyuarakan di dalam program tindakannya berkenaan satu konsep kesihatan dan hak reproduktif yang komprehensif. Konsep ini merupakan suatu hasil yang dimulai dengan kerisauan untuk menentukan hak pilihan dan penjagaan kesihatan reproduktif berkualiti yang telah diutarakan pada tahun 1968 di Persidangan Hak Asasi Manusia Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu di Tehran. Pergerakan Wanita Antarabangsa dalam Persidangan Dunia Antarabangsa Wanita di Mexico tahun 1975[215] dan Persidangan Nairobi 1985[216] juga banyak mengutarakan tentang perkara ini seterusnya menyumbang banyak kajian serta analisis terhadap konsep hak reproduktif. Mereka telah berjaya meletakkan perbincangan tentang kesihatan reproduktif ini sebagai suatu hak asasi wanita.

Konsep ini menjadikan kesihatan reproduktif sebagai tumpuan utama kesejahteraan manusia terutamanya melibatkan perihal perancangan keluarga, dengan cara mengurangkan kadar kesuburan dan menggalakkan penggunaan kontraseptif. Untuk sasaran ini, wanita dan lelaki digembleng tenaga secara seiringan untuk dilihat sebagai subjek yang aktif berbanding objek pasif dalam program perancangan keluarga. Dalam erti kata lain, secara kerjasama antara suami isteri untuk memastikan amalan perancangan

---

[214] Rashidah Abdullah, "Reproductive Health and Rights: The Importance for Muslim Women," 20.

[215] Persidangan dunia tentang wanita di Mexico tahun 1975 bermulanya kesepakatan untuk menyusun satu 'naskhah' dalam membendung dan menghapuskan amalan diskriminasi terhadap wanita. Bertitik tolak dari ini, pada tahun yang sama melalui sidang Umum PBB, termaterai Konvensyen CEDAW. Lihat Saparinah Sadli, *Berbeda Tetapi Setara: Pemikiran Tentang Kajian Perempuan,* terj. Imelda Bachtiar (Jakarta: Penerbit Buku Kompas, 2010), 34.

[216] Persidangan Nairobi juga adalah rentetan daripada pelbagai Konferensi Dunia Antarabangsa wanita dan akhirnya membawa kepada pengenalan *'12 critical areas of concerns'* yang mana perkaitannya dalam isu hak reproduktif wanita adalah *[1] keadaan taraf kesihatan wanita yang masih tidak mencakupi kehendak WHO, [2] berlakunya konflik kekerasan terhadap wanita dalam kadar yang membimbangkan, [3] Tiada perlindungan untuk wanita yang sewajarnya.* Rujuk Saparinah Sadli, *Berbeda Tetapi Setara: Pemikiran Tentang Kajian Perempuan,* 35.

University of Malaya

keluarga menjadi keutamaan dalam konteks penyusunan anak. Antara prinsip asas yang disemadikan di dalam konsep ini ialah:[217]

i. Hak untuk bebas memutuskan bilangan dan jarak di antara anak-anak, dan hak untuk mempunyai maklumat dan kemudahan untuk berbuat demikian.
ii. Hak untuk mencapai tahap seksual dan kesihatan reproduktif tertinggi.
iii. Hak untuk membuat keputusan berkenaan pembiakan yang bebas daripada paksaan, diskriminasi, atau keganasan.
iv. Hak untuk mendapat hubungan seksual yang memuaskan dan selamat.

Mungkin prinsip yang digariskan ini dilihat lebih cenderung kepada konteks perancangan keluarga dan kontraseptif. Tetapi atas dasar kesinambungan perancangan keluarga sebagai hak dan peranan reproduktif yang dilalui oleh wanita berkahwin, maka secara tidak langsung kepentingannya turut dilihat pada aspek dan peranan yang dilalui oleh sasaran wanita berkahwin dan juga setiap yang melibatkan interaksi suami isteri dalam peranan rumah tangga.

Justeru atas dasar ini, kesedaran yang optimum dalam kalangan wanita dan juga lelaki dalam memelihara proses dan peranan reproduktif dan seksual seseorang wanita harus dimulai dari peringkat awal. Jika dalam konteks hak reproduktif wanita berkahwin, sedari awal bermula dengan langkah sebelum seseorang wanita ingin berkahwin, dengan cara penentuan perkahwinannya yang harus dijalankan tanpa sebarang paksaan, seterusnya membawa kepada ruang lingkup rumah tangga, apabila mereka berhak untuk mendapatkan hak seksualiti yang wajar dengan cara yang makruf meliputi seksual suami isteri, keinginan untuk kehamilan, proses kelahiran, serta hubungan kekeluargaan yang bebas

[217] Rashidah Abdullah, "Reproductive Health and Rights: The Importance for Muslim Women," 20.

University of Malaya

daripada sebarang ancaman dan kekerasan. Di sinilah keselarian nilai keadilan sosial itu akan dilihat diberikan mengikut tempatnya. Sungguhpun hak ini banyak dilaungkan oleh negara barat, tetapi selagi mana ianya selaras dengan undang-undang negara dan keutamaan pembangunan, dengan mengambil kira nilai-nilai keagamaan, etika dan latar belakang budaya rakyat, menepati hak asasi manusia mengikut yang cara yang selayaknya, maka ianya bukanlah suatu isu besar yang tidak boleh ditekankan dalam konteks masyarakat sekarang terutamanya melibatkan pemerkasaan wanita masa kini.

Sebenarnya teras kepada pengamalan hak reproduktif yang berkesan akan dipengaruhi dengan situasi persekitaran mereka. Sama ada persekitaran mereka terdiri daripada kalangan yang positif dan menggalakkan atau sebaliknya.[218] Dalam hal ini, ianya lebih menjurus kepada peranan suami dan kaum lelaki. Oleh itu, amat penting bagi kaum suami untuk mengambil kira situasi isteri, dalam menjamin satu hubungan yang adil dan saksama antara mereka.

2.5 RUMUSAN

Perbincangan tentang hak-hak ini ada kalanya mengundang persepsi negatif dan positif. Negatif bagi segelintir pihak yang ekstrem 'konservatif' akan berpegang pada hujah ianya sebagai suatu cubaan untuk memodenkan ketetapan yang telah sedia ada dalam perbahasan fiqh klasik tradisional, disulami dengan penerapan aspek keadilan yang dipengaruhi dengan agenda kebaratan, dan penerimaannya dalam konteks agama adalah suatu yang mustahil. Walau bagaimanapun, sudut pandang yang positif masih memperlihatkan isu ini sebagai salah satu cara untuk memberikan sisi keadilan dan menambah baik kehidupan

[218] Agus Dwiyanto & Muhadjir Darwin, *Seksualitas, Kesehatan Reproduksi, dan Ketimpangan Gender: Implementasi Kesepakatan Konferensi Kependudukan Kairo bagi Indonesia,* 25.

University of Malaya

golongan wanita yang berkahwin supaya dapat hidup dalam suasana perkahwinan yang harmoni, dan bebas dari sebarang unsur penindasan. Tidak bermakna jika hak ini ditekankan, tuntutan untuk menjulang tinggi wanita melampaui batas golongan lelaki diperjuangkan, tetapi ianya sebagai suatu peranan dalam memberikan satu hak kemuliaan kepada wanita agar diletakkan dalam sisi yang sepatutnya. Sebagaimana seorang wanita itu dijamin martabatnya dalam Islam, begitu juga hak reproduktif ini perlu diperkasa supaya dapat memberikan gambaran positif kepada masyarakat bahawa wanita juga mempunyai nilai sosial mereka yang tersendiri sekitar kehidupan mereka dalam kelompok umum.

University of Malaya

BAB 3: PELAKSANAAN HAK REPRODUKTIF WANITA DALAM KONVENSYEN KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

3.1 PENDAHULUAN

Hak reproduktif diambil kira sebagai hak asasi manusia yang telah diiktiraf dalam undang-undang negara dan dokumen hak asasi manusia antarabangsa. Ia membawa pengiktirafan terhadap semua individu untuk berhak membuat keputusan secara bebas dan bertanggungjawab terhadap jumlah, jarak dan selang masa kelahiran anak mereka. Mereka juga mempunyai akses untuk mendapatkan maklumat dalam memastikan kesihatan seksual dan reproduktif yang bagus. Selain itu juga termasuk hak mereka untuk membuat keputusan mengenai reproduktif yang bebas daripada diskriminasi, paksaan dan keganasan, seperti yang dinyatakan dalam dokumen hak asasi manusia.[1]

Pada skala global, segelintir hak kesihatan reproduktif dan seksual wanita telah dinafikan, diabaikan, dan dicabuli[2]. Justeru, dari semasa ke semasa wujudnya medium perlindungan dan promosi berkaitan kesihatan reproduktif dan seksual kerana terdapatnya keperluan yang mendesak dan keberanian masyarakat dalam menyuarakan kemarahan dan ketakutan mereka apabila hak mereka dicabuli demi menuntut satu perubahan[3]. Kini terdapat kesedaran yang lebih tinggi dalam sistem hak asasi manusia bahawa hak reproduktif menjadi sebahagian daripada peruntukan hak asasi manusia yang sedia ada di dalam perjanjian antarabangsa. Oleh itu, usaha-usaha untuk menghapuskan amalan dan layanan yang tidak berperikemanusiaan, menjatuhkan maruah wanita adalah suatu hak

---

1 United Nation Women, *Beijing Declaration and Platform for Action, Beijing +5 Political Declaration and Outcome* (New York: United Nation Women, 1995).

2 Isfahan Merali, "Advancing Women's Reproductive and Sexual Health Rights: Using the International Human Rights System," 609-624.

3 Isfahan Merali, "Advancing Women's Reproductive and Sexual Health Rights: Using the International Human Rights System," 609.

University of Malaya

yang perlu ditegakkan. Perlu disedari bahawa, perjuangan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan reproduktif yang berkualiti tinggi kepada para wanita akan mengukuhkan hak mereka berhubung dengan penjagaan kesihatan.

Bab ini akan meneliti bagaimana hak asasi manusia berkaitan dengan reproduktif wanita digunakan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Pertama, huraian akan difokuskan kepada pengiktirafan terhadap hak reproduktif wanita itu yang dilihat sebagai suatu hak asasi menyeluruh manusia, di mana implikasi-implikasi yang diperolehi wanita dalam hak mereka berkaitan perundangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kedua, kajian juga memfokuskan kepada kepelbagaian instrumen hak asasi manusia yang wujud di peringkat antarabangsa dan bagaimana ianya diaplikasikan untuk memberikan perlindungan terhadap hak-hak reproduktif wanita itu sendiri melalui deklarasi yang dipersetujui seperti CEDAW, ICPD, Platform Tindakan Beijing. Akhir Sekali adalah evolusi perkembangan bagi pengukuhan dan pemerkasaan hak-hak reproduktif wanita di Malaysia melalui dasar-dasar yang digubal di peringkat kebangsaan dan juga komitmen negara dalam melaksanakan hak reproduktif wanita, khususnya hak reproduktif wanita berkahwin.

3.2 PENGIKTIRAFAN HAK REPRODUKTIF WANITA SEBAGAI HAK ASASI MANUSIA

Hak kesihatan dan reproduktif wanita tidak boleh difahami sepenuhnya tanpa mengambil kira status dan kedudukan mereka dalam perundangan dan sosial. Undang-undang yang berkaitan dengan status mereka secara langsung akan mempengaruhi keupayaan mereka untuk mengamalkan hak-hak yang sewajarnya. Meliputi status perkahwinan wanita, keupayaannya untuk memiliki harta dan mencari pendapatan sendiri, tahap pendidikannya,

University of Malaya

keadaan yang membawa kepada keganasan dan boleh menjejaskan keupayaannya untuk membuat keputusan mengenai kesihatan reproduktif dan seksualnya serta akses kepada perkhidmatan yang sesuai.

Sejak Persidangan Antarabangsa mengenai Kependudukan dan Pembangunan 1994 di Kaherah diadakan, takrif seksualiti dan kesihatan seksual telah banyak dihuraikan bersama satu pengiktirafan yang menetapkan kesihatan seksual wanita itu perlu dihormati, dilindungi dan dipenuhi oleh hak asasi manusia.[4] Kemajuan yang besar juga telah dilihat dalam menggubal atau mengubah undang-undang yang memberi kesan kepada seksualiti dan kesihatan seksual, sejajar dengan keperluan hak asasi manusia. Langkah ini termasuk jaminan undang-undang terhadap isu dan polemik diskriminasi dan keganasan, penerimaan dan kualiti maklumat mengenai kesihatan seksual dan perkhidmatan kepada semua.[5] Tindakan undang-undang seperti ini menimbulkan kesan positif ke atas kesihatan khususnya pada kesihatan seksual. Tetapi, ianya masih belum mencapai tahap maksima pelaksanaan, kerana masih terdapat ruang-ruang penambahbaikan yang perlu dikemas rapi. Justeru, dalam usaha untuk memastikan akauntabiliti terhadap hak dan kesihatan penduduk mereka, negara mempunyai tanggungjawab untuk meminda undang-undang mereka supaya selaras dengan 'standard' hak asasi manusia antarabangsa, serantau dan negara.

---

[4] Roseman, M.J. & Reichenbach L., "International Conference on Population and Development at 15 Years: Achieving Sexual and Reproductive Health and Rights for All?" *American Journal of Public Health*, vol. 100, no. 3 (2010), 403-406.

[5] Haslegrave, M., "Sexual and Reproductive Health and Rights In The Sustainable Development Goals and The Post-2015 Development Agenda: Less Than A Year To Go," *Reproductive Health Matters: An International Journal on Sexual and Reproductive Health and Rights,* vol. 22, no. 44 (2014), 102-103.

University of Malaya

3.2.1 Wanita: Implikasi Dalam Hak Perundangan Kebangsaan

3.2.1.1 Hak Kesaksamaan dan Tidak didiskriminasikan

Perlembagaan Persekutuan Malaysia melarang sebarang diskriminasi terhadap rakyat atas alasan agama, bangsa, keturunan, tempat lahir dan jantina dalam mana-mana peruntukan undang-undang.[6] Ianya terpakai secara langsung terhadap segala urusan pentadbiran, pekerjaan, mahupun harta. Tetapi, pada tanggal 1 Ogos 2001, kerajaan telah melakukan satu anjakan paradigma dengan meminda Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang mana secara jelas melarang sebarang perbezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab jantina. Pindaan dengan memasukkan frasa 'jantina' di dalam peruntukan ini dilihat sebagai batu loncatan di dalam perjuangan kaum wanita untuk dilihat berdiri sama tinggi dengan kaum lelaki tanpa sebarang unsur eksploitasi dan diskriminasi berasaskan gender.[7]

Diskriminasi telah dinyatakan dalam perjanjian hak asasi manusia antarabangsa bermaksud sebarang perbezaan dan pengecualian, sekatan atau keutamaan yang berasaskan alasan seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, fahaman politik atau lain-lain, asal-usul bangsa keturunan atau sosial, kelahiran atau status lain yang akan memberi kesan atau bertujuan untuk merosakkan atau membatalkan pengiktirafan, keseronokan seseorang dalam menjalankan hak-hak mereka.[8] Takrifan ini turut membawa kepada maksud

---

[6] Perlembagaan Persekutuan. Perkara 8 (1) & (2) yang menjelaskan tentang kesamarataan di mana tidak boleh wujud sebarang diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina.

[7] Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah, "Ratifikasi CEDAW di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang dan Hukum Syarak," *Journal of Shariah Law Research,* vol. 2, no. 2 (2017), 213.

[8] United Nations Human Rights (UN), " International Covenant On Economic, Social and Cultural Rights 1966," dicapai pada 16 Mei 2016, http://www.ohchr.org/EN/ProfessionalInterest/Pages/CESCR.aspx

University of Malaya

penghapusan unsur diskriminasi terhadap wanita bagi memastikan hak dan kebebasan wanita itu terjamin.[9]

Secara umumnya, hak-hak wanita Malaysia didukung oleh peruntukan dalam perlembagaan persekutuan, perundangan di Malaysia, perundangan Islam, dan beberapa konvensyen antarabangsa yang mana Malaysia juga antara ahlinya[10]. Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara yang tertentu menjamin hak rasmi wanita dalam beberapa bidang yang berbeza, sama ada penyertaan politik, pekerjaan,[11] pendidikan, penjagaan kesihatan, perkahwinan dan perceraian.[12] Terdapat juga undang-undang tertentu yang telah digubal untuk menangani keganasan gender dan menggalakkan kesaksamaan gender. Ini termasuk Akta Keganasan Rumah Tangga 1994[13] dan pindaan kepada peruntukan kanun keseksaan bagi kesalahan jenayah rogol.[14]

---

9 Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah, "Ratifikasi CEDAW di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang dan Hukum Syarak," 212.

10 Malaysia adalah salah sebuah negara yang meraktifikasi perjanjian denngan CEDAW dengan meletakkan beberapa reservasi kerana terdapat beberapa artikel dalam CEDAW yang bertentangan dengan Undang-undang Islam di Malaysia. Lihat: Mohd Hazuman Zulkifli *et al*., "Tafsiran Kesamarataan Gender Menurut CEDAW dan Islam," *Prosiding International Conference On Islamic Jurisprudence (Icij)* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 372.

11 Akta Kerja (Pindaan) 2012. (Seksyen 34, 35 dan 44a, Akta A1419, Pindaan 2012). Bahagian VIII dalam Akta Kerja 1955 - Seksyen 34: larangan wanita kerja pada waktu malam dalam mana-mana industri atau pertanian; dan Seksyen 35: larangan kerja bawah tanah untuk wanita. Selain itu, terdapat juga peruntukan tentang penyiasatan kes gangguan seksual dalam seksyen 81c dan kuasa menyiasat hak-hak perlindungan bersalin dalam seksyen 44a.

12 Law Reform (Marriage And Divorce) Act 1976 No. 164.

13 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521).

14 Kanun Keseksaan (Akta 574). Pindaan Seksyen 375B yang membawa kepada peningkatan hukuman maksimum 30 tahun daripada 20 tahun dan minimum 10 tahun berbanding lima tahun terdahulu bagi jenayah rogol perseorangan atau berkumpulan. Lihat Utusan Online, "Hukuman Rogol 30 Tahun," dicapai pada 26 September 2013, http://ww1.utusan.com.my/utusan/Parlimen/20130926/pa_01/Hukuman-rogol-30-tahun?t=123. Lihat juga Undang-Undang Malaysia, Akta A1471, Akta Kanun Keseksaan Pindaan (2014).

Seterusnya pada tahun 1989, kerajaan telah menggubal Dasar Wanita Negara[15] atas dasar mengiktiraf peranan wanita yang sangat besar dalam lapangan domestik, dan masyarakat sebagai usaha untuk mengoptimumkan potensi wanita ke arah kemajuan. Menggariskan beberapa objektif keutamaan seperti memastikan bahawa lelaki dan wanita boleh berkongsi secara saksama dalam memperoleh setiap kemudahan sumber, maklumat, peluang dan manfaat pembangunan.[16] Selain itu, ianya turut mengintegrasikan wanita dalam semua sektor pembangunan selaras dengan kemampuan dan keperluan mereka untuk meningkatkan kualiti hidup, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan dan buta huruf, dan memastikan sebuah negara yang aman, harmoni dan makmur[17]. Secara literalnya, dasar ini mendukung cita-cita dalam mencapai kesaksamaan gender tanpa sebarang diskriminasi dan pembangunan negara yang seimbang dan lestari.

---

[15] Dasar Wanita Negara (DWN) pertama adalah pada tahun 1989. Seterusnya semakan semula dilakukan untuk pengubahsuaian yang seiring dengan perubahan persekitaran dan keperluan semasa. Seterusnya DWN kedua pada tahun 2009 dilancarkan sempena sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan. Ia adalah kesinambungan dari yang pertama, yang turut dilengkapi dengan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang merangkumi 13 sektor dalam usaha memastikan kesaksamaan gender dan pembangunan seimbang. DWN 2009 lebih mempromosikan pemerkasaan wanita untuk meningkatkan potensi diri yang lebih optimum ke arah mewujudkan kesaksamaan gender. Berbeza dengan DWN 1989 yang lebih memfokuskan kepada pelaksanaan program untuk meningkatkan keberkesanan fungsi wanita sebagai isteri dan ibu bagi kesejahteraan rumahtangga dan keluarga. Justeru itu, usaha berterusan digiatkan untuk mengarusperdanakan gender dalam semua aspek merangkumi pembuatan polisi, pelaksanaan program dan projek kerajaan. Walaupun kedua-dua polisi ini menekankan aspek kesaksamaan gender, namun DWN 2009 dilihat lebih mensasarkan terhadap strategi penerapan elemen kesaksamaan gender pada semua peringkat masyarakat. Lihat Utusan Online, "Pelan tindakan Dasar Wanita Negara 2009," 26 Ogos 2009; Noor Azizah Ahmad & Mariny Abdul Ghani, "Dasar Wanita Negara: Daripada Polisi kepada Pelaksanaan," *Jurnal Pembangunan Sosial,* vol. 19 (2016), 74.

[16] Noor Azizah Ahmad & Mariny Abdul Ghani, "Dasar Wanita Negara: Daripada Polisi kepada Pelaksanaan," 73.

[17] Aminah Ahmad, "Country Briefing Paper, Women in Malaysia," dicapai pada 5 April 2016, http://www.adb.org/sites/default/files/institutional-document/32552/women-malaysia.pdf

University of Malaya

Salah satu hasil yang dapat dilihat daripada dasar itu ialah kemasukan bab Wanita dalam Pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)[18]. Kepekaan ini menunjukkan bagaimana peranan wanita dalam pembangunan Malaysia telah diiktiraf secara rasmi dan diketengahkan dalam rancangan pembangunan negara dan tanggungjawab pelaksanaannya digalas oleh Sekretariat Hal Ehwal Wanita (dikenali sebagai HAWA), yang kini bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Manakala, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) yang dirumuskan untuk melaksanakan dasar pembangunan wanita dan telah diluluskan oleh Kabinet pada tahun 1997.[19] Pelan tindakan tersebut sebahagian besarnya diambil daripada Platform Tindakan Beijing yang menggariskan strategi serta program dalam pelbagai bidang yang menjadi perhatian penting bagi peranan wanita dalam bidang kesihatan, pendidikan dan latihan, ekonomi, undang-undang, perkongsian kuasa, media, agama, budaya, sukan, dan keluarga.[20]

Mengetengahkan beberapa objektif utama seperti [Pertama] mengukuhkan mekanisme negara untuk kemajuan wanita, [Kedua] meningkatkan kesedaran dan kepekaan orang awam dan kerajaan tentang isu yang berkait rapat tentang kewanitaan, dan

---

[18] Pejabat Perdana Menteri Malaysia, "Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995," dicapai pada 20 April 2016, http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM6.pdf. Boleh dilihat juga dalam Supian Ali & Mohd. Zainudin Saleh, *Rancangan Malaysia Keenam: Prioriti Pengukuhan Negara* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994), 17. Status wanita telah menjadi objektif utama Rancangan Malaysia ke-6 (1991-1995), di mana sebuah dana khas disediakan untuk perkembangan wanita dan telah menjadi satu langkah yang penting di dalam menuju ke arah keperkasaan wanita-wanita di Malaysia. Rancangan-rancangan Malaysia seterusnya masih memberi perhatian kepada keperluan-keperluan wanita dengan cadangan untuk memajukan status mereka di dalam masyarakat.

[19] Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, *Pelan Tindakan Pembangunan Wanita* (Seri Kembangan: HAWA, 1997), 20. Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kini dikenali sebagai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

[20] Centre of Reproductive Rights, Asian Pacifics Resources and Research Centre for Women, *Women of The World: Laws and Policies Affecting Their Reproductiv Lives (East and Southeast Asia),* 100.

University of Malaya

mengaktifkan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program sosio-ekonomi. Kesemua dasar-dasar yang digubal ini tidak lain untuk memberikan satu bentuk perlindungan yang sama tanpa sebarang diskriminasi berdasarkan bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, dan juga pendapat politik.

3.2.1.2 Hak dalam perkara perkahwinan dan perceraian

Undang-undang yang berkaitan dengan perkahwinan dan keluarga di Malaysia dikawal oleh dua sistem undang-undang yang berbeza, iaitu perundangan sivil, yang terpakai kepada bukan Islam dan undang-undang Islam atau Syariah yang hanya terpakai kepada orang Islam.

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 adalah sebahagian undang-undang utama yang mengawal perkahwinan dan perceraian bagi orang bukan Islam. Akta ini mengiktiraf perkahwinan monogami dan menetapkan tatacara bagi pernikahan dan pendaftaran perkahwinan. Akta ini juga menetapkan umur minima untuk sesuatu perkahwinan adalah 18 tahun bagi lelaki dan perempuan.[21] Walau bagaimanapun, perempuan yang telah mencapai usia 16 tahun boleh mendapatkan kebenaran berkahwin dari Menteri Besar negeri mereka dan juga Mahkamah[22]. Akta ini turut mengandungi perkara-perkara yang berkaitan implikasi daripada perkahwinan seperti perceraian, tuntutan nafkah, dan perlindungan anak-anak.

---

[21] Termaktub dalam *Bahagian iii [Perkahwinan: Sekatan Perkahwinan],* Seksyen 10 dan seksyen 21(2); *Undang-Undang Malaysia. Akta 164. Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976*. 13 & 19.

[22] Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Seksyen 10 dan Seksyen 21 (2) Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 Akta 164. Dicapai pada 20 April 2016, melalui laman sesawang http://www.kpwkm.gov.my/family-unit

University of Malaya

Manakala bagi orang-orang Islam, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri[23] digunapakai bagi hal ehwal perkahwinan dalam kalangan umat Islam. Prinsip asas yang digunapakai adalah sama dalam semua bidang kuasa berkenaan dengan undang-undang keluarga bagi orang Islam, dan termaktub dalam undang-undang negeri masing-masing. Sehingga kini, kesemua peruntukan undang-undang kekeluargaan masih menetapkan umur minima 18 tahun bagi perkahwinan lelaki dan 16 tahun bagi perempuan.[24]

Walau bagaimanapun, wanita di bawah umur 16 tahun boleh berkahwin di bawah keadaan tertentu dengan kebenaran bertulis daripada seorang hakim mahkamah Syariah.[25] Secara umumnya, perkahwinan yang sah menurut Islam memerlukan persetujuan antara kedua-dua pihak sepertimana yang terkandung dalam enakmen sedia ada.[26] Sungguhpun begitu, masih ada lagi pemahaman yang mengiktiraf perkahwinan 'paksa' menerusi doktrin 'ijbar', [27] dan kesahannya menurut syarak juga tiada halangan seperti yang dibincang dalam bab terdahulu.[28] Tetapi ia dilihat sedikit pincang dalam konteks semasa jika ditekankan secara rigid.

Bagi urusan perceraian pula, di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, pasangan suami isteri boleh membubarkan perkahwinan melalui beberapa kategori perceraian, iaitu [pertama] pembubaran

---

[23] Istilah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2003 terpakai untuk semua negeri di Malaysia kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang mengguna pakai istilah Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984.

[24] Seksyen 8, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

[25] Seksyen 8, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

[26] Seksyen 13. *Persetujuan dikehendaki*. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

[27] Konsep ijbar ialah kuasa yang diberikan kepada wali seseorang anak dara, seperti bapa dan datuk untuk membenarkan sesebuah perkahwinan anaknya tanpa meminta persetujuan daripada anak tersebut. Lihat Mohammad Azam Hussain & Alias Azhar, "Definisi Wali dalam Pernikahan: Perspektif Fiqh dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia," 209.

[28] Rujuk perbincangan di bab 2 Islam dan Hak Kesihatan Reproduktif di bawah subtopik '*Menentukan Perkahwinan'*, halaman 97-100

perkahwinan kerana salah satu pihak memeluk Islam[29] [kedua] pembubaran perkahwinan dengan persetujuan bersama[30] [ketiga] pembubaran perkahwinan atas alasan pecah belah yang tidak dapat dipulihkan.[31] Dalam usaha untuk mendapatkan perceraian melalui persetujuan bersama, pihak tersebut secara amnya mesti telah berkahwin selama sekurang-kurangnya dua tahun dan bermastautin di Malaysia pada masa petisyen dilakukan. Antara tujuan disebalik syarat ini adalah untuk menghalang seseorang daripada berkahwin secara gopoh atau mengadakan perkahwinan percubaan dan juga untuk menghalang mereka daripada melarikan diri dari perkahwinan tanpa sebarang percubaan untuk berdamai. Selain ianya juga bertujuan untuk menjaga kesucian perkahwinan itu.

Sebelum berlakunya proses perceraian juga, pasangan turut diperlukan untuk merujuk permasalahan mereka kepada tribunal perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara yang berdekatan untuk membolehkan sesuatu perceraian itu didaftarkan di Mahkamah jika titik perdamaian menemui kegagalan. Tetapi, pengecualian diberikan sekiranya salah seorang pasangan telah masuk Islam ataupun perceraian secara persetujuan bersama.

Begitu juga bagi proses perceraian pasangan Islam yang termaktub di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri masing-masing yang membenarkan sesuatu perkahwinan itu dibubarkan melalui beberapa jenis perceraian sama ada yang dimulakan oleh suami atau isteri. Perceraian yang dimaksudkan sama ada melalui talaq, khulu', takliq, fasakh, li'an dan juga zihar.[32]

---

[29] Seksyen 51, Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).
[30] Seksyen 52, Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).
[31] Seksyen 54, Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).
[32] Seksyen 45 hingga seksyen 51. Pembubaran Perkahwinan. Enakmen 2 Tahun 2003, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

University of Malaya

Kebiasaannya prosedur perceraian yang paling biasa berlaku di Malaysia adalah proses perceraian melalui talaq.[33] Seorang lelaki boleh menceraikan isterinya dengan lafaz talaq secara lisan dengan kebenaran mahkamah. Sekiranya isteri tidak bersetuju terhadap perceraian itu atau jika mahkamah melihat ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian, mahkamah akan melantik suatu jawatankuasa pendamai.[34] Terdapat juga pengamalan apabila suami melafazkan talaq tanpa kebenaran mahkamah (perceraian luar mahkamah).[35] Walaupun ini merupakan suatu kesalahan, pengumuman talaq luar mahkamah masih boleh menamatkan perkahwinan dan boleh diiktiraf oleh mahkamah melalui pendaftaran dan pengesahan lafaz cerai.[36]

Terdapat juga situasi dan pengiktirafan yang Islam berikan pada golongan wanita apabila seorang wanita boleh memulakan untuk membubarkan perkahwinannya. Situasi pertama adalah perceraian secara khulu', di mana wanita itu membayar sejumlah wang sebagai ganti atau tebus talaq kepada suaminya.[37] Sungguhpun begitu, perceraian hanya boleh berlaku sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk bercerai. Wanita tidak boleh menguatkuasakan dirinya dengan 'perceraian khulu', tetapi mesti membuat permohonan melalui mahkamah.

Melalui perceraian secara takliq juga, seorang wanita mempunyai hak untuk melepaskan ikatan perkahwinan jika pihak suami melanggar salah satu syarat yang

---

[33] Raihanah Hj. Abdullah, "Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah," dalam *Wanita dan Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2001), 97.

[34] T.p., "Carta Alir Proses Kes Permohonan Cerai (Tanpa Persetujuan Bersama)," dicapai pada 10 November 2017 melalui https://www.malaysia.gov.my/public/ cms/article/page/572/.

[35] Mazlan Abd Manan, "Kesalahan-Kesalahan Matrimoni dalam Kes Perceraian di Luar Mahkamah dan Tanpa Kebenaran Mahkamah: Kajian di Mahkamah Syariah Negeri Selangor Darul Ehsan," (Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 5.

[36] Seksyen 57. Pendaftaran perceraian di luar Mahkamah. Enakmen 2 Tahun 2003, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

[37] Zaini Nasohah, "Pembubaran Perkahwinan Secara Khuluk dan Kesannya ke atas Tempoh Idah," *Jurnal Islamiyyat*, vol. 33 (2011), 20.

disenaraikan dalam perjanjian takliq yang dipersetujui pada masa perkahwinan itu.[38] Takliq ini juga dipanggil dengan takliq rasmi.[39] Keadaan ini termasuk kegagalan untuk membayar nafkah, perlakuan mudarat suami yang dilakukan terhadap isteri.[40] Kaedah perceraian ini juga turut gugur bila mana berlakunya situasi suami melafazkan sesuatu dengan pilihannya sendiri tanpa melibatkan isu-isu yang termaktub dalam perjanjian semasa perkahwinan itu (takliq rasmi).[41] Lafaz ini dikategorikan sebagai takliq lisan.[42] Kebiasaannya, mahkamah akan melakukan siasatan mengenai salah laku tersebut dan jika berpuas hati, mahkamah akan mengesah dan merekodkan perceraian tersebut.

Selain itu, perceraian melalui fasakh juga boleh bermula dari permintaan isteri. Apabila berlakunya perlanggaran terhadap beberapa alasan yang telah dinyatakan dalam peruntukan perundangan seperti penganiayaan yang berlaku dalam rumahtangga, kecacatan yang wujud pada pasangan sama ada zahiriah atau batiniah (apabila diketahui selepas pernikahan),[43] suami gila, ditinggalkan suami tanpa sebarang alasan dan nafkah, masih belum disetubuhi setelah empat bulan pernikahan dan lain lagi perkara yang boleh menimbulkan dharar pada pasangan.[44] Alasan bagi fasakh ini mungkin berbeza-beza di sesebuah negeri.

---

[38] Norainan Bahari, "Darar Syar'i dalam Mu'ayarah al-Ziwaj dan Pemakaiannya dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984," dalam *Wanita dan Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2001), 80-81.

[39] Ibrahim Lembut, "Kaedah Ta'liq Talak di Mahkamah Syariah," *Jurnal Hukum*, vol. 21 (2006), 148.

[40] Norainan Bahari, "Darar Syar'i dalam Mu'ayarah al-Ziwaj dan Pemakaiannya dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984," 81.

[41] Ibrahim Lembut, "Kaedah Ta'liq Talak di Mahkamah Syariah," 148.

[42] Ibrahim Lembut, "Kaedah Ta'liq Talak di Mahkamah Syariah," 148.

[43] Raihanah Hj. Abdullah *et al*., "Kecacatan Sebagai Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia," *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia* (Bangi: Kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia & *Princess of Naradhiwas University*, Thailand, 2017), 238-240.

[44] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Seksyen 53 (1), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003. Dicapai pada 20 April 2016 melalui laman sesawang, http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Upd.

Peruntukan-peruntukan yang ada ini menunjukkan pelaksanaan perundangan yang sama antara orang Islam dan bukan Islam melibatkan urusan hal ehwal perkahwinan dan perceraian. Pada sisi lainnya pula, peruntukan sedia ada ini menunjukkan bahawa seorang wanita itu terjamin haknya dalam perundangan negara yang semestinya akan memberikan implikasi terhadap kehidupan wanita apabila berkait dengan amalan perkahwinan mahupun perceraian yang tidak diduga.

3.2.1.3 Hak terhadap perlindungan fizikal dan keganasan seksual

Keganasan atau penderaan adalah suatu bentuk penganiayaan terhadap tubuh badan seseorang sehingga boleh menyebabkan kesakitan atau kemudharatan. Penderaan atau keganasan yang kebiasannya berlaku adalah fizikal, psikologi, seksual dan juga sosial.[45] Penderaan fizikal adalah suatu bentuk keganasan atau penderaan yang paling banyak dilaporkan kerana mudah dikesan melalui kecederaan yang berlaku di tubuh badan, dan ianya boleh jadi disebabkan penggunaan senjata seperti pisau, kayu, rotan, benda tajam, puntung rokok, sterika panas atau sebarang bentuk kekerasan.[46] Bagi penderaan seksual pula kebiasaannya melibatkan perbuatan memperkosa atau melakukan hubungan seks secara paksa dan ganas.[47]

Penganiayaan terhadap golongan wanita boleh dibahagikan kepada beberapa kategori seperti keganasan rumahtangga, perkosaan atau keganasan seksual dan juga gangguan seksual. Pelaksanaan di Malaysia, terdapat satu rangka kerja undang-undang bagi jenayah keganasan terhadap wanita. Sebagaimana akta utama yang terpakai bagi keganasan rumah

---

[45] Jal Zabdi Mohd Yusoff, *Jenayah Keganasan Rumah Tangga*, edisi ke-2 (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2010), 24.

[46] Maizatul Akmam Abu Bakar *et al.*, *Keganasan Rumah Tangga: Corak, Punca dan Kaedah Penyelesaian* (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 29.

[47] Ellyia Ullfah (Asp D11, Unit Keganasan Rumah Tangga, Polis Diraja Malaysia), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 30 Ogos 2016.

University of Malaya

tangga adalah Akta Keganasan Rumah tangga 1994 (Akta 521) dan peraturan-peraturan. Akta ini hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan, yang mana ianya diperuntukkan di dalam seksyen 3 Akta Keganasan Rumahtangga 1994.[48]

a) Jenayah Rogol

Kanun keseksaan mentakrifkan rogol sebagai hubungan seks antara seorang lelaki dengan seorang wanita melalui penetapan seksyen 375[49] di bawah mana-mana keadaan berikut:[50]

i. bertentangan dengan kehendaknya atau tanpa izinnya.
ii. Melalui persetujuan yang diperolehi melalui paksaan atau penipuan, atau persetujuan yang tidak diketahui; atau
iii. Dengan atau tanpa izinnya apabila dia berada di bawah umur 16 tahun.

Tetapi, hanya penembusan faraj oleh zakar yang dikira sebagai rogol di bawah takrif kanun keseksaan. Penggunaan objek lain selain zakar, perbuatan itu hanya disifatkan sebagai suatu serangan dengan niat untuk mengundang kemarahan (dengan cara yang halus) yang membawa kepada hukuman yang lebih ringan daripada rogol.[51]

Kanun keseksaan tidak mengiktiraf rogol dalam hubungan perkahwinan sebagai satu kesalahan jenayah kerana hubungan seks antara seorang lelaki dengan isterinya melalui perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa, atau diiktiraf dalam persekutuan adalah dikira sebagai suatu yang sah, dan bukan

---

48 Akta Keganasan Rumah tangga 1994 (Akta 521). 2012, *[Seksyen 3,1994; Akta hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan, dsb]*. 9.
49 Kanun Keseksaan (Akta 574) 2017. 224-225.
50 Kanun Keseksaan (Akta 574) 2006. *Seksyen 375(a)-(f) [Rape]*. 146.
51 Gan Kong Meng, "Kajian Kes Perogol di Negeri Kedah dan Perak," (Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Sains Malaysia, 2007), 21. Lihat juga dalam Centre of Reproductive Rights, Asian Pacifics Resources and Research Centre for Women, *Women of The World: Laws and Policies Affecting Their Reproductive Lives (East and Southeast Asia),* 108.

rogol. Walaupun begitu, seksyen 375a[52] memperuntukan hukuman keatas suami yang melakukan kecederaan terhadap isteri ketika aktiviti hubungan kelamin antara mereka. Langkah ini dikira sebagai suatu pencegahan kepada suami untuk tidak melakukan sebarang kemudaratan dan kecederaan pada isteri ketika ingin berhubungan kelamin. Walau bagaimanapun, terdapat tiga keadaan yang mana seorang lelaki yang melakukan hubungan seks secara tidak rela dengan isterinya boleh didakwa sebagai rogol, iaitu:[53]

i. Di mana isteri hidup secara berasingan daripada suaminya di bawah dekri pemisahan kehakiman;
ii. Di mana isteri telah memperoleh injunksi mahkamah yang menghalang suaminya daripada melakukan persetubuhan dengan dia; dan
iii. Dalam kes seorang wanita Islam yang tinggal berasingan daripada suaminya sepanjang tempoh iddah, mengikut perhitungan dan kiraan Hukum Syarak.

b) Keganasan rumah tangga

Mengikut Akta Keganasan Rumahtangga 1994, Seksyen 2, tafsiran "keganasan rumah tangga" merujuk kepada perlakuan satu perbuatan atau lebih yang:[54]

(a) secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan, mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
(b) menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
(c) memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukan;

---

[52] Seksyen 375a, Kanun Keseksaan Akta 574:
"Mana-mana lelaki dalam suatu perkahwinan yang sah menyebabkan kecederaan atau ketakutan kematian atau kecederaan kepada isterinya atau mana-mana orang lain untuk mengadakan persetubuhan dengan isterinya hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai lima tahun."

[53] Kanun Keseksaan Akta 574. 2006. *Seksyen 375 [Rape]* Pengecualian 1&2. 146.

[54] Akta Keganasan Rumah tangga 1994 (Akta 521). *Bahagian I [Permulaan] Seksyen 2*. 6-7.

(d) mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu;
(e) melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu;
(f) menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa;
(g) menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperoleh dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau
(h) dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain,

oleh seseorang, sama ada dengan sendiri atau melalui pihak ketiga, terhadap -
(i) isteri atau suaminya;
(ii) bekas isteri atau suaminya;
(iii) kanak-kanak;
(iv) orang dewasa tidak berkeupayaan; atau
(v) mana-mana anggota lain keluarga;

Manakala, Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) memberikan takrifan kepada keganasan rumah tangga pada asasnya sebagai suatu bentuk penyalahgunaan kuasa yang sering berlaku apabila seorang pasangan (lazimnya lelaki) cuba untuk mengawal atau mendominasi pasangannya.[55]

Demikian itu, Akta Keganasan Rumahtangga telah digubal khusus sebagai garis panduan bagi mereka yang berhadapan dengan situasi keganasan rumah tangga. Akta ini menetapkan perlindungan untuk mangsa mendapatkan perlindungan segera apabila sesuatu keganasan diperlakukan ke atas dirinya. Akta ini juga turut terpakai untuk semua orang dalam Malaysia tanpa membezakan agama, bangsa, jantina, keturunan dan tempat kelahiran. Ianya bertepatan dan selaras dengan peruntukan kesamarataan yang dinyatakan

[55] Women's Aid Organisation, "Domestic Violence," dicapai pada 20 Mei 2016 di laman sesawang http://www.wao.org.my/Domestic+Violence_98_5_1.htm

di bawah Perkara 8[56] Perlembagaan, di mana setiap orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

Akta ini juga perlu dibaca bersama dengan kanun keseksaan, dan di bawah peruntukan kanun keseksaan, ia tidak mengiktiraf rogol yang berlaku dalam tempoh perkahwinan kecuali melibatkan beberapa keadaan. Ini berbeza dengan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa yang mengiktiraf perlakuan rogol boleh berlaku dalam perkahwinan dan merupakan suatu jenayah yang besar.[57] Jika melihat kepada statistik pula, saban tahun jenayah keganasan rumah tangga ini semakin meningkat naik.[58] Ini secara tidak langsung telah memberikan satu gambaran yang tidak elok dalam sesebuah ikatan perkahwinan yang sepatutnya dilalui dengan penuh rasa kasih sayang dan ketenangan.

c) Jenayah gangguan seksual

Gangguan seksual juga termasuk di dalam salah satu penganiayaan terhadap wanita. Ramai wanita yang diganggu secara seksual sama ada di pejabat, dalam kenderaan awam, di jalan raya dan sebagainya. Kadangkala, mangsa yang mengalami gangguan seksual tidak membuat laporan kepada pihak yang berkuasa. Ini kerana sikap malu, bimbang dijadikan bahan sindiran, ataupun takut diberhentikan kerja. Tindakan mendiamkan diri seperti ini mungkin ada kaitannya dengan kefahaman tentang maksud gangguan seksual itu

---

[56] *Bahagian ii [Kebebasan Asasi] Perkara 8 [Kesamarataan]*. Perlembagaan Persekutuan. 2007.

[57] CEDAW. Combined third and fourth period reports-Sri Lanka (chapter IV, section B.4, para. 285). Report of the committee on the elimination of discrimination against women-Twenty-sixth and twenty-seventh sessions and exceptional session (A/57/38(SUPP)). 2002. New York, NY: United Nations.

[58] Sejak tahun 2010 hingga 2014 mencatatkan kenaikan bagi kes keganasan rumah tangga. Pada tahun 2014, kes telah meningkat kepada 4807 berbanding 4123 pada tahun sebelumnya. Rekod Statistik Jenayah Keganasan Rumah Tangga, PDRM. Womans Aid Organization (WOA), "Police Statistics on Violence Against Women 2000-2014", Dicapai pada 20 Mei 2016, http://www.wao.org.my/Police+Statistics+on+Violence+Against+Women+2000-2014_99_6_1.htm

sendiri. Ramai daripada mangsa masih keliru pengertian sebenarnya dan bentuk-bentuk tingkah laku yang bagaimanakah yang dikatakan sebagai gangguan seksual.[59]

Dalam kebanyakan kamus[60] mendefinisikan frasa "mengganggu" sebagai kesusahan akibat dari serangan yang berulang-ulang. Oleh yang demikian, gangguan seksual merujuk kepada tingkah laku yang ada kaitan dengan elemen seksual yang dilakukan secara berulang-ulang yang boleh menimbulkan kesusahan kepada orang yang menerimanya.[61]

Satu definisi yang lebih jelas telah dikemukakan oleh Kongres Kesatuan Sekerja, Malaysia yang mana menyatakan gangguan seksual sebagai segala pertuturan, tingkah laku, sentuhan fizikal, isyarat secara berulang-ulang yang berunsur seksual di tempat kerja. Perlakuan-perlakuan ini termasuklah sentuhan badan yang tidak diingini, paksaan mengadakan 'temujanji' dan pujuk rayu supaya melakukan hubungan seks atau menampal gambar-gambar lucah di tempat kerja.[62] WHO pula mendefinisikan keganasan seksual sebagai sebarang perbuatan seksual, percubaan untuk mendapatkan layanan seksual, komen seksual atau pendahuluan seksual yang tidak diingini, atau menggunakan paksaan melalui seksualiti, oleh mana-mana individu tanpa mengira hubungan mereka dengan mangsa tersebut, dalam apa jua keadaan, tidak terhad kepada rumah dan tempat kerja.[63]

Melihat pelaksanaan di negara luar, sebagai contoh di Nepal, sepanjang tahun 2006-2007, satu kajian telah dijalankan mengenai keganasan seksual dalam kalangan pasangan

---

59 Ellyia Ullfah (Asp D11, Unit Keganasan Rumah Tangga, Polis Diraja Malaysia), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 30 Ogos 2016.

60 Maksud 'Menganggu.' Lihat Noresah Baharom *et al*., *Kamus Dewan Edisi Keempat,* 431.

61 Ishak Mad Shah *et al.*, *Gangguan Seksual di Tempat Kerja: Kajian ke atas Mangsa dan Pelaku di Sekitar Johor Bahru, Johor* (Skudai: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan dan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 2004), 11.

62 Zaiton Nasir, "Ancaman Seks di Pejabat," *Dewan Masyarakat*, vol. 7, no. 12 (1996), 38.

63 T.p., "World Report on violence and health. 2002". World Health Organization, Geneva, Switzerland.5. melalui laman sesawang http://apps.who.int/iris/bitstream/10665/42495/1/9241545615_eng.pdf

muda. Antara perlakuan dan perbuatan yang paling kerap ditakrifkan sebagai keganasan seksual oleh responden ialah:[64]

i. Seks melalui kehendak pasangan sama ada ketika sakit, selepas pengambilan alkohol, semasa haid, selepas bersalin.
ii. Sentuhan seksual yang tidak diingini dan secara paksaan.
iii. Penyalahgunaan atau ancaman fizikal atau lisan berikutan keengganan seks

Berdasarkan Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di tempat Kerja yang dilancarkan oleh Kementerian Sumber Manusia,[65] gangguan seksual dibahagikan kepada dua, iaitu pengenaan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaan atau istilahnya *quid pro quo*, dan tingkah laku yang disifatkan menimbulkan suasana yang tidak tenteram kepada mangsa di tempat kerja.

Secara umumnya, tidak ada undang-undang khusus dalam menangani gangguan seksual. Akta yang berkaitan dengan gangguan seksual turut diletakkan di bawah kanun keseksaan. Kanun ini mengambil kira ianya sebagai satu jenayah apabila berlakunya perbuatan menghina kehormatan seorang wanita secara sengaja melalui kata-kata, bunyi, gerak isyarat, atau dengan mempamerkan sebarang objek.[66] Kesalahan tersebut boleh membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda, atau kedua-duanya.

Daripada huraian sebelum ini berkaitan dengan implikasi wanita dalam perundangan, jelas memperlihatkan pembelaan terhadap wanita yang termaktub dalam undang-undang sivil dan syariah yang ada di Malaysia pada hari ini bersifat holistik untuk menjamin hak-

---

[64] Amruta S. Indupalli *et al*., "Sexual Violence among Married Women: An Unspoken Sting," *International Journal of Research in Medical Sciences,* vol. 2, no. 4 (2014), 1249.

[65] Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja. Kementerian Sumber Manusia.

[66] Kanun Keseksaan Akta 574. *Bahagian Xxii [Criminal Intimidation, Insult And Annoyance] Seksyen 509 [Word Or Gesture Intended To Insult The Modesty Of A Person]*. 196.

University of Malaya

hak wanita. Namun, ramai kaum wanita tidak sedar dan tidak tahu kewujudan perundangan tersebut. Disebabkan kurangnya pengetahuan ini, maka kaum wanita seringkali keliru dan buntu apabila berhadapan dengan masalah dan menyalahkan undang-undang kerana menyangka undang-undang tidak dapat membela nasib mereka. Seperkara yang selalu terjadi dan menimbulkan masalah adalah kurangnya pengetahuan berhubung dengan prosedur dan cara-cara untuk mendapatkan sisi pembelaan mereka.

3.2.2 Perlindungan Hak Asasi Wanita di Bawah Undang-Undang Antarabangsa

Di peringkat antarabangsa, pelbagai institusi, terutamanya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah memberikan banyak tekanan kepada negara berkaitan dengan hak asasi manusia, khususnya wanita dan kanak-kanak perempuan dalam beberapa dekad yang lalu.[67] Sebagaimana penetapan dan tujuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu salah satunya untuk memberi galakan dalam menghormati hak asasi manusia dan kebebasan asasi tanpa membezakan bangsa, jantina, bahasa atau agama.[68]

Pada tahun 1967, negara yang menganggotai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menerima pakai Deklarasi Penghapusan Diskriminasi terhadap Wanita *(Declaration on The Elimination of Discrimination Against Women)*,[69] yang menyatakan bahawa diskriminasi terhadap wanita adalah suatu kesalahan terhadap martabat manusia dan menyarankan negara terlibat agar menghapuskan undang-undang yang sedia ada, adat, peraturan dan amalan yang mendiskriminasi wanita sekaligus mewujudkan perlindungan

---

[67] Semchuddar Ponnambalam, *Reproductive and Sexual Rights of Dalit Women in Chengalpattu, Tamil Nadu, India* (Ottawa: Carleton University, 2006), 49.

[68] T.p., "Protection of the Human Rights of Women Under International Law," in *Women's Rights are Human Rights* (New York and Geneva: United NationsPublications, 2014), 4.

[69] Achie Sudiarti Luhulima, *CEDAW: Menegakkan Hak Asasi Perempuan,* 7.

University of Malaya

undang-undang yang mencakupi hak sama rata lelaki dan wanita.[70] Walau bagaimanapun, disebabkan deklarasi ini tidak mempunyai kekuatan hukum yang boleh mengikat negara-negara anggota PBB, justeru dirangka dan dirumuskan pula satu instrumen hak asasi manusia yang lebih komprehensif, iaitu *Convention On The Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)* pada tahun 1979.[71]

Kemunculan CEDAW telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agung pada tahun 1979, dan kelompok wanita telah menuntut bahawa akses mereka kepada kesihatan reproduktif menjadi subjek dalam perundangan hak asasi manusia antarabangsa. Tuntutan-tuntutan ini telah dinyatakan di dalam Persidangan PBB pada tahun 1994 mengenai Kependudukan dan Pembangunan Antarabangsa *(International Conference Population and Development - ICPD)* di Kaherah, dan Persidangan Dunia PBB Keempat tentang wanita yang diadakan pada tahun 1995 di Beijing. Kedua-dua persidangan, mengiktiraf secara rasmi di peringkat antarabangsa bahawa perlindungan kesihatan reproduktif dan seksual adalah mengenai keadilan sosial, yang boleh dicapai melalui penggunaan hak asasi manusia yang termaktub dalam undang-undang negara yang sedia ada dan perjanjian antarabangsa.[72]

---

[70] T.p., "Protection of the Human Rights of Women Under International Law," 5.

[71] Konvensyen CEDAW pada tahun 1979 hanya diratifikasi pada tahun 1981. T.p., "Protection of the Human Rights of Women Under International Law," 7.

[72] R.J. Cook, Bernard M. Dicken & Mahmoud F Fatahlla, *Reproductive Health and Human Rights: Integrating Medicine, Ethics and Law* (Oxford: Claredon Press, 2003), 148-149.

University of Malaya

3.2.2.1 Pendekatan Hak Asasi Antarabangsa *(International Human Rights-IHR)* terhadap hak reproduktif

Hak asasi manusia yang berkaitan dengan kesihatan wanita didasarkan atas asas yang ditubuhkan pada tahun 1948 di dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat[73] *(Universal Declaration of Human Rights - UDHR).* Walaupun deklarasi itu sendiri tidak dicadangkan sebagai suatu instrumen yang mengikat undang-undang, ia telah mendapat pengiktirafan undang-undang dan penguatkuasaan melalui satu siri konvensyen hak asasi antarabangsa.[74] Manakala perjanjian hak asasi manusia antarabangsa pertama yang bersifat kontemporari dan relevan dalam memenuhi keperluan wanita adalah Konvensyen Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).[75] Konvensyen ini menggabungkan nilai-nilai yang terkandung di dalam UDHR dan menguatkan Politik dan Perjanjian Ekonomi.[76]

Melalui persidangan PBB yang diadakan di Kaherah dan Beijing, medium tersebut memberi peluang dalam mengenal pasti kezaliman dan penderaan yang telah dialami oleh wanita sama ada melibatkan penafian kesihatan reproduktif mereka, integriti fizikal, keadilan sosial, pelanggaran hak asasi manusia tertentu. Apa yang lebih ketara adalah penekanan kepada keperluan untuk memperkasakan wanita dalam keluarga dan masyarakat mereka, dan melindungi hak asasi manusia mereka, terutamanya yang

---

[73] UDHR ialah suatu pengisytiharan hak asasi manusia yang telah diluluskan oleh Perhimpunan Agung PBB pada Disember 1948. Mengandungi 30 artikel yang menggariskan tentang penghormatan hak dan kebebasan manusia sebagai landasan untuk mendapatkan keadilan dan kedamaian. Lihat Achie Sudiarti Luhulima, *CEDAW: Menegakkan Hak Asasi Perempuan,* 7; Hannum, H., *The Status of the Universal Declaration of Human Rights in National and International Law* (United States: Massachusetts, 1996), 289-291.

[74] Cook, Rebecca J., "State Accountability for Womens Health," *International Digest of Health Legislation,* vol. 49, no. 1 (1998), 265-282.

[75] Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah, "Ratifikasi CEDAW di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang dan Hukum Syarak," 208.

[76] Thomas Buergenthal *et al.*, "International Human Rights in A Nutshell," dalam *International Human Rights in A Nutshell* (West Publishing: A Thomson Rueters Bussiness, 2009), 27.

University of Malaya

berkaitan dengan kesihatan reproduktif dan seksual mereka.[77] Melalui kedua-dua persidangan tersebut, satu kesedaran tentang pentingnya mengambil langkah yang berkesan bagi melaksanakan intipati perjanjian yang termeterai dalam kedua-dua persidangan itu, selain mengorak langkah proaktif dalam menggesa negara bertanggungjawab untuk memastikan kesihatan wanita, kesihatan reproduktif dan seksual berada dalam tahap yang maksima.[78]

Laporan daripada Program ICPD di Kaherah[79] menjelaskan bahawa hak reproduktif diterima sebagai salah satu hak asasi manusia yang telah diiktiraf dalam undang-undang negara, dokumen *International Human Rights* (IHR) dan dokumen persetujuan lain. Selain hak ini memberi pengiktirafan asas kepada semua pasangan dan individu untuk membuat keputusan secara bebas dan bertanggungjawab dari segi jumlah, jarak dan masa anak-anak mereka serta mempunyai maklumat dan cara untuk berbuat demikian. Hak ini juga untuk wanita itu mencapai satu tahap tertinggi dalam peranan seksual dan kesihatan reproduktif. Selain ianya juga termasuk hak mereka untuk membuat keputusan mengenai peranan reproduktif yang bebas daripada diskriminasi, paksaan dan keganasan, seperti yang dinyatakan dalam dokumen hak asasi manusia.

Sungguhpun komitmen negara yang terlibat di kedua-dua persidangan itu tidak mengikat perundangan sedia ada negara mereka, tetapi kedua-dua dokumen yang diwujudkan adalah suatu penetapan *standard* antarabangsa yang membantu sesebuah negara dalam mempertahankan hak-hak wanita. Demikian itu, dalam mengaplikasikan hak

---

[77] Isfahan Merali, "Advancing Women's Reproductive and Sexual Health Rights: Using the International Human Rights System," 611.

[78] Isfahan Merali, "Advancing Women's Reproductive and Sexual Health Rights: Using the International Human Rights System," 611.

[79] T.p., "Report of the International Conference on Population and Development 1995," Bahagian VII, [Perkara 7.1; Reproductive Rights and Reproductive Health] New York, United Nations. 40, dicapai pada 20 Mei 2016, http://www.un.org/popin/icpd/conference/offeng/poa.html

University of Malaya

asasi manusia yang terkait dengan kesihatan reproduktif wanita, satu kesimpulan boleh dibuat, di mana sekiranya sesebuah negara itu tidak menyediakan persekitaran yang membantu dalam meningkatkan kesihatan reproduktif, secara tidak langsung ianya telah menafikan hak asasi manusia sebagaimana yang diiktiraf dalam instrumen Hak Asasi Antarabangsa (IHR). Realitinya, bukan bermakna setiap hasil dapatan daripada konvensyen antarabangsa itu perlu dituruti di peringkat kerajaan, tetapi sebagaimana dirasakan ianya suatu yang tidak bertentangan dengan mana-mana perundangan di negara kita, malahan ianya boleh memberikan satu kesan yang positif jika dilaksanakan, justeru ia bukan suatu sikap yang keterlaluan untuk diikuti.

3.3 KOMITMEN GLOBAL DALAM PEMERKASAAN WANITA

Hak wanita telah berada di tengah-tengah siri persidangan antarabangsa yang telah menghasilkan komitmen politik yang besar terhadap hak asasi wanita dan kesaksamaan. Bermula pada tahun 1975, Mexico menjadi tuan rumah kepada persidangan dunia antarabangsa mengenai wanita yang pertama dan penetapan tahun 1975-1985 sebagai satu dekad gerak kerja meningkatkan taraf wanita.[80] Seterusnya pada tahun 1980, persidangan antarabangsa mengenai wanita kedua telah diadakan di *Copenhagen* dan Konvensyen Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) telah dimaterai.[81] Persidangan Dunia antarabangsa ketiga wanita yang telah diadakan di Nairobi pada tahun 1985 pula menyaksikan negara peserta merangka pendekatan baru untuk mengatasi kekangan dan isu yang tidak selesai dan tidak mencapai sasaran dikehendaki dalam tempoh fasa yang ditetapkan tahun 1981-1985.[82] Ketiga-tiga persidangan dunia

---

[80] Achie Sudiarti Luhulima, *CEDAW: Menegakkan Hak Asasi Perempuan,* 11.
[81] Achie Sudiarti Luhulima, *CEDAW: Menegakkan Hak Asasi Perempuan,* 12.
[82] Achie Sudiarti Luhulima, *CEDAW: Menegakkan Hak Asasi Perempuan,* 13.

University of Malaya

menyaksikan para aktivis yang luar biasa dari pihak wanita dari seluruh dunia dan meletakkan asas bagi persidangan dunia dalam tahun 1990-an untuk menangani isu hak wanita, termasuk Persidangan Dunia Antarabangsa wanita keempat yang diadakan di Beijing pada tahun 1995.[83]

Hasil daripada perkara-perkara berbangkit berkaitan penafian isu-isu reproduktif wanita ini yang dianggap melanggar pengiktirafan hak asasi manusia, maka wujud pelbagai instrumen antarabangsa dalam merealisasikan matlamat menyingkirkan unsur diskriminasi terhadap wanita. Zahirnya tidak terjelas amalan diskriminasi wanita ini secara langsung di negara ini, tetapi muncul keluhan, dan laporan-laporan yang menunjukkan bahawa wanita ini sering mendapat layanan yang kadang kalanya berbaur diskriminasi dalam kegiatan reproduktif dan seksual mereka.[84] Justeru, peranan negara sangat besar dalam menghapuskan sebarang ketidaksamarataan antara lelaki dan wanita berhubung isu reproduktif ini berdasarkan kepada instrumen-instrumen yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa. Sungguh pun setiap dokumen itu tidak mengikat perundangan negara.

3.3.1 Konvensyen Tentang Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita - Convention On The Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)

CEDAW ialah satu instrumen hak asasi manusia yang diilhamkan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai langkah untuk menghapuskan sebarang bentuk perlakuan diskriminasi terhadap wanita di setiap negara anggota badan tersebut. Konvensyen ini telah

---

[83] T.p., "Protection of the Human Rights of Women Under International Law," 11.

[84] Rozi Bainon, "Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita dari Perspektif Islam dan Undang-Undang Malaysia," (Tesis Sarjana, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993), 318.

University of Malaya

diterima dan dipanjangkan untuk dilaksana kepada negara-negara anggota pada Disember 1979 dan berkuat kuasa pada 3 September 1981.[85] Peruntukan-peruntukan dalam CEDAW adalah hasil daripada gabungan enam perjanjian antarabangsa, iaitu *Convention for the Suppression of Traffic in Person and Exploitation of the Prostitution of Others 1949*, *Convention Concerning Equal Remuneration for Men and Women Workers for Equal Value (ILO) 1951, Convention on The Political Rights of Women 1952, Convention Concerning Discrimination in Respect of Employment and Occupation (ILO) 1958, Convention against Discrimination in Education (UNESCO) 1962* dan *Convention on Consent to Marriage, and Registration of Marriage 1964*[86].

Pengisytiharan CEDAW ini disifatkan sebagai suatu langkah yang signifikan dalam usaha meningkatkan status wanita di peringkat antarabangsa. Usaha yang bermula pada awal tahun 1900 an itu dimanifestasikan dalam bentuk forum, sambutan Hari Wanita Antarabangsa dan persidangan-persidangan sedunia. Titik tolak permulaannya hasil dari desakan kalangan gerakan feminisme yang berkembang di Eropah dan Amerika Syarikat, dengan mengutarakan syor bagi mengadakan satu perundangan antarabangsa untuk menghapus segala bentuk diskriminasi ke atas wanita. Ianya mula disuarakan kepada PBB pada hujung tahun 1940 an. Syor berkenaan telah dibincangkan dalam mesyuarat *Commission on The Status of Women* (CSW) PBB, yang kemudiannya telah menghasilkan satu Deklarasi Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita (*Declaration on The Elimination of Discrimination Against Women 1967).*[87]

---

[85] Mohd Hazuman Zulkifli *et al*., "Tafsiran Kesamarataan Gender Menurut CEDAW dan Islam," 370-389.

[86] Sharifah Syahirah, "Regional-Global Network on Women's Rights: CEDAW and its implementation in Asean Countries," *Procedia-Social and Behavioral Sciences,* vol. 172 (2015), 519.

[87] Rosann Mariappuram, "Outcomes of the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) in the Arab World" (Tesis Ijazah Sarjana, City University of New York, New York, 2015). Rujuk juga perbincangan di bab ini di bawah subtopik *'Perlindungan Hak Asasi Wanita Di Bawah Undang-Undang Antarabangsa'*, halaman 187-188

University of Malaya

Dokumen CEDAW mengandungi 30 artikel yang terbahagi kepada enam bahagian. Bahagian satu (artikel 1 hingga 6) dan bahagian dua (artikel 7 hingga 10) meliputi perkara-perkara am seperti takrif diskriminasi dan langkah-langkah dalam menangani diskriminasi. Bahagian tiga (artikel 10 hingga 14) dan bahagian empat (artikel 15 hingga 16) pula adalah perkara-perkara tentang jenis-jenis diskriminasi yang perlu dihapuskan. Bahagian lima (artikel 17 hingga 22) dan bahagian enam (artikel 23 hingga 30) melibatkan perkara-perkara tentang mekanisme dan pelaksanaan serta pentadbiran CEDAW.[88]

Pada asasnya, bagi negara-negara anggota yang meratifikasi CEDAW hendaklah menyediakan laporan dari masa ke semasa sekurang-kurangnya empat tahun sekali tentang status wanita di negara masing-masing dan dihantar ke jawatankuasa CEDAW.[89] Laporan tersebut perlulah merangkumi laporan pematuhan terhadap hak asasi wanita meliputi aspek penghormatan, perlindungan dan promosi hak asasi wanita berasas CEDAW.[90] Dalam memenuhi aspek penghormatan, beberapa kriteria utama yang perlu dipatuhi adalah tidak boleh melanggar hak asasi wanita, meningkatkan usaha untuk memperkukuhkan kedudukan hak asasi wanita, tidak membuat peraturan dan undang-undang yang boleh mendiskriminasi wanita.[91]

Perkara ini terkandung dalam Artikel 18 CEDAW, yang mana setiap negara peserta mempunyai kewajipan untuk mengemukakan dalam tempoh satu tahun selepas pengesahan, kemudian, sekurang-kurangnya setiap empat tahun dan selanjutnya apabila

---

88 UN Women, "Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women," dicapai pada 10 April 2016, http://www.un.org/womenwatch/daw/cedaw/text/econvention.htm.

89 Mohd Hazuman Zulkifli *et al*., "Tafsiran Kesamarataan Gender Menurut CEDAW dan Islam," 370-389.

90 Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah, "Ratifikasi CEDAW di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang dan Hukum Syarak," 212.

91 Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah, "Ratifikasi CEDAW di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang dan Hukum Syarak," 212.

University of Malaya

diminta oleh Jawatankuasa CEDAW.[92] Dari segi pelaksanaannya, pihak tadbir urus CEDAW memperkenalkan tiga jenis laporan yang perlu dihantar iaitu laporan Kerajaan, laporan bayangan (*Shadow)* pihak NGO dan laporan Alternatif pihak NGO. Perbezaan antara laporan bayangan *(Shadow)* dan laporan alternatif ialah laporan bayangan *(Shadow)* ditulis selepas pihak NGO dapat membaca Laporan Kerajaan. Sementara itu, Laporan Alternatif adalah apabila pihak NGO tidak mendapatkan akses terhadap laporan kerajaan.[93] Sehingga kini, masih terdapat kelonggaran dalam mematuhi ketetapan penghantaran laporan ini kepada pihak komite CEDAW,[94] apabila laporan pertama hanya dihantar pada tahun 2004,[95] dan laporan seterusnya pada 2012 dan 2017.[96]

Walaupun CEDAW menyediakan model bagi mencapai kesaksamaan hak antara wanita dan lelaki, tetapi konvensyen ini tidak mempunyai autoriti dari aspek penguatkuasaan ke atas negara-negara anggota. Kegagalan dalam mematuhi artikel 18 CEDAW untuk mengemukakan laporan berkala ini juga tidak memberikan sebarang kesan perundangan kepada negara. Sungguh pun demikian, dari segi komitmen pihak kerajaan melaksanakan pelbagai dasar dalam memastikan wanita tidak berada dalam kelompok diskriminasi telah menunjukkan betapa negara memandang tinggi usaha ini seiring pelaksanaan CEDAW.

---

92 Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women, diakses melalui laman sesawang http://www.ohchr.org/Documents/ProfessionalInterest/cedaw.pdf.

93 Sharifah Syahirah, "Regional-Global Network on Women's Rights: CEDAW and its implementation in Asean Countries," 521-522.

94 Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah, "Ratifikasi CEDAW di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang dan Hukum Syarak," 228.

95 Sharifah Syahirah, "Regional-Global Network on Women's Rights: CEDAW and its implementation in Asean Countries," 522.

96 Women's Aid Organisation (WAO) & Joint Action Group for Gender Equality (JAG). Laporan NGO CEDAW Shadow Report, for the Malaysian Government's Review by the CEDAW Committee, at the 69th CEDAW Session in February 2018. T.th. 1.

University of Malaya

Sebahagian besar negara-negara anggota PBB tidak meratifikasi CEDAW serta merta selepas ianya berkuatkuasa dalam tahun 1981, kerana kira-kira hanya 30 buah negara sahaja yang meratifikasi konvensyen berkenaan. Beberapa negara Islam tertentu seperti Saudi, Pakistan dan Syria hanya melaksanakan CEDAW selepas 10 tahun konvensyen itu berkuatkuasa.[97] Malaysia sendiri hanya mengesahkan CEDAW pada 5 Julai 1995.[98] Bagi negara-negara ASEAN yang lain[99] pula, seperti Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam berasingan mengesahkan CEDAW. Ahli-ahli negara ASEAN terawal yang mengesahkan CEDAW adalah Laos, Filipina, Vietnam, Indonesia dan Thailand. Kemudian diikuti pada tahun 1990 an empat orang ahli negeri ASEAN lain telah mengesahkan CEDAW, iaitu Kemboja, Myanmar, Singapura dan Brunei.

Selain itu juga, kebanyakan negara yang meratifikasi CEDAW melakukannya secara terpilih, iaitu dengan melakukan pengecualian terhadap artikel-artikel tertentu dalam konvensyen berkenaan. Malaysia dan sebahagian besar negara lain juga mengambil langkah meratifikasi CEDAW secara terpilih dengan kecualian terhadap artikel 2(f), 5(a), 7(b), 9 and 16. Pengecualian tersebut dibuat kerana mendapati terdapat beberapa peruntukan di dalam CEDAW itu sendiri tidak sejajar dengan amalan yang terdapat dalam

---

[97] Arab Saudi meratifikasi CEDAW pada 7 September 2000, manakala Pakistan pada 12 Mac 1996 dan Syria pada 28 Mac 2003. Hanya selepas 20 tahun berkuat kuasa, konvensyen berkenaan diratifikasi oleh sebahagian besar negara-negara anggota.

[98] Antara faktor yang mendorong Malaysia dalam meratifikasi CEDAW apabila mendapat desakan daripada beberapa kumpulan hak asasi wanita dan meningkatnya persepsi kepincangan pelaksanaan undang-undang Syariah terhadap wanita. Selain itu juga, tindakan Mesir mengesahkan CEDAW pada 1981 juga menjadi faktor kepada Malaysia.

[99] Laos telah mengesahkan pada 14 Ogos 1981, Filipina pada 5 Ogos 1981, Vietnam pada 17 Februari 1982, Indonesia pada 13 September 1984 dan Thailand pada 9 Ogos 1985. Sementara itu, dalam tahun 1990-an, empat orang ahli negeri ASEAN lain telah mengesahkan CEDAW iaitu Kemboja pada 15 Oktober 1992, Myanmar pada 22 Julai 1997 dan Singapura pada 5 Oktober 1995. Brunei pula pada 24 Mei 2006. Lihat Sharifah Syahirah, "Regional-Global Network on Women's Rights: CEDAW and its implementation in Asean Countries," 519.

University of Malaya

peruntukan perundangan Syariah dan sebahagiannya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan negara.

Ini dapat dilihat dalam peruntukan di bahagian empat, artikel 16[100] yang mana secara tidak langsung menyentuh tentang hak-hak wanita dalam perkara berkaitan hubungan perkahwinan dan kekeluargaan. Pengamalan di negara ini, didasari dengan peraturan-peraturan kekeluargaan Islam mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah yang dikuatkuasakan melalui peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Berbeza dengan tuntutan CEDAW yang mahukan hak sama rata lelaki dan wanita hingga ke tahap penghapusan diskriminasi dalam semua urusan yang berhubungan dengan perkahwinan dan hubungan keluarga. Perkara ini jelas sekali bertentangan dengan norma sosial dan syariat Islam yang menjadi pegangan masyarakat Muslim selama ini.[101]

---

[100] Artikel 16 CEDAW:

1. *States Parties shall take all appropriate measures to eliminate discrimination against women in all matters relating to marriage and family relations and in particular shall ensure, on a basis of equality of men and women:*

(a) The same right to enter into marriage;

(b) The same right freely to choose a spouse and to enter into marriage only with their free and full consent;

(c) The same rights and responsibilities during marriage and at its dissolution;

(d) The same rights and responsibilities as parents, irrespective of their marital status, in matters relating to their children; in all cases the interests of the children shall be paramount;

(e) The same rights to decide freely and responsibly on the number and spacing of their children and to have access to the information, education and means to enable them to exercise these rights;

(f) The same rights and responsibilities with regard to guardianship, wardship, trusteeship and adoption of children, or similar institutions where these concepts exist in national legislation; in all cases the interests of the children shall be paramount;

(g) The same personal rights as husband and wife, including the right to choose a family name, a profession and an occupation;

(h) The same rights for both spouses in respect of the ownership, acquisition, management, administration, enjoyment and disposition of property, whether free of charge or for a valuable consideration.

2. *The betrothal and the marriage of a child shall have no legal effect, and all necessary action, including legislation, shall be taken to specify a minimum age for marriage and to make the registration of marriages in an official registry compulsory.*

[101] Zuliza Mohd Kusrin & Muhammad Hazuman Zulkifli, *Konsep Kesamarataan Gender dalam Perkahwinan Menurut CEDAW dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 424.

University of Malaya

Ini juga boleh dilihat pada bahagian tiga, artikel 9(2) yang merujuk kepada penganugerahan status kewarganegaraan kepada anak-anak warganegara, di mana menyatakan bahawa Kerajaan harus memastikan anak-anak warganegara layak mendapat status warganegara ibu dan ayah masing-masing. Hal ini nyata bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia perkara 14 dan 15, yang mana telah diberikan garis panduan dalam mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia. Malaysia turut mengisytiharkan bahawa reservasi tersebut hanya akan dinilai semula setelah akta dan undang-undang yang berkaitan dipinda.[102]

Walaupun begitu, hasil perkembangan semasa dan desakan badan bukan kerajaan (NGO) kepada pihak kerajaan untuk menarik reservasi CEDAW yang ada,[103] maka pada tahun 1998, Malaysia telah menarik kembali reservasi yang telah dibuat ke atas artikel 2(f), artikel 9(1), artikel 16(1)(b), artikel 16(1)(e) dan artikel 16 (1)(h). Pada tahun 2010 pula, Malaysia sekali lagi menarik balik reservasi yang dibuat terhadap artikel 5(a), artikel 7(b) dan artikel 16(2). Sehingga kini, Malaysia masih mengekalkan reservasi ke atas artikel 9(2), artikel 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(1)(g).[104]

Antara pengiktirafan yang diketengahkan dalam CEDAW berkaitan dengan kesihatan reproduktif wanita adalah melibatkan Artikel 10 (h),[105] 11(2a,b,c,d),[106] 12, 14

---

[102] Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), *Laporan Perbincangan Meja Bulat Mengenai Reservasi Terhadap Konvensyen Antarabangsa Cedaw, Crc & Crpd.* (Kuala Lumpur: SUHAKAM, 2015), 7.

[103] Pada tahun 1996, jawatankuasa ditubuhkan oleh NCWO, bagi menyediakan memorandum untuk menggesa kerajaan menarik balik semua kecualian yang dilakukan terhadap CEDAW. Lihat Makmor Tumin, "NGO Wanita dalam Sistem Politik Malaysia: Kajian mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)," (Tesis Kedoktoran, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004), 157.

[104] Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), *Laporan Perbincangan Meja Bulat Mengenai Reservasi Terhadap Konvensyen Antarabangsa Cedaw, Crc & Crpd,* 7; Pertubuhan Pertolongan Wanita (WOA). *CEDAW & Malaysia - Laporan Alternatif Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia bagi menilai progres kerajaan dalam melaksanakan Konvensyen berkaitan Penghapusan segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW).* 2013. Selangor: Petaling Jaya. 9

[105] Artikel 10(h) CEDAW:

(2b)[107] dan 16 (1e).[108] Kesemua artikel ini menuntut kesaksamaan dalam akses kemudahan kesihatan, di mana pihak negara hendaklah mengambil segala langkah yang sewajarnya dalam menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dalam bidang penjagaan kesihatan bagi memastikan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, termasuk yang berkaitan dengan perancangan keluarga itu mampu diperolehi. Selain itu, pihak negara hendaklah memastikan kaum wanita mendapat perkhidmatan yang sesuai berkaitan dengan kehamilan, bersalin dan selepas bersalin, bantuan perkhidmatan percuma apabila perlu, serta nutrisi yang mencukupi semasa mengandung dan menyusukan anak tidak kira bagi golongan wanita yang bekerja mahupun tidak bekerja, atau golongan wanita di bandar mahupun luar bandar.

---

10. States Parties shall take all appropriate measures to eliminate discrimination against women in order to ensure to them equal rights with men in the field of education and in particular to ensure, on a basis of equality of men and women:
(h) Access to specific educational information to help to ensure the health and well-being of families, including information and advice on family planning.

[106] Artikel 11 (2a,b,c,d) CEDAW:
2. In order to prevent discrimination against women on the grounds of marriage or maternity and to ensure their effective right to work, States Parties shall take appropriate measures:
(a) To prohibit, subject to the imposition of sanctions, dismissal on the grounds of pregnancy or of maternity leave and discrimination in dismissals on the basis of marital status;
(b) To introduce maternity leave with pay or with comparable social benefits without loss of former employment, seniority or social allowances;
(c) To encourage the provision of the necessary supporting social services to enable parents to combine family obligations with work responsibilities and participation in public life, in particular through promoting the establishment and development of a network of child-care facilities; (d) To provide special protection to women during pregnancy in types of work proved to be harmful to them.

[107] Artikel 14 (2b) CEDAW:
2. States Parties shall take all appropriate measures to eliminate discrimination against women in rural areas in order to ensure, on a basis of equality of men and women, that they participate in and benefit from rural development and, in particular, shall ensure to such women the right:
(b) To have access to adequate health care facilities, including information, counselling and services in family planning;

[108] Artikel 16 (1e) CEDAW:
1. States Parties shall take all appropriate measures to eliminate discrimination against women in all matters relating to marriage and family relations and in particular shall ensure, on a basis of equality of men and women:
(e) The same rights to decide freely and responsibly on the number and spacing of their children and to have access to the information, education and means to enable them to exercise these rights;

Bagi setiap perkara ini, secara khusus menuntut pihak negara yang terlibat memastikan kesaksamaan wanita dan lelaki dalam akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan. Ianya memerlukan autoriti untuk menyekat sebarang halangan undang-undang dan sosial yang menghalang atau tidak menggalakkan wanita daripada menggunakan sepenuhnya perkhidmatan penjagaan kesihatan yang ada.[109]

3.3.2 Deklarasi Vienna dan Program Tindakan-(Vienna Declaration and Programme of Action)

Pada Jun tahun 1993, Persidangan Dunia mengenai Hak Asasi Manusia telah diadakan di Vienna. Ia berusaha untuk mengkaji semula status jentera hak asasi manusia pada waktu itu. Para aktivis hak asasi wanita digerakkan untuk memastikan bahawa hak asasi wanita dilaksanakan sepenuhnya dalam agenda masyarakat antarabangsa di bawah cogan kata *hak wanita adalah hak asasi manusia.*[110] Terutamanya berkaitan isu keganasan terhadap wanita, tribunal sivil bagi aktivis masyarakat diwujudkan untuk menumpukan perhatian terhadap pelanggaran hak wanita, yang mana sebelum ini belum diatasi. Persidangan ini telah berjaya mengetengahkan Deklarasi Vienna dan Program Tindakan *(Vienna Declaration and Programmme of Action)*, yang menetapkan bahawa hak asasi wanita dan anak gadis adalah tidak terpisah, dan merupakan sebahagian daripada hak asasi manusia sejagat[111] selain memberi penekanan kepada menghapuskan semua bentuk keganasan berasaskan jantina.

---

[109] Semchuddar Ponnambalam, *Reproductive and Sexual Rights of Dalit Women in Chengalpattu, Tamil Nadu, India,* 52.

[110] United Nation Human Rights, "Global Commitments," 12.

[111] Population Council, "Vienna Declaration on Human Rights: Bahagian 1 (Perkara 18), Adopted by the World Conference on Human Rights in Vienna on 25 June 1993," *Population and Development Review*, vol. 19, no. 4 (1993), 879.

University of Malaya

Seterusnya sebagai satu tindakan susulan hasil dari Persidangan Dunia Mengenai Hak Asasi ini, Majlis Umum PBB telah menetapkan pula satu Deklarasi Penghapusan Kekerasan Terhadap Wanita *(Declaration on The Elimination of Violence Against Women)* pada 20 Disember 1993. Deklarasi ini lebih tertumpu kepada perincian aspek kekerasan dan keganasan terhadap wanita dan cara mengurangkannya.[112]

3.3.3 Persidangan Antarabangsa tentang Kependudukan dan Pembangunan di Kaherah-*International Conference on Population and Development (ICPD)*

Persidangan Antarabangsa Mengenai Populasi dan Pembangunan, yang telah diadakan pada tahun 1994, merupakan satu acara penting bagi hak wanita dan dianggap sebagai mercu tanda dalam aspek populasi dan pembangunan. Persidangan yang disertai oleh 179 buah negara termasuk Malaysia, sungguhpun memberikan tumpuan nya kepada isu kependudukan, tetapi delegasi yang bermesyuarat bersetuju bahawa isu kependudukan bukan hanya berkisar mengenai demografi sahaja, bahkan mencakupi isu yang lebih penting lagi, iaitu perihal masyarakat, dalam memastikan setiap keperluan diri masing-masing dipenuhi. Isu yang diambil kira dalam program tindakan ini berasas pada perkaitan terhadap hak asasi wanita, termasuk kesaksamaan gender, keluarga, kesihatan reproduktif, kawalan kelahiran dan perancangan keluarga, kesihatan wanita, imigrasi dan pendidikan wanita.[113]

Konvensyen ini secara jelas melaungkan tentang kesaksamaan gender, memperkasakan wanita dari sebarang keganasan, selain memastikan keupayaan wanita untuk mengawal kesuburan mereka sendiri. Persidangan ini juga memberi kenyataan yang

---

[112] Achie Sudiarti Luhulima, *CEDAW: Menegakkan Hak Asasi Perempuan,* 52-53.
[113] United Nation Human Rights, "Global Commitments," 12.

University of Malaya

jelas tentang hak reproduktif, di mana pengiktirafan hak asasi bagi semua pasangan dan individu dalam membuat keputusan secara bebas dan bertanggungjawab terhadap jumlah, jarak dan masa kelahiran anak-anak mereka.[114] Selain mempunyai akses yang tinggi terhadap maklumat dan cara untuk berbuat demikian, hak untuk mencapai standard tertinggi bagi kesihatan seksual dan reproduktif. Ia juga termasuk hak mereka untuk membuat keputusan mengenai reproduksi yang bebas daripada diskriminasi, paksaan dan keganasan, sebagaimana yang dinyatakan dalam dokumen hak asasi manusia.[115]

Daripada persidangan ini, kerajaan Malaysia telah menerima *Plan of Action on Population and Development (ICPD-POA)* yang menggariskan tentang tindakan-tindakan yang perlu diambil[116] dalam beberapa bidang, iaitu:

i. Mengharmonisasikan peranan wanita dalam reproduktif mereka.
ii. Penglibatan wanita secara langsung dalam pembuatan dasar dan keputusan.
iii. Hubungan kerjasama yang maksima antara lelaki dan wanita.

Sebagai usaha dan sokongan negara kepada persidangan *ICPD-POA* ini, Malaysia telah menjalankan kajian berkala untuk menilai setiap pencapaian matlamat dan objektif yang telah digariskan hasil daripada *ICPD-POA*. Malaysia juga mengambil bahagian dalam *Global Survey Beyond 2014* yang dijalankan oleh *United Nations Population Funds* (UNFPA) di Malaysia pada tahun 2012, melibatkan semua kementerian yang ada di

[114] Margaret Hempel, "Reproductive Health and Rights: Origins of and Challenges to the ICPD Agenda," *Forum: Health Transition Review,* vol. 6 (1996), 73.
[115] Margaret Hempel, "Reproductive Health and Rights: Origins of and Challenges to the ICPD Agenda," 73.
[116] Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 134.

peringkat Nasional.[117] Hasil daripada kajian ini dirumuskan dalam laporan *Global Survey ICPD Beyond 2014 - Malaysia Country Report.* Jelas dinyatakan dalam Bahagian 6 laporan ini,[118] mengetengahkan setiap komitmen yang telah diambil kerajaan dalam usaha memyokong *ICPD-POA* serta meningkatkan status hak reproduktif wanita negara ini. Berdiri teguh atas peranan untuk memastikan setiap keperluan hak dan kesihatan reproduktif yang berubah-ubah sepanjang kitaran hayat manusia, dengan kepelbagaian keadaan masyarakat setempat ini sentiasa dipenuhi dan diambil berat. Secara ringkasnya, kesemua objektif dan sasaran yang ditetapkan dalam *ICPD-POA* terlaksana dengan baik di peringkat Nasional melalui penetapan beberapa tema penting seperti pembasmian kemiskinan, kesaksamaan gender, taraf kesihatan umum, kesihatan reproduktif remaja, pembangunan keluarga dan juga cabaran dalam mendepani tahun mendatang.

3.3.4 Deklarasi Beijing dan Platform Tindakan-*(Beijing Declaration and Platform For Action)*

Ia diterima pakai semasa Persidangan Dunia Antarabangsa Wanita Keempat pada bulan September 1995, Deklarasi Beijing dan Platform Tindakan memberi tumpuan kepada 12 bidang[119] yang berkaitan dengan pelaksanaan hak asasi wanita dan penetapan agenda dalam memperkasakan wanita. Ia berasaskan kepada keputusan tiga persidangan dunia wanita sebelumnya, tetapi dianggap satu pencapaian yang signifikan dalam menjelaskan

---

[117] Adzmel Mahmud et al., *"Assessment Of The Status Of Implementation Of The ICPD-POA"*, dalam PopInfo Malaysia. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). July-Disember 2014. Bil 2/2014.

[118] Tey Nai Peng & Mary Huang Soo Lee. *Global Survey ICPD Beyond 2014 - Malaysia Country Report.* United Nations and Population Funds (UNFPA). 195-242. Juga boleh dilihat dalam laporan "Special Session of the General Assembly on the Follow-Up To the Programme of Action of the International Conference on Population and Development Assessment of the Status of Implementation of the Programme of Action of the International Conference on Population and Development," dicapai pada 24 Julai 2018, http://www.un.org/en/development/desa/population/events/pdf/other/4/country/malaysia.pdf

[119] United Nation Women, *Beijing Declaration and Platform for Action, Beijing +5 Political Declaration and Outcome*.

hak wanita sebagai hak asasi manusia. Setiap platform tindakan yang digariskan mengandungi objektif strategik tertentu sebagai gerak kerja yang perlu dilakukan dalam usaha menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dan mencapai kesaksamaan di antara wanita dan lelaki. Ia melibatkan strategi politik dan undang-undang di peringkat global berdasarkan rangka kerja hak asasi manusia.[120]

Antara peruntukan utama dalam Platform Tindakan Beijing dalam memperkasakan isu reproduktif wanita[121] boleh dilihat seperti berikut:

> ***[Perenggan 89]*** [122] *"Wanita mempunyai hak untuk menikmati standard kesihatan fizikal dan mental tertinggi. Kenikmatan hak ini adalah penting untuk kehidupan dan kesejahteraan mereka dan keupayaan mereka untuk mengambil bahagian dalam semua bidang kehidupan awam dan swasta. Kesihatan adalah kesejahteraan keadaan fizikal dan mental dan bukan hanya ketiadaan penyakit atau kelemahan."*
>
> ***[Perenggan 92]*** [123] *"Hak wanita untuk menikmati standard kesihatan tertinggi mestilah dilaksanakan dengan baik sepanjang kitaran hayat keseluruhan yang sama rata dengan lelaki."*
>
> ***[Perenggan 223]*** [124] *"Hak reproduktif yang lain mengenai pengiktirafan hak asasi semua pasangan dan individu untuk membuat keputusan secara bebas dan bertanggungjawab terhadap bilangan dan jarak masa di antara anak-anak mereka dan mempunyai maklumat dan keinginan untuk berbuat demikian."*

Melalui deklarasi Beijing ini, kerajaan Malaysia menyatakan komitmennya dalam melaksanakan strategi dan program untuk mengatasi halangan-halangan terhadap

---

[120] United Nation Human Rights, "Global Commitments," 13.
[121] United Nation Women, *Beijing Declaration and Platform for Action, Beijing +5 Political Declaration and Outcome*.
[122] United Nation Women, *Beijing Declaration and Platform for Action, Beijing +5 Political Declaration and Outcome,* 55
[123] United Nation Women, *Beijing Declaration and Platform for Action, Beijing +5 Political Declaration and Outcome,* 56
[124] United Nation Women, *Beijing Declaration and Platform for Action, Beijing +5 Political Declaration and Outcome,* 137

kemajuan wanita sebagaimana yang dituntut oleh 12 bidang[125] tersebut. Tetapi Malaysia tidak menerima secara menyeluruh akan 12 bidang terbabit, terdapat beberapa bidang yang dirasakan kurang bersesuaian dan sekadar menerima lima aspek kemajuan wanita, iaitu perkongsian kuasa, pengukuhan mekanisme kemajuan wanita, penyertaan wanita dalam bidang ekonomi, peningkatan status wanita dari segi perundangan, dan penghapusan keganasan wanita.[126]

Daripada komitmen-komitmen peringkat global yang dinyatakan dalam menjamin hak-hak wanita terutama dalam kesihatan reproduktif, ianya menjadi satu penanda aras kepada masyarakat untuk mencapai satu taraf hidup yang bebas dari sebarang penindasan. Walaupun dokumen-dokumen tersebut tidak mengikat secara sah dalam undang-undang antarabangsa, asasnya ianya memegang kuasa yang besar sebagai instrumen undang-undang atas dasar sokongan oleh majoriti negara.

3.4 EVOLUSI PELAKSANAAN HAK-HAK REPRODUKTIF WANITA DI MALAYSIA

3.4.1 Dasar-dasar Kerajaan berkaitan Kewanitaan dan Reproduktif

Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa wanita adalah satu keperluan demi mencapai pembangunan sosial, ekonomi dan politik yang mampan. Iltizam yang telah diberikan oleh Malaysia terhadap kemajuan wanita dapat dilihat dengan jelas melalui program-program serta dasar yang telah dilaksanakan sebelum ini.

---

[125] 12 bidang yang terlibat dalam Deklarasi Beijing adalah; kemiskinan, pendidikan dan latihan, kesihatan, keganasan terhadap wanita, konflik bersenjata, ekonomi, kuasa dan pembuatan keputusan, mekanisme kemajuan wanita, hak asasi, media, alam sekitar, dan kanak-kanak khususnya kanak perempuan. Lihat Population Council, "World Conference on Women: The Beijing Declaration and the Platform for Action on Women and Health," *Population and Development Review,* vol. 21, no. 4 (1995), 907.

[126] Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak,* 134-135.

3.4.1.1 Dasar Wanita Negara

Dasar Wanita Negara yang pertama telah diperkenalkan pada tahun 1989 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, yang kini telah ditukar nama kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kementerian ini diterajui pada peringkat awal oleh Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, sehinggalah pertukaran kepada Datuk Rohani binti Abdul Karim dan YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail. Secara umumnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diwujudkan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya peranan golongan wanita dan institusi keluarga dalam mencapai agenda pembangunan negara.

Kewujudan Dasar Wanita Negara yang pertama ini memberikan panduan dan hala tuju dalam segala usaha perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan negara agar kepentingan dan penyertaan wanita tidak terabai selaku ejen-ejen pembangunan masyarakat moden. Antara dokumen penting yang telah dirujuk dalam pembentukan dasar ini ialah:[127]

i. Resolusi Persidangan Akhir Dekad Wanita Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1975-1985 yang berlangsung di Nairobi, Kenya. Resolusi ini telah pun diterima sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia.

ii. Pernyataan Dasar *'Commonwealth Secretariat'* mengenai wanita dan pembangunan yang ditandantangani oleh Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Nassau, Bahamas pada tahun 1985.

[127] Rozi Bainon, "Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita dari Perspektif Islam dan Undang-Undang Malaysia," 148.

University of Malaya

iii. *" Commonwealth Plan Of Action"* bagi menyokong keberkesanan Pernyataan Dasar di atas yang disahkan oleh kerajaan Malaysia di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada tahun 1987 di Vancouver, Kanada.

iv. Syor-syor yang dibuat oleh Persidangan Menteri-menteri yang bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Wanita di Harate, Zimbabwe pada tahu 1987, yang menyeru setiap kerajaan supaya membentuk satu dasar mengenai wanita dan pembangunan untuk diintegrasikan dalam rancangan pembangunan negara.

v. Kertas kerja dasar yang disediakan oleh Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (NACIWID) telahpun diluluskan oleh Majlis di Mesyuaratnya pada 31 Januari 1986.

Berbekalkan matlamat untuk memberikan persamaan dan hak sama rata antara wanita dan lelaki melalui perkongsian saksama dalam memperolehi akses terhadap kemudahan sumber, maklumat, penyertaan dan manfaat pembangunan telah menjadi teras dasar pembangunan negara. Konsep mengintergrasikan wanita dalam sektor pembangunan inilah yang menjadi matlamat dalam pembentukan Dasar Wanita Negara.

Seterusnya, Dasar Wanita Negara kedua iaitu Dasar Wanita Negara 2009 yang digubal dan dilancarkan oleh YB Datuk Seri Najib Tun Razak pada 25 Ogos 2009 sempena menyambut Hari Wanita Peringkat Kebangsaan 2009 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur KLCC. Dasar ini mendukung prinsip bahawa tiada diskriminasi berasaskan gender sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita *(CEDAW),* Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak *(CRC),* Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing *(Beijing Platform for Action),* Matlamat Pembangunan Milenium *(MDGs)* serta Deklarasi Putrajaya dan Program

University of Malaya

Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita Dalam Negara Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali *(NAM Putrajaya Declaration).*[128]

Di samping itu, Dasar Wanita Negara 2009 dianggap sebagai suatu rangka tindakan yang progresif dan dinamik sebagai panduan kepada wanita Malaysia dalam mencorakkan landskap pembangunan ekonomi, sosial dan politik negara. Langkah penggubalannya juga dianggap sejajar dengan perubahan persekitaran dan keperluan masa depan terutama dalam menghadapi dunia globalisasi dan iklim ekonomi yang semakin kompetitif. Beberapa pembaharuan yang diketengahkan menerusi Dasar Wanita Negara 2009 ialah pembudayaan kesaksamaan gender meliputi badan eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Dasar ini dilengkapi dengan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) bagi memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan masyarakat umum untuk mencapai objektif dan matlamat Dasar Wanita Negara. Pelan Tindakan ini mengandungi strategi yang meliputi 13 sektor, iaitu ekonomi, kemiskinan, undang-undang, keganasan terhadap wanita, kesihatan, pendidikan dan latihan, sains dan teknologi, jentera dan institusi pembangunan wanita, media, alam sekitar, sukan, dan kebudayaan, kesenian dan warisan.[129] Antara matlamat yang terkandung dalam dasar ini ialah:[130]

i. Membangunkan potensi wanita dalam masyarakat dan penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

---

[128] Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, "Dasar Wanita Negara," dicapai pada 25 Mei 2016, http://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR%20WANITA%20NEGARA_bm.pdf

[129] Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, " Dasar Wanita Negara," dicapai pada 25 Mei 2016, http://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR%20WANITA%20NEGARA_bm.pdf

[130] Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, " Dasar Wanita Negara."

ii. Menyediakan persekitaran yang kondusif, termasuk penggubalan dasar dan perundangan yang mesra wanita, bagi meningkatkan martabat dan kesejahteraan hidup wanita dalam semua aspek termasuk fizikal, ekonomi, sosial, politik, kesihatan, psikologi dan kerohanian.

iii. Membudayakan kesaksamaan gender dalam kalangan semua lapisan masyarakat dalam semua sektor.

iv. Mengiktiraf setiap pandangan wanita sebagai pembuat keputusan di setiap peringkat penyertaannya.

v. Perkongsian saksama antara wanita dan lelaki dalam memperoleh dan mengawal sumber dan peluang penyertaan serta menikmati manfaat pembangunan.

vi. Mengukuhkan perkongsian adil dan saksama antara wanita dengan lelaki dalam semua aspek kehidupan bagi memantapkan institusi keluarga serta membangunkan komuniti dan masyarakat.

Berdasarkan kepada matlamat yang diwujudkan, penggubalan dasar ini mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita di dalam pembangunan secara lebih berkesan dan sistematik. Mengambil kira wanita sebagai ejen yang memainkan peranan penting sama ada di dalam atau di luar rumah, selain rakan yang sama penting dalam usaha membangunkan negara. Justeru, strategi pelaksanaan kerajaan dalam memastikan kesaksamaan dan bebas dari unsur diskriminasi ini adalah bersikap holistik dengan menyediakan persekitaran yang sihat untuk memajukan wanita dalam arena kebangsaan dan juga antarabangsa tidak kira dalam apa jua bidang penyertaan.

University of Malaya

3.4.1.2 Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan

Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan merupakan dasar mengenai pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial yang terpakai kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur. Pada peringkat awal, dasar ini dikenali dengan nama singkatan sebagai Dasar PKRS. Namun, pada tahun 2012, Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan dikenali sebagai Dasar PEKERTI.

Dasar ini membawa penerapan kepada pembangunan insan yang sihat merangkumi aspek biologikal, sosiobudaya, psikologikal dan kerohanian, berakhlak mulia dan saling hormat-menghormati tanpa mengambil kira kepelbagaian agama, budaya dan nilai hidup masyarakat Malaysia. Pelaksanaan strategi dasar ini lebih kepada proses advokasi dan pemantauan serta penilaian. Tetapi, dasar ini dilihat lebih memberi tumpuan kepada golongan muda kerana pelaksanaannya berfokus kepada mengurangkan kepada gejala sosial dalam kalangan remaja, iaitu kumpulan sasar hanya sekitar umur 13 hingga 24 tahun. Tumpuan banyak dilakukan di sekitar Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN), kawasan persekolahan dan Institusi Pengajian Tinggi.[131]

3.4.2 Komitmen Kerajaan dalam bidang Reproduktif Wanita

Dalam mengarusperdanakan pemerkasaan wanita, sangat mustahil untuk golongan ini bergerak dengan sendirinya tanpa sokongan dari pihak yang berkepentingan. Demikian itu, kerajaan sangat komited dalam memberikan komitmen yang tinggi bagi memartabatkan

[131] Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), "Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan," dicapai pada 25 Mei 2016, http://www.lppkn.gov.my/index.php/ms/perkhidmatan-kesihatan-reproduktif/199-dasar-dan-pelan-tindakan-pendidikan-kesihatan-reproduktif-dan-sosial-kebangsaan-2.

University of Malaya

wanita Malaysia menerusi pelbagai usaha. Bermula dengan penggubalan Dasar Wanita Negara, usaha-usaha yang positif juga dilihat dalam mewujudkan badan-badan yang mengawal selia isu-isu dan hal-hal berkaitan wanita di negara kita. Bahagian ini akan menjelaskan beberapa institusi yang terlibat dalam memainkan peranan penting tersebut.

3.4.2.1 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) lebih daripada sedekad yang lalu dilihat memberi impak kepada aspek pembangunan sosial di Malaysia. Diterajui oleh Dato' Sri Rohani Abdul Karim sebagai menteri dibantu oleh timbalannya, Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun bermula tahun 2012 hinggalah berlaku perubahan tampuk kepimpinan pada 2018 yang menyaksikan peralihan kepada YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang baharu. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan tahap ekonomi dan kehidupan yang lebih baik kepada masyarakat sama ada secara individu dan keluarga.

Sejarah KPWKM dimulai dengan pengumuman oleh Mantan Perdana Menteri pada ketika itu, iaitu Tun Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita pada 13 Januari 2001. Ia adalah selaras dengan manifestasi pelaksanaan iltizam negara yang dibuat di Persidangan Sedunia Keempat Wanita di Beijing pada tahun 1995 seperti yang terkandung dalam dokumen Landasan Tindakan. Saranan ini sebagai usaha bagi mendepani tahun 2000 yang mana menuntut kepada penubuhan sebuah

University of Malaya

kementerian yang khusus untuk hal ehwal wanita bagi meningkatkan martabat wanita di negara.[132]

Fungsi kementerian kemudiannya telah diperluaskan dan ditukar namanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) mulai 15 Februari 2001. Selepas Pilihan Raya Umum Kesebelas pada bulan Mac 2004, fungsi dan tanggungjawab KPWK telah diperluaskan lagi. Pada 27 Mac 2004 KPWK telah ditukar nama menjadi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan kekal sehingga kini. Dengan penstrukturan baru ini, KPWKM mempunyai lima buah agensi di bawah pentadbirannya, iaitu:[133]

i. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), ditubuhkan pada tahun 1946.
ii. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), ditubuhkan pada 1966.
iii. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), ditubuhkan pada 2001.
iv. Institut Sosial Malaysia (ISM), ditubuhkan pada 2002.
v. Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW), ditubuhkan pada 2006.

Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab untuk membentuk masyarakat sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap serta berkesan, KPWKM berperanan dalam meningkatkan, memelihara hak-hak kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat dengan

[132] Kementerian Pembangunan Wanita,Keluarga dan Masyarakat, *Pelan Strategik KPWKM 2013-2017* (Kuala Lumpur: KPWKM, 2014), 9.
[133] Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, *Pelan Strategik KPWKM 2013-2017,* 10.

adil dan saksama sebagai penyumbang kepada pembangunan negara sama ada dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.

3.4.2.2 Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) adalah agensi kelolaan di bawah KPWKM, yang berperanan sebagai jentera pelaksana dan menjalankan program serta aktiviti pembangunan wanita selaras dengan visi dan misi KPWKM.

Bermula persejarahan JPW pada tahun 1975, di mana kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan *(National Advisory Council on the Integration of Women in Development - NACIWID)* sebagai jentera bagi memastikan penglibatan wanita aktiviti dan agenda pembangunan. Urus setia Majlis tersebut adalah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahli Majlis berkenaan dilantik oleh YAB Perdana Menteri bagi tempoh tiga tahun.[134]

Seterusnya pada tahun 1983, Urusetia Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri atau HAWA diwujudkan bagi mengambil alih tugas sebagai Urusetia NACIWID. Pada 26 Ogos 1985, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya HAWA diperkukuhkan dengan menaikkan tarafnya kepada Bahagian. Berlaku rombakan dan dipindahkan bahagian kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat[135] pada 27 Oktober 1990. Kemudiannya pada 29 Januari 1997, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Bahagian Hal Ehwal Wanita dinaikkan taraf kepada sebuah Jabatan[136] yang dinaungi oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sehinggalah

---

[134] Jabatan Pembangunan Wanita, "Latar Belakang Jabatan Pembangunan Wanita," dicapai pada 25 Mei 2016, http://www.jpw.gov.my/web/home/article_view/109/69/.

[135] Telah dimansuhkan dan ditukar kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional-digunapakai sehingga kini.

[136] 1 Julai 1997 HAWA beroperasi sebagai sebuah Jabatan.

University of Malaya

pada tahun 2001 berlaku rombakan dan penstrukturan semula dan JPW diletakkan di bawah KPWKM dan kekal sehingga kini.

3.4.2.3 Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), telah ditubuhkan di bawah Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 [Akta 352] dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada peringkat awal penubuhannya fokus utama LPPKN adalah melaksanakan program dan aktiviti perancangan keluarga di negara ini. Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 (Akta 352) yang dahulunya dikenali sebagai Akta Perancang Keluarga 1966 (Akta 42) telah mengalami beberapa pindaan dan semakan sejak ia diwartakan pada tahun 1966.[137]

Pindaan pertama telah dibuat pada tahun 1976 manakala pindaan kedua dibuat pada tahun 1984. Pindaan kedua ini melibatkan pertukaran nama akta daripada Akta Perancang Keluarga kepada Akta Penduduk dan Keluarga. Sejajar dengan perubahan ini, nama LPPKN yang dahulunya dikenali sebagai Lembaga Perancang Keluarga Negara[138] telah ditukar menjadi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.[139] Dengan pertukaran nama ini, peranan LPPKN telah diperluaskan daripada semata-mata penyampaian perkhidmatan perancangan keluarga kepada perspektif penduduk dan pembangunan sosioekonomi yang lebih luas.[140]

---

[137] Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), "Akta LPPKN," dicapai pada 2 Jun 2016, http://www.lppkn.gov.my/index.php/features/akta-lppkn.html

[138] Rashidah Abdullah, "Changing Population Policies and Wome's Lives in Malaysia," *Reproductive Health Matters*, vol. 1, no. 1 (1993), 69.

[139] Rashidah Abdullah, "Changing Population Policies and Wome's Lives in Malaysia," 70.

[140] Nik Noriani Nik Badli Shah, "Islam, Reproductive Health & Womens Rights in Malaysia," *Islam, Reproductive Health and Women Rights* (Kuala Lumpur: Sisters in Islam, 2000), 20.

University of Malaya

Pada tahun 1994, program LPPKN telah diubahsuai meliputi tiga bidang utama, iaitu kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia. Pada 13 Jun 2001, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan hala tuju dan pendekatan baru dan LPPKN sebagai agensi utama dalam bidang kependudukan, pembangunan dan reproduksi manusia. Pada tahun yang sama, LPPKN telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Akta 352 sekali lagi dipinda pada tahun 2006 dan diwartakan pada Februari 2007 bagi membolehkan fungsi, kuasa dan tanggungjawab yang sedia ada diperjelaskan dan diperkukuhkan. Peruntukan-peruntukan baru juga ditambah meliputi skop pelaksanaan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada LPPKN.[141] Antara peranan besar LPPKN ialah:

i. Merancang, mengarah, mentadbir dan menyelaras kegiatan-kegiatan mengenai penduduk dan pembangunan keluarga dalam negara melalui pembentukan polisi-polisi berkaitan.
ii. Mengawal selia semua ahlinya dalam memastikan usaha-usaha berkaitan penduduk dan pembangunan negara termasuk menjalankan kajian dan penyelidikan yang berterusan.
iii. Memajukan usaha menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai hubungan di antara perubahan sosial, kebudayaan, ekonomi dan penduduk dan juga penyelidikan berkenaan dengan corak kesuburan dan kelahiran dalam negara.

3.4.2.4 Individu dan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia

Pertubuhan bukan kerajaan atau lebih dikenali dengan *NGO* adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan di bawah undang-undang melalui gerakan persendirian dan secara bebas

[141] Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), "Akta LPPKN."

University of Malaya

daripada ikatan kerajaan,[142] kebiasaannya lebih kepada aktiviti sukarela, bukan bersifat kepartian, bukan juga bermatlamatkan keuntungan dan tidak menjalankan kegiatan jenayah.[143] Banyak usaha yang telah digembleng oleh pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia dan mana-mana individu tertentu dalam meningkatkan kefahaman dan juga kesedaran semasa masyarakat tentang hak kesihatan reproduktif ini. Pertubuhan bukan kerajaan ini memainkan peranan dalam berbagai cara sama ada memberikan tempat perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga, memberikan khidmat rundingan dalam bentuk seminar, kempen, siri ceramah, khidmat kaunseling, dan juga khidmat perundangan.

a) Pertubuhan Pertolongan Wanita *(Women's Aid Organization* -WOA)

Pertubuhan Pertolongan Wanita atau lebih dikenali dengan Women's Aid Organization (WOA) merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang bukan bermotifkan keuntungan dan tidak berorientasikan keagamaan. Pertubuhan ini berwawasan untuk mewujudkan masyarakat yang menyokong prinsip kesamarataan gender, di mana semua wanita dapat menikmati hak asasi mereka dalam pelbagai bidang.[144]

Sejarah bermula apabila satu dana diwujudkan untuk mendirikan sebuah tempat perlindungan kepada wanita yang didera memandangkan masalah penderaan pada ketika itu semakin menjadi-jadi dan mangsa tidak dapat bantuan yang sewajarnya untuk

---

[142] Thenmoli Muniandy, "Women's Aid Organization (WOA) dan Sumbangannya kepada Wanita di Malaysia, 1982-2002," (Tesis Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 46.

[143] Makmor Tumin, "Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia," *Jurnal Sejarah*, vol. 15 (2007), 162.

[144] Thenmoli Muniandy, "Women's Aid Organization (WOA) dan Sumbangannya kepada Wanita di Malaysia, 1982-2002," 58.

melarikan diri dari terus didera.[145] Pertubuhan ini telah mula beroperasi sebagai pusat perlindungan wanita pada September 1982 dengan seorang mangsa penderaan rumahtangga beserta dua orang anaknya.[146]

Berasaskan falsafah penubuhan WOA, institusi ini percaya bahawa semua manusia memiliki hak untuk menentukan kemahuan sendiri dan boleh mengawal keadaan apabila berhadapan dengan situasi yang boleh memberikan ancaman kepada wanita daripada terus menjadi mangsa keganasan kaum lelaki. WOA percaya sebagai seorang mangsa penderaan, seseorang wanita amat memerlukan perlindungan serta merta daripada terus diancam. Selain memberikan tempat perlindungan kepada mangsa yang dianiaya, WOA juga berperanan dalam memberikan sokongan emosi dan sosial kepada mana-mana wanita yang meminta pertolongan tidak kira sama ada mereka adalah dalam kalangan penghuni tempatan atau tidak. Justeru, organisasi ini dilihat antara yang bergiat aktif dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa dera dalam apa jua aspek masalah mereka[147].

b) Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (*National Council of Women's Organisation*-NCWO)

NCWO ialah sebuah badan yang berperanan penting dalam mengetengahkan isu-isu wanita atau gender di Malaysia ini. Sebagai sebuah organisasi yang memiliki sejumlah

---

[145] Thenmoli Muniandy, "Women's Aid Organization (WOA) dan Sumbangannya kepada Wanita di Malaysia, 1982-2002," 59.
[146] Thenmoli Muniandy, "Women's Aid Organization (WOA) dan Sumbangannya kepada Wanita di Malaysia, 1982-2002," 60.
[147] T.p., *Women's Aid Organization Annual Report* (Petaling Jaya: Women's Aid Organization (WOA), 2015), 5.

besar (kira-kira dua pertiga) NGO wanita yang aktif di Malaysia,[148] terdapat banyak isu-isu gender yang telah dikenalpasti. Pendirian organisasi ini yang tidak berkepentingan dalam mana-mana politik, keagamaan dan keuntungan[149] ini hanya berkisar tentang isu-isu gender, telah menarik ramai golongan wanita dari pelbagai kaum dan etnik untuk turut serta menganggotainya. Kepimpinannya yang rentas politik, iaitu terdiri daripada tokoh-tokoh wanita daripada pelbagai pertubuhan wanita telah menjadikan organisasi ini memiliki imej tersendiri dalam memberikan satu representatif terhadap isu-isu yang berkaitan kepentingan dan kebajikan wanita.

Penubuhan rasmi dan pelancaran NCWO pada 25 Ogos 1963 merupakan suatu perkembangan yang signifikan dalam memberi implikasi yang luas terhadap isu dan kegiatan dalam meningkatkan status serta menjaga kebajikan wanita di negara ini. Dengan tertubuhnya organisasi ini, pelbagai sumber baru yang diperolehi hasil penyertaan lebih ramai wanita ke dalam NCWO, selain memberikan implikasi terhadap isu-isu yang diketengahkan lebih terfokus dan kegiatan-kegiatan yang dianjur lebih terancang.

Penyertaan lebih ramai aktivis wanita ke dalam organisasi ini telah meningkatkan percambahan idea, pengalaman, pengetahuan, kepakaran dan jaringan kerja. Secara amnya, sebelum penubuhan NCWO, usaha para aktivis wanita dalam meningkatkan status dan menjaga kebajikan wanita lebih bersifat individu dan persendirian.[150] Penyertaan mereka dalam sesebuah organisasi telah membolehkan usaha secara kolektif, dengan mengambil kira manfaat yang dinyatakan. Dengan itu, jaringan langkah yang lebih sistematik dan

---

[148] Sehingga Disember 2000, dianggar terdapat kira-kira 250 NGO wanita di negara ini. Daripada jumlah itu, 177 berdaftar di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, manakala beberapa lagi berdaftar di Jabatan Pendaftaran Perniagaan. Daripada kesemua pertubuhan itu, 140 daripadanya didapati aktif menjalankan kegiatan secara konsisten. Sehingga tahun 2000 itu, 90 daripada 140 pertubuhan yang aktif itu menyertai NCWO. Lihat Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak,* 37.

[149] Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak,* 37.

[150] Makmor Tumin, "NGO Wanita dalam Sistem Politik Malaysia: Kajian mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)," 105.

University of Malaya

teratur bagi mengenal pasti isu-isu, mengetengah dan merumuskannya dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Seperkara lain yang menjadikannya lebih signifikan adalah apabila bersatunya suara-suara wanita dalam mengetengahkan isu-isu wanita masyarakat kepada kerajaan.[151] Sebelum penubuhan NCWO, kegiatan-kegiatan kesukarelawanan pertubuhan wanita di negara ini cenderung kepada kepentingan etnik dan agama tertentu.[152] Selain itu, kurangnya kerjasama yang diadakan antara sayap wanita parti-parti politik dengan pertubuhan wanita yang lain. Keadaan ini dari satu segi menjadikan suara-suara wanita itu tidak sampai dan sekaligus memungkinkan isu-isu yang diketengahkan ini cenderung kepada satu belah pihak sahaja. Tetapi dengan tertubuhnya NCWO dan keanggotaan daripada wanita pelbagai latar belakang dan organisasi ini dilihat menjadi saluran utama bagi mengartikulasikan isu-isu wanita yang rentas agama, etnik, dan kecenderungan politik.

c) Asian Pacific Resource and Research Centre for Women (ARROW)

ARROW telah ditubuhkan pada Januari 1993 sebagai sebuah badan bukan kerajaan, dan organisasi wanita serantau yang berpangkalan di Kuala Lumpur, Malaysia. Fokus program semasa ARROW adalah berkaitan isu wanita dan kesihatan, sama ada melibatkan kesihatan reproduktif wanita, gender dan seksualiti.

Sebagai sebuah organisasi sumber dan penyelidikan, ARROW berperanan dalam menyediakan maklumat untuk mengukuhkan kesihatan wanita dan penduduk masyarakat di sekitar negara melihat kepada dasar sedia ada yang telah dimeterai di peringkat global

---

[151] Makmor Tumin, "NGO Wanita dalam Sistem Politik Malaysia: Kajian mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)," 106.

[152] Makmor Tumin, "NGO Wanita dalam Sistem Politik Malaysia: Kajian mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)," 106.

University of Malaya

mahupun nasional. Ia berfungsi dengan jaringan pelbagai organisasi global dan kebangsaan untuk meningkatkan keupayaan dalam mempengaruhi kesihatan masyarakat.[153]

ARROW juga menjalankan penyelidikan yang berterusan dari masa ke semasa dalam memberikan hasil analisis baru terhadap realiti semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Antaranya, ARROW telah menjalankan satu projek penyelidikan di peringkat akar umbi yang "mendengar suara wanita" berkaitan kesihatan wanita dan hak-hak mereka selepas berlangsungnya deklarasi-deklarasi dan konvensyen penting dalam isu ini seperti ICPD dan Deklarasi Beijing pada tahun 1994 dan 1995.

Sememangnya ARROW sebuah badan yang sangat aktif dalam menghasilkan penerbitan inovatif, pakej maklumat dan bibliografi yang diperlukan dalam usaha memperkasakan wanita masa kini.

Melalui penelitian yang dijalankan, komitmen yang tinggi yang diberikan kerajaan melalui penubuhan badan-badan tertentu telah banyak membantu para wanita dan masyarakat di Malaysia ini dalam mencapai status yang baik dalam pelbagai bidang umumnya, dan juga pemerkasaan wanita khususnya. Ia boleh dilihat melalui peranan advokasinya dalam mempengaruhi penggubalan dasar, perundangan dan peraturan-peraturan di negara ini terhadap pembangunan, hak-hak dan kebajikan wanita di negara ini.

---

[153] Terdapat banyak jaringan kerjasama yang dijalankan oleh ARROW antaranya di Asia seperti Bangladesh (Naripokkho, Asas Khan), India (Pusat Pendidikan Kesihatan, Latihan dan Kesedaran Makanan [CHETNA], SAHAYOG, RUWSEC, PRAVAH, TARSYI, SAHAJ), Indonesia (Yayasan Jurnal Perempuan, Yayasan Kesehatan Perempuan), Malaysia (Sister In Islam SIS, Musawah, FRHAM). Lihat The Asian-Pacific Resource & Research Centre for Women (ARROW), "Our Partners," http://www.test.oddly.co/arrow/partners/, dicapai pada 1 Jun 2016.

University of Malaya

3.5 KESELARIAN PERJUANGAN HAK REPRODUKTIF WANITA DENGAN SYARIAT ISLAM

Sesuai dengan fitrah kedatangan Islam ke muka bumi sebagai pembawa lambang keadilan dan kesamarataan dalam kehidupan manusia. Realiti ini dinyatakan dalam firman Allah SWT:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَأَنزَلْنَا مَعَهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْمِيزَانَ لِيَقُومَ ٱلنَّاسُ بِٱلْقِسْطِ ۖ

(Surah al-Hadid, 57: 25)

Terjemahan: *"Sesungguhnya kami telah mengutus rasul-rasul kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah kami turunkan bersama mereka al-Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan…"*

Perintah melaksanakan keadilan ini tidak sesekali terhad kepada golongan pemimpin sahaja, bahkan melibatkan segenap lapisan masyarakat walau apa jua kapasiti dan peranan mereka pada ketika itu. Ini selaras dengan kesyumulan Islam itu sendiri. Dalam konteks hak reproduktif ini, lebih difokuskan kepada keadilan dalam hubungan rumah tangga yang melibatkan peranan suami isteri bagi memastikan hak reproduktif wanita tidak dinafikan mahupun terabai. Atas segala yang terjadi dan menjadikan peranan reproduktif isteri ini terabai, dan tertindas sepertimana permasalahan yang berlaku, maka wujud rangkaian golongan fenimisme dengan ideologi 'keadilan' dalam menawarkan hak kebebasan wanita, kesetaraan gender, malah hingga ke tahap persamaan hak yang menuntut kepada kesamarataan antara lelaki dan wanita dalam semua aspek kehidupan.

University of Malaya

3.5.1 Ideologi Gerakan Feminisme dalam Wacana Kontemporari

Istilah 'feminisme' berasal dari perkataan Latin 'Femina' yang bermaksud 'wanita' dan mula-mula digunakan dalam konteks pergerakan hak wanita yang pada awalnya berjuang untuk membebaskan cengkaman penduduk dunia daripada penindasan golongan lelaki. Dipengaruhi oleh idea-idea yang dicetuskan oleh pemikir dan penulis moden dalam menyatakan protes terhadap penguasaan lelaki.[154] Kamla Bhasin Akhmad mentakrifkan feminisme sebagai suatu gerakan kesedaran yang berusaha untuk membasmi elemen penindasan dan kekerasan terhadap wanita dalam ruang lingkup kerja mahupun keluarga.[155] Sisi lain seperti Mansour Fakih yang mentakrif feminisme sebagai satu gerakan perjuangan dalam mentransformasikan sistem dan struktur yang tidak adil menjadi sistem yang adil sama ada bagi kaum lelaki mahupun wanita. Justeru, pengertian ini memberikan gambaran bahawa hakikat perjuangan feminisme ini bukanlah tertakluk pada eksploitasi terhadap wanita sahaja, bahkan menjurus kepada perjuangan transformasi sosial yang menuntut kepada sistem fundamental yang lebih baik.[156] Asasnya, gerakan ini muncul kerana penderitaan yang berlaku dalam kalangan wanita akibat ketidakadilan sistem patriarki.[157]

---

[154] A. Marie Josephine Aruna, "Patriarchal Myths In Postmodern Feminist Fiction: A Select Study," (Tesis Kedoktoran, Pondicherry University, India, 2010), 53.

[155] Zulfikri, *Menelisik Sejarah Pendekatan Feminisme dalam Islam* (Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga, t.t.), 2. Lihat juga Euis Amalia, "Feminisme; Konsep, Sejarah dan Perkembangan," dalam *Pengantar Kajian Gender* (Jakarta: PSW UIN Syarif Hidayatullah & McGill-ICIHEP, 2003), 88.

[156] Nur Zainatul Nadra Zainol, "Konsep 'Adalah dan Musawah Menurut Pemikiran Nasr Hamid Abū Zayd," (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 5.

[157] Sistem patriarki merujuk kepada suatu sistem masyarakat yang sebahagian besar kekuasaannya dipegang oleh kaum lelaki. Dalam budaya ini membenarkan pembentukan peranan lelaki yang boleh melakukan dan menentukan apa sahaja. Kaum perempuan hanya akan berada di bawah (subordinat). Situasi ini melahirkan proses pengetepian (*marginalisation*), eksploitasi dan penganiayaan terhadap perempuan dalam semua bidang. Maksud "Patriarki." Lihat Noresah Baharom *et al*., *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 1150; A. Abdulloh Khuseini, "Institusi Keluarga Perspektif Feminisme: Sebuah Telaah Kritis", *Tsaqafah Jurnal Peradaban Islam,* vol. 13, no. 2 (2017), 300.

University of Malaya

Sehubungan itu, boleh dirungkaikan bahawa gerakan feminisme ini lebih kepada aliran yang berperanan menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat apabila dirasakan wujud ketidakadilan dan penindasan terhadap kaum wanita. Modus perjuangan dilihat sama, tetapi sebab-sebab yang mengundang ketidakadilan itu mungkin berbeza bergantung kepada situasi dan keadaan tempat yang berbeza.

Antara pendokong ideologi feminisme terawal dalam dunia Islam yang memperjuangkan kesedaran tentang gender adalah seperti Huda Shaarawi,[158] Aisya Tamymuriyah, Malak Hifni Naser dan Nabawiyah Musa (Mesir), Zainab Fawwaz, Rokeya Sakhawat Hossain, Nazzar Sajjad Haidar(Lebanon),[159] Tajal Sulthaniyah (Iran), dan Fame Aliya (Turki). Mereka lebih dikenali sebagai Gerakan Feminisme Muslim yang berjuang dalam membela wanita yang dikatakan tertindas oleh hukum syariat seperti perihal munakahat dan faraid.[160] Manakala golongan feminis Muslim yang muncul dalam era masa kini seperti Rifaat Hasani,[161] Amina Wadud,[162] Musdah Mulia,[163] Irshad Manji[164] dan

---

[158] Pencetus kepada gerakan feminisme masyarakat Muslim pertama di Mesir dengan membentuk gerakan al-Ittihad al-Nisa'I al-Misri pada tahun 1923. Mula menunjukkan sifat feminisme apabila beliau menanggalkan hijab beliau sekembalinya daripada International Women Suffrage Alliance Congress di Rom. Lihat Norsaleha Mohd Salleh, "Penolakan Terhadap Agenda Feminisme dan Liberalisme di Malaysia," (International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2015 (IRSYAD), Bangi, Selangor), 5.

[159] Zulfikri, *Menelisik Sejarah Pendekatan Feminisme dalam Islam,* 6.

[160] Nur Zainatul Nadra Zainol, "Konsep 'Adalah dan Musawah Menurut Pemikiran Nasr Hamid Abū Zayd," 5.

[161] Tokoh ini merupakan ahli teologi dan pemikir feminisme Islam berbangsa Pakistan-Amerika. Mendapat pendidikan awal di Cathedral High (sekolah mubaligh Kristian) seterusnya menyambung pengajian di St. Mary's College di Durham University, England dalam bidang bahasa Inggeris dan kefalsafahan sehingga diijazahkan peringkat PhD. Selepas menamatkan pengajian, beliau telah menjadi pensyarah di University of Punjab di Lahore. Beliau berhijrah ke Amerika Syarikat dan bertugas sebagai profesor di Jabatan Pengajian Agama di University of Louisville. Beliau juga menganjurkan idea pentafsiran al-Quran secara hermeneutik yang menekankan maksud moral ajaran agama (*ethical criterion*). Keterangan lanjut tentang idea-idea Riffat yang mendukung fahaman Islam Liberal dan feminisme boleh dirujuk pada dua buah buku beliau iaitu *Are Human Rights Compatible with Islam?* dan *Religious Human Rights in The Qur'an*.

[162] Tokoh ini merupakan Profesor Pengajian Islam di Department of Philosophy and Religious Studies di Virginia Commonwealth University, Amerika Syarikat. Kontroversi mula timbul apabila beliau menjadi imam ketika solat jumaat bagi sekumpulan masyarakat Islam di Amerika pada 18 Mac 2005, di New York. Antara penulisan beliau *Women and Al-Quran: Rereading the sacred text from a women's Perspective* (1999), dan *Inside the Gender Jihad* (2006).

Fatima Mernissi.[165] Sepertimana tokoh-tokoh pemikir feminisme yang lain, mereka menuntut kepada persamaan hak dalam aspek munakahat secara menyeluruh bagi setiap amalan yang dirasakan tidak memberikan hak kepada wanita untuk menentukannya dengan sendiri seperti perihal hak menjatuhkan talak, hak untuk wanita berpoligami, perwalian, pernikahan berbeza agama dan juga seputar isu pembahagian harta pusaka secara faraid. Perkara ini secara jelasnya dilihat sebagai satu perjuangan yang bertentangan dengan hukum syarak yang sedia ada.

Di Malaysia, ideologi ini banyak dikembangkan oleh sekumpulan pertubuhan NGO yang agak aktif kepada pro feminis seperti Woman's Aid Organizatian,[166] dan SIS.[167] Berbekalkan pegangan bahawa masyarakat hari ini masih berpegang dengan kefahaman dan amalan agama yang konservatif lagi tradisional, sehingga membawa kepada pentafsiran yang bersifat fanatik, tiada toleransi, bersifat menghukum serta bias terhadap

---

[163] Tokoh ini menyandang jawatan Pengarah di Universiti Islam Negeri Jakarta. Lebih dikenali sebagai aktivis Jaringan Islam Liberal dan menyelia Rancangan Kompilasi Hukum Islam *(Counter Legal Draft)* yang dimajukan kepada Kementerian Agama Indonesia bagi memohon perubahan hukum Islam di Indonesia turut aktif sebagai aktivis Islam liberal dan kebebasan beragama daripada kumpulan ICRP *(Indonesia Conference of Religions and Peace).* Antara penulisannya ialah "Bias Gender dalam Perspektif Islam".

[164] Tokoh ini merupakan pejuang lesbianism yang mengarang buku *Allah, Liberty and Love* (2011) dan *The Trouble of Islam Today.*

[165] Tokoh ini bertugas sebagai pensyarah kajian sosial University of Muhammad V Morocco yang menulis *Beyond the Veil* (1975), *Women and Islam: An Historical and Teological Enquiry dan The Veil and The Male Elite* (1987).

[166] Rujuk perbincangan dalam bahagian ini di bawah subtopik *'Individu dan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia'*, halaman 215-220

[167] SIS dibentuk dalam tahun 1988 dan didaftarkan secara rasmi sebagai NGO pada tahun 1993 di bawah nama SIS Forum (Malaysia) Berhad. Sungguhpun SIS dianggap sebagai organisasi baru jika dibandingkan dengan pertubuhan- atau NGO wanita yang lebih awal, namun tarikan terhadap SIS lebih terkehadapan kerana metod perjuangan dan idea-idea yang dibawanya. Apatah lagi menampilkan sebilangan wanita profesional yang cerdik pandai seperti golongan akademik, aktivis, peguam dan wartawan. Antara barisan pengasas awal SIS seperti Zainah Anwar; seorang jurnalis, Salbiah Ahmad; pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Rashidah Abdullah; pengasas bersama Asian-Pacific Resource and Research Centre for Women (ARROW), Aminah Wadud; ahli akademik dan mantan pensyarah UIAM, Askiah Adam; jurnalis, Norani Othman; mantan Profesor dan mantan Felo Utama Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sharifah Zuriah Aljefri; seorang penggiat seni serta Rose Ismail; penulis kanan akhbar The New Straits Times. Lihat Jabatan Agama Islam Selangor, "Sister In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme di Malaysia?" 52.

gender.[168] Golongan ini mensarankan supaya al-Quran itu ditafsirkan semula bagi memberikan nafas baru, dan dijenamakan semula supaya sentiasa relevan dengan kehendak, tuntutan dan perkembangan hidup manusia atas dasar menjaga kerelevanan semasa. Pada hemat mereka, versi baru ini lebih menepati nilai kemodenan, menjunjung universalism dan hak asasi manusia.[169] Secara jelas, pemikiran menggunakan logik akal ini dilihat sangat bertentangan dengan ketetapan syariat sedia ada yang selama ini dianut oleh keseluruhan masyarakat Islam dunia, dan memperoleh *maṣlaḥah* darinya.

Walau bagaimanapun, golongan feminis Muslim ini tidaklah secara mutlak menyetujui fikrah dan konsep yang dibawakan negara barat. Ada sisi lain dilihat mereka masih mengiktiraf pensyariatan agama, tetapi dengan sudut pandang yang lebih moden mengikut peredaran zaman, dan juga situasi yang berlaku kini. Mereka berpegang bahawa pentafsiran yang sedia ada dilakukan oleh cendekiawan Islam, para ulama' tafsir terdahulu sebagai suatu yang bersalahan dengan realiti semasa.

Mereka berpandangan bahawa sisi keadilan di antara lelaki dan wanita itu perlulah seiring antara kesamarataan hak dan kewajipan. Dalam erti kata yang lain, perbezaan yang wujud hanyalah dari aspek biologi fizikal mereka sahaja, bukan pengamalan sosial.[170] Kerana itu, para 'mufassir' feminis ini tidak bersetuju dengan pentafsiran mufassir klasik ke atas beberapa ayat al-Quran yang menegaskan unsur *'qawwam'* ke atas golongan lelaki.[171]

---

[168] Jabatan Agama Islam Selangor, "Sister In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme di Malaysia?" 60.
[169] Jabatan Agama Islam Selangor, "Sister In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme di Malaysia?" 74.
[170] Mutawakkil, M. Hajir, "Keadilan Islam dalam Persoalan Gender," *Jurnal Kalimah*, vol. 12, no.1 (2014), 79.
[171] Suryorini, Ariana, "Menelaah Feminisme dalam Islam," *Makalah Sawwa*, vol. 7, no. 2 (2012), 29.

3.5.2 Hak Reproduktif Wanita: Antara Kesamarataan dan Keadilan serta Keselariannya dengan hukum Syarak

Bahagian awal perbincangan ini memperjelaskan sejarah kemunculan gerakan feminisme yang dicetuskan kerana ketidakadilan sistem patriarki yang menguasai mereka. Oleh itu, perjuangan mereka sentiasa berasaskan usaha gigih untuk memberikan 'kuasa' kepada wanita dalam menentukan masa depan mereka sendiri, menuntut kepada penggubalan undang-undang yang boleh memelihara hak tersebut, di samping mengubah budaya dan ajaran agama yang dirasakan 'menindas' kaum wanita. Dengan menggunakan parameter kesamarataan hak sebagai tujuan utama sebenarnya memberikan ruang ketidakadilan pada pihak yang lain. Ini kerana perbezaan peranan, karakter antara kedua-duanya tidak mungkin boleh mewujudkan rasa kesamarataan. Perkara asas yang perlu dipegang ialah Islam tidak pernah membezakan malah mendiskriminasikan wanita dan lelaki. Setiap perbezaan fungsi yang terjadi antara gender tidak bermakna Islam sedang memberikan peninggian kepada satu jantina serta pengasingan terhadap jantina yang lain.[172] Kerana itu, konsep kesamarataan adalah satu tema yang sukar ditakrifkan kerana asasnya manusia berdiri atas dasar makhluk yang sama, cuma keadaan dan peranan yang berbeza.[173]

Membicarakan tentang aspek kesamarataan, telah diperjelaskan dalam bahagian sebelum ini[174] tentang pengiktirafan dan komitmen yang diambil oleh perundangan negara dan medium antarabangsa dalam memberikan hak sepatutnya kepada golongan wanita. Pendekatan melalui persidangan peringkat antarabangsa, seterusnya dirangka penyelesaian

---

[172] Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah, "Ratifikasi CEDAW di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang dan Hukum Syarak," 211.

[173] Rozi Bainon, *Wanita: Penghapusan Diskriminasi dari perspektif Islam dan Undang-Undang Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 33.

[174] Rujuk perbincangan di bawah subtopik *'Hak Kesaksamaan dan Tidak didiskriminasikan'*, halaman 171-175.

bersesuaian dalam bentuk polisi perundangan dan dasar-dasar tertentu. Kesemua ini sebagai salah satu usaha untuk memajukan golongan wanita dan meletakkan mereka setaraf dengan pencapaian kaum lelaki.

Pelaksanaan CEDAW di peringkat kerajaan dengan ratifikasi terpilih[175] memberikan persepsi dan suara yang berbeza dari pelbagai latar belakang aktivis persendirian mahupun berkumpulan. Ada kelompok yang menyokong dan tidak kurang juga yang menolak atas alasan tuntutan ini lebih kepada agenda barat yang dilihat cuba untuk mensekularkan Perlembagaan negara.[176] CEDAW dikatakan asas dalam menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap hak-hak wanita berdasarkan pengamalan sosial di antara lelaki dan wanita. Sering kali dikaitkan apabila seorang lelaki mahupun suami mula berperanan untuk mendominasi, menguasai setiap perkara yang tidak boleh dilakukan oleh kaum wanita, maka di situlah titik ukuran diskriminasi sedang bermula.[177] Sepertimana perjuangan gerakan feminisme, CEDAW juga tidak terkecuali dalam agenda kesamarataan dan menuntut kepada keadilan hak lelaki dan wanita. Walau bagaimanapun, sisi keadilan Islam lebih menekankan terhadap perletakan sesuatu ke atas tempat yang bersesuaian dengan kapasiti semasa. Konsep kesamarataan dalam Islam lebih merujuk kepada kesesuaian individu dalam menggalas tanggungjawab pada ketika itu, bukanlah sekadar bersandarkan kepada pembahagian sama rata antara kedua-duanya.

Jika dilihat dari sudut positif, boleh dikatakan bahawa golongan yang aktif bernaung di bawah tiket perjuangan pembebasan wanita ini sebenarnya cuba untuk mencipta suatu

---

[175] Rujuk perbincangan di bahagian ini di bawah topik '*Komitmen Global Dalam Pemerkasaan Wanita'*, halaman 191-200.

[176] Mokhtar, Rafidah. H., "Gerakan Feminisme di Malaysia," *WanitaISMA.net*, dicapai pada 20 September 2017, http://wanitaisma.net/v2/2014/06/13/gerakan-feminisme-di-malaysia/

[177] Najibah Mohd Zain, "Hak Wanita dalam Islam: Cabaran-cabaran dalam Pemodenan," dalam *Right of Muslim in Modern World* (Brunei: Universiti Islam Sharif Ali Shaw, 2012), 55-73.

University of Malaya

keadaan antara golongan lelaki dan wanita untuk saling bekerjasama tanpa sebarang diskriminasi dalam perlakuan dan juga prasangka negatif. Apa yang perlu ialah asas pelaksanaan tersebut bukan difokuskan semata kepada mendapatkan hak keistimewan wanita sehingga merendahkan darjat lelaki atau suami, tetapi lebih kepada keseimbangan antara kedua-duanya. Keseimbangan akan menimbulkan keserasian dan keselarasan yang boleh mewujudkan satu suasana pengamalan yang sangat murni. Dalam konteks hak reproduktif wanita pula, jika elemen ini yang diterapkan sudah pasti setiap aspek pengamalan dan peranan reproduktif wanita ini sentiasa didasari dengan sikap keterbukaan antara pasangan. Sepertimana pengamalan perkahwinan akan berlaku dalam kerangka musyawarah dan muafakat, dan setiap aspek hubungan seksualiti rumah tangga akan didasari dengan kenikmatan *mu'āsharah bi al-ma'rūf*. Justeru itu, peranan wanita haruslah dipertingkat sebagai pembuat keputusan, dalam arena domestik kekeluargaan atau lapangan sosial bagi merubah stereotaip yang tingkat kuasa ini hanya pada golongan lelaki.[178]

Setiap usaha yang dilakukan bagi memperkasakan wanita bukanlah suatu kesalahan, bahkan ianya dituntut supaya golongan wanita mendapat hak dan tempat yang sewajarnya dalam menjalankan peranan hidup mereka. Tidak kiralah ianya dibawa daripada negara barat atau timur. Setelah mana dilihat berlaku sedikit kepincangan dan pengabaian hak yang berlaku dalam konteks wanita masa kini, maka suatu yang wajar untuk usaha ini digiatkan. Walau bagaimanapun, perjuangan hakiki tidaklah sampai kepada tahap penafian terhadap hukum agama yang telah termaktub sekian lamanya. Apatah lagi terjerumus kepada ajakan yang bertentangan dengan tabie dan fitrah kemanusiaan seperti hubungan

[178] Salomi Christie, *CEDAW's Principle of Equality* (Chennai: The Tamil Nadu Ambedkar Law University, n.d.), 1.

sesama jenis. Apa yang penting adalah setiap sisi perjuangan dalam mempromosikan kesejahteraan hidup yang berkait dengan peranan reproduktif ini masih masih lagi dalam ruang lingkup yang wajar, agar dapat mengembalikan kedudukan wanita dalam rumah tangga ke tempat selayaknya, tetapi tidak sehingga melangkaui batas seorang isteri mahupun agama.

Justeru itu, aspek pendekatan berbilang *(multi-pronged approach)* adalah cara yang paling berkesan untuk memastikan kesaksamaan dan keadilan. Merupakan satu keperluan untuk melihat agama, standard hak asasi manusia, jaminan perlembagaan dan hidup realiti secara sama dalam konteks yang beriringan, bukan secara berasingan.[179] Menolak elemen dan prinsip keadilan yang dibawa oleh barat hanya dengan berasaskan pemahaman 'konservatif' dan patriarki terhadap ayat al-Quran atas dasar menghormati amalan tradisional sehingga melupakan kesan yang mungkin timbul daripada sesebuah fenomena sosial adalah suatu yang tidak wajar. Setiap orang perlu dididik dengan rasa kebertanggungjawaban untuk mendekati isu ini secara holistik, mengintegrasikan hak asasi dan reproduktif dengan prinsip-prinsip Islam dalam kerangka proses yang lebih dinamik dan sentiasa berkembang. Selaras dengan peredaran zaman.

3.6 RUMUSAN

Bab ini menjelaskan bahawa pengiktirafan terhadap hak reproduktif wanita terkandung dalam pelbagai bentuk instrumen hak asasi manusia, sama ada di peringkat global mahupun melalui penguatkuasaan perundangan di peringkat tempatan. Rentetan daripada proses pemodenan yang berkembang pesat selepas kemerdekaan, juga bahang arus

[179] Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah, "Ratifikasi CEDAW di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang dan Hukum Syarak," 230.

kebangkitan pelbagai gerakan yang menuntut kepada ideologi pembebasan wanita dari sebarang bentuk diskriminasi. Mengambil pendekatan pertengahan, untuk tidak menolak secara terus, mahupun menerima secara mutlak setiap elemen perjuangan wanita yang dibawa oleh negara barat atas dasar penilaian dengan pendekatan elemen keagamaan harus diselarikan dalam memastikan keseimbangan pengamalan. Seharusnya para ilmuwan dan juga aktivis keagamaan mengkaji dengan lebih teliti dalam memberikan satu pendirian yang jelas tentang isu ini supaya tidak berlaku percanggahan dalam pelaksanaan komitmen setiap pihak yang terlibat. Hal ini tidak lain hanyalah untuk memastikan rasa kebertanggungjawaban golongan lelaki dalam turut serta melindungi hak-hak wanita khususnya peranan reproduktif mereka dalam lingkaran kekeluargaan.

University of Malaya

BAB 4: FASA KUANTITATIF DALAM KEFAHAMAN DAN AMALAN MASYARAKAT BERKAITAN HAK REPRODUKTIF WANITA

4.0 PENDAHULUAN

Menerusi fasa kuantitatif yang dilaksanakan menggunakan instrumen soal selidik kepada responden, bab ini akan membentangkan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi secara huraian statistik deskriptif. Bahagian ini mengetengahkan polemik yang masih wujud dalam kalangan masyarakat di Selangor dalam menjalankan peranan hak reproduktif wanita berkahwin di peringkat domestik kekeluargaan. Kefahaman asas berkaitan hak reproduktif yang masih disulami dengan persepsi negatif, serta pengamalan yang tidak selari dengan penetapan sewajarnya dalam hukum syarak mahupun konvensional.

4.1 MAKLUMAT ASAS DEMOGRAFI RESPONDEN

Terdapat tujuh aspek demografi yang dikenal pasti dalam kajian ini, iaitu aspek (1) jantina, (2) umur, (3) daerah, (4) kategori penempatan, (5) tahap pendidikan, (6) status dan juga (7) pekerjaan.

Seramai 500 orang responden telah dipilih di sekitar Negeri Selangor, merangkumi sembilan daerah yang terlibat, tetapi hanya 472 orang sahaja yang memberikan kerjasama memulangkan soal selidik.

4.1.1 Demografi Responden Berasaskan Jantina

Rajah 4.1: Jadual dan Carta Bar Jantina Responden

Jantina	Lelaki	227	48.1%
	Perempuan	245	51.9%



Sumber: Analisis Pengkaji

Secara ringkas Rajah 4.1 di atas menunjukkan carta bar bagi jantina responden. Responden didominasi oleh golongan wanita seramai 245 orang (51.9%), dan lelaki hanya seramai 227 orang (48.1%). Walau bagaimanapun, tiada perbezaan yang terlalu ketara antara jantina ini kerana hanya sekadar 3.8 % sahaja.

4.1.2 Demografi Responden Berasaskan Umur

Rajah 4.2: Jadual dan Carta Bar Umur Responden

Umur	21-25 tahun	14	3.0%
	26-30 tahun	82	17.4%
	31-35 tahun	209	44.3%
	36 tahun dan ke atas	167	35.4%

University of Malaya



Sumber: Penulis

Rajah 4.2 di atas menunjukkan carta bar bagi lingkungan umur responden. Peratusan tertinggi umur responden berada dalam lingkungan 31-35 tahun, iaitu seramai 209 orang (44.3%), seterusnya seramai 167 orang (35.4%) yang berumur 36 tahun ke atas, 82 orang (17.4%) berumur 26-30 tahun dan peratusan yang sedikit bagi umur 21-25 tahun, iaitu seramai 14 orang (3%). Walau bagaimanapun, usia responden ini masih lagi berada dalam lingkungan umur reproduktif.

4.1.3 Demografi Responden Berasaskan Status Perkahwinan

Rajah 4.3: Jadual dan Carta Bar Status Perkahwinan Responden

Status	Berkahwin	468	99.2%
	Lain-lain	4	0.8%

University of Malaya



Sumber: Analisis Pengkaji

Rajah 4.3 menunjukkan status responden yang berkahwin mendominasi peratusan di mana seramai 468 orang (99.2%), manakala lain-lain status seramai empat orang (0.8%), di mana ada yang telah ketiadaan suami atau isteri.

4.1.4 Demografi Responden Berasaskan Daerah

Rajah 4.4: Jadual dan Carta Bar Daerah Responden

Daerah	Gombak	50	10.6%
	Hulu Langat	54	11.4%
	Hulu Selangor	52	11.0%
	Klang	56	11.9%
	Kuala Langat	49	10.4%
	Kuala Selangor	50	10.6%
	Petaling	56	11.9%
	Sabak Bernam	51	10.8%
	Sepang	54	11.4%

University of Malaya



Sumber: Analisis Pengkaji

Rajah 4.4 menunjukkan taburan peratusan responden mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor. Sebanyak sembilan daerah yang ada, peratusan yang hampir sama antara setiap daerah. Ini kerana pengkaji sememangnya membahagikan mengikut jumlah anggaran yang tidak jauh berbeza bagi bagi setiap daerah terlibat. Tetapi bagi daerah yang telah diiktiraf sebagai bandar seperti Petaling, pengkaji mengedarkan bilangan soal selidik yang lebih berbanding daerah lain. Bagi setiap daerah, tertinggi adalah responden di daerah Klang dan Petaling seramai 56 orang (11.9%), seterusnya daerah Hulu Langat dan Sepang seramai 54 orang (11.4%), daerah Hulu Selangor seramai 52 orang (11%), daerah Kuala Selangor dan Gombak seramai 50 orang (10.6%) dan terakhir daerah Kuala Langat seramai 49 orang (10.4%).

University of Malaya

4.1.5 Demografi Responden Berasaskan Kategori Penempatan

Rajah 4.5: Jadual dan Carta Bar Kategori Penempatan Responden

Kategori Penempatan	Bandar	308	65.3%
	Luar Bandar	164	34.7%



Sumber: Analisis Pengkaji

Rajah 4.5 menunjukkan kategori penempatan responden. Majoriti adalah dari kalangan bandar, iaitu seramai 308 orang (65.3%), manakala golongan luar bandar seramai 164 orang (34.7%).

4.1.6 Demografi Responden Berasaskan Pendidikan

Rajah 4.6: Jadual dan Carta Bar Tahap Pendidikan Responden

Pendidikan	Rendah (UPSR)	3	0.6%
	Menengah (PMR/SPM)	81	17.2%
	Diploma	242	51.3%
	Ijazah sarjana muda	129	27.3%
	Lain-lain	17	3.6%

University of Malaya



Sumber: Analisis Pengkaji

Tahap pendidikan responden sebagaimana yang ditunjukkan rajah 4.6 di atas menunjukkan rata-rata responden mempunyai tahap pendidikan di peringkat diploma, iaitu seramai 242 orang (51.3%), dan di peringkat Ijazah Sarjana Muda pula seramai 129 orang (27.3%). Selebihnya pula bercampur di antara tahap pendidikan peringkat Menengah sama ada tamat PMR atau SPM seramai 81 orang (17.2%), dan tidak dinyatakan pula seramai 17 orang (3.6%). Manakala jumlah yang paling rendah adalah responden yang tamat kelayakan sehingga darjah enam, iaitu UPSR seramai tiga orang (0.6%).

4.1.7 Demografi Responden Berasaskan Pekerjaan

Rajah 4.7: Jadual dan Carta Bar Kategori Pekerjaan Responden

Pekerjaan	Sendiri	43	9.1%
	Kerajaan	157	33.3%
	Swasta	246	52.1%
	Suri rumah	23	4.9%
	Lain-lain	3	0.6%

University of Malaya



Sumber: Analisis Pengkaji

Rajah 4.7 menunjukkan carta taburan responden yang bekerja. Rata-rata responden adalah pekerja di sektor swasta, di mana seramai 246 orang (52.1%), manakala kedua tertinggi adalah di sektor kerajaan seramai 157 orang (33.3%), selebihnya bercampur di antara kerja sendiri, suri rumah seramai 43 orang (9.1%) dan 23 orang (4.9%), serta lain-lain yang tidak dinyatakan, iaitu seramai tiga orang (0.6%).

4.2 DESKRIPTIF KONSTRUK PENGETAHUAN MASYARAKAT TERHADAP HAK ASASI MANUSIA

Dapatan soal selidik dalam Bahagian B ini mengandungi tujuh item kesemuanya, dan soalan-soalan berkisar tentang pengetahuan secara umum tentang aspek hak asasi manusia. Dapatan yang diperolehi dibentangkan, dan memberikan satu data tambahan terhadap bagaimana pengetahuan masyarakat terhadap hak asasi manusia.

4.2.1. Adakah anda tahu hak-hak wanita berkaitan dengan hak asasi manusia?

Jadual 4.1: Taburan responden mengikut pendapat mereka berkaitan hak asasi manusia

	Kekerapan	Peratus (%)

Adakah anda tahu hak-hak wanita berkaitan dengan hak asasi manusia?	Ya	348	73.7
	Tidak	124	26.3

Jadual 4.1 di atas menunjukkan pengetahuan responden berkenaan hak-hak asasi manusia. Hasil kajian menunjukkan 348 orang (73.7%) daripada responden mengatakan mereka tahu berkaitan hak-hak asasi manusia dan seramai 124 orang (26.3%) daripada responden yang tidak tahu berkenaan hak asasi manusia.

4.2.2. Apakah antara hak asasi manusia yang anda tahu?

Jadual 4.2: Taburan responden mengikut jenis-jenis hak- hak asasi wanita

		Kekerapan	Peratus (%)
Hak untuk mendapat makanan dan minuman	Tidak	178	37.7
	Ya	**294**	**62.3**
Hak untuk mendapatkan pekerjaan	Tidak	187	39.6
	Ya	**285**	**60.4**
Hak untuk berkahwin	Tidak	270	57.2
	Ya	202	42.8
Hak untuk mendapatkan hubungan seksual yang selamat (bagi pasangan berkahwin)	Tidak	310	65.7
	Ya	162	34.3
Hak dalam kesihatan reproduktif	Tidak	310	65.7
	Ya	162	34.3
Hak dalam bersosial dalam masyarakat	Tidak	213	45.1
	Ya	**259**	**54.9**
Lain-lain	Tidak	461	97.7
	Ya	11	2.3

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.2 di atas menunjukkan taburan responden mengikut pengetahuan mereka berkenaan hak asasi manusia. Mengikut hasil dapatan yang diperolehi, rata-rata responden berpendapat bahawa hak asasi manusia itu hanya berkisar tentang hak dalam mendapatkan

University of Malaya

makan dan minum, iaitu seramai 294 orang (62.3%), hak untuk mendapatkan pekerjaan seramai 285 orang (60.4%), dan hak untuk bersosial dalam masyarakat seramai 259 orang (54.9%). Hak-hak yang lain menunjukkan ketidaksetujuan dalam kalangan responden sebagai aspek-aspek yang dikira sebagai hak asasi manusia.

4.2.3 Adakah anda merasakan bahawa lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama?

Jadual 4.3: Taburan responden mengikut persepsi mereka terhadap hak lelaki dan wanita

		Kekerapan	Peratus (%)
Adakah anda merasakan bahawa lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama	Ya	348	73.7
	Tidak	124	26.3

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden berdasarkan respon mereka terhadap hak -hak lelaki dan wanita. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 348 orang (73.7%) responden mengatakan bahawa lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama manakala seramai 124 orang (26.3%) tidak bersetuju dengan pendapat lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama.

4.2.4 Dari manakah anda mendapatkan sumber maklumat mengenai hak asasi manusia?

Jadual 4.4: Taburan responden berkenaan sumber maklumat yang diperoleh mengenai hak asasi manusia

		Kekerapan	Peratus (%)
Institusi pendidikan	Tidak	261	55.3
	Ya	211	44.7
Televisyen	Tidak	293	62.1

University of Malaya

	Ya	179	37.9
Radio	Tidak	364	77.1
	Ya	108	22.9
Media cetak	Tidak	132	28.0
	Ya	340	72.0
Nyatakan	Internet	1	0.2
	Majalah	1	0.2
	Suratkhabar	1	0.2
Keluarga	Tidak	387	82.0
	Ya	85	18.0
Suami isteri/pasangan	Tidak	401	85.0
	Ya	71	15.0
Rakan sebaya	Tidak	357	75.6
	Ya	115	24.4
Lain-lain	Tidak	458	97.0
	Ya	14	3.0
Nyatakan	Internet	3	0.6
	Islam	1	0.2
	Perhimpinan Awam	1	0.2
	Read	1	0.2

Sumber: Analisis Pengkaji

Hasil dapatan dalam jadual 4.4 menunjukkan taburan responden berdasarkan sumber mereka dalam mendapatkan maklumat mengenai hak asasi manusia. Keputusan menunjukkan majoriti daripada responden mendapatkan maklumat berkenaan hak asasi manusia di media cetak, iaitu seramai 340 orang (72%). Seterusnya seramai 211 orang (44.7%) mendapatkan maklumat berkaitan hak asasi di institusi pendidikan, 179 orang (37.9%) di televisyen, 115 orang (24.4%) melalui rakan sebaya, dan 108 orang (22.9%) melalui radio. Selebihnya hanya sebilangan kecil responden mendapatkan maklumat berkaitan hak asasi manusia ini melalui keluarga, pasangan suami isteri dan lain-lain sumber seperti pembacaan dan perhimpunan awam.

University of Malaya

4.2.5 Adakah anda merasakan suatu yang penting untuk mengetahui hak wanita

Jadual 4.5: Taburan responden berdasarkan respon terhadap kepentingan hak wanita

		Kekerapan	Peratus (%)
Adakah anda merasakan suatu yang penting untuk mengetahui hak wanita	Ya	467	98.9
	Tidak	5	1.1

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden seramai 467 orang (98.9%) responden berpendapat adalah penting untuk mengetahui tentang hak –hak wanita. Hanya segelintir seramai lima orang (1.1%) merasakan bukan suatu yang penting untuk mengetahui hak-hak wanita.

4.2.6 Adakah anda bersetuju bahawa seseorang perlu mempelajari tentang hak asasi manusia sejak di bangku sekolah?

Jadual 4.6: Taburan responden berdasarkan respon terhadap kepentingan mempelajari hak asasi manusia

		Kekerapan	Peratus (%)
Adakah anda bersetuju bahawa seseorang perlu mempelajari tentang hak asasi manusia sejak di bangku sekolah	Ya	471	99.8
	Tidak	1	0.2

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.6 di atas menunjukkan maklum balas responden terhadap keperluan mempelajari hak-hak asasi manusia sejak di bangku sekolah. Secara keseluruhan, hampir

University of Malaya

majoriti responden seramai 471 (99.8%) bersetuju jika hak-hak asasi manusia mula dipelajari sejak peringkat awal persekolahan.

4.2.7 Adakah anda tahu bahawa terdapat di bawah hak asasi manusia itu terkandung hak berkaitan Kesihatan dan Reproduktif?

Jadual 4.7: Taburan responden responden berkenaan pengetahuan mereka terhadap hak kesihatan dan reproduktif

		Kekerapan	Peratus (%)
Adakah anda tahu bahawa terdapat di bawah hak asasi manusia itu terkandung hak berkaitan Kesihatan dan Reproduktif	Ya	238	50.4
	Tidak	234	49.6
Institusi Pendidikan	Tidak	360	76.3
	Ya	112	23.7
Televisyen	Tidak	372	78.8
	Ya	100	21.2
Radio	Tidak	405	85.8
	Ya	67	14.2
Media Cetak	Tidak	353	74.8
	Ya	119	25.2
Keluarga	Tidak	430	91.1
	Ya	42	8.9
Suami/Isteri Pasangan	Tidak	431	91.3
	Ya	41	8.7
Rakan sebaya	Tidak	418	88.6
	Ya	54	11.4
Lain-lain	Tidak	457	96.8
	Ya	15	3.2
Nyatakan	Internet	3	0.6
	Media Social	1	0.2
	Perhimpunan Umum	1	0.2

Sumber: Analisis Pengkaji

University of Malaya

Jadual 4.7 menunjukkan hasil dapatan yang tidak jauh berbeza antara mereka yang tahu dan tidak berkaitan di dalam hak asasi manusia itu terkandung hak berkaitan kesihatan dan reproduktif, iaitu seramai 238 orang (50.4%) daripada responden tahu dan 234 orang (49.6%) yang tidak tahu. Bagi mereka yang mengetahui pula di antara 238 orang responden itu, rata-rata responden mendapatkan maklumat ini daripada media cetak sebanyak 119 (25.2%), institusi pendidikan sebanyak 112 (23.7%), dan televisyen sebanyak 100 (21.2%). Selebihnya adalah melalui rakan sebaya, keluarga dan pasangan suami isteri. Ada juga yang memperolehi pengetahuan melalui perhimpunan umum sebanyak 0.2%.

4.3 DESKRIPTIF KONSTRUK PENGETAHUAN MASYARAKAT TERHADAP HAK KESIHATAN REPRODUKTIF

Dapatan soal selidik dalam bahagian C ini mengandungi lima item kesemuanya. Dapatan pada bahagian ini bagi melihat konstruk pengetahuan masyarakat terhadap hak kesihatan reproduktif.

4.3.1 Adakah anda tahu hak-hak wanita berkaitan dengan hak Kesihatan Reproduktif?

Jadual 4.8: Taburan responden mengikut pengetahuan mereka berkaitan hak kesihatan reproduktif

		Kekerapan	Peratus (%)
Adakah anda tahu hak-hak wanita berkaitan dengan hak Kesihatan Reproduktif	Ya	182	38.6
	Tidak	290	61.4

Sumber: Analisis Pengkaji

University of Malaya

Jadual 4.8 di atas menunjukkan taburan responden berdasarkan pengetahuan mereka terhadap hak kesihatan reproduktif. Hasil dapatan menunjukkan seramai 290 orang (61.4%) daripada responden, iaitu mengatakan bahawa mereka tidak tahu hal berkaitan hak kesihatan reproduktif berbanding seramai 182 orang (38.6%) yang mengatakan mereka tahu berkenaan hak kesihatan reproduktif.

4.3.2 Apakah antara hak kesihatan reproduktif yang anda tahu?

Jadual 4.9: Taburan responden mengikut aspek hak kesihatan reproduktif

		Kekerapan	Peratus (%)
Perihal haid	Tidak	371	78.6
	Ya	101	21.4
Hak mendapatkan akses penjagaan kesihatan diri	Tidak	336	71.2
	Ya	136	28.8
Hak untuk berkahwin	Tidak	345	73.1
	Ya	127	26.9
Hak untuk Hubungan Seksual yang selamat	Tidak	374	79.2
	Ya	98	20.8
Hak untuk Kehamilan	Tidak	333	70.6
	Ya	139	29.4
Hak untuk bebas menentukan jarak anak	Tidak	396	83.9
	Ya	76	16.1
Hak untuk penggunaan kontraseptif (alat perancangan keluarga)	Tidak	397	84.1
	Ya	75	15.9
Hak dalam melakukan pengguguran secara selamat	Tidak	431	91.3
	Ya	41	8.7
Hak mendapatkan akses kelahiran yang selamat	Tidak	393	83.3
	Ya	79	16.7
Hak untuk bebas dari sebarang bentuk kekerasan dalam rumahtangga	Tidak	354	75.0
	Ya	118	25.0
Lain-lain	Tidak	469	99.4
	Ya	3	0.6

University of Malaya

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.9 di atas menunjukkan taburan responden seramai 182 orang, iaitu yang mengetahui tentang hak kesihatan reproduktif sebelum ini. Jika dilihat hasil dapatan menunjukkan responden yang tahu berkaitan hak reproduktif ini hanya terikat pada aspek kehamilan seramai 139 orang (29.4%), hak mendapatkan akses penjagaan kesihatan diri seramai 136 orang (28.8%), hak untuk berkahwin seramai 127 orang (26.9%), hak untuk bebas dari sebarang bentuk kekerasan dalam rumah tangga seramai 118 orang (25%) dan hak dalam perihal haid seramai 101 orang (21.4%). Selebihnya berada pada peratusan yang agak rendah.

4.3.3 Dari manakah anda mendapatkan sumber maklumat mengenai hak kesihatan reproduktif?

Jadual 4.10: Taburan responden berkenaan sumber maklumat mengenai hak kesihatan reproduktif diperoleh

		Kekerapan	Peratus (%)
Institusi pendidikan	Tidak	350	74.2
	Ya	122	25.8
Televisyen	Tidak	382	80.9
	Ya	90	19.1
Radio	Tidak	410	86.9
	Ya	62	13.1
Media Cetak	Tidak	319	67.6
	Ya	153	32.4
Keluarga	Tidak	425	90.0
	Ya	47	10.0
Suami isteri	Tidak	427	90.5
	Ya	45	9.5
Rakan sebaya	Tidak	419	88.8
	Ya	53	11.2
Lain-lain	Tidak	454	96.2
	Ya	18	3.8

University of Malaya

Nyatakan	Hospital	1	0.2
	Internet	4	0.8
	Klinik	1	0.2

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.10 di atas menunjukkan, daripada 182 orang responden yang tahu berkaitan hak kesihatan reproduktif tadi, rata-rata mereka mendapatkan maklumat daripada media cetak, iaitu sebanyak 153 (32.4%), seterusnya 122 (25.8%) daripada institusi pendidikan, 90 (19.1%) daripada televisyen. Sumber yang selebihnya radio, keluarga, suami isteri berada pada peratusan yang hampir sama.

4.3.4 Adakah anda merasakan suatu yang penting untuk mengetahui hak tentang kesihatan reproduktif wanita ini?

Jadual 4.11: Taburan responden berkenaan kepentingan hak kesihatan reproduktif wanita

Item	Pilihan	Bil	%
Adakah anda merasakan suatu yang penting untuk mengetahui hak tentang kesihatan reproduktif wanita ini	Ya	469	99.4
	Tidak	3	0.6

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.11 menunjukkan seramai 469 orang (99.4%) bersetuju bahawa menjadi suatu kepentingan dalam mengetahui hak berkaitan kesihatan reproduktif wanita. Hanya segelintir, iaitu seramai tiga orang (0.6%) sahaja yang tidak bersetuju.

University of Malaya

4.3.5 Adakah anda bersetuju bahawa seseorang perlu mempelajari tentang hak kesihatan reproduktif wanita ini sejak di bangku sekolah?

Jadual 4.12: Taburan responden mengikut persetujuan terhadap pentingnya mempelajari hak kesihatan reproduktif di sekolah

Item	Pilihan	Bil	%
Adakah anda bersetuju bahawa seseorang perlu mempelajari tentang hak kesihatan reproduktif wanita ini sejak di bangku sekolah	Ya	467	98.9
	Tidak	5	1.1

Sumber: Analisis Pengkaji

Merujuk pada jadual 4.12, seramai 467 orang (98.9%) bersetuju bahawa setiap orang perlu mempelajari tentang hak kesihatan reproduktif ini sejak di peringkat awal persekolahan lagi, berbanding hanya lima orang (1.1%) yang tidak bersetuju.

4.4 PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN TERHADAP ASPEK HAK REPRODUKTIF WANITA BERKAHWIN

Bahagian ini akan membentangkan hasil dapatan berkaitan dengan kefahaman responden tentang aspek-aspek yang terkait dengan hak kesihatan reproduktif wanita berkahwin seperti perihal perkahwinan, hubungan seksual dalam perkahwinan, kehamilan, kelahiran, perancangan keluarga, pengguguran dan juga keganasan rumah tangga. Soalan-soalan yang diajukan lebih kepada melihat sejauh mana tahap kefahaman responden tentang perkara-perkara yang menyentuh isu hak kesihatan reproduktif mengikut pembahagian aspek-aspek tersebut. Hasil data dibentangkan dalam bentuk jadual Min, Skor dan Tahap.

Bagi mengenal pasti tahap kefahaman tersebut, tiga tahap skor min digunakan sebagaimana turut digunakan oleh Ghani (2010)[1] dan Manap (2003)[2] bagi melihat

[1] Kamarulzaman Abdul Ghani, "Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama," 146.

University of Malaya

interpretasi pengukuran tinggi, sederhana dan rendah. Jadual pengukuran tahap skor min ditetapkan kepada tiga tahap, iaitu nilai skor 1.00 hingga 2.33 sebagai rendah, nilai skor 2.34 hingga 3.66 sebagai sederhana, dan nilai skor 3.67 hingga 5.00 sebagai tinggi. Panduan tersebut boleh dilihat sebagaimana jadual 4.13 di bawah:

Jadual 4.13: Panduan Tahap Skor Min

	Skor Min
Rendah	1.00 - 2.33
Sederhana	2.34 - 3.66
Tinggi	3.67 - 5.00

Sumber: Analisis Pengkaji

4.4.1 Kefahaman Responden Terhadap Perihal Perkahwinan

Jadual 4.14: Statistik Deskriptif Kefahaman Responden Terhadap Perihal Perkahwinan

BIL	PENYATAAN	PILIHAN SKALA						
		STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
D1	Hubungan perkahwinan adalah ikatan yang perlu dijalinkan tanpa sebarang paksaan mana-mana pihak	10 (2.1)	14 (3)	0 (0)	224 (47.5)	224 (47.5)	4.35	0.813
D2	Seorang wali berhak mengahwinkan anak gadisnya walau tanpa persetujuan anak gadis tersebut.	81 (17.2)	209 (44.3)	35 (7.4)	86 (18.2)	61 (12.9)	2.65	1.309
D3	Sesebuah perkahwinan akan memberikan kebahagiaan sekiranya berkahwin di usia muda (zaman belajar).	64 (13.6)	246 (52.1)	95 (20.1)	53 (11.2)	14 (3)	2.38	0.955
D4	Saya menyokong perkahwinan yang diatur sepenuhnya oleh pihak keluarga.	61 (12.9)	244 (51.7)	68 (14.4)	79 (16.7)	20 (4.2)	2.48	1.048
D5	Saya menyokong perkahwinan kanak-kanak perempuan di bawah umur 16 tahun untuk mengelak maksiat.	12 (2.5)	64 (13.6)	29 (6.1)	285 (60.4)	82 (17.4)	3.76	0.976

[2] Rudzi Manap, "Penilaian Program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi Mara," (Tesis Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003).

University of Malaya

D6	Mengatur perkahwinan seorang anak gadis tanpa kerelaan dan kehendak anak gadis itu dikira sebagai menafikan hak reproduktif wanita.	11 (2.3)	239 (50.6)	57 (12.1)	87 (18.4)	78 (16.5)	2.96	1.203

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.14 di atas menunjukkan tentang tahap kefahaman responden bagi perkara-perkara yang melibatkan perihal perkahwinan. Merujuk kepada bahagian D1 hingga D6, hasil dapatan mendapati item D1 dan D5 berada pada skor yang tertinggi dengan nilai min 4.35 dan 3.76. Bagi item-item yang lain seperti D2, D3, D4 dan D6 masing-masing berada pada tahap sederhana dengan nilaian skor min di bawah 3.00. Ringkasan peratusan boleh dirujuk pada 4.8 di bawah:

Rajah 4.8: Peratus bagi peringkat kefahaman tentang perihal perkahwinan



Sumber: Analisis Pengkaji

4.4.2 Kefahaman Responden Terhadap Hubungan Seksual dalam Perkahwinan

Jadual 4.15: Statistik Deskriptif Kefahaman Responden Terhadap Hubungan Seksual dalam Perkahwinan

BIL	PENYATAAN	TANDAKAN (/) PADA KOTAK DI BAWAH						
		STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
E1	Hubungan seksual adalah suatu keutamaan dalam sesebuah hubungan	7 (1.5)	34 (7.2)	23 (4.9)	258 (54.7)	150 (31.8)	4.08	0.885

University of Malaya

	perkahwinan.							
E2	Hubungan seks yang baik menunjukkan suatu keharmonian dalam sesebuah rumahtangga	4 (0.8)	10 (2.1)	8 (1.7)	269 (57)	181 (38.3)	4.30	0.688
E3	Suami berautoriti penuh untuk memaksa pasangan untuk melakukan hubungan seks bersamanya.	49 (10.4)	215 (45.6)	19 (4)	119 (25.2)	70 (14.8)	2.89	1.306
E4	Tahap kepuasan (klimaks) hanya untuk para suami sahaja.	8 (1.7)	39 (8.3)	7 (1.5)	326 (69.1)	92 (19.5)	3.96	0.832
E5	Seorang isteri boleh meminta untuk digauli oleh suaminya.	3 (0.6)	11 (2.3)	12 (2.5)	395 (83.7)	51 (10.8)	4.02	0.533
E6	Isteri tidak dibenarkan bersuara untuk mendapatkan tahap kepuasan dalam hubungan seksual yang dilakukan.	9 (1.9)	20 (4.2)	10 (2.1)	352 (74.6)	81 (17.2)	4.01	0.731
E7	Isteri berhak menolak ajakan suami untuk mengadakan hubungan seksual apabila tidak bersedia melakukannya.	38 (8.1)	182 (38.6)	24 (5.1)	207 (43.9)	21 (4.4)	2.98	1.152
E8	Hubungan seks adalah kewajipan isteri semata-mata.	7 (1.5)	54 (11.4)	17 (3.6)	323 (68.4)	71 (15)	3.84	0.868
E9	Keputusan untuk perhubungan seksual adalah hak suami.	3 (0.6)	226 (47.9)	19 (4)	155 (32.8)	69 (14.6)	3.13	1.185
E10	Isteri perlu menurut pada setiap ajakan suami untuk digauli dalam apa jua keadaan.	5 (1.1)	228 (48.3)	28 (5.9)	156 (33.1)	55 (11.7)	3.06	1.149
E11	Syariat tidak membenarkan seorang isteri ingkar apabila minta untuk digauli bersama suami.	9 (1.9)	23 (4.9)	37 (7.8)	342 (72.5)	61 (12.9)	3.90	0.751
E12	Hubungan seks yang dilakukan secara tidak rela dikira sebagai pengabaian hak reproduktif wanita.	6 (1.3)	210 (44.5)	48 (10.2)	156 (33.1)	52 (11)	3.08	1.124

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.15 di atas menunjukkan tentang tahap kefahaman responden bagi perkara-perkara yang melibatkan hubungan seksual dalam perkahwinan. Kebanyakan item mempunyai nilai skor tinggi dan sederhana. Item yang tertinggi adalah E2 dengan nilai skor min 4.30, diikuti item lain yang turut menunjukkan skor tinggi ialah E1, E5, E6, E4,

University of Malaya

E11 dan E8 dengan nilai skor min 4.08, 4.02, 4.01, 3.96, 3.90 dan juga 3.84. Selebihnya berada pada tahap sederhana seperti item E3, E7, E9, E10 dan E12. Ringkasan peratusan bagi kefahaman ini boleh dirujuk pada rajah di bawah:

Rajah 4.9: Peratus bagi peringkat kefahaman tentang perihal hubungan seksual perkahwinan



Sumber: Analisis Pengkaji

4.4.3 Kefahaman Responden Terhadap Proses Kehamilan

Jadual 4.16: Statistik Deskriptif Kefahaman Responden Terhadap Proses Kehamilan

BIL	PENYATAAN	TANDAKAN (/) PADA KOTAK DI BAWAH						
		STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
F1	Setiap kehamilan perlulah diingini (pada waktu, keadaan yang sesuai dan bersedia memiliki anak)	6 1.3	174 36.9	16 3.4	194 41.1	82 17.4	3.36	1.181
F2	Setiap kehamilan memerlukan proses pemeriksaan secara berkala di klinik/hospital.	1 (0.2)	4 (0.8)	2 (0.4)	228 (48.3)	237 (50.2)	4.47	0.579
F3	Setiap wanita yang melalui proses kehamilan berhak mendapatkan makanan yang seimbang bagi kandungan.	0 (0)	2 (0.4)	3 (0.6)	204 (43.2)	263 (55.7)	4.54	0.536
F4	Setiap wanita mengandung berhak mendapatkan hak yang sama sebagaimana wanita yang tidak mengandung.	12 (2.5)	22 (4.7)	27 (5.7)	223 (47.2)	188 (39.8)	4.17	0.918
F5	Seorang suami harus terlibat secara langsung dalam penjagaan setiap isteri yang mengandung.	0 (0)	2 (0.4)	6 (1.3)	323 (68.4)	141 (29.9)	4.28	0.502

University of Malaya

F6	Setiap wanita tidak berhak meminta suami untuk terlibat dalam penjagaan isteri yang mengandung.	95 20.1	346 73.3	8 1.7	8 1.7	15 3.2	1.94	0.755
F7	Seorang suami yang tidak melibatkan diri dalam penjagaan isteri ketika proses kehamilan dikira mengabaikan hak reproduktif wanita.	8 1.7	225 47.7	29 6.1	114 24.2	96 20.3	3.14	1.259

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.16 di atas menunjukkan taburan nilai skor bagi kefahaman responden terhadap proses kehamilan. Item F2 sehingga F5 menunjukkan keberadaan tahap yang tinggi dengan nilai skor min masing-masing 4.47, 4.54, 4.17, dan 4.28. Hanya 1 item sahaja menunjukkan tahap yang rendah, iaitu item F6 dengan nilai skor min 1.94. Manakala item selebihnya seperti F1 dan F7 berada pada tahap sederhana dengan nilai skor min 3.36 dan 3.14. Ringkasan peratusan bagi kefahaman ini boleh dilihat pada rajah di bawah:

Rajah 4.10: Peratus bagi peringkat kefahaman tentang perihal kehamilan



Sumber: Analisis Pengkaji

University of Malaya

4.4.4 Kefahaman Responden Terhadap Perancangan Keluarga dan Penggunaan Kontraseptif

Jadual 4.17: Statistik Deskriptif Kefahaman Responden Terhadap Perancangan Keluarga dan Penggunaan Kontraseptif

BIL	PENYATAAN	TANDAKAN (/) PADA KOTAK DI BAWAH						
		STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
G1	Perancangan keluarga sangat perlu masa kini dalam mengatur jarak dan bilangan anak.	2 (0.4)	142 (30.1)	13 (2.8)	167 (35.4)	148 (31.4)	3.67	1.216
G2	Perancangan keluarga perlu kerana kos sara hidup sangat meningkat masa kini	1 0.2	93 19.7	12 2.5	218 46.2	148 31.4	3.89	1.066
G3	Islam melarang amalan merancang keluarga kerana anak adalah rezeki dari Allah.	68 14.4	284 60.2	58 12.3	49 10.4	13 2.8	2.27	0.927
G4	Perancangan keluarga adalah amalan untuk mengehadkan bilangan anak.	7 1.5	48 10.2	22 4.7	348 73.7	47 10	3.81	0.806
G5	Perancangan keluarga terbahagi kepada kaedah moden dan tradisional.	1 0.2	2 0.4	32 6.8	380 80.5	57 12.1	4.04	0.473
G6	Penggunaan kontraseptif terpakai hanya untuk isteri sahaja dalam merancang jarak dan bilangan anak.	12 2.5	221 46.8	76 16.1	143 30.3	20 4.2	2.87	1.014
G7	Suami juga harus terlibat sama dalam penggunaan kontraseptif dalam merancang jarak dan bilangan anak.	5 1.1	73 15.5	47 10	306 64.8	41 8.7	3.65	0.881
G8	Penggunaan alat kontraseptif yang akan digunakan seharusnya dibincangkan bersama suami dahulu.	1 0.2	1 0.2	22 4.7	385 81.6	63 13.3	4.08	0.450
G9	Kontraseptif yang terdapat pada masa kini amat berbahaya untuk digunakan.	10 2.1	273 57.8	133 28.2	45 9.5	11 2.3	2.52	0.790
G10	Kesan penggunaan mana-mana alat kontraseptif boleh membawa kepada risiko kesihatan.	16 3.4	304 64.4	121 25.6	22 4.7	9 1.9	2.37	0.714
G11	Perancangan keluarga secara tradisional seperti kaedah ‘Azl (buang luar rahim) lebih selamat daripada kaedah moden yang lain.	22 4.7	26 5.5	104 22	275 58.3	45 9.5	3.62	0.904

University of Malaya

G12	Perancangan keluarga dapat mencegah daripada kehamilan yang tidak diingini.	3 0.6	166 35.2	43 9.1	217 46	43 9.1	3.28	1.061
G13	Isteri perlu menerima keputusan suami jika tidak mahu mengamalkan perancangan keluarga.	24 5.1	359 76.1	30 6.4	50 10.6	9 1.9	3.72	0.795
G14	Suami yang menolak untuk menggunakan sebarang kaedah perancangan keluarga juga dikira sebagai menafikan hak reproduktif wanita	13 2.8	238 50.8	78 16.5	110 23.3	33 7	2.81	1.046

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.17 menunjukkan nilai skor terhadap kefahaman responden pada perancangan keluarga dan penggunaan kontraseptif. Merujuk pada jadual, nilai skor min yang paling tinggi boleh dilihat pada item G8 (4.08). Diikuti dengan item G5, G2, G4, G1 dan G13 yang turut mempunyai nilai min tinggi dengan nilai skornya 4.04, 3.89, 3.81, 3.67 dan 3.72. Manakala pada item G6, G7, G9, G10, G11, G12 dan G14 nilai skor min yang menunjukkan tahap kefahaman yang sederhana, dan hanya satu item sahaja yang menunjukkan tahap rendah, iaitu item G3 dengan nilai skor 2.27. Peratusan boleh dirujuk sebagaimana rajah 4.11 di bawah:

Rajah 4.11: Peratus bagi peringkat kefahaman tentang perancangan keluarga dan penggunaan kontraseptif



Sumber: Analisis Pengkaji

University of Malaya

4.4.5 Kefahaman Responden Terhadap Pengguguran

Jadual 4.18: Statistik Deskriptif Kefahaman Responden Terhadap Pengguguran

BIL	PENYATAAN	TANDAKAN (/) PADA KOTAK DI BAWAH						
		STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
H1	Proses pengguguran suatu yang dibenarkan dalam Islam.	3 (0.6)	34 (7.2)	45 (9.5)	160 (33.9)	230 (48.7)	4.23	0.937
H2	Mudarat pada isteri membenarkan pengguguran dilakukan.	3 (0.6)	12 (2.5)	43 (9.1)	364 (77.1)	50 (10.6)	3.94	0.595
H3	Pengguguran boleh dilakukan oleh mana-mana individu seperti bidan kampung.	1 (0.2)	11 (2.3)	37 (7.8)	288 61	135 28.6	4.15	0.674
H4	Wanita berhak menggugurkan kandungan bilamana belum bersedia untuk memiliki anak.	1 (0.2)	30 (6.4)	14 (3)	202 (42.8)	225 (47.7)	4.31	0.826
H5	Melakukan pengguguran secara tidak selamat juga dikira sebagai melanggar hak reproduktif seorang wanita.	7 (1.5)	5 (1.1)	42 (8.9)	338 (71.6)	80 (16.9)	4.01	0.660

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.18 di atas menunjukkan tentang kefahaman responden terhadap aspek pengguguran. Kesemua item berada pada tahap yang tinggi dan jurang yang tidak jauh berbeza, di mana item H4 menunjukkan nilai skor min yang paling tinggi, iaitu 4.31, diikuti dengan item H1, iaitu 4.23. Seterusnya item H3, H5 dan H2 dengan nilai skor min masing-masing 4.15, 4.01, dan 3.94. Peratusan sebagaimana Rajah 4.12 di bawah:

Rajah 4.12: Peratus bagi peringkat kefahaman tentang pengguguran



University of Malaya

4.4.6 Kefahaman Responden Terhadap Proses Kelahiran

Jadual 4.19: Statistik Deskriptif Kefahaman Responden Terhadap Proses Kelahiran

BIL	PENYATAAN	TANDAKAN (/) PADA KOTAK DI BAWAH						
		STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
I1	Proses kelahiran boleh dilakukan sama ada di rumah mahupun di hospital.	57 (12.1)	256 (54.2)	18 (3.8)	129 (27.3)	12 (2.5)	2.54	1.092
I2	Setiap perawatan selepas kelahiran perlu dilakukan di hospital.	2 (0.4)	39 (8.3)	24 (5.1)	291 (61.7)	116 (24.6)	4.02	0.816
I3	Suami harus mengambil berat selama mana proses kelahiran berlaku sehingga tempoh berpantang.	0 (0)	3 (0.6)	6 (1.3)	325 (68.9)	138 (29.2)	4.27	0.510
I4	Isteri bertanggungjawab atas penjagaan diri mereka sendiri selepas kelahiran tanpa penglibatan suami.	10 (2.1)	209 (44.3)	7 (1.5)	162 (34.3)	84 (17.8)	3.21	1.241
I5	Pengabaian terhadap penjagaan wanita selepas proses kelahiran juga dikira melanggar hak reproduktif seorang wanita.	6 (1.3)	129 (27.3)	23 (4.9)	226 (47.9)	88 (18.6)	3.55	1.116

Sumber: Analisis Pengkaji

Taburan kefahaman responden terhadap proses kelahiran sepertimana jadual 4.19 menunjukkan hanya peringkat tinggi dan sederhana sahaja yang ada. Item I3 berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.27. Begitu juga dengan item I2 yang juga tinggi dengan nilai skor min 4.02. Bagi item yang lain seperti I1, I4 dan I5, masing-masing berada pada tahap sederhana dengan nilai skor min 2.54, 3.21 dan 3.55. Peratusan bagi kefahaman ini boleh dilihat pada rajah 4.13 di bawah:

University of Malaya

Rajah 4.13: Peratus bagi peringkat kefahaman tentang kelahiran



Sumber: Analisis Pengkaji

4.4.7 Kefahaman Responden Terhadap Keganasan Rumah Tangga

Jadual 4.20: Statistik Deskriptif Kefahaman Responden Terhadap Keganasan Rumah Tangga

BIL	PENYATAAN	TANDAKAN (/) PADA KOTAK DI BAWAH						
		STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
J1	Keganasan rumah tangga hanya yang melibatkan penderaan fizikal sahaja.	32 (6.8)	229 (48.5)	8 (1.7)	138 (29.2)	65 (13.8)	3.05	1.265
J2	Keganasan rumah tangga hanya melibatkan pergaduhan/kekasaran di antara suami isteri sahaja.	54 (11.4)	108 (22.9)	18 (3.8)	258 (54.7)	34 (7.2)	3.23	1.212
J3	Suami melakukan hubungan seksual terhadap isteri tanpa kerelaan isteri boleh dikategorikan sebagai suatu jenayah keganasan rumah tangga.	5 (1.1)	253 (53.6)	46 (9.7)	128 (27.1)	40 (8.5)	2.88	1.085
J4	Islam membenarkan suami memukul isteri sekiranya isteri ingkar arahan suami.	8 (1.7)	113 (23.9)	45 (9.5)	257 (54.4)	49 (10.4)	3.48	1.020
J5	Isteri tidak boleh menghebahkan sebarang perlakuan kasar terhadapnya kepada orang luar.	12 (2.5)	245 (51.9)	38 (8.1)	144 (30.5)	33 (7)	2.88	1.092
J6	Terdapat banyak tempat perlindungan yang akan memberikan bantuan kepada mangsa penderaan.	0 (0)	12 (2.5)	54 (11.4)	375 79.4	31 (6.6)	3.90	0.522

University of Malaya

J7	Penderaan terhadap isteri juga dikira melanggar hak reproduktif wanita.	4 (0.8)	3 (0.6)	28 (5.9)	365 (77.3)	72 (15.3)	4.06	0.558

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.20 menunjukkan tahap kefahaman responden terhadap aspek keganasan rumah tangga. Merujuk pada jadual, hanya dua item yang berada pada tahap tinggi, iaitu item J7 dengan nilai skor min 4.06, serta item J6 dengan nilai skor min 3.90. Manakala bagi item J1, J2, J3, J4, dan J5 berada pada tahap yang sederhana dengan nilai skor min masing-masing 2.95, 3.23, 2.88, 3.48 dan 2.88. Peratusan kefahaman ini boleh dilihat pada rajah 4.14 di bawah:

Rajah 4.14: Peratus bagi peringkat kefahaman tentang keganasan rumah tangga



Sumber: Analisis Pengkaji

4.5 PENGALAMAN RESPONDEN TERHADAP ASPEK HAK REPRODUKTIF WANITA BERKAHWIN

Bahagian ini akan membentangkan hasil dapatan berkaitan dengan pengamalan responden terhadap hak kesihatan reproduktif, meliputi aspek-aspek sebagaimana dibentangkan di bahagian kefahaman sebelum ini. Soalan yang diajukan lebih berbentuk data nominal, iaitu memerlukan responden menjawab dengan pilihan jawapan yang telah disertakan. Bagi

University of Malaya

mengenal pasti tahap pengamalan mereka pula, hasil dapatan yang ada akan dibentangkan dalam bentuk statistik deskriptif sebagaimana data di bahagian kefahaman sebelum ini, tetapi menggunakan ringkasan frekuensi (kekerapan) dan peratusan sahaja kerana ianya adalah data yang bersifat bukan parametrik.

4.5.1 Amalan Responden Terhadap Perihal Perkahwinan

a. Berapakah umur anda ketika anda berkahwin?

Jadual 4.21: Statistik Deskriptif Purata Usia Responden Berkahwin

	N	Min	Sisihan Piawai
Berapakah umur anda ketika anda berkahwin	472	26.68	2.54

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.21 menunjukkan taburan responden berdasarkan umur ketika mereka berkahwin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa rata-rata berkahwin pada umur 27 tahun.

b. Keputusan bagi persetujuan untuk berkahwin dibuat oleh?

Jadual 4.22: Taburan responden berkenaan keputusan bagi persetujuan untuk berkahwin

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Keputusan bagi persetujuan untuk berkahwin dibuat oleh	Diri saya sendiri	97	20.6
	Bakal pasangan dan diri saya sendiri	349	73.9
	Ahli keluarga saya	1	0.2
	Ibu bapa saya	23	4.9
	Lain-lain	2	0.4
Nyatakan	Isteri	1	0.2

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.22 menunjukkan amalan responden berkenaan keputusan untuk berkahwin. Dapatan menunjukkan majoriti keputusan untuk berkahwin ini dilakukan hasil persetujuan bersama antara bakal pasangan dan diri mereka sendiri dengan jumlah seramai 349 orang

University of Malaya

(73.9%). Seramai 97 orang (20.6%) yang membuat keputusan sendiri. Selebihnya pula seramai 23 orang (4.9%) hasil daripada keputusan ibu bapa, ahli keluarga dan lain-lain. Ringkasnya boleh dilihat sebagaimana rajah 4.15 di bawah:

Rajah 4.15: Taburan responden berkenaan keputusan bagi persetujuan untuk berkahwin



Sumber: Analisis Pengkaji

c. Pada pendapat anda, cara yang terbaik dalam menentukan waktu untuk berkahwin adalah berdasarkan:

Jadual 4.23: Taburan responden berkenaan keputusan bagi persetujuan untuk berkahwin

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Pada pendapat anda, cara yang terbaik dalam menentukan waktu untuk berkahwin adalah berdasarkan	Kehendak diri sendiri	70	14.8
	Bakal pasangan dan diri saya sendiri	376	79.7
	Kehendak ahli keluarga saya (adik beradik)	4	0.8
	Kehendak ibu bapa	16	3.4

University of Malaya

	Lain-lain	6	1.3
Nyatakan	Persetujuan Semua Pihak	1	0.2

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.23 menunjukkan amalan responden dalam membuat keputusan untuk berkahwin. Rata-rata memilih item bakal pasangan dan diri mereka sendiri dengan kekerapan seramai 376 orang (79.7%). Bagi item yang lain hanya menunjukkan pilihan yang sedikit seperti kehendak diri sendiri seramai 70 orang (14.8%), kehendak ibu bapa seramai 16 orang (3.4%), kehendak ahli keluarga seramai empat orang (0.8%) dan persetujuan semua pihak seramai seorang (0.2%). Ringkasannya boleh dirujuk pada graf di bawah:

Rajah 4.16: Taburan responden berkenaan keputusan bagi persetujuan untuk berkahwin



Sumber: Analisis Pengkaji

University of Malaya

4.5.2 Amalan Responden Terhadap Hubungan Seksual dalam Perkahwinan

a. Berapa kali kekerapan anda melakukan hubungan seks bersama pasangan dalam seminggu?

Jadual 4.24: Taburan responden berkenaan kekerapan hubungan suami isteri

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Berapa kali kekerapan anda melakukan hubungan seks bersama pasangan dalam seminggu	1 Kali	54	11.4
	2 kali	186	39.4
	3 kali	181	38.3
	4 kali	51	10.8

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.24 menunjukkan dapatan kekerapan hubungan suami isteri dilakukan oleh responden. Antara pilihan jawapan satu, dua, tiga, dan empat kali, peratusan tertinggi pada pilihan jawapan dua dan tiga kali seminggu, di mana kekerapan seramai 186 (39.4%) dan 181 orang (38.3%). Bagi item sekali dan empat kali juga tidak banyak bezanya, iaitu 54 orang (11.4%) dan 51 orang (10.8%). Ringkasnya boleh dirujuk pada graf di bawah:

Rajah 4.17: Taburan responden berkenaan kekerapan hubungan suami isteri



Sumber: Analisis Pengkaji

University of Malaya

b. Pernahkah anda berkomunikasi/berbincang tentang hubungan seks bersama pasangan?

Jadual 4.25: Taburan responden berkenaan komunikasi atau perbincangan tentang hubungan seks bersama pasangan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Pernahkah anda berkomunikasi/berbincang tentang hubungan seks bersama pasangan	Pernah	449	95.1
	Tidak Pernah	23	4.9

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.25 menunjukkan tentang komunikasi antara responden dengan pasangan masing-masing dalam perkara yang melibatkan hubungan suami isteri. Rata-rata menjawab pernah berbincang seramai 449 orang (95.1%) dan hanya segelintir menjawab tidak pernah seramai 23 orang (4.9%). Ringkasan boleh dirujuk pada graf di bawah:

Rajah 4.18: Taburan responden berkenaan komunikasi pasangan tentang hubungan suami isteri)



Sumber: Analisis Pengkaji

c. Adakah anda mengetahui bahawa memperoleh kenikmatan dalam berhubungan seks juga merupakan hak seorang isteri?

Jadual 4.26: Taburan responden berkenaan hak isteri bersuara dalam hubungan suami isteri

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda mengetahui bahawa memperoleh kenikmatan dalam berhubungan seks juga merupakan hak seorang isteri	Ya	410	86.9
	Tidak	4	0.8
	Tidak Pasti	58	12.3

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.26 di atas menunjukkan pendapat responden berkenaan hak kenikmatan seks seorang isteri. Sejumlah besar responden 410 (86.9%) bersetuju bahawa wanita berhak mendapat kenikmatan seks. Manakala, terdapat segelintir responden tidak tahu dan tidak pasti tentang hak ini, di mana seramai 58 orang (12.3%) tidak pasti dan empat orang (0.8%) tidak mengetahuinya. Peratusan boleh dirujuk sebagaimana graf di bawah:

Rajah 4.19: Taburan responden berkenaan hak isteri bersuara dalam hubungan suami isteri



University of Malaya

d. Pernahkah anda/pasangan mengutarakan hal tentang hubungan seks sekiranya tidak mendapatkan kepuasan tersebut?

Jadual 4.27: Taburan responden berkaitan mengutarakan hal tentang hubungan seks sekiranya tidak mendapatkan kepuasan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Pernahkah anda/pasangan mengutarakan hal tentang hubungan seks sekiranya tidak mendapatkan kepuasan tersebut	Pernah	346	73.3
	Tidak Pernah	32	6.8
	Tidak Selalu	94	19.9

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.27 di atas menunjukkan amalan responden berkenaan perbincangan tentang permasalahan hubungan seks sesama pasangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 346 (73.3%) responden mengatakan pernah mengutarakan, 94 orang (19.9%) mengatakan tidak selalu dan 33 orang (6.8%) responden tidak pernah menyuarakan apa-apa pandangan dengan pasangan berkenaan permasalahan hubungan seks. Ringkasnya sebagaimana rajah 4.20 di bawah:

Rajah 4.20: Taburan responden berkaitan mengutarakan hal tentang hubungan seks sekiranya tidak mendapatkan kepuasan



University of Malaya

e. Pernahkah anda/pasangan meminta untuk melakukan hubungan seksual secara terpaksa, di luar kehendak/bukan di waktu keinginan anda?

Jadual 4.28: Taburan responden berkenaan melakukan hubungan seksual secara terpaksa

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Pernahkah anda/pasangan meminta untuk melakukan hubungan seksual secara terpaksa, di luar kehendak/bukan di waktu keinginan anda	Pernah	249	52.8
	Tidak Pernah	141	29.9
	Tidak Selalu	82	17.4

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.28 menunjukkan respons responden terhadap paksaan dalam melakukan hubungan seks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 249 (52.68%) pernah dipaksa melakukan hubungan seks tanpa kerelaan mereka. Sementara itu 141 (29.9%) memberi respons tidak pernah dan seramai 82 orang (17.4%) mengatakan tidak selalu mereka diperlakukan sedemikian. Ringkasan peratusan boleh dilihat pada rajah 4.21 di bawah:

Rajah 4.21: Taburan responden berkenaan melakukan hubungan seksual secara terpaksa

University of Malaya

4.5.3 Amalan Responden Terhadap Proses Kelahiran

a. Pernahkah anda/isteri anda mengalami proses kehamilan yang tidak diingini (bukan pada waktu, keadaan yang sesuai dan anda masih belum bersedia)

Jadual 4.29: Taburan responden berkenaan pengalaman dalam proses kehamilan yang tidak diingini

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Pernahkah anda/isteri anda mengalami proses kehamilan yang tidak diingini (bukan pada waktu, keadaan yang sesuai dan anda masih belum bersedia).	Pernah	279	59.1
	Tidak Pernah	193	40.9

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.29 menunjukkan maklum balas responden berkenaan pengalaman melalui proses kehamilan yang tidak diingini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 279 orang (59.1%) responden mengatakan pernah mengalami masalah ini. Sementara itu, 193 orang (40.9%) daripada responden tidak pernah menghadapi masalah ini. Boleh dilihat pada ringkasan peratusan graf di bawah:

Rajah 4.22: Taburan responden berkenaan pengalaman dalam proses kehamilan yang tidak diingini



University of Malaya

b. Apakah anda/isteri melakukan pemeriksaan berkala yang ditetapkan dalam tempoh kehamilan?

Jadual 4.30: Taburan responden berkenaan pemeriksaan berkala yang ditetapkan dalam tempoh kehamilan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Apakah anda/isteri melakukan pemeriksaan berkala yang ditetapkan dalam tempoh kehamilan?	Ya	441	93.4
	Tidak	27	5.7
	Tidak Selalu	4	0.8

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.30 menunjukkan taburan responden berkenaan pemeriksaan berkala yang ditetapkan dalam tempoh kehamilan. Keputusan analisis menunjukkan seramai 441 orang (93.2%) yang sedang hamil melakukan pemeriksaan berkala yang telah ditetapkan, diikuti 27 orang (5.7%) tidak melakukan pemeriksaan dan empat orang (0.8%) yang tidak selalu. Ringkasan sepertimana rajah 4.23 di bawah:

Rajah 4.23: Taburan responden berkenaan pemeriksaan berkala yang ditetapkan dalam tempoh kehamilan



University of Malaya

c. Pernahkah anda/isteri mengalami komplikasi yang teruk dalam tempoh kehamilan?

Jadual 4.31: Taburan responden berkenaan pengalaman komplikasi dalam tempoh kehamilan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Pernahkah anda/isteri mengalami komplikasi yang teruk dalam tempoh kehamilan?	Pernah	225	47.7
	Tidak Pernah	247	52.3

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.31 menunjukkan taburan responden berkenaan pengalaman komplikasi yang dialami tempoh kehamilan. Hasil dapatan menunjukkan hanya seramai 225 orang (47.7%) daripada responden yang pernah mengalami komplikasi ketika hamil. Manakala selebihnya seramai 247 orang (52.3%) tidak pernah mengalami komplikasi ketika hamil. Rajah 4.24 di bawah menunjukkan peratusannya:

Rajah 4.24: Taburan responden berkenaan pengalaman komplikasi dalam tempoh kehamilan



University of Malaya

d. Pada kehamilan ke berapa anda/isteri anda mengalami komplikasi tersebut?

Jadual 4.32: Taburan responden berkenaan pengalaman kehamilan ke berapa yang mengalami komplikasi

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Pada kehamilan ke berapa anda/isteri anda mengalami komplikasi tersebut?	1.00	122	25.8
	2.00	81	17.2
	3.00	22	4.7
	Tiada	247	52.3

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.32 menunjukkan hasil bagi 225 orang responden sahaja yang menjawab soalan berkaitan pengalaman komplikasi ketika kehamilan. Daripada 225 orang tersebut, seramai 122 orang (25.8%) mengalami komplikasi ketika kehamilan yang pertama, manakala seramai 81 orang (17.2%) dan 22 orang (4.7%) hanya mengalami komplikasi ketika kehamilan ke dua dan ke tiga. Ringkasan peratusan sebagaimana rajah 4.25 di bawah:

Rajah 4.25: Taburan responden berkenaan pengalaman kehamilan ke berapa yang mengalami komplikasi



University of Malaya

e. Adakah anda/suami anda melibatkan diri membantu urusan rumah tangga dalam setiap proses kehamilan anda?

Jadual 4.33: Taburan responden berkenaan penglibatan suami dalam urusan rumah tangga

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda/suami anda melibatkan diri membantu urusan rumah tangga dalam setiap proses kehamilan anda?	Ya	408	86.4
	Tidak	8	1.7
	Tidak Selalu	56	11.9

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.33 menunjukkan amalan responden berkenaan peranan suami dalam urusan rumah tangga dalam setiap proses kehamilan. Hasil dapatan menunjukkan kekerapan yang ramai dalam pilihan jawapan ya seramai 408 orang (86.4%), manakala 56 orang (11.9%) mengatakan tidak selalu dan hanya segelintir sahaja mengatakan tidak membantu seramai lapan orang (1.7%). Ringkasan peratusan boleh dirujuk pada rajah 4.26 di bawah:

Rajah 4.26: Taburan responden berkenaan penglibatan suami dalam urusan rumah tangga



University of Malaya

f. Adakah anda/isteri anda mengambil makanan yang berkhasiat sepanjang tempoh kehamilan anda?

Jadual 4.34: Taburan responden berkenaan pemakanan isteri ketika kehamilan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda/isteri anda mengambil makanan yang berkhasiat sepanjang tempoh kehamilan anda?	Ya	428	90.7
	Tidak	3	0.6
	Tidak Selalu	41	8.7

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.34 menunjukkan taburan responden berdasarkan amalan para isteri terhadap pengambilan makanan berkhasiat ketika tempoh kehamilan. Hasil dapatan menunjukkan seramai 428 orang (90.7%) menjaga pemakanan berkhasiat ketika tempoh kehamilan. Manakala seramai 41 orang (8.7%) mengatakan tidak selalu, dan seramai tiga orang (0.6%) mengatakan tidak mengambil makanan yang berkhasiat sepanjang tempoh kehamilan. Graf 4.27 dirujuk:

Rajah 4.27: Taburan responden berkenaan pemakanan isteri ketika kehamilan



University of Malaya

4.5.4 Amalan Responden Terhadap Perancangan Keluarga dan Penggunaan Kontraseptif

a. Berapa orang anak yang anda miliki?

Jadual 4.35: Taburan responden berkenaan jumlah anak yang dimiliki

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Berapa orang anak yang anda miliki?	Seorang	57	12.1
	Dua orang	213	45.1
	Tiga hingga lima orang	188	39.8
	Lebih enam orang	14	3.0

Sumber: Analisis Pengkaji

Sebagaimana ditunjukkan jadual 4.35 di atas, rata-rata responden memiliki dua orang anak seramai 213 orang (45.1%), manakala selebihnya memiliki 3-5 orang anak dengan kekerapan seramai 188 orang (39.8%). Bagi seorang anak hanya seramai 57 orang (12.1%) lebih enam orang anak hanya segelintir seramai 14 orang (3%). Ringkasan boleh dirujuk rajah 4.28 di bawah:

Rajah 4.28: Taburan responden berkenaan jumlah anak yang dimiliki



University of Malaya

b. Berapakah jarak tahun bagi setiap anak?

Jadual 4.36: Taburan responden berkenaan jarak tahun bagi setiap anak

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Berapakah jarak tahun bagi setiap anak?	1 tahun	183	38.8
	2 tahun	218	46.2
	3-5 tahun	59	12.5
	Lebih 6 tahun	12	2.5

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.36 menunjukkan taburan responden berkenaan jarak tahun bagi setiap anak yang dimiliki. Dapatan menunjukkan seramai 218 orang (46.2%) daripada responden mempunyai jarak anak selang dua tahun, 183 orang (38.8%) memiliki jarak 1 tahun setiap anak. Manakala 59 orang (12.5%) pula memiliki jarak anak selang 3-5 tahun dan hanya seramai 12 orang (2.5%) yang mempunyai jarak anak lebih enam tahun. Graf peratusan sebagaimana rajah 4.29 di bawah:

Rajah 4.29: Taburan responden berkenaan jarak tahun bagi setiap anak



University of Malaya

c. Siapakah yang terlibat dalam membuat keputusan mengenai saiz keluarga/jarak anak?

Jadual 4.37: Taburan responden berkenaan individu yang terlibat membuat keputusan mengenai jarak anak

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Siapakah yang terlibat dalam membuat keputusan mengenai saiz keluarga/jarak anak?	Suami	57	12.1
	Diri sendiri	39	8.3
	Bersama-sama	369	78.2
	Pengamal Perubatan	4	0.8
	Individu lain	3	0.6

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.37 menunjukkan taburan responden berkenaan siapakah yang terlibat dalam membuat keputusan mengenai saiz keluarga/jarak anak. Hasil dapatan menunjukkan majoritinya secara bersama-sama suami isteri, iaitu seramai 369 orang (78.2%). Bagi item lain seperti keputusan suami sahaja, hanya seramai 57 orang (12.1%), 39 orang (8.3%) hasil keputusan diri sendiri, empat orang (0.8%) daripada pengamal perubatan dan tiga orang (0.6%) pula adalah keputusan individu lain. Ringkasan peratusan sebagaimana rajah 4.30 di bawah:

Rajah 4.30: Taburan responden berkenaan individu yang terlibat membuat keputusan mengenai jarak anak



d. Apakah faktor-faktor yang boleh menjejaskan keputusan anda mengenai saiz keluarga dan jarak anak?

Jadual 4.38: Taburan responden faktor-faktor yang boleh menjejaskan keputusan mengenai saiz keluarga

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Keadaan kewangan keluarga	Tidak	141	29.9
	Ya	331	70.1
Ruang rumah yang sempit	Tidak	405	85.8
	Ya	67	14.2
Menginginkan kehadiran seorang anak lelaki dalam keluarga	Tidak	409	86.7
	Ya	63	13.3
Menginginkan kehadiran seorang anak perempuan dalam keluarga	Tidak	432	91.5
	Ya	40	8.5
Tekanan keluarga	Tidak	438	92.8
	Ya	34	7.2
Kesibukan bekerja	Tidak	245	51.9
	Ya	227	48.1
Kesibukan menyambung pengajian peringkat lebih tinggi	Tidak	450	95.3
	Ya	22	4.7
Lain-lain	Tidak	447	94.7
	Ya	25	5.3
Nyatakan	Kesihatan	2	0.4
	Kestabilan Dalam Pekerjaan	1	0.2

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.38 menunjukkan amalan responden mengenai faktor-faktor yang boleh menjejaskan keputusan dalam menentukan saiz keluarga dan jarak anak. Majoriti daripada responden seramai 331 orang (70.1%) mengatakan keadaan kewangan keluarga menjadi faktor utama terhadap saiz keluarga dan jarak anak. Manakala seramai 227 orang (48.1%) memilih item kesibukan kerja sebagai faktor penentu. Faktor-faktor lain yang menjadi penyebab ialah ruang rumah yang sempit seramai 67 orang (14.2%), menginginkan

University of Malaya

seorang anak lelaki dan perempuan seramai 63 orang (13.3%) dan 40 orang (8.5%), tekanan keluarga seramai 34 orang (7.2%), kesibukan menyambung pengajian seramai 22 orang (4.7%) dan lain-lain sebab seperti masalah kesihatan dan kestabilan dalam pekerjaan. Ringkasan peratusan boleh dirujuk pada rajah 4.31 di bawah:

Rajah 4.31: Taburan responden faktor-faktor yang boleh menjejaskan keputusan mengenai saiz keluarga



e. Adakah anda/pasangan anda mengamalkan perancangan keluarga?

Jadual 4.39: Taburan responden penggunaan kontraseptif/perancang keluarga

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda/pasangan anda mengamalkan perancangan keluarga	Ya	232	49.2
	Tidak	240	50.8

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.39 menunjukkan perbezaan yang tidak jauh beza di antara pasangan yang menggunakan perancang keluarga dengan tidak menggunakan. Responden yang tidak menggunakan perancang keluarga seramai 240 orang (50.8%), dan yang menggunakan perancang keluarga seramai 232 orang (49.2%). Rajah peratusan sebagaimana pada rajah 4.32 di bawah:

University of Malaya

Rajah 4.32: Taburan responden penggunaan kontraseptif/perancang keluarga

f. Apakah kaedah kontraseptif yang anda/pasangan anda gunakan?

Jadual 4.40: Taburan responden jenis kaedah perancang keluarga

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Pil mengawal kelahiran	Tidak	167	72.0
	Ya	65	28.0
Suntikan	Tidak	173	74.6
	Ya	59	25.4
Implant	Tidak	228	98.3
	Ya	4	1.7
Kawalan haid	Tidak	210	90.5
	Ya	22	9.5
Pensterilan/Vasektomi	Tidak	231	99.6
	Ya	1	0.4
IUD	Tidak	219	94.4
	Ya	13	5.6
Penyusuan ekslusif	Tidak	223	96.1
	Ya	9	3.9
pengguguran kandungan	Tidak	231	99.6
	Ya	1	0.4
Kondom	Tidak	168	72.4
	Ya	64	27.6
Merancang sendiri	Tidak	150	64.7
	Ya	82	35.3

University of Malaya

Lain-lain	Tidak	228	98.3
	Ya	4	1.7
	Jumlah	232	100.0

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.40 di atas menunjukkan jenis kaedah kontraseptif yang digunakan oleh 232 orang responden pada bahagian sebelum ini. Dapatan kajian menunjukkan daripada jumlah tersebut, kaedah yang paling tinggi adalah merancang sendiri seramai 82 orang (35.3%), selepas itu kaedah pil mengawal kelahiran seramai 65 orang (28%), penggunaan kondom seramai 64 orang (27.6%), dan kaedah suntikan seramai 59 orang (25.4%). Kaedah yang selebihnya seperti implant (1.7%), kawalan haid (9.5%), pensterilan (0.4%), IUD (5.6%), penyusuan ekslusif (3.9%), pengguguran (0.4%), penggunaan kondom (27.6%) dan lain-lain yang tidak dinyatakan (1.7%). Rajah peratusan sebagaimana rajah 4.33 di bawah:

Rajah 4.33: Taburan responden jenis kaedah perancang keluarga



g. Di manakah anda/pasangan anda mendapatkan khidmat nasihat/pemasangan kaedah kontraseptif tersebut?

Jadual 4.41: Taburan sumber mendapatkan kaedah kontraseptif pilihan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Hospital Kerajaan	Tidak	194	83.6
	Ya	38	16.4
LPPKN	Tidak	221	95.3
	Ya	11	4.7
Carian di Internet	Tidak	133	57.3
	Ya	99	42.7
Klinik (Kerajaan/Swasta)	Tidak	101	43.5
	Ya	131	56.5
Kedai ubat	Tidak	209	90.1
	Ya	23	9.9
Lain-lain	Tidak	226	97.4
	Ya	6	2.6
	Jumlah	232	100.0

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.41 di atas menunjukkan sumber bagi 232 orang responden yang menggunakan kaedah perancang keluarga untuk mendapatkan kaedah kontraseptif yang dipilih. Pilihan tertinggi adalah di Klinik-klinik (kerajaan/swasta) dengan kekerapan seramai 131 orang (56.5%). Seterusnya pula melalui carian di internet seramai 99 orang (42.7%), hospital kerajaan seramai 38 orang (16.4%), LPPKN seramai 11 orang (4.7%), kedai ubat seramai 23 orang (9.9%) dan sumber lain-lain yang tidak dinyatakan seramai enam orang (2.6 %). Rajah peratusan sebagaimana rajah 4.34 di bawah:

Rajah 4.34: Taburan sumber mendapatkan kaedah kontraseptif pilihan



h. Adakah anda/pasangan anda dibekalkan dengan bahan maklumat/pemahaman prosedur yang mencukupi untuk anda membuat pilihan kaedah kontraseptif?

Jadual 4.42: Taburan responden berkaitan aksesibiliti mencukupi dalam pilihan kontraseptif

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda/pasangan anda dibekalkan dengan bahan maklumat/pemahaman prosedur yang mencukupi untuk anda membuat pilihan kaedah kontraseptif	Ya	122	52.6
	Tidak	110	47.4

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.42 menunjukkan tentang aksesibiliti yang diperoleh responden dalam mereka membuat pilihan kontraseptif. Rata-rata mengatakan ya dengan nilai kekerapan seramai 122 orang (52.6%) dan hanya 110 orang (47.4%) mengatakan tidak mencukupi. Graf peratusan sebagaimana ditunjukkan rajah 4.35 di bawah:

Rajah 4.35: Taburan responden berkaitan aksesibiliti mencukupi dalam pilihan kontraseptif



University of Malaya

i. Sudah berapa lamakah anda/pasangan anda menggunakan kaedah kontraseptif tersebut?

Jadual 4.43: Tempoh penggunaan perancang keluarga

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Sudah berapa lamakah anda/pasangan anda menggunakan kaedah kontraseptif tersebut	1 Tahun	37	15.9
	2 tahun	105	45.3
	3-5 tahun	65	28.0
	Lebih enam tahun	25	10.8

Sumber: Analisis Pengkaji

Sebagaimana ditunjukkan pada jadual 4.43 di atas, hasil dapatan menunjukkan majoriti responden telah menggunakan kaedah kontraseptif yang pelbagai selama dua tahun dengan nilai kekerapan seramai 105 orang (45.3%). Seramai 65 orang (28%) pula telah menggunakan selama tiga hingga lima tahun, 37 orang (15.9%) selama 1 tahun dan seramai 25 orang (10.8%) selama lebih enam tahun. Rajah peratusan sebagaimana ditunjukkan rajah 4.36 di bawah:

Rajah 4.36: Tempoh penggunaan perancang keluarga



University of Malaya

j. Apakah pandangan anda tentang kaedah kontraseptif yang digunakan?

Jadual 4.44: Taburan responden tentang kesan kaedah kontraseptif yang digunakan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Berkesan	Tidak	96	41.4
	Ya	136	58.6
Tidak berkesan	Tidak	170	73.3
	Ya	62	26.7
Perubahan hormone	Tidak	121	52.2
	Ya	111	47.8
Menyakitkan	Tidak	189	81.5
	Ya	43	18.5
	Jumlah	232	100.0

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.44 menunjukkan taburan responden terhadap kesan penggunaan kaedah kontraseptif yang digunakan. Seramai 136 orang (58.6%) mengatakan kaedah yang digunakan itu berkesan mengawal kelahiran, dan tidak jauh beza dengan kesan mengalami perubahan hormon seramai 111 orang (47.8%). Manakala selebihnya mengatakan tidak berkesan seramai 62 orang (26.7%) dan menyakitkan seramai 43 orang (18.5%). Rajah peratusan sebagaimana ditunjukkan pada rajah 4.37 di bawah:

Rajah 4.37: Taburan responden tentang kesan kaedah kontraseptif yang digunakan



University of Malaya

k. Mengapa anda tidak menggunakan mana-mana kaedah kontraseptif?

Jadual 4.45: Taburan alasan responden yang tidak menggunakan kaedah kontraseptif

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Saya mahukan anak ketika itu/anak ramai	Tidak	125	52.1
	Ya	115	47.9
Saya tidak mampu mendapatkannya kerana harga yang mahal	Tidak	218	90.8
	Ya	22	9.2
Suami/saya tidak izinkan	Tidak	167	69.6
	Ya	73	30.4
Tidak tahu cara untuk menggunakan kaedah kontraseptif	Tidak	233	97.1
	Ya	7	2.9
Tidak tahu tempat untuk membeli kontraseptif	Tidak	238	99.2
	Ya	2	0.8
Atas alasan agama	Tidak	210	87.5
	Ya	30	12.5
Mempunyai masalah kesihatan	Tidak	230	95.8
	Ya	10	4.2
Lain-lain	Tidak	223	92.9
	Ya	17	7.1
	Jumlah	240	100.0

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.45 menunjukkan alasan bagi 240 orang responden yang tidak menggunakan mana-mana kaedah perancangan keluarga pada bahagian sebelum ini. Antara alasan responden adalah seramai 115 orang (47.9%) mahukan anak pada ketika itu dan alasan ini adalah yang tertinggi. Bagi alasan lain pula, seramai 73 orang (30.4%) kerana tidak mendapat keizinan suami, 30 orang (12.5%) menggunakan alasan agama, seramai 22 orang pula (9.2%) tidak mampu untuk mendapatkan kontraseptif kerana harga yang mahal, tujuh orang (2.9%) tidak tahu cara menggunakan kaedah kontraseptif tersebut, dua orang (0.8%)

University of Malaya

tidak tahu tempat untuk mendapatkannya dan 17 orang (7.1%) dengan alasan pelbagai yang tidak dinyatakan. Rajah peratusan boleh dirujuk sebagaimana rajah 4.38 di bawah:

Rajah 4.38: Taburan alasan responden yang tidak menggunakan kaedah kontraseptif



l. Adakah anda pernah mengikuti mana-mana program/ceramah berkaitan perancangan keluarga dari mana-mana agensi?

Jadual 4.46: Taburan responden terhadap keterlibatan program perancangan keluarga

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda pernah mengikuti mana-mana program/ceramah berkaitan perancangan keluarga dari mana-mana agensi	Ya	67	14.2
	Tidak	405	85.8

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.46 menunjukkan majoriti responden tidak melibatkan diri dengan mana-mana program atau ceramah berkaitan dengan perancangan keluarga, iaitu seramai 405 orang (85.8%). Selebihnya seramai 67 orang (14.2%) pernah melibatkan diri. Rajah peratusan boleh dirujuk pada rajah 4.39 di bawah:

University of Malaya

Rajah 4.39: Taburan responden terhadap keterlibatan program perancangan keluarga



4.5.5 Amalan Responden Terhadap Proses Pengguguran

a. Pernahkah anda/isteri mengalami/menjalani pengguguran kandungan?

Jadual 4.47: Taburan responden pengalaman isteri berkenaan pengguguran kandungan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Pernahkah anda/isteri mengalami/menjalani pengguguran kandungan	Ya	39	8.3
	Tidak	433	91.7
	Jumlah	472	100.0

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.47 di atas menunjukkan pengalaman responden berkenaan pengguguran kandungan. Dapatan kajian menunjukkan seramai 433 orang (91.87%) daripada responden mengatakan tidak pernah mengalami pengguguran. Sementara itu, seramai 39 orang (8.3%) daripada responden mengatakan pernah menjalani pengguguran kandungan. Rajah peratusan boleh dirujuk sebagaimana rajah 4.40 di bawah:

University of Malaya

Rajah 4.40: Taburan responden pengalaman isteri berkenaan pengguguran kandungan



b. Jika ya (pernah menjalani pengguguran), berapa kali?

Jadual 4.48: Taburan responden mengikut bilangan pengguguran dilakukan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)	Peratus Sah
Nyatakan (kali)	2	5	1.1	50.0
	3	1	0.2	10.0
	4	2	0.4	20.0
	5	1	0.2	10.0
	7	1	0.2	10.0

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.48 menunjukkan pengalaman berkaitan kekerapan responden melakukan pengguguran kandungan. Dapatan ini hanya melibatkan 39 orang responden yang pernah menjalani proses pengguguran sebagaimana dinyatakan pada bahagian sebelum ini. Seramai lima orang (1.1%) menjawab pernah melakukan sebanyak dua kali proses pengguguran, seorang (0.2%) 3, lima dan tujuh kali proses pengguguran dan dua orang (0.4%) sebanyak empat kali proses pengguguran. Rajah sebagaimana ditunjukkan rajah 4.41 di bawah:

University of Malaya

Rajah 4.41: Taburan responden mengikut bilangan pengguguran dilakukan



b. Mengapa anda menjalani proses pengguguran?

Jadual 4.49: Taburan responden alasan menjalani proses pengguguran

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)	Peratus Sah
Masalah Kewangan	Tidak	39	8.3	100.0
Masalah Peribadi	Tidak	36	7.6	92.3
	Ya	3	0.6	7.7
	Jumlah	39	8.3	100.0
Tekanan Perasaan	Tidak	39	8.3	100.0
Masalah kesihatan	Tidak	19	4.0	48.7
	Ya	20	4.2	51.3
Tidak bersedia untuk mengandung	Tidak	39	8.3	100.0
Lain-lain	Tidak	27	5.7	69.2
	Ya	12	2.5	30.8
Nyatakan	Blighted Ovum	1	0.2	0.2
	Gugur Sendiri	2	0.4	0.4
	Jatuh	2	0.4	0.4
	Pengguguran Sendiri	1	0.2	0.2
	Tiada Tindak Balas Kandungan	1	0.2	0.2

University of Malaya

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.49 di atas menunjukkan taburan responden bagi 39 orang sahaja yang menjawab pernah mengalami proses pengguguran pada bahagian sebelum ini. Antara alasan mereka menjalani pengguguran adalah kerana masalah kesihatan, iaitu seramai 12 orang (2.5%). Seramai 12 orang (2.5%) kerana lain-lain alasan seperti blighted ovum, gugur sendiri, terjatuh, pengguguran sendiri dan tiada tindak balas kandungan. Manakala hanya seramai tiga orang (0.6%) menggunakan alasan masalah peribadi. Rajah peratusan sebagaimana pada rajah 4.42 di bawah:

Rajah 4.42: Taburan responden alasan menjalani proses pengguguran



c. Siapakah yang terlibat dalam membuat keputusan untuk menjalani pengguguran?

Jadual 4.50: Taburan responden berkenaan siapa yang terlibat dalam membuat keputusan untuk menjalani pengguguran

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)	Peratus Sah
Siapakah yang terlibat dalam membuat keputusan untuk menjalani pengguguran	Diri sendiri	5	1.1	15.2
	Diputuskan bersama	13	2.8	39.4

	Pengamal perubatan	11	2.3	33.3
	Lain-lain	4	0.8	12.1

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.50 menunjukkan pihak yang terlibat dalam membuat keputusan untuk menggugurkan kandungan. Dapatan kajian menunjukkan seramai 13 orang (39.4%) mengatakan ia adalah hasil keputusan bersama, manakala seramai 13 orang (33.3%) adalah keputusan daripada pengamal perubatan. Selebihnya seramai lima orang (15.2%) dan empat orang (12.1%) adalah hasil keputusan diri sendiri dan lain-lain alasan yang tidak dinyatakan. Rajah peratusan boleh dirujuk sebagaimana rajah 4.43 di bawah:

Rajah 4.43: Taburan responden berkenaan siapa yang terlibat dalam membuat keputusan untuk menjalani pengguguran



4.5.6 Amalan Responden Terhadap Proses Kelahiran

a. Bagaimanakah proses kelahiran yang anda/pasangan anda alami sebelum ini?

Jadual 4.51: Taburan responden berkenaan proses kelahiran yang dialami

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Bersalin normal	Tidak	57	12.1
	Ya	415	87.9

Vakum	Tidak	453	96.0
	Ya	19	4.0
Pembedahan	Tidak	352	74.6
	Ya	120	25.4
Lain-lain	Tidak	464	98.3
	Ya	8	1.7

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.51 di di atas menunjukkan taburan responden berdasarkan proses kelahiran yang dialami. Hasil dapatan menunjukkan seramai 415 orang (87.9%) melahirkan anak secara kelahiran normal, diikuti seramai 120 orang (25.4%) bersalin secara pembedahan, 19 orang (4%) secara vakum, dan baki lapan orang (1.7%) secara kaedah lain-lain yang tidak dinyatakan. Peratusan ditunjukkan sebagaimana rajah 4.44 di bawah:

Rajah 4.44: Taburan responden berkenaan proses kelahiran yang dialami



b. Ad

Jadual 4.52: Taburan responden berkenaan pengalaman sebarang komplikasi ketika proses kelahiran

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda mengalami sebarang komplikasi ketika proses kelahiran	Ya	124	26.3
	Tidak	348	73.7

Sumber: Analisis Pengkaji

University of Malaya

Jadual 4.52 menunjukkan taburan responden berkenaan komplikasi ketika proses kelahiran. Dapatan menunjukkan seramai 348 orang (73.7%) daripada responden tidak pernah mengalami sebarang komplikasi sewaktu melahirkan anak. Walau bagaimanapun, seramai 124 orang (26.3%) daripada responden mengatakan mereka pernah mengalami komplikasi ketika proses melahirkan anak. Peratusan dalam bentuk rajah sebagaimana ditunjukkan pada rajah 4.45 di bawah:

Rajah 4.45: Taburan responden berkenaan pengalaman sebarang komplikasi ketika proses kelahiran



c. Adakah anda/suami menemani ketika setiap kali proses kelahiran?

Jadual 4.53: Taburan responden ditemani suami setiap kali proses melahirkan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda/suami menemani ketika setiap kali proses kelahiran	Ya	306	64.8
	Tidak	166	35.2

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.53 menunjukkan taburan responden berkenaan keberadaan suami ketika proses kelahiran. Dapatan menunjukkan seramai 306 orang (64.8%) daripada responden ditemani suami mereka setiap kali berdepan situasi melahirkan anak. Manakala, hanya

University of Malaya

seramai 166 orang (35.2%) yang tidak ditemani oleh suami ketika proses bersalin. Rajah peratusan sebagaimana ditunjukkan pada rajah 4.46 di bawah:

Rajah 4.46: Taburan responden ditemani suami setiap kali proses melahirkan



d. Adakah anda/suami anda mengambil berat terhadap penjagaan kesihatan diri anda/isteri anda dari awal proses kelahiran hingga habis tempoh berpantang *(post-natal)*

Jadual 4.54: Taburan responden terhadap penjagaan isteri selepas melahirkan anak

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda/suami anda mengambil berat terhadap penjagaan kesihatan diri anda/isteri anda dari awal proses kelahiran hingga habis tempoh berpantang (post-natal).	Ya	386	81.8
	Tidak	39	8.3
	Tidak Selalu	47	10.0

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.54 menunjukkan amalan responden dalam mengambil berat terhadap penjagaan kesihatan diri isteri dari awal proses kelahiran hingga habis tempoh berpantang. Dapatan kajian menunjukkan seramai 386 orang (81.8%) daripada responden sangat menitikberatkan penjagaan kesihatan diri isteri diikuti seramai 47 (10%) yang tidak selalu dan 39 orang (8.3%) tidak menjaga isteri mereka. Rajah peratusan sebagaimana ditunjukkan pada rajah 4.47 di bawah:

University of Malaya

Rajah 4.47: Taburan responden terhadap penjagaan isteri selepas melahirkan anak



e. Adakah anda mendapatkan pemeriksaan berkala ibu dan bayi di mana-mana klinik/hospital selepas kelahiran?

Jadual 4.55: Taburan responden terhadap pemeriksaan berkala ibu dan anak

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda mendapatkan pemeriksaan berkala ibu dan bayi di mana-mana klinik/hospital selepas kelahiran.	Ya	439	93.0
	Tidak	33	7.0

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.55 menunjukkan taburan responden berkenaan pemeriksaan berkala ibu dan bayi yang perlu dijalani di mana-mana klinik/hospital selepas kelahiran. Dapatan menunjukkan seramai 439 orang (93%) daripada responden yang mendapatkan pemeriksaan tersebut, dan selebihnya seramai 33 orang (7%) tidak pergi mendapatkan apa-apa pemeriksaan terhadap anak mereka. Rajah peratusan boleh dirujuk pada rajah 4.48 di bawah:

University of Malaya

Rajah 4.48: Taburan responden terhadap pemeriksaan berkala ibu dan anak



4.5.7 Amalan Responden Terhadap Keganasan Rumah Tangga

a. Pernahkah anda merasa tidak selamat ketika berada bersama suami?

Jadual 4.56: Taburan responden terhadap perasaan tidak selamat ketika bersama suami

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Pernahkah anda merasa tidak selamat ketika berada bersama suami	Pernah	118	48.2
	Tidak Pernah	127	51.8

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.56 menunjukkan respons responden wanita (isteri) seramai 245 orang berkenaan perasaan tidak selamat ketika berada bersama suami. Dapatan menunjukkan seramai 127 orang (51.8%) tidak pernah ada perasaan tersebut. Manakala seramai 118 orang pula (48.2%) pernah berasa tidak selamat ketika berada bersama suami. Peratusan boleh dirujuk sebagaimana rajah 4.49 di bawah:

University of Malaya

Rajah 4.49: Taburan responden terhadap perasaan tidak selamat ketika bersama suami

b. Bilakah perasaan tidak selamat itu muncul?

Jadual 4.57: Taburan responden berkenaan bila perasaan tidak selamat itu muncul

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N) = 118	Peratus (%)
Ketika sedang dalam pergaduhan	Tidak	22	18.6
	Ya	96	81.4
Ketika suami sedang ada masalah kewangan	Tidak	33	28
	Ya	85	72
Ketika suami sedang beremosi	Tidak	30	25.4
	Ya	88	74.6
Lain-lain	Tidak	117	99.2
	Ya	1	0.8

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.57 menunjukkan taburan responden berkenaan bila perasaan tidak selamat itu muncul. Dapatan menunjukkan majoriti seramai 96 orang (81.4%) mengatakan perasaan itu muncul ketika sedang dalam pergaduhan. Manakala seramai 85 orang pula (72%) responden mengatakan ketika suami sedang menghadapi masalah kewangan, 88

University of Malaya

orang (74.6%) ketika suami sedang beremosi, dan hanya seorang (0.8%) dengan sebab yang lain-lain. Rajah peratusan sebagaimana pada rajah 4.50 di bawah:

Rajah 4.50: Taburan responden berkenaan bila perasaan tidak selamat itu muncul



c. Apakah yang anda inginkan dari suami setiap kali kamu berdua ada masalah?

Jadual 4.58: Taburan responden terhadap cara menangani situasi yang diinginkan isteri

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Berbincang dengan baik	Tidak	17	14.4
	Ya	101	85.6
Ambil masa untuk berjauhan seketika	Tidak	64	54.2
	Ya	54	45.8
Menegur dengan baik	Tidak	19	16.1
	Ya	99	83.9
Lain-lain	Tidak	117	99.2
	Ya	1	0.8

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.58 menunjukkan maklum balas responden berkenaan apa yang diinginkan oleh seorang isteri ketika berhadapan masalah dengan suami. Dapatan menunjukkan

University of Malaya

seramai 101 orang (85.6%) menginginkan untuk mereka berbincang dengan baik. Selain itu, seramai 99 orang (83.9%) inginkan suami untuk menegur dengan baik. Selebihnya seramai 54 orang (45.8%) inginkan masa untuk berjauhan seketika, dan hanya seorang (0.8%) dengan sebab-sebab lain yang tidak dinyatakan. Rajah peratusan sebagaimana dirujuk pada rajah 4.51 di bawah:

Rajah 4.51: Taburan responden terhadap cara menangani situasi yang diinginkan isteri



d. Adakah anda pernah merasa diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perkataan?

Jadual 4.59: Taburan responden pengalaman diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perkataan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda pernah merasa diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perkataan	Ya	113	46.1
	Tidak	132	53.9

Sumber: Analisis Pengkaji

University of Malaya

Jadual 4.59 menunjukkan pengalaman responden yang pernah diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perkataan. Dapatan menunjukkan hanya seramai 113 orang (46.1%) daripada 245 orang responden yang pernah diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perkataan. Selebihnya seramai 132 orang (53.9%) yang mewakili majoriti tidak pernah diperlakukan secara kasar dalam bentuk perkataan ini. Rajah peratusan sebagaimana pada rajah 4.52 di bawah:

Rajah 4.52: Taburan responden pengalaman diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perkataan

e. Adakah anda pernah merasa diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perbuatan (dipukul/ditendang/dilempar dengan sesuatu dan lain-lain)?

Jadual 4.60: Taburan responden pengalaman diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perbuatan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda pernah merasa diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perbuatan (dipukul/ditendang/dilempar dengan sesuatu dll)	Ya	33	13.5
	Tidak	212	86.5

Sumber: Analisis Pengkaji

University of Malaya

Jadual 4.60 menunjukkan pengalaman responden diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perbuatan (dipukul/ditendang/dilempar dengan sesuatu). Hasil kajian mendapati seramai 33 orang (13.5%) sahaja yang pernah diperlakukan kasar oleh suami. Manakala seramai 212 orang (86.5%) pula tidak pernah diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perbuatan. Rajah peratusan ditunjukkan pada rajah 4.53 di bawah:

Rajah 4.53: Taburan responden pengalaman diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perbuatan



f. Adakah anda pernah dipaksa untuk melakukan hubungan seks secara paksa/luar dari kerelaan anda sebagai isteri?

Jadual 4.61: Taburan responden pengalaman hubungan suami isteri luar kerelaan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Adakah anda pernah dipaksa untuk melakukan hubungan seks secara paksa/luar dari kerelaan anda sebagai isteri	Ya	121	49.4
	Tidak	124	50.6

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.61 menunjukkan pengalaman responden tentang paksaan untuk melakukan hubungan seks di luar keinginan isteri. Dapatan menunjukkan seramai 121 orang (49.4%)

pernah dipaksa untuk melakukan hubungan seks di luar kerelaan isteri. Walau bagaimanapun, majoriti daripada responden seramai 124 orang (50.6%) pula mengatakan tidak pernah dipaksa sedemikian. Rajah peratusan sebagaimana ditunjukkan pada rajah 4.54 di bawah:

Rajah 4.54: Taburan responden pengalaman hubungan suami isteri luar kerelaan



g. Pernahkah anda mengadu tentang kekasaran yang dilakukan oleh suami terhadap anda pada mana-mana agensi/orang persendirian?

Jadual 4.62: Taburan responden terhadap aduan kekasaran yang dilakukan

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Pernahkah anda mengadu tentang kekasaran yang dilakukan oleh suami terhadap anda pada mana-mana agensi/orang persendirian	Ya	14	5.7
	Tidak	231	94.3

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.62 menunjukkan aduan yang pernah dilakukan oleh responden terhadap kekasaran yang dilakukan ke atasnya oleh suami. Hasil dapatan menemukan bahawa seramai 231 orang tidak pernah untuk mengadu kepada mana-mana agensi atau individu

University of Malaya

persendirian. Manakala selebihnya pula ada membuat aduan, iaitu seramai 14 orang (5.7%) sahaja. Rajah peratusan sebagaimana ditunjukkan pada rajah 4.55 di bawah:

Rajah 4.55: Taburan responden terhadap aduan kekasaran yang dilakukan



h. Dengan siapakah anda mengadu tentang kekasaran yang dilakukan terhadap anda

Jadual 4.63: Taburan responden tempat aduan yang dilakukan oleh isteri

Item	Pilihan Jawapan	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Balai Polis berhampiran.	Tidak	241	98.4
	Ya	4	1.6
Keluarga terdekat	Tidak	229	93.5
	Ya	16	6.5
Sahabat dan rakan-rakan yang boleh dipercayai.	Tidak	237	96.7
	Ya	8	3.3
Mana-mana NGO (Badan bukan kerajaan) di tempat anda.	Tidak	243	99.2
	Ya	2	0.8
Lain-lain	Tidak	244	99.6

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 4.63 menunjukkan bahawa majoriti daripada responden tidak melaporkan kekasaran yang dialami kepada pihak-pihak berkaitan seperti balai polis, keluarga terdekat,

University of Malaya

sahabat dan rakan-rakan, NGO dan lain-lain. Ini kerana dapatan menunjukkan peratusan tertinggi pun hanya seramai 16 orang (6.5%), iaitu keluarga terdekat. Selebihnya hanya seramai lapan orang (3.3%) pada sahabat yang dipercayai, empat orang (1.6%) di balai polis, dan dua orang (0.8%) di mana-mana badan NGO tempat masing-masing. Rajah peratusan sebagaimana ditunjukkan pada rajah 4.56 di bawah:

Rajah 4.56: Taburan responden tempat aduan yang dilakukan oleh isteri



4.6 RUMUSAN

Bab ini membentangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada edaran soal selidik yang dijalankan ke atas responden di Negeri Selangor. Pembentangan data dihuraikan sepenuhnya secara deskriptif melalui taburan graf dan juga jadual, dengan kaedah kekerapan peratusan, min, median, mod dan sisihan piawai meliputi aspek kefahaman dan pengamalan berkaitan hak reproduktif wanita berkahwin di Negeri Selangor. Huraian secara deskriptif ini hanya memperjelaskan secara langsung fenomena yang berlaku dalam kalangan masyarakat berkaitan isu hak reproduktif wanita berkahwin ini. Apa yang diperolehi dalam setiap bahagian instrumen soal selidik, jelas menunjukkan persepsi

University of Malaya

kefahaman dan amalan yang pelbagai tentang hak ini, dan menuntut kepada pendekatan pelbagai bagi memastikan pemerkasaan berterusan terhadap peranan wanita ini.

University of Malaya

BAB 5: ANALISIS PERBINCANGAN TAHAP KEFAHAMAN DAN AMALAN MASYARAKAT BERKAITAN HAK REPRODUKTIF WANITA BERKAHWIN

5.0 PENDAHULUAN

Menerusi fasa kuantitatif dalam bab empat, bahagian ini pula akan memberikan satu perbincangan terperinci terhadap hasil dapatan yang telah dibentangkan, diperoleh melalui analisis menggunakan perisian *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS*) versi 21.0. Analisis perbincangan dijalankan terhadap latar belakang responden yang meliputi aspek demografi mereka, seterusnya dilanjutkan kepada tahap kefahaman responden berkaitan dengan hak reproduktif wanita berkahwin yang merangkumi tujuh aspek kesemuanya, iaitu perihal perkahwinan, hubungan seksual dalam perkahwinan, perihal kehamilan, perancangan keluarga dan penggunaan kontraseptif, proses pengguguran, proses kelahiran dan juga keganasan rumah tangga.

Analisis perbincangan turut dilakukan bagi melihat sejauh mana tahap pengamalan responden dalam hak reproduktif wanita, adakah berlaku pengabaian terhadap semua aspek atau sesetengah aspek kritikal sahaja. Bahagian ini juga turut membincangkan hasil konstruk secara inferensi dalam melihat bagaimana perbezaan kefahaman dan amalan bagi golongan lelaki dan perempuan, dan juga penempatan bandar dan luar bandar dalam memahami konsep hak reproduktif wanita, disertakan dengan bukti-bukti sandaran hasil daripada data sokongan yang diperoleh. Yang terakhir, bab ini akan mengetengahkan satu preliminari indeks hak reproduktif wanita berkahwin yang akan menunjukkan indikator terkini pengamalan semasa hak reproduktif wanita berkahwin di negeri Selangor.

University of Malaya

5.1 PENILAIAN TERHADAP ASPEK DEMOGRAFI

Hasil dapatan kajian merangkumi keseluruhan bagi aspek demografi responden (N=472) menunjukkan seramai 227 (48.1%) orang responden lelaki dan 245 (51.9%) orang responden perempuan. Perbezaan bilangan yang tidak jauh ketara antara kedua-duanya kerana sebelum diedarkan soal selidik, suatu rangka kerja telah dijalankan untuk memastikan dapatan yang seimbang antara kedua-duanya. Begitu juga dengan kategori daerah setiap responden, daripada sembilan daerah di negeri Selangor [Gombak, Hulu Langat, Hulu Selangor, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Sabak Bernam dan Sepang], setiap satunya menunjukkan bilangan yang tidak jauh beza, iaitu sekitar 50 hingga 56 orang untuk memastikan hasil yang diperoleh itu dalam kadar peratusan yang sama. Bagi kategori penempatan sama ada bandar atau luar bandar, majoriti responden adalah dari kawasan bandar seramai 308 orang (65.3%) dan luar bandar seramai 164 orang (34.7%). Justifikasi pemilihan bandar dan luar bandar adalah bertujuan melihat pengamalan semasa masyarakat bandar dan luar bandar dalam isu hak reproduktif wanita, sama ada terdapat perbezaan mahupun tidak.

Dari aspek umur pula, majoriti soal selidik dijawab oleh golongan umur 31 tahun ke atas kerana mencatatkan bilangan yang paling banyak, iaitu seramai 209 orang (44.3%) bagi lingkungan umur 31-35 tahun, manakala seramai 167 orang (35.4%) bagi lingkungan umur 36 tahun ke atas. Bagi lingkungan umur 21 hingga 30 tahun hanya mencatatkan seramai 96 orang (20.4%). Walau bagaimanapun, kesemua usia yang dinyatakan ini masih berada dalam lingkungan usia reproduktif. Responden ini juga kesemuanya sudah berkahwin, kerana kajian ini memfokuskan kepada perihal reproduktif wanita berkahwin, justeru status perkahwinan itu diperlukan untuk dijawab oleh golongan berkahwin sahaja.

University of Malaya

Dari aspek tahap pendidikan pula, hasil menunjukkan rata-rata responden mempunyai tahap pendidikan di peringkat *'tertiery education'* dengan kelayakan di peringkat Diploma seramai 242 orang (51.3%), dan ijazah sarjana muda seramai 129 orang (27.3%). Justeru, responden-responden yang menyertai soal selidik kajian ini boleh dikategorikan sebagai responden yang terpelajar, kerana peringkat kelayakan diploma dan ijazah sarjana muda adalah hasil graduasi daripada Institusi Pengajian Tinggi. Berbanding dengan baki yang lain seramai 100 orang sahaja yang masing-masing hanya tamat daripada sijil sekolah rendah (UPSR) dan sijil sekolah menengah (PMR dan SPM). Sungguhpun terdapat kajian lalu seperti Low[1] dan Muqsith[2] yang mengatakan bahawa peranan pendidikan ini mempengaruhi akan tahap pengetahuan seseorang, tetapi pada peringkat awalan bukanlah indikator utama untuk menunjukkan bahawa responden yang hanya tamat sekolah rendah dan menengah itu tidak mempunyai ilmu dan kefahaman sebagaimana responden yang tamat dengan kelulusan Institusi Pengajian Tinggi.

Begitu juga dengan taraf pekerjaan, rata-rata responden adalah pekerja di sektor swasta seramai 246 orang (52.1%), dan sektor kerajaan pula seramai 157 orang (33.3%). Lebihan responden adalah bercampur bidang pekerjaan samaada bekerja sendiri, suri rumah dan lain-lain yang tidak dinyatakan. Antara dua sektor tertinggi ini, jumlah yang tidak jauh berbeza melibatkan bidang profesion mereka adalah golongan profesional dan khidmat sokongan. Dua bidang ini memberikan satu gambaran latar belakang kerjaya responden, di mana kebiasaannya golongan profesional ini terdiri daripada pegawai-pegawai gred kelayakan 41 dan ke atas, manakala kategori khidmat sokongan pula

---

[1] Low Suet Fin, "Pembinaan dan Pengujian Model Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat di Daerah Klang," (Tesis Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 2.

[2] Abdul Muqhsith Ahmad "Faktor Yang Mempengaruhi Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lepasan Diploma Politeknik dan Matrikulasi Terhadap Subjek Kejuruteraan," (Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2013), 3-4

kebiasaannya terdiri daripada pegawai yang mempunyai gred kelayakan 41 ke bawah. Ringkasan peratusan aspek demografi yang diperjelaskan boleh dirujuk pada jadual 5.1 di bawah:

Jadual 5.1: Ringkasan Demografi

No.	Pembolehubah Demografi	N = 472	%
1	**Jantina**		
	Lelaki	227	48.1
	Perempuan	245	51.9
2	**Umur**		
	21-25 tahun	14	3.0
	26-30 tahun	82	17.4
	31-35 tahun	209	44.3
	36 tahun dan ke atas	167	35.4
3	**Daerah**		
	Gombak	50	10.6
	Hulu Langat	54	11.4
	Hulu Selangor	52	11.0
	Klang	56	11.9
	Kuala Langat	49	10.4
	Kuala Selangor	50	10.6
	Petaling	56	11.9
	Sabak Bernam	51	10.8
	Sepang	54	11.4
4	**Kategori Penempatan**		
	Bandar	308	65.3
	Luar Bandar	164	34.7
5	**Pendidikan**		
	Rendah (UPSR)	3	0.6
	Menengah (PMR/SPM)	81	17.2
	Diploma	242	51.3
	Ijazah sarjana muda	129	27.3
	Lain-lain	17	3.6
6	**Status**		
	Berkahwin	468	99.2
	Lain-lain	6	0.8

University of Malaya

7	**Pekerjaan**		
	Sendiri	43	9.1
	Kerajaan	157	33.3
	Swasta	246	52.1
	Suri rumah	23	4.9
	Lain-lain	3	0.6
8	**Tahap Pekerjaan (Kerajaan)**		
	Profesional	92	19.5
	Khidmat sokongan	65	13.8
9	**Tahap Pekerjaan (swasta)**		
	Profesional	91	19.3
	Khidmat sokongan	155	32.8

Sumber: Analisis Pengkaji

5.2 ANALISIS PENGETAHUAN TERHADAP HAK ASASI MANUSIA

Bahagian terdahulu hanya membentangkan setiap dapatan bagi soalan-soalan yang terkandung dalam bahagian B ini, iaitu berkisar tentang aspek hak asasi manusia. Secara jelasnya, keseluruhan dapatan sebagaimana dirangkumkan dalam jadual 5.2 di bawah:

Jadual 5.2: Ringkasan Pengetahuan Terhadap Hak Asasi Manusia

		Kekerapan	%
Adakah anda tahu hak-hak wanita berkaitan dengan hak asasi manusia	Ya	348	73.7
Apakah antara hak asasi manusia yang anda tahu?			
Hak untuk mendapat makanan dan minuman	Ya	294	62.3
Hak untuk mendapatkan pekerjaan	Ya	285	60.4
Hak untuk berkahwin	Tidak	270	57.2
Hak untuk mendapatkan hubungan seksual yang selamat (bagi pasangan berkahwin)	Tidak	310	65.7
Hak dalam kesihatan reproduktif	Tidak	310	65.7
Hak dalam bersosial dalam masyarakat	Ya	259	54.9
Adakah anda merasakan bahawa lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama	Ya	348	73.7
Dari manakah anda mendapatkan sumber maklumat mengenai hak asasi manusia?			
Institusi pendidikan	Ya	211	44.7

Televisyen	Ya	179	37.9
Radio	Ya	108	22.9
Media cetak	Ya	340	72.0
Keluarga	Ya	85	18.0
Suami isteri/pasangan	Ya	71	15.0
Rakan sebaya	Ya	115	24.4
Lain-lain	Ya	14	3.0
Adakah anda merasakan suatu yang penting untuk mengetahui hak wanita	Ya	467	98.9
Adakah anda bersetuju bahawa seseorang perlu mempelajari tentang hak asasi manusia sejak di bangku sekolah	Ya	471	99.8
Adakah anda tahu bahawa terdapat di bawah hak asasi manusia itu terkandung hak berkaitan Kesihatan dan Reproduktif	Ya	238	50.4

Sumber: Analisis Pengkaji

Sebagaimana jadual 5.2 yang menunjukkan ringkasan pengetahuan responden terhadap hak asasi manusia, majoriti responden seramai 348 orang (73.7%) mengetahui tentang hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, 60% kalangan mereka yang mengetahui itu, hanya terikat kepada hak-hak yang bersifat asasi kepada kehidupan seharian manusia, seperti hak dalam mendapatkan makanan dan minuman, hak mendapatkan pekerjaan dan hak untuk bersosial dalam masyarakat. Bagi hak yang selebihnya seperti hak untuk berkahwin, hak untuk mendapatkan hubungan seksual yang selamat dan hak dalam kesihatan reproduktif bukanlah menjadi pilihan bagi responden.

Pada dasarnya, jika dilihat secara terperinci mengikut kitaran perjalanan seseorang manusia, hak asasi manusia akan meliputi setiap sisi keistimewaan manusia itu sendiri, sama ada hak yang asasi dalam mendapatkan bekalan makanan, pasangan, pekerjaan mahupun hak batiniah dalam meneruskan fitrah kehidupan di muka bumi. Hak sebegini banyak diperincikan oleh negara barat, tetapi tidak semestinya bersalahan dengan syariat, kerana dalam Islam sendiri mengiktiraf setiap hak asasi manusia selagi mana ia berada

University of Malaya

dalam prinsip-prinsip yang dibenarkan seperti keadilan (*al-'adalah*), kesetaraan (*al-musāwah*), kebebasan (*al-ḥurriyah*) kemaslahatan (*al-maṣlaḥah*) dan berlandaskan pegangan tauhid, iaitu pengakuan bahawa hanya Allah yang memegang setiap kekuasaan manusia itu secara mutlak.[3]

Jika dilihat pula sumber pengetahuan hak asasi manusia, rata-rata responden menjawab memperoleh maklumat berkaitan hak asasi manusia ini daripada media cetak dan institusi pendidikan. Sebagaimana yang dibentangkan sebelum ini bahawa responden adalah dari kalangan mereka yang mempunyai kelulusan daripada Institusi Pengajian Tinggi, justeru bukan suatu yang mustahil untuk mereka mendapatkan ilmu-ilmu berkaitan hak asasi dalam tempoh pengajian mereka, secara langsung mahupun tidak langsung. Ada juga responden yang memperoleh maklumat daripada saluran-saluran media komunikasi seperti televisyen, dan juga servis internet.

Merujuk kepada respons para responden berkaitan kepentingan mempelajari perkara-perkara berkaitan dengan hak asasi manusia ini sejak dari peringkat persekolahan lagi, seramai 471 orang (99.8%) bersetuju, dan hanya seorang sahaja yang tidak bersetuju dan tidak diketahui puncanya. Ini memberikan satu gambaran, bahawa masyarakat sedar tentang kepentingan hak asasi manusia ini sebagai satu langkah dalam mengelak daripada berlaku sebarang diskriminasi mahupun ketidakadilan terhadap diri sendiri dan juga keluarga. Daripada satu sisi yang lain, sesetengah masyarakat mungkin melihat kecelaruan mengenai hak asasi manusia yang diperkenalkan oleh barat ini,[4] yang mana terdapat beberapa doktrin dalam Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia tersebut yang

---

[3] 'Alī 'Abd al-Wahid al-Wafī, *Ḥuqūq al-Insān fī al-Islām* (al-Qāhirah: Dār Nahḍah Miṣr li al-Taba'ah wa al-Nashr, 1979), 16.

[4] Mohd Faizal Musa, "Pengantar Hak Asasi Manusia Moden dan Hujah Sangkalan Ia Bertentangan dengan Islam," *International Journal of the Malay World and Civilisation* (2015), 79.

bercanggah dengan ajaran al-Quran.[5] Bagi perkara yang jelas bercanggah dengan syariat Islam, maka sudah pasti kewarasan akal boleh membezakannya untuk tidak menerima agenda tersebut. Walau bagaimanapun, bagi satu sisi yang lain, aspek perjuangan barat itu bukanlah untuk terus ditolak tanpa pertimbangan jika ianya masih boleh dimurnikan mengikut prinsip-prinsip Islam dan diselarikan dengan matlamat *maqāṣid al-sharī'ah* yang lima, iaitu pemeliharaan agama *(hifz al-din,* pemeliharaan jiwa *(hifz al-nafs),* pemeliharaan akal *(hifz al-a'ql),* pemeliharaan keturunan *(hifz al-nasl), dan* pemeliharaan harta *(hifz al-mal).*[6]

Terdapat soalan di bahagian hak asasi ini yang turut menguji tentang pengetahuan responden terhadap aspek hak reproduktif wanita, samaada hak ini terkandung dalam perincian hak asasi manusia mahupun tidak. Maklum balas yang diperoleh adalah tidak jauh beza di antara respons "Ya" dan "Tidak". Seramai 238 orang (50.4%) yang menjawab "Ya" dan seramai 234 orang (49.6%) menjawab "Tidak". Dapatan ini jelas menunjukkan dalam kalangan masyarakat itu, sungguhpun secara jelasnya dirasakan mereka tahu akan sesuatu perkara, tetapi masih ada sebahagiannya juga yang tidak mengetahuinya. Berkaitan dengan ceraian hak reproduktif wanita di bawah hak asasi manusia ini, sungguhpun secara zahirnya jumlah yang mengetahui itu lebih tinggi berbanding yang tidak mengetahui, masih boleh diperincikan apakah antara aspek hak reproduktif wanita yang diketahui tersebut. Huraiannya akan diperjelaskan dalam subtopik yang seterusnya.

---

[5] Antaranya perkara ke- 2 dalam perisytiharan tersebut mengenai kesetaraan ataupun persamaan hak yang harus dijadikan ketentuan tanpa perbezaan. Kedua, perkara ke-16(2) mengenai keluarga dan perkahwinan yang tidak membataskan jurang dengan sesiapa sahaja boleh berkahwin. Ketiga perkara ke-18 berkenaan dengan kebebasan beragama. *Universal Declaratiom Of Human Rights Official Document.* http://www.humanrights.com/what-are-human-rights/universal-declaration-of-human-rights/articles-11-20.html. Diakses pada 15 Jun 2017.

[6] Jasser Auda, *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*, 7.

5.3 ANALISIS PENGETAHUAN UMUM TERHADAP HAK REPRODUKTIF WANITA

Jadual 5.3: Ringkasan Pengetahuan Umum Hak Reproduktif Wanita

		N = 472	%
Adakah anda tahu hak-hak wanita berkaitan dengan hak Kesihatan Reproduktif	Tidak	290	61.4
Apakah antara hak kesihatan reproduktif yang anda tahu?			
Perihal haid	Tidak	371	78.6
hak mendapatkan akses penjagaan kesihatan diri	Tidak	336	71.2
Hak untuk berkahwin	Tidak	345	73.1
Hak untuk Hubungan Seksual yang selamat	Tidak	374	79.2
Hak untuk Kehamilan	Tidak	333	70.6
Hak untuk bebas menentukan jarak anak	Tidak	396	83.9
Hak untuk penggunaan kontraseptif (alat perancangan keluarga)	Tidak	397	84.1
Hak dalam melakukan pengguguran secara selamat	Tidak	431	91.3
Hak mendapatkan akses kelahiran yang selamat	Tidak	393	83.3
Hak untuk bebas dari sebarang bentuk kekerasan dalam rumahtangga	Tidak	354	75.0
Dari manakah anda mendapatkan sumber maklumat mengenai hak kesihatan reproduktif?			
Institusi pendidikan	Ya	122	25.8
Televisyen	Ya	90	19.1
Radio	Ya	62	13.1
Media Cetak	Ya	153	32.4
Keluarga	Ya	47	10.0
Suami isteri	Ya	45	9.5
Rakan sebaya	Ya	53	11.2
Adakah anda merasakan suatu yang penting untuk mengetahui hak tentang kesihatan reproduktif wanita ini	Ya	469	99.4
Adakah anda bersetuju bahawa seseorang perlu mempelajari tentang hak kesihatan reproduktif wanita ini sejak di bangku sekolah	Ya	467	98.9

Sumber: Analisis Pengkaji

Bahagian ini menunjukkan sedikit permasalahan yang wujud hasil dari dapatan yang diperoleh di mana responden kebanyakannya tidak mengetahui akan hak-hak wanita

University of Malaya

berkaitan dengan hak reproduktif wanita. Seramai 290 orang (61.4%) mengatakan tidak mengetahui akan hak tersebut berbanding 182 orang. Hasil dapatan ini secara umumnya agak kontra dengan dapatan yang diperoleh daripada Kajian Nasional Hak Reproduktif, Kesihatan Seksual Dan Reproduktif Wanita di Malaysia yang pernah dijalankan sebelum ini. Dapatan kajian tersebut mencatatkan pengetahuan berkaitan hak reproduktif wanita ini berada pada tahap yang baik, yang mana sasarannya terhadap masyarakat wanita remaja dan dewasa di sekitar negara. Sedikit berbeza dengan kajian ini yang dijalankan ke atas responden lelaki dan perempuan, dan hasilnya rata-rata tidak mengetahui akan hak reproduktif wanita. Jika merujuk jadual 5.3 yang disertakan di atas, hanya 182 orang yang tahu akan hak reproduktif wanita ini, dan hanya tertumpu pada beberapa aspek yang dirasakan penting sahaja seperti aspek kesihatan diri, hak untuk berkahwin dan hak kehamilan. Selebihnya, bahkan majoriti pula tergolong dalam responden yang tidak mengetahui akan hak reproduktif wanita sebagaimana perihal aspek-aspek yang disertakan dalam soal selidik seperti perihal haid, aksesbiliti penjagaan diri, hak untuk berkahwin, hubungan seksual yang selamat, kehamilan, bebas dalam menentukan jarak anak, penggunaan kontraseptif, pengguguran, akses kelahiran yang selamat dan bebas dari sebarang bentuk keganasan rumah tangga.

Kekerapan yang agak tinggi pada pilihan jawapan “tidak” bagi setiap aspek tersebut memberikan petunjuk awal bahawa masyarakat masih keliru akan hak reproduktif wanita ini. Mereka sedar akan hak bagi setiap aspek itu sekiranya bersendirian, dengan erti kata lain, mereka tidak mengetahui bahawa hak-hak yang mereka lalui itu sebenarnya di letakkan di bawah cakupan hak reproduktif wanita. Ini kerana kajian sebegini umumnya

University of Malaya

banyak dikendalikan pada golongan remaja,[7] manakala pada golongan dewasa kajian yang dijalankan lebih berbentuk pengasingan dan tidak terus menyentuh tentang hak reproduktif wanita secara komprehensif. Walau bagaimanapun, responden masih lagi beranggapan bahawa menjadi suatu kepentingan untuk hak sebegini terus diketengahkan supaya memberikan lebih kesedaran daripada masyarakat berdasarkan kepada kekerapan bagi pilihan jawapan ya seramai 469 orang (99.4%).

Sumber responden memperoleh maklumat masih sama dengan bahagian hak asasi manusia sebelum ini di mana media cetak dan juga institusi pendidikan masih sebagai sumber bekalan maklumat yang utama kepada golongan masyarakat memperoleh input-input berkaitan hak reproduktif wanita. Dapatan ini juga turut memberikan satu petunjuk kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam menguruskan hal yang berkaitan dengan hak reproduktif wanita ini untuk menggiatkan lagi kesedaran dalam kalangan masyarakat.

5.4 TAHAP PENGETAHUAN RESPONDEN TERHADAP ASPEK-ASPEK HAK REPRODUKTIF WANITA BERKAHWIN

Bahagian ini akan membincangkan berkaitan kefahaman responden tentang aspek-aspek yang terkait dengan hak kesihatan reproduktif wanita berkahwin seperti perihal perkahwinan, hubungan seksual dalam perkahwinan, kehamilan, kelahiran, perancangan keluarga, pengguguran dan juga keganasan rumah tangga. Ini bagi mendapatkan kepastian akan tahap kefahaman responden tentang perkara-perkara yang menyentuh isu hak kesihatan reproduktif mengikut pembahagian aspek-aspek tersebut.

---

[7] Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, *Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Seksual dan Reproduktif Remaja di Semenanjung Malaysia* (Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), t.t.); Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, *Modul Pendidikan Reproduktif dan Seksual Remaja Lelaki* (Kuala Lumpur: LPPKN, t.t.).

University of Malaya

5.4.1 Tahap Pengetahuan Hak Reproduktif Wanita Dengan Faktor Demografi

Jadual 5.4: Tahap pengetahuan hak reproduktif wanita dengan faktor demografi

		Pengetahuan					
		Sederhana (min=2.34-3.66)		Tinggi (min=3.67-5.00)			
		N	%	N	%	χ^2	P
Daerah	Gombak	33	10.3	17	11.3	139.35	0.001*
	Hulu Langat	17	6.8	37	23.3		
	Hulu Selangor	52	15.3	0	0.0		
	Klang	24	8.8	32	19.5		
	Kuala Langat	30	10.0	19	11.3		
	Kuala Selangor	50	14.7	0	0.0		
	Petaling	33	9.7	23	17.3		
	Sabak Bernam	51	15.0	0	0.0		
	Sepang	26	9.1	28	17.3		
Jantina	Lelaki	204	60.2	23	17.3	70.37	0.001*
	Perempuan	135	39.8	110	82.7		
Umur	21-25 tahun	6	1.8	8	6.0	24.73	0.001*
	26-30 tahun	46	13.6	36	27.1		
	31-35 tahun	170	50.1	39	29.3		
	36 tahun dan ke atas	117	34.5	50	37.6		
Kategori Penempatan	Bandar	210	61.9	98	73.7	5.80	0.016
	Luar Bandar	129	38.1	35	26.3		
Pendidikan	Rendah (UPSR)	0	0.0	3	2.3	47.09	0.001*
	Menengah (PMR/SPM)	48	14.2	33	24.8		
	Diploma	204	60.2	38	28.6		
	Ijazah sarjana muda	80	23.6	49	36.8		
	Lain-lain	7	2.1	10	7.5		

Sumber: Analisis Pengkaji

Merujuk pada jadual 5.4, jadual menunjukkan tentang hubungan yang dilakukan bagi melihat tahap pengetahuan dan kefahaman responden berasaskan faktor demografi yang ada. Faktor demografi merujuk kepada suatu ciri-ciri perkembangan penduduk dalam suatu tempoh tertentu[8] bagi melihat kesinambungannya dengan bidang kajian yang dijalankan.

[8] Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: DBP, 2015), "istilah demografi," 331.

University of Malaya

Oleh yang demikian, analisis tahap pengetahuan responden berkaitan dengan hak reproduktif wanita terhadap faktor demografi yang ada seperti daerah, jantina, umur, kategori penempatan dan tahap pendidikan dilihat sangat wajar dilakukan bagi melihat jurang perbezaan tahap kefahaman responden.

Bagi faktor demografi daerah, sebanyak sembilan buah daerah di negeri Selangor yang terlibat dalam kawasan kajian. Jika dilihat perbandingan tahap pengetahuan responden di antara sembilan daerah ini, hanya dua daerah dikirakan sebagai tahap tinggi, manakala selebihnya tujuh daerah berada di tahap sederhana. Antara tujuh daerah yang sederhana itu, terdapat tiga buah daerah memiliki indikator yang menjurus kepada petunjuk kurang memberangsangkan apabila tiada di antara responden yang memiliki tahap yang tinggi, iaitu di daerah Hulu Selangor dengan 15.3%, Kuala Selangor 14.7% dan juga Sabak Bernam dengan jumlah 15%. Pada asasnya, daerah-daerah ini lebih dikenali dengan kawasan yang agak jauh daripada kawasan bandar, sungguhpun terdapat beberapa tempat di dalam daerah-daerah ini yang dikategorikan sebagai bandar seperti Batang Kali, Kalumpang, Tanjung Karang dan Sungai Besar, tetapi ia masih lagi berada dalam suatu kawasan yang agak sederhana daripada aspek aksesbiliti sebagaimana kawasan bandar yang lain. Manakala bagi dua daerah, iaitu Hulu Langat dan Klang mencatatkan tahap pengetahuan yang agak tinggi dengan nilai paling tinggi sebanyak 23.3 % di daerah Hulu Langat. Tetapi ia bukan suatu yang pelik kerana jika dilihat pada penempatan sekitar daerah Hulu Langat, ia boleh diklasifikasikan sebagai suatu daerah yang membangun kerana terlibat dengan pelbagai faktor sosial yang pesat seperti institusi pendidikan yang banyak, sama ada di peringkat Pengajian Tinggi mahupun sekolah harian, selain faktor kedudukan kawasannya yang hampir dengan kepesatan bandar raya Kuala Lumpur.

University of Malaya

Bertepatan dengan dapatan kategori penempatan di antara bandar dan luar bandar di mana tahap pengetahuan hak reproduktif wanita berkahwin bagi responden yang tinggal di kawasan bandar lebih tinggi 73.7% berbanding dengan responden yang tinggal di kawasan luar bandar yang hanya sederhana 38.1%.

Faktor jantina pula mencatatkan tahap pengetahuan yang tinggi dalam kalangan responden perempuan sebanyak 82.7% berbanding responden lelaki sebanyak 60.2%. Ini bertepatan dengan skop kajian yang dijalankan berkaitan dengan hal kewanitaan, justeru sedia maklum bahawa perkara-perkara yang kebiasaannya dilalui oleh para wanita sudah semestinya memberikan satu kelebihan pada responden perempuan tersebut.

Analogi yang sama boleh digunakan dalam mengukur tahap pengetahuan mengikut faktor umur dan juga tahap pendidikan. Usia yang masih muda dan tahap pendidikan yang tinggi kadang kalanya mempengaruhi input pengetahuan dan kefahaman seseorang akan sesuatu perkara. Ini boleh dilihat pada golongan umur 20an sebelum mencecah 30an, tahap pengetahuan berada pada tahap yang agak tinggi dengan nilai 33.1%, berbeza dengan lingkungan umur 30 an ke atas, rata-rata berada pada tahap yang sederhana dengan nilai 50.1%. Faktor usia lingkungan 20 an pada kebiasaannya masih berada dalam fasa 'segar' kerana ada di antaranya yang baru sahaja tamat belajar dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi, atau menceburkan diri dalam bidang kerjaya masing-masing dan juga menempuh alam perkahwinan. Justeru, tidak dinafikan bahawa ilmu-ilmu sebegini pada asasnya sinonim dengan peringkat usia responden sebagaimana yang dijelaskan. Begitu juga dengan tahap pendidikan, responden yang mempunyai kelayakan ijazah sarjana muda mempunyai tahap pengetahuan yang agak tinggi sedikit berbanding mereka yang hanya memiliki kelayakan diploma dan mereka yang tidak memiliki sebarang kelayakan.

University of Malaya

Walaupun tidak berada dalam jurang yang ketara dan hanya sekadar 12% tetapi masih juga memperlihatkan impaknya.

5.4.2 Tahap Kefahaman Responden Terhadap Perihal Perkahwinan

Jadual 5.5: Tahap Kefahaman Responden Terhadap Perihal Perkahwinan

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
D1	Hubungan perkahwinan adalah ikatan yang perlu dijalinkan tanpa sebarang paksaan mana-mana pihak	4.35	0.81	Tinggi
D2	Seorang wali berhak mengahwinkan anak gadisnya walau tanpa persetujuan anak gadis tersebut.	2.65	1.31	Sederhana
D3	Sesebuah perkahwinan akan memberikan kebahagiaan sekiranya berkahwin di usia muda (zaman belajar).	2.38	0.95	Sederhana
D4	Saya menyokong perkahwinan yang diatur sepenuhnya oleh pihak keluarga.	2.48	1.05	Sederhana
D5	Saya menyokong perkahwinan kanak-kanak perempuan di bawah umur 16 tahun untuk mengelak maksiat.	3.76	0.98	Tinggi
D6	Mengatur perkahwinan seorang anak gadis tanpa kerelaan dan kehendak anak gadis itu dikira sebagai menafikan hak reproduktif wanita.	2.96	1.20	Sederhana

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.5 di atas menunjukkan tentang tahap kefahaman responden bagi perkara-perkara yang melibatkan perihal perkahwinan. Hasil dapatan bagi item D1 berada pada skor yang tertinggi dengan nilai min 4.35 telah memberikan satu petunjuk bahawa rata-rata responden berpegang pada kepercayaan bahawa sesuatu ikatan perkahwinan yang akan dijalankan perlulah dilangsungkan tanpa paksaan mana-mana pihak. Sungguhpun demikian hanya segelintir yang masih percaya dengan nilaian min tahap sederhana, bahawa sebuah ikatan perkahwinan itu tetap boleh dijalankan jika melibatkan keputusan mandatori

University of Malaya

seorang wali mujbirnya seperti ayah dan juga pilihan keluarga semata kerana percaya keputusan daripada ahli keluarga apatah lagi ibu bapa itu adalah yang terbaik sebagaimana item D2 hingga D4. Tidak dinafikan bahawa seorang wali mujbir boleh menentukan pasangan bagi anak di bawah jagaannya selagi mana masih dara, tetapi perlu juga diraikan kematangan dan hak untuk seseorang anak gadis itu melakukan *'khiyar'* untuk perkara yang akan dihadapinya seperti perihal perkahwinan ini.

Sebagaimana dijelaskan dalam bab 2 sebelum ini[9] tentang penentuan perkahwinan, walaupun ada pendapat Ulama'[10] yang memberikan kuasa untuk mengahwinkan anak gadisnya, tetapi terdapat juga pandangan yang menegah kerana mengambil kira hak anak gadis tersebut dalam melakukan keputusan selagi mana tidak bertentangan dengan syariat, dan wali berperanan sebagai pendamping yang akan memerhatikan dan menilai calon yang dipilih.[11] Manakala kefahaman responden terhadap penafian melakukan keputusan sendiri sebagai suatu hak reproduktif wanita yang perlu diambil berat pula masih berada pada tahap sederhana. Ini kerana mereka masih beranggapan perkara tersebut sebagai suatu ketetapan syarie yang dibenarkan pengamalannya.

5.4.3 Tahap Kefahaman Responden Terhadap Hubungan Seksual dalam Perkahwinan

Jadual 5.6: Tahap Kefahaman Responden Terhadap Hubungan Seksual dalam Perkahwinan

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Tahap

[9] Rujuk Perbincangan di Bab Kedua, perbincangan Islam dan Hak Kesihatan Reproduktif dalam subtopik *'Menentukan Perkahwinan'*, halaman 93

[10] Abū 'Umar Yūsuf bin 'Abd Allāh bin Muḥammad bin 'Abd al-Bar bin 'Asim al-Namri al-Qurṭubī, *al-Tamhid li ma fī al-Muwaṭṭā' min al-Ma'ānī wa al-Asānid,* vol. 19 (t.t.: t.t.p., 1988), 98.

[11] Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Fatḥ al-Qādir al-Jāmi' Bayna fī al-Riwāyah wa al-Dariyah min 'Ilm al-Tafsīr,* vol. 1, 707.

E1	Hubungan seksual adalah suatu keutamaan dalam sesebuah hubungan perkahwinan.	4.08	0.885	Tinggi
E2	Hubungan seks yang baik menunjukkan suatu keharmonian dalam sesebuah rumah tangga	4.30	0.688	Tinggi
E3	Suami berautoriti penuh untuk memaksa pasangan untuk melakukan hubungan seks bersamanya.	2.89	1.306	Sederhana
E4	Tahap kepuasan (klimaks) hanya untuk para suami sahaja.	3.96	0.832	Tinggi
E5	Seorang isteri boleh meminta untuk digauli oleh suaminya.	4.02	0.533	Tinggi
E6	Isteri tidak dibenarkan bersuara untuk mendapatkan tahap kepuasan dalam hubungan seksual yang dilakukan.	4.01	0.731	Tinggi
E7	Isteri berhak menolak ajakan suami untuk mengadakan hubungan seksual apabila tidak bersedia melakukannya.	2.98	1.152	Sederhana
E8	Hubungan seks adalah kewajipan isteri semata-mata.	3.84	0.868	Tinggi
E9	Keputusan untuk perhubungan seksual adalah hak suami.	3.13	1.185	Sederhana
E10	Isteri perlu menurut pada setiap ajakan suami untuk digauli dalam apa jua keadaan.	3.06	1.149	Sederhana
E11	Syariat tidak membenarkan seorang isteri ingkar apabila minta untuk digauli bersama suami.	3.90	0.751	Tinggi
E12	Hubungan seks yang dilakukan secara tidak rela dikira sebagai pengabaian hak reproduktif wanita.	3.08	1.124	Sederhana

Sumber: Analisis Pengkaji

Item-item soalan sebagaimana jadual 5.6 di atas memberikan satu pandangan yang pelbagai tentang aspek hubungan seksual dalam sesebuah perkahwinan. Di sini boleh disimpulkan bahawa rata-rata responden bersetuju bahawa hubungan seksual ini suatu yang amat penting dalam hubungan perkahwinan kerana mengaitkannya dengan simbol keutamaan dan keharmonian rumah tangga. Bertepatan dengan fitrah bahawa sesuatu perkahwinan itu disyariatkan untuk menggalakkan berlakunya suatu hubungan seksualiti

University of Malaya

yang sihat[12] dan didasari dengan nilai-nilai murni agama. Perkara ini boleh dilihat pada item E1 dan E2 yang mana mempunyai nilai skor tinggi, menunjukkan ianya dipersetujui dan responden mempunyai kefahaman yang baik tentangnya.

Secara asasnya juga, para responden mengetahui dan tidak menafikan bahawa isteri juga mempunyai hak dalam hubungan seksual. Ini boleh dilihat pada item E5 yang mana kefahaman seorang isteri boleh meminta suaminya untuk melakukan hubungan seksual. Turut diakui juga bahawa suatu pengabaian hak reproduktif boleh berlaku sekiranya suami melakukan hubungan seksual di luar kerelaan isteri sepertimana item E12.

Sungguhpun begitu, masih wujud stigma negatif dalam kalangan responden pada isu ini apabila item E3, E4, E6, dan E8 menunjukkan mereka masih berpegang dengan fahaman bahawa syariat melarang sekerasnya seorang isteri untuk menolak ajakan suami melakukan hubungan intim. Mereka juga masih berpegang bahawa seorang isteri perlu menurut setiap ajakan suami walau dalam apa keadaan sekalipun sebagaimana diperjelaskan pada item E9, E10 dan E11. Perkara ini menunjukkan seakan hak dalam kepuasan hubungan seksual ini adalah hak mutlak suami semata-mata.

Dalam Islam, sememangnya ada ketetapan dan tuntutan bagi seorang isteri untuk melayan kehendak suami jika tidak mahu mendapat laknat Allah atas kegagalannya memenuhi ajakan suami tersebut,[13] hatta pada ketika itu si isteri masih lagi memenuhi

---

[12] Imām Muḥy al-Dīn Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim,* vol. 7, 92. Boleh juga rujuk perbincangan di bab kedua 'Islam & Hak Reproduktif' dalam subtopik *'Seksualiti Rumah Tangga',* halaman 106.

[13] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ،عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ:" إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهِ فَأَبَتْ فَلَمْ تَأْتِهِ ، فَبَاتَ غَضْبَانَ عَلَيْهَا،لَعَنَتْهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تُصْبِحَ

Terjemahan: *"Jika suami mengajak isterinya ke tempat tidur, kemudian si isteri menolaknya sehingga suami tidur dalam keadaan marah kepadanya, maka isteri akan dilaknat oleh para malaikat sampai pagi.*

University of Malaya

tugasannya di rumah.[14] Walau bagaimanapun, harus juga diingat bahawa seorang isteri juga manusia biasa yang kadang kalanya diselangi dengan rasa yang berubah-ubah dan keadaan diri yang tidak mengizinkan seperti masalah kesihatan dan gangguan lain yang menyentuh emosi isteri. Justeru, suatu toleransi dari pihak suami sangat diharapkan dalam mengambil kira faktor-faktor yang boleh menjadi kekangan untuk mendapatkan layanan intim daripada isteri tersebut. Ini disokong dengan pandangan ulama' al-Shirazi yang mengatakan sekiranya terdapat satu kekangan (tidak terangsang) dari isteri untuk melayani suami, maka ianya boleh menangguhkannya selama tiga hari.[15] Bahkan jika isteri berada dalam situasi kesihatan yang tidak mengizinkan, tidak wajib baginya untuk melayani ajakan suami sehingga sakitnya hilang. Sekiranya suami masih juga memaksa, maka suami telah melanggar satu prinsip agama, iaitu *mu'āsharah bi al-ma'rūf.*[16]

Apa yang jelas, dapatan ini memberikan suatu petunjuk bahawa mereka masih lagi berada dalam keadaan fahaman yang agak keliru dalam memahami bagaimana sebenarnya anjuran hubungan seksual suami isteri dalam sesebuah hubungan perkahwinan yang dianjurkan oleh syariat Islam.

Sunan Abū Dawud: [Kitab النكاح, باب في حق الزوج على المرأة no. hadis 2141], Abū Dawud Sulayman ibn Ash`ath al-Azadi al-Sijistani, Sunan Abū Dawud dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharif: al-Kutub al-Sittah* (2000), 1380. Hadis ini juga ada diriwayatkan oleh al-Bukhari, Sahih al-Bukhari: [Kitab النكاح,باب إذا باتت المرأة مهاجرة فراش زوجها no. hadis 5193], Abū 'Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, Sahih al-Bukhari dalam Mawsu'ah al-Ḥadīth al-Sharif: al-Kutub al-Sittah (2000) 449. Hadis ini juga ada dalam Sahih al-Muslim: [Kitab النكاح, باب تحريم امتناعها من فراش زوجها, no. hadis 1436], Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisabūrī, "Ṣaḥīḥ al-Muslim," 919.

14 عَنْ قَيْسِ بْنِ طَلْقٍ، عَنْ أَبِيهِ طَلْقِ بْنِ عَلِيٍّ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا الرَّجُلُ دَعَا زَوْجَتَهُ لِحَاجَتِهِ فَلْتَأْتِهِ ، وَإِنْ كَانَتْ عَلَى التَّنُّورِ
Terjemahan: *"Apabila seorang suami mengajak isterinya untuk bersama, maka hendaklah isterinya itu memenuhinya walaupun dia sedang berada di dapur."*
Jāmi' al-Tirmidhī: [Kitab الرضاع, باب ما جاء في حق الزوج على المرأة, no. hadis 1160], al-Tirmidhī menyatakan hadis ini hasan gharib. Lihat Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah bin Mūsā al-Tirmidhī, "Jāmi' al-Tirmidhī," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, 1765. Hadis ini dinilai sahih oleh al-Albani. Lihat Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī,* vol. 1, 593.

15 Rujuk perbincangan di bab kedua, di bawah subtopik seksualiti rumah tangga, bahagian *'Larangan Terhadap Suami Isteri Menolak Hajat Pasangan Masing-masing'*, halaman 111-115.

16 Tutik Hamidah, *Fiqh Perempuan Berwawasan Keadilan Gender,* 109.

5.4.4 Tahap Kefahaman Responden Terhadap Proses Kehamilan

Jadual 5.7: Tahap Kefahaman Responden Terhadap Proses Kehamilan

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
F1	Setiap kehamilan perlulah diingini (pada waktu, keadaan yang sesuai dan bersedia memiliki anak)	3.36	1.18	Sederhana
F2	Setiap kehamilan memerlukan proses pemeriksaan secara berkala di klinik/hospital.	4.47	0.58	Tinggi
F3	Setiap wanita yang melalui proses kehamilan berhak mendapatkan makanan yang seimbang bagi kandungan.	4.54	0.54	Tinggi
F4	Setiap wanita mengandung berhak mendapatkan hak yang sama sebagaimana wanita yang tidak mengandung.	4.17	0.92	Tinggi
F5	Seorang suami harus terlibat secara langsung dalam penjagaan setiap isteri yang mengandung.	4.28	0.50	Tinggi
F6	Setiap wanita tidak berhak meminta suami untuk terlibat dalam penjagaan isteri yang mengandung.	1.94	0.76	Rendah
F7	Seorang suami yang tidak melibatkan diri dalam penjagaan isteri ketika proses kehamilan dikira mengabaikan hak reproduktif wanita.	3.14	1.26	Sederhana

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.7 menunjukkan tahap kefahaman responden terhadap aspek kehamilan. Jika dilihat kebanyakan item berada pada tahap yang tinggi, menunjukkan suatu peringkat kefahaman yang agak baik berkaitan aspek kehamilan ini. Walau bagaimanapun, keberadaan tahap pengetahuan yang tinggi itu hanya melibatkan item-item yang menjurus kepada kefahaman umum yang sememangnya dilalui oleh para wanita setiap kali mengalami proses kehamilan seperti proses penjagaan ketika kehamilan, pemakanan seimbang, dan juga pemeriksaan kesihatan secara berkala di mana-mana klinik. Proses sebegini sudah menjadi rutin biasa bagi setiap wanita yang melalui proses kehamilan, dengan menjalani pemeriksaan berkala di klinik kesihatan bagi memastikan keselamatan

University of Malaya

dan kestabilan kandungan, sebagaimana yang digariskan oleh kerajaan[17] supaya para wanita mengandung peka dengan setiap temu janji untuk pemeriksaan dan penjagaan kandungan masing-masing di mana-mana Klinik Kesihatan Ibu dan Anak.

Hanya dua item iaitu F1 dan F7 sahaja yang menunjukkan tahap kefahaman yang sederhana, iaitu berkaitan dengan kepercayaan bahawa setiap kehamilan itu perlulah pada waktu yang sepatutnya. Item ini bukanlah suatu tuntutan untuk memberikan persepsi negatif pada responden bahawa perlunya menolak takdir dan ketetapan Allah sekiranya diberikan rezeki kehamilan pada waktu yang kurang sesuai seperti keadaan keluarga yang tidak stabil, dan juga kekangan-kekangan yang mungkin akan memberikan kemudaratan pada anak yang bakal dilahirkan, tetapi hanya sebagai suatu kesedaran kepada responden bahawa setiap kehamilan perlulah dirancang.

Kehamilan yang diingini ini merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada wanita supaya dapat membuat keputusan sendiri berkaitan tempoh masa yang dirasakan sesuai dengan keinginannya untuk memiliki anak mengikut jarak masa yang sesuai.[18] Hal ini sudah pasti akan memberikan satu perasaan yang mengujakan pada pasangan untuk menerima kehadiran cahaya mata pada waktu yang sesuai dalam rumah tangga mereka.

Selain itu, terdapat 1 item iaitu item F6 yang mempunyai tahap pengetahuan yang agak rendah dalam kalangan responden berkaitan dengan kerjasama para suami dalam memberikan jagaan yang sewajarnya kepada isteri semasa proses kehamilan. Walaupun hanya dengan nilaian min 1.94, tetapi menunjukkan masih terdapat segelintir di antara mereka yang masih lagi merasakan proses kehamilan ini adalah perkara yang harus diambil

---

[17] Fazilahton Rajulin, *Prosedur Pengendalian Ibu Hamil di Klinik Kesihatan* (Kota Tinggi, Johor: Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015), 2-1

[18] Sara E. Davies, "Reproductive Health As A Human Right: A Matter of Access or Provision?" 389.

berat oleh para wanita sahaja, sedangkan penglibatan suami dalam hal dan peranan reproduktif wanita ini juga perlu seiring sebagaimana kaum wanita menjaganya.

5.4.5 Tahap Kefahaman Responden Terhadap Proses Perancangan Keluarga dan Penggunaan Kontraseptif

Jadual 5.8: Tahap Kefahaman Responden Terhadap Proses Perancangan Keluarga dan Penggunaan Kontraseptif

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
G1	Perancangan keluarga sangat perlu masa kini dalam mengatur jarak dan bilangan anak.	3.67	1.22	Tinggi
G2	Perancangan keluarga perlu kerana kos sara hidup sangat meningkat masa kini	3.89	1.07	Tinggi
G3	Islam melarang amalan merancang keluarga kerana anak adalah rezeki dari Allah.	2.27	0.93	Rendah
G4	Perancangan keluarga adalah amalan untuk mengehadkan bilangan anak.	3.81	0.81	Tinggi
G5	Perancangan keluarga terbahagi kepada kaedah moden dan tradisional.	4.04	0.47	Tinggi
G6	Penggunaan kontraseptif terpakai hanya untuk isteri sahaja dalam merancang jarak dan bilangan anak.	2.87	1.01	Sederhana
G7	Suami juga harus terlibat sama dalam penggunaan kontraseptif dalam merancang jarak dan bilangan anak.	3.65	0.88	Sederhana
G8	Penggunaan alat kontraseptif yang akan digunakan seharusnya dibincangkan bersama suami dahulu.	4.08	0.45	Tinggi
G9	Kontraseptif yang terdapat pada masa kini amat berbahaya untuk digunakan.	2.52	0.79	Sederhana
G10	Kesan penggunaan mana-mana alat kontraseptif boleh membawa kepada risiko kesihatan.	2.37	0.71	Sederhana
G11	Perancangan keluarga secara tradisional seperti kaedah ‘Azl (buang luar rahim) lebih selamat daripada kaedah moden yang lain.	3.62	0.90	Sederhana
G12	Perancangan keluarga dapat mencegah daripada kehamilan yang tidak diingini.	3.28	1.06	Sederhana
G13	Isteri perlu menerima keputusan suami jika tidak mahu mengamalkan perancangan keluarga.	3.72	0.79	Tinggi
G14	Suami yang menolak untuk menggunakan sebarang kaedah perancangan keluarga juga dikira sebagai menafikan hak reproduktif wanita	2.81	1.05	Sederhana

University of Malaya

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.8 menunjukkan nilai skor terhadap kefahaman responden pada perancangan keluarga dan penggunaan kontraseptif. Rata-rata responden bersetuju dalam tuntutan masa kini, dengan peningkatan sara hidup yang tinggi, perancangan keluarga ini suatu yang agak penting untuk dititikberatkan sebagaimana dinyatakan dalam item G1 dan G2. Sungguhpun begitu, item G4 dan G13 dengan tahap keberadaan kefahaman yang tinggi telah memberikan satu persepsi negatif terhadap perancangan keluarga, dan sekaligus bertentangan dengan saranan sepatutnya dalam konteks hak reproduktif wanita ini. Para responden masih beranggapan bahawa perancangan keluarga ini suatu yang tidak dibenarkan oleh syariat Islam apabila mengakuinya sebagai suatu amalan yang boleh mengehadkan bilangan anak, bahkan menyerahkan hak menggunakan kontraseptif ini mutlak kepada suami sekiranya suami tidak mengizinkan.

Melihat kepada perbincangan yang telah dihuraikan dalam bahagian sebelum ini,[19] sememangnya terdapat fatwa kebangsaan berkaitan perancangan keluarga ini. Frasa yang menyatakan, *'mencegah beranak dan mengehadkan bilangan anak itu sendiri sebagai haram'*, tetapi ia lebih menjurus kepada amalan perancangan keluarga secara kekal dan masih lagi terikat dengan kelonggaran bila mana terdapat indikasi perlunya dilakukan sedemikian, seperti mana frasa seterusnya yang menyatakan *'melainkan dengan sebab-sebab yang diharuskan syarak.'* [20] Sekiranya diperhalusi maksud tersebut, sebab-sebab yang diharuskan oleh syarak itu boleh juga dimasukkan dalam kategori menjaga diri dan kesihatan reproduktif seseorang wanita. Secara umumnya, fatwa ini membenarkan amalan

[19] Rujuk perbincangan di bab kedua, dalam subtopik '*Penentuan Kehamilan (Perancangan Keluarga)'*, halaman 130-161.

[20] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Dicapai pada 5 Februari 2014, melalui http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/rancangan-keluarga-2.

perancangan keluarga dengan penggunaan istilah "menyusun keluarga" dalam frasa seterusnya iaitu frasa (c). Disokong juga dengan pandangan Harlina[21] yang mengatakan bahawa perancangan keluarga boleh dikira sebagai keperluan sekiranya melibatkan kepentingan reproduktif wanita seseorang isteri. Kerisauan para responden terhadap penggunaan kontraseptif ini sebagai suatu yang menakutkan juga boleh dilihat pada item G9 hingga G11, di mana mereka masih berpegang bahawa penggunaan kontraseptif ini suatu yang berbahaya pada kesihatan diri mereka, dibimbangi ianya boleh mendatangkan pelbagai komplikasi kesihatan yang tidak diundang. Disokong oleh Wan Hilya Munirah,[22] di mana tahap kebimbangan para wanita akan risiko penggunaan kontraseptif seperti kegemukan, masalah kesihatan lain, kitaran haid yang tidak normal menjadi antara penyumbang kepada kadar penggunaan kontraseptif *(contraceptive prevalence rate)* yang agak mendatar saban tahun.

Masih terdapat sebahagian juga responden yang memahami dengan tahap kefahaman yang sederhana bahawa perlunya penglibatan suami dalam membuat keputusan tentang penentuan jarak anak sesebuah keluarga dan mereka turut mengakui kekurangan kerjasama ini juga boleh dikategorikan sebagai suatu pengabaian terhadap aspek reproduktif mereka sebagaimana yang dinyatakan di item G7 dan G14.

5.4.6 Tahap Kefahaman Responden Terhadap Pengguguran

Jadual 5.9: Tahap Kefahaman Responden Terhadap Pengguguran

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
H1	Proses pengguguran suatu yang dibenarkan dalam	4.23	0.94	Tinggi

[21] Harlina Halizah Siraj, "Perancangan Keluarga dan Islam".
[22] Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.

	Islam.			
H2	Mudarat pada isteri membenarkan pengguguran dilakukan.	3.94	0.59	Tinggi
H3	Pengguguran boleh dilakukan oleh mana-mana individu seperti bidan kampung.	4.15	0.67	Tinggi
H4	Wanita berhak menggugurkan kandungan bilamana belum bersedia untuk memiliki anak.	4.31	0.83	Tinggi
H5	Melakukan pengguguran secara tidak selamat juga dikira sebagai melanggar hak reproduktif seorang wanita.	4.01	0.66	Tinggi

Sumber: Analisis Pengkaji

Item dalam jadual 5.9 memberikan dapatan tentang kefahaman responden terhadap proses pengguguran kandungan. Merujuk pada jadual, responden memperlihatkan kefahaman yang agak tinggi dalam aspek pengguguran ini, walaubagaimanapun kefahaman yang mereka ada agak bersalahan sedikit dengan anjuran agama kerana mereka mengakui bahawa proses pengguguran ini boleh dilakukan sekiranya seseorang belum bersedia untuk memiliki anak pada ketika itu. Ini dibuktikan pada nilai skor min yang paling tinggi di item H4. Seterusnya mereka berpegang dengan kepercayaan bahawa pengguguran suatu yang dibenarkan dalam Islam sebagaimana tahap kefahaman yang tinggi pada item H1. Dapatan ini seakan menggambarkan bahawa masih lagi terdapat salah faham dalam kalangan masyarakat tentang aspek pengguguran, bila, dan di mana boleh dijalankan.

Dalam agama, pengguguran bukanlah suatu yang sewenangnya boleh dilakukan, samaada individu yang melaksanakan proses tersebut mahupun situasi untuk melakukan pengguguran. Hal ini tidak semudah apabila dirasakan kehamilan pada ketika itu akan mendatangkan beban, maka keputusan untuk menggugurkan kandungan diambil. Ini kerana pengguguran ini hanya boleh dijalankan sekiranya berlaku kemudaratan pada isteri

University of Malaya

sepertimana dihuraikan dalan perbincangan sebelum ini[23] dan disokong dengan dapatan Makiah,[24] yang mengatakan terdapat sebilangan pendapat menetapkan sekiranya kandungan diteruskan walaupun setelah empat bulan kehamilan, boleh mengakibatkan kematian kepada si ibu maka pengguguran adalah dibenarkan.[25] Pendapat ini adalah berasaskan kepada prinsip usul fiqh yang mana jika terdapat dua jenis mudarat, maka ambillah mudarat yang paling ringan. Turut seiring dengan fatwa yang diwartakan oleh Jabatan Mufti Negeri Pahang[26] yang menyatakan implikasi hukum menggugurkan janin yang telah mencapai umur empat bulan atau 120 hari adalah haram kecuali atas nasihat pakar perubatan Islam yang adil dan ia diperlukan bagi mengelakkan daripada kemudaratan nyawa kepada ibu.

Justeru itu, jelas ternyata bahawa proses ini hanya boleh dijalankan apabila terdapatnya masyaqqah yang boleh memudaratkan ibu tersebut,[27] dan hanya selepas melalui proses pengesahan kepakaran perubatan untuk melakukan sedemikian. Bukan secara sewenangnya dilakukan oleh mana-mana individu yang tidak bertauliah sebagaimana yang difahami oleh masyarakat di item H3. Sekiranya berlaku tanpa sebarang kawalan dan pemantauan, proses ini boleh dikira sebagai suatu perlanggaran terhadap hak reproduktif wanita seperti dinyatakan dalam item H5.

---

23 Rujuk perbincangan di bab kedua, di bawah subtopik 'Proses Pengguguran', halaman 125-126.

24 Makiah Tussaripah Jamil *et al*., "Pengguguran Bayi Menurut Perspektif Islam dan Perundangan di Malaysia."

25 Rujuk perbincangan di bab kedua di bawah subtopik 'Proses Pengguguran', halaman 126-127.

26 Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang, "Mesyuarat Kali Ke-4/2010: Hukum Pengguguran Janin dan Membekal Bahan Kontraseptik Kepada Golongan Yang Berisiko Tinggi," dicapai pada 17 Jun 2017, http://mufti.pahang.gov.my/index.php/2012-12-11-06-41-06/2012-12-11-06-44-13/2012-12-11-06-44-58/2010/39-hukum-pengguguran-janin-dan-membekal-bahan-kontraseptik-kepada-golongan-yang-berisiko-tinggi

27 Perbahasan selanjutnya dijelaskan dalam bab kedua kajian 'Islam dan Hak Reproduktif Wanita', di bawah subtopik *'Proses Pengguguran'*, halaman 125-130.

5.4.7 Tahap Kefahaman Responden Terhadap Proses Kelahiran

Jadual 5.10: Tahap Kefahaman Responden Terhadap Proses Kelahiran

Bil.	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
I1	Proses kelahiran boleh dilakukan sama ada di rumah mahupun di hospital.	2.54	1.09	Sederhana
I2	Setiap perawatan selepas kelahiran perlu dilakukan di hospital.	4.02	0.82	Tinggi
I3	Suami harus mengambil berat selama mana proses kelahiran berlaku sehingga tempoh berpantang.	4.27	0.51	Tinggi
I4	Isteri bertanggungjawab atas penjagaan diri mereka sendiri selepas kelahiran tanpa penglibatan suami.	3.21	1.24	Sederhana
I5	Pengabaian terhadap penjagaan wanita selepas proses kelahiran juga dikira melanggar hak reproduktif seorang wanita.	3.55	1.12	Sederhana

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.10 menunjukkan kefahaman responden terhadap proses kelahiran yang agak baik juga, di mana hanya melibatkan tahap sederhana dan tinggi sahaja. Proses kelahiran ini tidak jauh beza dengan proses kehamilan sebagaimana dibentangkan sebelum ini, kerana ianya merupakan satu prosedur biasa yang akan dilalui oleh para wanita yang berkahwin dan sudah terdapat garis panduan baginya. Ini kerana semasa para wanita menjalani pemeriksaan kesihatan *maternal* di mana-mana klinik kesihatan, kebiasaannya hal-hal berkaitan prosedur-prosedur kelahiran, penjagaan kelahiran ibu dan anak akan diterangkan oleh setiap pegawai kesihatan yang memeriksa pada ketika itu. Berbalik pada item kelahiran, rata-rata responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi akan kesedaran untuk memastikan diri sentiasa berada dalam keadaan yang sihat selepas waktu melahirkan, ini kerana jika menurut petua-petua terdahulu dalam amalan perbidanan, suatu yang mengerikan bagi para wanita yang tidak menjaga diri (melalui proses berpantang) dengan cara yang betul, dikhuatiri akan mendapat mudarat kesihatan yang lebih besar.

University of Malaya

Disokong dengan dapatan daripada Aishah Haji Mohamed,[28] dan juga Siti Khairul Bariyyah[29] yang mana mengatakan bahawa amalan-amalan perbidanan tradisional turun temurun itu suatu yang baik untuk diamalkan bagi memastikan keseimbangan diri mereka selepas bersalin.

Bagi item I4 dan I5 pula menunjukkan tahap kefahaman yang sederhana dalam memastikan kerjasama pihak suami ketika melalui proses selepas bersalin. Sungguhpun mereka bersetuju akan berlakunya pengabaian hak reproduktif wanita sekiranya urusan kelahiran ini dilepaskan pada diri mereka sendiri, tetapi realiti semasa yang berlaku kini adalah kebiasaannya para suami akan meninggalkan isteri mereka bersama ibu bapa masing-masing untuk menghabiskan proses dan urusan penjagaan selepas kelahiran. Perkara sebegini bukanlah suatu yang salah, kerana memahami situasi pelbagai proses merumitkan yang akan dilalui isteri dan hanya boleh dikendalikan oleh individu berpengalaman. Walau bagaimanapun, para suami seharusnya bersama-sama menguruskan isteri masing-masing supaya isteri mendapat sokongan moral daripada suami.

5.4.8 Tahap Kefahaman Responden Terhadap Keganasan Rumah Tangga

Jadual 5.11: Tahap Kefahaman Responden Terhadap Keganasan Rumah Tangga

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
J1	Keganasan rumah tangga hanya yang melibatkan penderaan fizikal sahaja.	3.05	1.26	Sederhana
J2	Keganasan rumah tangga hanya melibatkan pergaduhan/kekasaran di antara suami isteri sahaja.	3.23	1.21	Sederhana
J3	Suami melakukan hubungan seksual terhadap isteri	2.88	1.09	Sederhana

[28] Aishah@Eshah Haji Mohamed & Abd. Aziz Hj. Bidin, "Penjagaan Kesihatan Wanita Semasa dalam Pantang: Amalan dan Kepercayaan," *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space*, vol. 8, no. 7 (2012), 20-31.

[29] Siti Khairul Bariyyah Akhiar, *Amalan dan Penggunaan Herba dalam Perubatan Tradisional Melayu Selepas Bersalin di Zon Tengah, Semenanjung Malaysia* (Batu Pahat: Universiti Tun Hussin Onn Malaysia (UTHM), 2016), 13-15.

	tanpa kerelaan isteri boleh dikategorikan sebagai suatu jenayah keganasan rumah tangga.			
J4	Islam membenarkan suami memukul isteri sekiranya isteri ingkar arahan suami.	3.48	1.02	Sederhana
J5	Isteri tidak boleh menghebahkan sebarang perlakuan kasar terhadapnya kepada orang luar.	2.88	1.09	Sederhana
J6	Terdapat banyak tempat perlindungan yang akan memberikan bantuan kepada mangsa penderaan.	3.90	0.52	Tinggi
J7	Penderaan terhadap isteri juga dikira melanggar hak reproduktif wanita.	4.06	0.56	Tinggi

Sumber: Analisis Pengkaji

Item keganasan rumah tangga sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 5.11 turut memperlihatkan kefahaman yang pelbagai, di peringkat sederhana dan juga tinggi. Tahap ini memberikan andaian yang pelbagai tentang tahap kefahaman responden. Dalam memahami konsep keganasan rumah tangga itu sendiri, kefahaman tentang kategori-kategori perbuatan yang boleh diklasifikasikan sebagai keganasan rumah tangga masih berada pada tahap sederhana. Pada dasarnya, responden masih lagi terikat dengan fahaman bahawa keganasan rumah tangga hanya berlaku secara fizikal sahaja, seperti perbuatan memukul, mendera dan menganiaya isteri. Ini boleh dilihat pada nilaian min item J1 dan J2, sungguhpun sederhana tetapi masih lagi berada pada nilai 3 ke atas.

Berbeza dengan item J3, perlakuan hubungan seksual tanpa kerelaan isteri, walaupun sederhana tetapi menunjukkan nilaian min sebanyak 2.88 sahaja. Menunjukkan pemahaman responden tentang kategori jenayah ini berada pada paras yang membimbangkan. Kategori sebegini tidak diklasifikasikan sebagai jenayah rogol, kerana dalam perundangan semasa menetapkan isteri adalah pasangan yang sah bagi suami, maka berhak untuk suami mendatangi isteri pada bila-bila masa dikehendaki.[30] Walau bagaimanapun, sekiranya perlakuan itu memberikan satu ancaman atau kesan mudarat

[30] Rujuk perbincangan di bab 3, di bawah subtopik '*Hak terhadap perlindungan fizikal dan keganasan seksual'*, halaman 180-182.

kepada pihak isteri sehingga boleh menimbulkan ketakutan pada isteri, isteri boleh mengadukan laporan kepada pihak berkuasa dan boleh dikategorikan di bawah tafsiran keganasan rumah tangga sebagaimana yang dihuraikan dalam bahagian sebelum ini di bab 3.[31]

Tahap kefahaman sederhana pada item J4 dan J5 boleh menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat di mana suami dibenarkan memukul isteri apabila isteri ingkar akan perintah suami dan juga isteri tidak dibenarkan melaporkan kegiatan kekasaran yang dialami kepada mana-mana individu. Perlu diingat bahawa, seorang suami tidak dibenarkan untuk melakukan 'darar' ke atas tubuh badan isteri, sungguhpun dalam surah al-Nisa' ayat 34[32] ada menyatakan, sekiranya berlaku perlanggaran ketaatan daripada isteri terhadap suami, maka suami diberikan kebenaran untuk memukul isteri jika dua langkah awalan, iaitu nasihat dan mengasingkan tempat tidur tidak meninggalkan kesan terhadap isteri. Walau bagaimanapun, pukulan itu hanya dalam lingkungan untuk mendidik dan menimbulkan kembali kesedaran isteri untuk kembali taat,[33] bukanlah pukulan yang boleh mencederakan. Sekiranya terjadi juga perlakuan mudarat kepada isteri dalam sesebuah rumah tangga, menjadi suatu kemestian untuk mangsa (isteri) tampil ke hadapan membuat

---

[31] Rujuk perbincangan bab 3, di bawah subtopik *'Hak terhadap perlindungan fizikal dan keganasan seksual'*, halaman 181-184.

وَٱلَّٰتِى تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَٱهْجُرُوهُنَّ فِى ٱلْمَضَاجِعِ وَٱضْرِبُوهُنَّ ۖ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا۟ عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيرًا [32]

Terjemahan: *"Wanita-wanita yang kamu khuatirkan nusyuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha besar…"*

[33] Nurul Wazeera Ahmad Dahalan, "Pensabitan Isteri Nusyuz Menurut Undang-Undang Keluarga Islam: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," (Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 23.

University of Malaya

pengaduan supaya hak mereka terbela, sebagaimana yang disarankan oleh pihak kerajaan[34] dan juga individu-individu berkepentingan.[35] Apatah lagi mereka mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berkaitan tempat-tempat perlindungan yang disediakan pihak berwajib sekiranya berlaku penderaan terhadap pasangan suami isteri.

5.4.9 Kefahaman Masyarakat Berkaitan Hak Reproduktif Wanita Berkahwin Mengikut Domain dan Daerah

Jadual 5.12: Kefahaman Masyarakat Berkaitan Hak Reproduktif Wanita Berkahwin Mengikut Domain dan Daerah

		DAERAH				
		Gombak	**Hulu Langat**	**Hulu Selangor**	**Klang**	**Kuala Langat**
Perkahwinan	Rendah	13	0	12	1	10
	Sederhana	**24**	22	**40**	**35**	**28**
	Tinggi	13	**32**	0	20	11
Seksual	Sederhana	**31**	12	**51**	21	**26**
	Tinggi	19	**42**	1	**35**	**23**
Kehamilan	Sederhana	**24**	10	**52**	22	15
	Tinggi	**26**	**44**	0	**34**	**34**
Kontraseptif	Rendah	0	0	0	0	1
	Sederhana	**43**	**48**	**52**	**45**	**42**
	Tinggi	7	6	0	11	6
Penguguran	Sederhana	4	18	0	11	10
	Tinggi	**46**	**36**	**52**	**45**	**39**
Kelahiran	Rendah	0	0	0	0	0
	Sederhana	**35**	12	**52**	20	**28**
	Tinggi	15	**42**	0	**36**	21
Keganasan	Sederhana	**38**	**37**	**52**	**38**	**41**
	Tinggi	12	17	0	18	8
Jumlah Skor	Sederhana	**33**	17	**52**	24	**30**
	Tinggi	17	**37**	0	**32**	19

Sumber: Analisis Pengkaji

[34] Ellyia Ullfah (Asp D11, Unit Keganasan Rumah Tangga, Polis Diraja Malaysia), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 30 Ogos 2016.

[35] Sister In Islam & Yasmin Masidi, *Adakah Islam Membenarkan Suami Memukul Isteri?* (Selangor: SIS Forum Malaysia, 2009), 29.

University of Malaya

Jadual 5.12 (sambungan)

		DAERAH			
		Kuala Selangor	**Petaling**	**Sabak Bernam**	**Sepang**
Perkahwinan	Rendah	10	3	7	9
	Sederhana	**40**	**34**	**44**	**26**
	Tinggi	0	19	0	19
Seksual	Sederhana	**44**	15	**49**	**27**
	Tinggi	6	**41**	2	**27**
Kehamilan	Sederhana	**44**	21	**50**	18
	Tinggi	6	**35**	1	**36**
Kontraseptif	Rendah	0	0	0	0
	Sederhana	**50**	**49**	**51**	**42**
	Tinggi	0	7	0	12
Penguguran	Sederhana	9	10	12	5
	Tinggi	**41**	**46**	**39**	**49**
Kelahiran	Rendah	0	1	0	0
	Sederhana	**50**	22	**50**	19
	Tinggi	0	**33**	1	**35**
Keganasan	Sederhana	**50**	**43**	**50**	**37**
	Tinggi	0	13	1	17
Jumlah Skor	Sederhana	**50**	**33**	**51**	**26**
	Tinggi	0	23	0	28

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.12 menunjukkan kefahaman masyarakat tentang hak reproduktif wanita berkahwin mengikut domain dan daerah. Domain kajian berkaitan hak reproduktif wanita berkahwin sebanyak tujuh item dikaji pada populasi masyarakat di sembilan buah daerah.

Item perkahwinan, menunjukkan keputusan berada di peringkat sederhana antara kesemua daerah yang ada di negeri Selangor. Hanya daerah Hulu Langat sahaja menunjukkan dapatan yang tinggi seramai 32 orang.

Bagi item hubungan seksual, tiga buah daerah menunjukkan dapatan yang tinggi dan memuaskan, iaitu Hulu Langat (42), Klang (35), dan Petaling (41). Dua buah daerah iaitu Sepang dan Kuala Langat menunjukkan tahap yang seimbang di antara sederhana dan

University of Malaya

tinggi. Selebihnya seperti daerah Gombak, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Sabak Bernam masing-masing menunjukkan tahap yang sederhana.

Manakala bagi item kehamilan, majoriti daerah yang dikaji memperlihatkan dapatan yang positif apabila hasil dapatan rata-rata dalam lingkungan tinggi. Hanya segelintir sahaja daerah seperti Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang memperlihatkan dapatan sederhana.

Item kontraseptif dan keganasan rumah tangga pula memberikan satu keputusan yang seimbang antara kesemua daerah yang ada, apabila setiap daerah hanya menunjukkan tahap sederhana. Ini memberikan gambaran bahawa masih ada lagi salah faham dalam kalangan masyarakat berkaitan aspek ini dan perlu kepada peningkatan pemahaman secara berterusan supaya masyarakat sentiasa sedar akan tindak tanduk yang mereka lakukan itu berpadanan atau tidak dengan kefahaman semasa.

Item pengguguran turut memperlihatkan keseimbangan antara kesemua daerah di mana tahap kefahaman yang tinggi tentang aspek ini dalam kalangan masyarakat. Ini menunjukkan tiada masalah yang timbul, atau pun hanya sekadar isu picisan yang mereka kurang faham dalam memahami asas sebenar amalan pengguguran dalam Islam.

Bagi faktor kelahiran pula menunjukkan hanya empat daerah yang tinggi, iaitu Hulu Langat (42), Klang (36), Petaling (33) dan Sepang (35). Daerah lain menunjukkan tahap yang sederhana, dan masih perlu kepada konsep penerangan dan pemahaman yang lebih jitu.

Sebagaimana diperjelas dalam subtopik awal tentang perbandingan item melibatkan demografi,[36] dalam menilai tahap pengetahuan responden di antara sembilan daerah ini,

---

[36] Rujuk perbincangan di bab ini, di bawah subtopik *'Tahap Pengetahuan Hak Reproduktif Wanita Dengan Faktor Demografi'* halaman 317.

daerah Hulu Langat masih mengungguli hasil dapatan dengan tahap yang sangat memuaskan, iaitu berada pada tahap yang tinggi. Secara tidak langsung menunjukkan masyarakat di daerah terbabit mempunyai tahap penguasaan yang sangat baik dalam memahami dan mengamalkan hak reproduktif wanita berkahwin ini. Walau bagaimanapun, suatu yang sudah dijangkakan kerana memperlihatkan akan kepesatan faktor sosial yang di daerah tersebut, sama ada melalui peranan yang dijalankan oleh beberapa buah institusi pendidikan yang ada, pembangunan kerjaya para penduduk, mahupun kepadatan penduduk yang juga hampir dengan kepadatan dan kepesatan ibu negara Kuala Lumpur.[37]

5.4.10 Kefahaman Keseluruhan Masyarakat di Selangor Berkaitan Hak Reproduktif Wanita Berkahwin

Jadual 5.13: Kefahaman Masyarakat di Selangor Berkaitan Hak Reproduktif Wanita Berkahwin

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Perkahwinan	3.10	0.62	Sederhana
Seksual	3.60	0.36	Sederhana
Kehamilan	3.70	0.42	Tinggi
Kontraseptif	3.23	0.39	Sederhana
Penguguran	4.13	0.42	Tinggi
Kelahiran	3.52	0.57	Sederhana
Keganasan	3.34	0.35	Sederhana
Jumlah	**3.52**	**0.32**	**Sederhana**

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.13 menunjukkan kefahaman keseluruhan bagi setiap domain dan bahagian dalam mengukur kefahaman responden berkaitan aspek-aspek hak reproduktif wanita berkahwin ini. Hanya aspek kehamilan dan pengguguran sahaja yang menunjukkan tahap

[37] Samruhaizad Samian @ Samion, "Kesedaran Pembangunan, Kesediaan Diri dan Penerimaan Perubahan: Komponen Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Pinggir Bandar di Daerah Hulu Langat, Selangor," *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN),* vol. 3, no. 3 (2015), 121.

University of Malaya

kefahaman yang tinggi, sejauh mana perbincangan pada bahagian sebelum ini.[38] Aspek kehamilan kerana bagi setiap penilaian tersebut rata-rata dipersetujui oleh responden dan mempunyai pengetahuan yang baik kerana setiap item itu suatu yang jelas dan dilalui dalam kehidupan seharian mereka sebagai suami isteri. Aspek pengguguran pula sungguhpun memperlihatkan kefahaman yang tinggi, masih terdapat salah faham yang perlu diperbetulkan dalam memahami bagaimana saranan dan perbincangan Islam dalam menggariskan kebenaran menjalankan proses pengguguran. Sementara bagi domain yang lain memperlihatkan tahap yang sederhana, perlunya suatu pemahaman yang lebih giat bagi memperjelaskan kekeliruan yang dialami masyarakat tentang aspek-aspek hak reproduktif wanita tersebut supaya kefahaman yang mereka ada selari dengan amalan yang mereka jalani. Sudah pasti perkara ini boleh mengelakkan daripada berlakunya pengabaian-pengabaian hak reproduktif wanita.

5.5 TAHAP AMALAN RESPONDEN TERHADAP ASPEK-ASPEK HAK REPRODUKTIF WANITA BERKAHWIN

Bahagian ini akan membincangkan berkaitan amalan responden tentang aspek-aspek yang terkait dengan hak kesihatan reproduktif wanita berkahwin seperti perihal perkahwinan, hubungan seksual dalam perkahwinan, kehamilan, kelahiran, perancangan keluarga, pengguguran dan juga keganasan rumah tangga. Ini bagi mendapatkan kepastian akan tahap pengamalan responden tentang perkara-perkara yang menyentuh isu hak kesihatan reproduktif mengikut pembahagian aspek-aspek tersebut sama ada wujud pengabaian atau perlanggaran dalam kalangan masyarakat.

---

[38] Rujuk perbincangan di bab ini, di subtopik '*Tahap Kefahaman Responden Terhadap Proses Kehamilan'*, halaman 325-327 dan *'Tahap Kefahaman Responden Terhadap Pengguguran'*, halaman 329-331.

University of Malaya

5.5.1 Tahap Amalan Hak Reproduktif Wanita Berkahwin dengan Faktor Demografi

Jadual 5.14: Tahap Amalan Hak Reproduktif Wanita dengan Faktor Demografi

		Amalan					
		Sederhana (min=2.34-3.66)		Tinggi (min=3.67-5.00)			
		N	%	N	%	χ^2	P
Daerah	Gombak	35	10.4	15	11.0	128.22	0.001*
	Hulu Langat	27	8.0	27	19.9		
	Hulu Selangor	52	15.5	0	0.0		
	Klang	32	9.5	24	17.6		
	Kuala Langat	31	9.2	18	13.2		
	Kuala Selangor	50	14.9	0	0.0		
	Petaling	30	8.9	26	19.1		
	Sabak Bernam	50	14.9	1	0.7		
	Sepang	29	8.6	25	18.4		
Jantina	Lelaki	206	61.3	21	15.4	81.59	0.001*
	Perempuan	130	38.7	115	84.6		
Umur	21-25 tahun	4	1.2	10	7.4	27.39	0.001*
	26-30 tahun	47	14.0	35	25.7		
	31-35 tahun	168	50.0	41	30.1		
	36 tahun dan ke atas	117	34.8	50	36.8		
Kategori Penempatan	Bandar	209	62.2	99	72.8	4.79	0.029
	Luar Bandar	127	37.8	37	27.2		
Pendidikan	Rendah (UPSR)	0	0.0	3	2.2	62.10	0.001*
	Menengah (PMR/SPM)	49	14.6	32	23.5		
	Diploma	206	61.3	36	26.5		
	Ijazah sarjana muda	77	22.9	52	38.2		
	Lain-lain	4	1.2	13	9.6		

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.14 menunjukkan tentang hubungan yang dilakukan bagi melihat tahap pengamalan responden berasaskan faktor demografi yang ada. Analisis ini tidak jauh beza dengan hubungan terhadap demografi yang dilakukan pada tahap kefahaman di bahagian sebelum ini, masih mengekalkan dapatan yang sama tetapi hanya berbeza dari segi nilaian

University of Malaya

peratusan sahaja. Secara ringkasnya pada faktor demografi daerah, masih memperlihatkan amalan sederhana pada daerah-daerah yang agak jauh dari kegiatan sosial perbandaran seperti daerah Hulu Selangor 15.5%, Kuala Selangor dan juga Sabak Bernam dengan 14.9%. Disokong dengan amalan yang tinggi pada kategori penempatan bandar setinggi 72.8% dan kawasan luar bandar hanya mencecah 37.8% sahaja bagi tahap pengamalan masyarakat terhadap hak reproduktif wanita ini.

Faktor jantina juga mencatatkan tahap amalan yang tinggi dalam kalangan responden perempuan sebanyak 84.6% berbanding responden lelaki sebanyak 61.3%. Turut selari adalah faktor umur dan pendidikan, di mana tahap pendidikan yang tinggi, iaitu pemegang ijazah sarjana muda lebih mempunyai tahap pengamalan yang tinggi sebanyak 38.2%, manakala diploma sebanyak 61.3% dan berada pada tahap sederhana. Ini boleh disimpulkan bahawa hasil tempoh pembelajaran mereka serba sedikit memberikan kesedaran kepada mereka untuk menitikberatkan pengamalan yang bersesuaian dan bebas daripada sebarang diskriminasi. Amalan yang tinggi turut berada dalam paras lingkungan umur 20an hingga 30an, tidak jauh beza dengan tahap pengetahuan yang telah dibincangkan.

5.5.2 Tahap Amalan Responden Terhadap Perihal Perkahwinan

5.5.2.1 Keputusan berkahwin bebas daripada unsur paksaan mana-mana pihak

Jadual 5.15: Penentuan Keputusan Berkahwin

		Kekerapan	%
1. Keputusan bagi persetujuan untuk berkahwin dibuat oleh	Diri saya sendiri	97	20.6
	Bakal pasangan dan diri saya	349	73.9
	Ahli keluarga saya	1	0.2
	Ibu bapa saya	23	4.9

2. Pada pendapat anda, cara yang terbaik dalam menentukan waktu untuk berkahwin adalah berdasarkan	Kehendak diri saya sendiri	70	14.8
	Bakal pasangan dan diri saya sendiri	376	79.7
	Kehendak ahli keluarga saya (adik beradik)	4	0.8
	Kehendak ibu bapa	16	3.4

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.15 menunjukkan tentang penentuan keputusan berkahwin responden. Bagi setiap orang yang ingin mendirikan rumah tangga, pastinya menginginkan yang terbaik samaada aspek pemilihan calon, dan juga kehidupan selepas berkahwin. Pengamalan perkahwinan sebagaimana dalam jadual di atas menunjukkan realiti pada masa kini, setiap individu yang ingin berkahwin kebiasaannya bersedia dengan calon sedia ada, dan hanya membawa calon tersebut untuk mendapatkan 'perkenan' daripada kedua-dua ibu bapa. Ini boleh dilihat terhadap amalan yang tinggi terhadap keputusan untuk berkahwin rata-ratanya daripada bakal pasangan dan diri sendiri. Sebagaimana dibincangkan di bahagian pengetahuan sebelum ini, cara yang terbaik dalam mendirikan rumah tangga adalah bebas daripada sebarang paksaan demi mengekalkan keharmonian rumah tangga yang akan dibina sebagaimana dapatan Hanxiao[39] dan Handrawi[40] yang bersetuju supaya dikekalkan budaya pilihan sendiri pasangan hidup tanpa paksaan mana-mana pihak.

[39] HanXiao@Indah, "Pemodenan dan Pembentukan Keluarga Melayu di Bandar," *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, vol. 9, no. 2 (2016), 245-261.

[40] Muhammad Hadrawi Madewing, "Amalan Perkahwinan Kerana Dijodohkan dalam Kalangan Masyarakat Suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Riau, Indonesia: Analisis Dari Perspektif Kompilasi Hukum Islam," (Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014), 18.

University of Malaya

5.5.3 Tahap Amalan Responden Terhadap Hubungan Seksual dalam Perkahwinan

5.5.3.1 Seksualiti aktif suami isteri

Jadual 5.16: Amalan Seksualiti Aktif Suami Isteri

			Kekerapan	%
1.	Berapa kali kekerapan anda melakukan hubungan seks bersama pasangan dalam seminggu	1 Kali	54	11.4
		2 kali	186	39.4
		3 kali	181	38.3
		4 kali	51	10.8
2.	Pernahkah anda berkomunikasi/berbincang tentang hubungan seks bersama pasangan	Pernah	449	95.1
3.	Adakah anda mengetahui bahawa memperoleh kenikmatan dalam berhubungan seks juga merupakan hak seorang isteri	Ya	410	86.9
4.	Pernahkah anda/pasangan mengutarakan hal tentang hubungan seks sekiranya tidak mendapatkan kepuasan tersebut	Pernah	346	73.3

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.16 menunjukkan pengamalan responden berkaitan dengan hubungan seksual dalam perkahwinan. Rata-rata responden masih berada dalam kategori seksual aktif sebagaimana item no 1 yang memperlihatkan kekerapan hubungan intim suami isteri. Jika dilihat pada majoriti usia responden yang terlibat adalah kalangan usia 20an hingga 30an, di mana bertepatan dengan dapatan Mike[41] dan Renaud,[42] bahawa semakin berusia seseorang itu mencecah ke fasa 40 an, kebiasaannya aktiviti seksual suami isteri akan berkurang berbanding usia 30 an.

Dari sudut menzahirkan setiap permasalahan yang wujud dalam hubungan seksual suami isteri, dilihat amalan masih berada dalam tahap memberangsangkan di mana masih

[41] Mike W.L. Cheung, "A Study of Sexual Satisfaction and Frequency of Sex Among Hong Kong Chinese Couples," *Journal of Sex Research*, vol. 45, no. 2 (2008), 129-139.

[42] Renaud, C. Bryes, E.S. & Pan, "Sexual and Relationship Satisfaction in Mainland China," *Journal of Sex Research,* vol. 34 (1997), 399-410.

University of Malaya

ada keterbukaan untuk melakukan perbincangan antara suami isteri sekiranya terdapat perkara-perkara berbangkit berkaitan seksual suami isteri ini.

5.5.3.2 Amalan seksual di luar kerelaan isteri

Jadual 5.17: Amalan seksual di luar kerelaan isteri

		Kekerapan	%
5. Pernahkah anda/pasangan meminta untuk melakukan hubungan seksual secara terpaksa, di luar kehendak/bukan di waktu keinginan anda	Pernah	249	52.8

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.17 di atas menunjukkan dapatan tentang amalan seksual di luar kerelaan isteri. Amalan seksual adalah suatu kemestian dalam sesebuah perkahwinan, kerana ianya juga dianggap sebagai suatu ibadah jika dilaksanakan mengikut syariat yang betul. Apa yang berlaku sekarang adalah amalan seksual ini sepatutnya dilakukan secara kerelaan kedua-dua pihak, tetapi dapatan menunjukkan suatu yang kontra apabila isteri sering dipaksa untuk melakukan hubungan di luar kerelaan isteri itu sendiri. Amalan seksual di luar kerelaan ini lebih kepada suatu paksaan terhadap isteri, sedangkan dalam masa yang sama isteri tidak mempunyai keinginan seksual pada ketika itu disebabkan beberapa faktor yang mengganggu seperti kesihatan, emosi dan sebagainya. Terdapat beberapa situasi yang membenarkan isteri untuk menolak ajakan keinginan daripada suami, sekiranya ajakan tersebut diketahui akan mendatangi darar syarie pada isteri, sebagaimana dapatan daripada Zawawi[43] yang menyimpulkan bahawa isteri berhak menolak ajakan suaminya yang menghidap HIV kerana dibimbangi mendatangkan mudarat pada isteri.

[43] Md. Zawawi Abu Bakar, "Kewajipan Isteri Menunaikan Nafkah Batin Kepada Suami Yang Dijangkiti Hiv/Aids: Menurut Undang-Undang Keluarga Islam dan Kajian Kes," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* (2015), 95.

University of Malaya

Begitu juga dengan faktor dari isteri yang tidak bersedia untuk melakukan hubungan kelamin kerana masalah kesihatan atau emosi juga turut diberikan pengecualian atas dasar hubungan seksual ini harus dijalankan dalam cara yang ma'ruf, dengan kerelaan kedua-dua pihak seperti yang telah diperjelaskan sebelum ini.[44]

Bagi Dhian,[45] menikmati hubungan seksual bagi wanita adalah suatu hak, dan bukan kewajipan. Apabila isteri menolak untuk melakukan hubungan seksual dengan suaminya di waktu ia tidak berkeinginan, maka hal ini merupakan bahagian daripada hak-hak reproduksi yang harus dihargai, tanpa adanya paksaan, diskriminasi dan kekerasan. Dengan demikian isteri bebas untuk menentukan masa untuk menerima atau menolak berhubungan seksual dengan suaminya, kerana hal itu adalah bahagian daripada hak asasinya dan hak reproduksi yang harus dihormati.

5.5.4 Tahap Amalan Responden Terhadap Proses Kehamilan

5.5.4.1 Pengalaman kehamilan tidak diingini *(unwanted pregnancy)* yang masih tinggi

Jadual 5.18: Pengalaman kehamilan tidak diingini

			Kekerapan	%
1.	Pernahkah anda/isteri anda mengalami proses kehamilan yang tidak diingini (bukan pada waktu, keadaan yang sesuai dan anda masih belum bersedia).	Pernah	279	59.1

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.18 menunjukkan tentang pengalaman kehamilan tidak diingini seorang isteri. Seorang isteri juga pada asasnya mempunyai hak untuk bersuara dalam sesebuah

[44] Rujuk perbincangan di bab 2, di bawah subtopik *'Larangan Terhadap Suami Isteri Menolak Hajat Pasangan Masing-masing'*, halaman 111-115.

[45] Dhian Rachmawati, *Hak-Hak Reproduksi Perempuan dalam Fiqh: Studi Terhadap Hak Istri untuk Menolak Hubungan Seksual dan Menentukan Kehamilan dalam Perspektif Gender* (Indonesia: Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2004), 103.

University of Malaya

hubungan rumah tangga, bagi memastikan setiap proses reproduktif mereka berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, apa yang ditunjukkan dalam jadual di atas menunjukkan suatu kebimbangan kerana, kehamilan pada waktu yang tidak diingini memberikan kekerapan yang agak besar, selain menunjukkan kuasa dalam menentukan waktu yang sesuai untuk hamil itu belum menjadi milikan sempurna bagi para isteri sebagaimana disarankan deklarasi antarabangsa ICPD[46] yang turut diperjelas dalam bab sebelum ini,[47] di mana menuntut supaya seorang isteri diberikan kebebasan sewajarnya dalam menentukan bila, berapa dan waktu yang sesuai untuk peranan reproduktif mereka.

5.5.4.2 Penglibatan positif suami dalam penjagaan fizikal isteri ketika proses kehamilan

Jadual 5.19: Penjagaan Fizikal ketika Proses Kehamilan

			Kekerapan	%
2.	Apakah anda/isteri melakukan pemeriksaan berkala yang ditetapkan dalam tempoh kehamilan?	Ya	441	93.4
3.	Pernahkah anda/isteri mengalami komplikasi yang teruk dalam tempoh kehamilan?	Tidak Pernah	247	52.3
4.	Adakah anda/suami anda melibatkan diri membantu urusan rumah tangga dalam setiap proses kehamilan anda?	Ya	408	86.4
5.	Adakah anda/isteri anda mengambil makanan yang berkhasiat sepanjang tempoh kehamilan anda?	Ya	428	90.7

Sumber: Analisis Pengkaji

Ringkasan dapatan 5.19 menjelaskan amalan responden berkaitan penjagaan fizikal seseorang isteri selepas berhadapan dengan proses kelahiran. Lumrah bagi seorang isteri

[46] T.p., "Sexual and Reproductive Health Rights," *United States: Amnesty International USA*, www.amnestyusa.org/women, diakses pada 10 Januari 2015.

[47] Rujuk perbincangan di bab 2, di bawah subtopik '*Kehamilan dan Kelahiran'*, halaman 122-123.

sesudah melahirkan, mereka akan melalui proses 'berpantang' bagi mengembalikan keadaan fizikal dan batin mereka kembali sihat. Kesemua item bagi penjagaan kehamilan ini menunjukkan amalan yang positif dalam kalangan responden kerana melibatkan amalan biasa bagi para wanita yang melalui proses kehamilan, seperti menjalani pemeriksaan berkala di klinik kesihatan bagi memastikan keselamatan dan kestabilan kandungan. Selain itu juga, dilihat kerjasama yang baik yang diberikan para suami terhadap urusan rumah tangga sepanjang isteri mereka melalui kesukaran semasa dalam tempoh berpantang.

Sungguhpun dapatan memihak pada pengamalan yang positif, masih ada segelintir golongan suami yang tidak mempraktikkan budaya penjagaan isteri ini kerana beranggapan ianya adalah semata-mata proses yang perlu diambil peduli oleh golongan wanita sahaja.

5.5.5 Tahap Amalan Responden Terhadap Perancangan Keluarga dan Penggunaan Kontraseptif

5.5.5.1 Susunan yang ideal bagi jarak anak setiap ahli keluarga

Jadual 5.20: Jarak Ideal Anak

			Kekerapan	%
1.	Berapa orang anak yang anda miliki?	2 orang	213	45.1
		3-5 orang	188	39.8
2.	Berapakah jarak tahun bagi setiap anak?	1 tahun	183	38.8
		2 tahun	218	46.2
3.	Siapakah yang terlibat dalam membuat keputusan mengenai saiz keluarga/jarak anak?	Bersama-sama	369	78.2

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.20 menunjukkan jarak ideal anak bagi setiap keluarga. Item 1 hingga 3 menunjukkan suatu pengamalan yang agak positif di mana rata-rata responden mempunyai bilangan anak seramai dua orang dengan jarak dua tahun, tidak kurang juga yang

mempunyai lebih dari tiga orang dengan jarak anak 1 tahun seorang. Jika dilihat pada faktor demografi peringkat awal, usia responden kebanyakannya dalam lingkungan 20 hingga 30an, sebagaimana dapatan Abdul Aziz[48] yang mengatakan kadar kelahiran yang tertinggi kebiasaannya berlaku pada waktu umur di antara 20 an hingga 30 an tahun.

5.5.5.2 Faktor kewangan sebagai indikator utama penyusunan jarak anak

Jadual 5.21: Faktor-faktor mempengaruhi Amalan Perancangan Keluarga

			Kekerapan	%
4.	**Apakah faktor-faktor yang boleh menjejaskan keputusan anda mengenai saiz keluarga dan jarak anak?**			
	- Keadaan kewangan keluarga	Ya	331	70.1
	- Ruang rumah yang sempit	Ya	67	14.2
	- Menginginkan kehadiran seorang anak lelaki dalam keluarga	Ya	63	13.3
	- Menginginkan kehadiran seorang anak perempuan dalam keluarga	Ya	40	8.5
	- Tekanan keluarga	Ya	34	7.2
	- Kesibukan bekerja	Ya	34	7.2
	- Kesibukan menyambung pengajian peringkat lebih tinggi	Ya	22	4.7
5.	Adakah anda/pasangan anda mengamalkan perancangan keluarga	Ya	232	49.2

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.21 menunjukkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah anak. Secara umumnya, kadang kala penentuan jarak dan bilangan anak boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor sekeliling. Sebagaimana keputusan yang diperoleh dalam kajian ini, secara asasnya ianya dipersetujui bersama pasangan suami isteri selepas melakukan perbincangan dan mengambil kira beberapa faktor yang boleh memberikan kesan seperti kedudukan kewangan dan ekonomi keluarga itu sendiri. Ini boleh dilihat apabila faktor kewangan

[48] Abdul Aziz Jemain & Puzziawati Ab Ghani, "Menjejak Perubahan Fertiliti dan Umur Perkahwinan di Semenanjung Malaysia," *Jurnal Teknologi*, vol. 39 (2003), 75-89.

University of Malaya

menjadi sebab utama dalam perancangan mereka untuk memiliki anak berbanding sebab-sebab yang lain. Bertepatan dengan dapatan daripada Rahmadewi[49], Puti Sari[50] dan Lanre[51] dalam kajian-kajian terdahulu berkaitan kependudukan, bahawa yang mana mereka semua bersetuju bahawa faktor kewangan sangat mempengaruhi keputusan pasangan dalam menentukan jarak dan bilangan anak yang mereka inginkan. Tidak dinafikan bahawa setiap anak yang akan dilahirkan ini telah ditetapkan rezekinya sepertimana penjelasan beberapa orang Ulama' dalam perbincangan terdahulu,[52] tetapi mengambil pendekatan jika ketidakmampuan ekonomi itu memberikan mudarat yang lebih besar dalam urusan membesarkan anak-anak tersebut, maka diharuskan untuk mengamalkan perancangan keluarga. Oleh sebab itu, dapatan item selanjutnya menunjukkan seramai 232 orang sahaja responden yang menggunakan kaedah kontraseptif sebagai perancang keluarga. Selebihnya pula seramai 240 orang tidak menggunakan perancang keluarga. Suatu perbezaan yang tidak jauh ketara antara kelompok yang mengamalkan penggunaan kontraseptif dan tidak mengamalkan, tetapi tetap memberikan implikasi tersendiri kepada setiap kelompok tersebut.

5.5.5.3 Kaedah tradisional sebagai inisiatif utama amalan perancangan keluarga

Jadual 5.22: Kaedah Pilihan Pengamalan Perancangan Keluarga

	Kekerapan N = 232	%
6. **Apakah kaedah kontraseptif yang anda/pasangan anda gunakan?**		

[49] Rahmadewi, Herartri, "Faktor-faktor yang berhubungan dengan Kehamilan Risiko Tinggi," *Gizi Indon*, vol. 34, no. 2 (2011),120-128.

[50] Puti Sari H & Dwi Hapsari "Faktor-Faktor Yang Berpengaruh Terhadap Risiko Kehamilan "4 Terlalu (4-T)" Pada Wanita Usia 10-59 Tahun (Analisis Riskesdas 2010)," *Media Litbangkes*, vol. 24, no. 3, September (2014), 143-152.

[51] Olukunmi Lanre, "Factors Influencing the Choice of Family Planning among Couples in Southwest Nigeria," *International Journal of Medicine and Medical Sciences*, vol. 3, no. 7 (2011), 227-232.

[52] Rujuk perbincangan di bab 2, di bawah subtopik *'Perancangan keluarga sebagai suatu berlawanan dengan Qadar, Rezeki dan Tawakkal kepada Allah'*, halaman 135-138.

University of Malaya

	- Pil mengawal kelahiran	Ya	65	28.0
	- Suntikan	Ya	59	25.4
	- Implant	Ya	4	1.7
	- Kawalan haid	Ya	22	9.5
	- Pensterilan/Vasektomi	Ya	1	0.4
	- IUD	Ya	13	5.6
	- Penyusuan ekslusif	Ya	9	3.9
	- pengguguran kandungan	Ya	1	0.4
	- Kondom	Ya	64	27.6
	- Merancang sendiri	Ya	82	35.3
7.	**Di manakah anda/pasangan anda mendapatkan khidmat nasihat/pemasangan kaedah kontraseptif tersebut?**			
	Hospital Kerajaan	Ya	38	16.4
	LPPKN	Ya	11	4.7
	Carian di Internet	Ya	99	42.7
	Klinik (Kerajaan/Swasta)	Ya	131	56.5
	Kedai ubat	Ya	23	9.9
8.	Adakah anda/pasangan anda dibekalkan dengan bahan maklumat/pemahaman prosedur yang mencukupi untuk anda membuat pilihan kaedah kontraseptif	Ya	122	52.6
9.	Sudah berapa lamakah anda/pasangan anda menggunakan kaedah kontraseptif tersebut	2 tahun	105	45.3
10.	**Apakah pandangan anda tentang kaedah kontraseptif yang digunakan?**			
	- Berkesan	Ya	136	58.6
	- Tidak berkesan	Ya	62	26.7
	- Perubahan hormon	Ya	111	47.8
	- Menyakitkan	Ya	43	18.5

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.22 menunjukkan bilangan responden seramai 232 orang yang menggunakan kaedah kontraseptif dan mengamalkan perancangan keluarga. Dalam banyak kaedah kontraseptif yang wujud di pasaran samaada dalam bentuk tablet, suntikan, dan melibatkan kaedah pemasangan sama ada di dalam rahim atau di tangan, kaedah yang paling menjadi pilihan responden adalah kaedah merancang sendiri. Kaedah merancang sendiri adalah kaedah *al-'azl* yang pernah dibahaskan di bahagian terdahulu, iaitu suatu proses penarikan

University of Malaya

zakar oleh kaum lelaki pada ketika pengeluaran sperma (ejakulasi) untuk mengelakkan daripada terjadinya pembuahan pada ovum (sel telur).[53] Sememangnya terdapat perbahasan dalam kalangan ulama' yang membenarkan dengan syarat mendapat keizinan isteri,[54] selain kaedah ini juga dikategorikan antara kaedah yang paling selamat berbanding kontraseptif yang lain sebagaimana menurut Wan Hilya.[55]

Kaedah lain yang turut menjadi pilihan seperti pil pengawal kelahiran dan juga penggunaan kondom. Rata-rata memilih kontraseptif ini kerana sinonimnya tidak menunjukkan perubahan hormon yang ketara pada si pemakai,[56] selain ianya mudah untuk didapati di mana-mana klinik. Pengamalan semasa di klinik kesihatan, kaedah kontraseptif ini antara yang menjadi pilihan ramai kerana boleh diakses di mana-mana klinik atau farmasi berikutan harga jualan di pasaran yang boleh didapatkan dengan kadar yang berpatutan. Justeru kaedah ini antara yang menjadi pilihan ramai kerana masih berada dalam lingkungan kemampuan untuk mendapatkannya. Dari segi tempoh masa penggunaan pula, majoriti yang menggunakannya adalah lingkungan dua tahun sebelum berkehendak untuk kembali hamil.

5.5.5.4 Polemik penolakan amalan perancangan keluarga

Jadual 5.23: Alasan Penolakan Amalan Perancangan Keluarga

11.	**Mengapa anda tidak menggunakan mana-mana kaedah kontraseptif**		**N = 240**	
	Saya mahukan anak ketika itu/anak ramai	Ya	115	47.9
	Saya tidak mampu mendapatkannya kerana harga yang	Ya	22	9.2

[53] Akhter Hameed Khan, "Islamic Opinion on Contraceptive," 63.
[54] Rujuk perbahasan di bab 2, di bawah *subtopik 'Perbahasan dalam pengamalan al-'azl'*, halaman 149-150.
[55] Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.
[56] Nik Hazlina Nik Hussin, *Apa Yang Anda Perlu Tahu Tentang Perancang Keluarga* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 30.

	mahal			
	Suami/saya tidak izinkan	Ya	73	30.4
	Tidak tahu cara untuk menggunakan kaedah kontraseptif	Ya	7	2.9
	Tidak tahu tempat untuk membeli kontraseptif	Ya	2	0.8
	Atas alasan agama	Ya	30	12.5
	Mempunyai masalah kesihatan	Ya	10	4.2
12.	Adakah anda pernah mengikuti mana-mana program/ceramah berkaitan perancangan keluarga dari mana-mana agensi	Tidak	405	85.8

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.23 menunjukkan alasan penolakan amalan perancangan keluarga bagi 240 orang responden yang memilih untuk tidak menggunakan sebarang kaedah kontraseptif. Sebagaimana diperjelaskan, mengamalkan perancangan keluarga bukanlah suatu yang bertentangan dengan syarak, walaupun terdapat perbahasan dalam kalangan ulama' yang menyokong dan menolak beserta dengan hujah tersendiri sepertimana dijelaskan dalam perbincangan sebelum ini,[57] tetapi mengambil pendekatan untuk mengiktiraf hak reproduktif seseorang wanita, sekiranya dengan mengamalkan perancangan keluarga boleh meningkatkan taraf kesihatan isteri, dan memberikan timbal balik yang positif pada kebahagian keluarga, maka ia juga dikira sebagai suatu ibadah kerana memastikan keluarga sedia ada berada dalam suatu kehidupan yang sejahtera dengan keadaan fizikal yang sihat untuk dimanfaatkan demi mendekatkan diri pada Allah.

Merujuk pada jadual sedia ada, kebanyakan responden yang tidak mengamalkan perancangan keluarga kerana keinginan untuk memiliki anak yang ramai pada ketika itu. Alasan suami tidak mengizinkan juga memberikan satu gambaran bahawa tiada kerjasama di antara suami dalam memberikan sokongan kepada isteri untuk menjaga hak reproduktif

[57] Rujuk perbincangan bab 2, di bawah subtopik *'Perbezaan pendapat berkaitan hukum perancangan keluarga: Kelompok menyokong dan menolak'*, halaman 133-144.

University of Malaya

mereka. Kajian Angela,[58] walaupun sikap mereka terhadap perancangan keluarga secara umumnya adalah positif tetapi masih ramai kaum lelaki yang meluahkan kebimbangan mengenai keselamatan dan kesulitan bagi kaedah perancangan keluarga moden. Kebanyakan mereka terlalu bimbang terhadap kesan sampingan yang akan diterima oleh para isteri. Faktor budaya dan agama juga menjadi salah satu faktor lain yang mempengaruhi kepercayaan para suami untuk memberi kebenaran pada isteri mereka. Antara persepsi suami apabila memiliki anak yang ramai akan meningkatkan prestij (martabat) dalam masyarakat, selain percaya anugerah anak-anak itu sebagai aset penting untuk pelbagai aktiviti tenaga kerja dan keselamatan sosial.[59] Bagi faktor agama pula, mereka masih berpegang bahawa amalan perancangan keluarga ini sebagai suatu yang bertentangan dengan syarak.[60] Disokong dengan Wan Hilya yang mana mengatakan kebanyakan mereka yang tidak mengamalkan perancangan keluarga ini terdiri daripada kelompok masyarakat yang tinggal di luar bandar, di kawasan perumahan kos rendah dan memiliki tahap kelayakan akademik yang tidak begitu tinggi.

5.5.6 Tahap Amalan Responden Terhadap Pengguguran

5.5.6.1 Masalah kesihatan sebagai faktor utama pengguguran

Jadual 5.24: Faktor Berlaku Pengguguran

			Kekerapan N = 39	**%**
1.	Pernahkah anda/isteri mengalami/menjalani pengguguran kandungan	Ya	39	8.3

[58] Angela Kaida *et al*., "Male Participation in Family Planning: Result From A Qualitative Study in Mpigi District, Uganda," *Journal Biosocial Science*, vol. 37 (2005), 269-286.

[59] Angela Kaida *et al*., "Male Participation in Family Planning: Result From A Qualitative Study in Mpigi District, Uganda," 269-286.

[60] Wan Hilya Munirah (Pegawai Perubatan, LPPKN), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 6 Disember 2016.

2.	Nyatakan (kali)	2	5	50.0
		3	1	10.0
		4	2	20.0
3.	Masalah Peribadi	Ya	3	7.7
	Masalah kesihatan	Ya	20	51.3

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.24 menunjukkan tentang faktor berlakunya proses pengguguran. Pengguguran janin ialah satu proses mengeluarkan kandungan dari rahim sebelum tiba tempoh bersalin dengan tujuan untuk membuang atau mematikan kandungan. Hukum berkaitan dengan pengguguran melihat kepada keadaan janin tersebut, samaada sebelum ditiupkan roh atau sudah ditiupkan roh. Secara umumnya, melakukan pengguguran selepas ditiupkan roh adalah suatu yang diharamkan,[61] tetapi menurut Syaltut,[62] Zulfahmi,[63] Alkali,[64] dan Yusra[65] jika membawa kemudaratan kepada ibu, maka dibolehkan untuk pengguguran tersebut dilakukan. Mengambil pendekatan kaedah-kaedah umum syariat dengan membenarkan melakukan mudarat yang lebih ringan daripada dua bahaya dengan cara menggugurkan kandungan tersebut. Walau bagaimanapun, terikat dengan pengesahan daripada pakar perubatan yang boleh memutuskan bahawa wujudnya keperluan mendesak supaya dijalankan proses pengguguran tersebut.[66] Dapatan terdahulu ini seiring dengan jadual sedia ada, di mana pengamalan responden terhadap pengguguran hanya berlaku jika ianya melibatkan perihal kesihatan ibu. Seramai 39 orang responden pernah melalui proses pengguguran, dan dikategorikan sebagai satu proses pengguguran yang selamat kerana

[61] Yusuf al-Qaradhawi, *Halal dan Haram dalam Islam,* 374.
[62] Maḥmūd Shaltūt, *al-Islām 'Aqīdah wa Sharī'ah,* 289-290.
[63] Zulfahmi Alwi, "Abortus dalam Pandangan Hukum Islam," *Hunafa: Jurnal Studia Islamika,* vol. 10, no. 2, Disember (2013), 306.
[64] Alhaji Umar Alkali et al., "Abortion: An Infringement of the Foetus' Right To Life in Islamic Law," *IIUM Law Journal*, vol. 23, no. 1 (2015), 90.
[65] Nelly Yusra, "Aborsi dalam Perspektif Hukum Islam," *Jurnal Perempuan, Agama dan Jender*, vol. 11, no. 1 (2012), 1-19.
[66] Rujuk perbincangan di bab, di bawah subtopik *'Proses Pengguguran'*, halaman 125.

University of Malaya

dilakukan atas nasihat pengamal perubatan disebabkan tahap kesihatan yang boleh memudaratkan bayi mahupun diri ibu sendiri.

5.5.7 Tahap Amalan Responden Terhadap Kelahiran

5.5.7.1 Trend proses kelahiran semasa

Jadual 5.25: Trend Proses Kelahiran Semasa

			Kekerapan	%
1.	Bersalin normal	Ya	415	87.9
2.	Vakum	Ya	19	4.0
3.	Ceaserean	Ya	120	25.4
4.	Lain-lain	Ya	8	1.7

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.25 di atas menunjukkan tentang *trend* kelahiran semasa responden. Setiap wanita mengimpikan suatu proses kelahiran yang selamat, walaupun ianya suatu proses menggerunkan yang perlu dilalui bagi wanita mengandung. Proses kelahiran selamat merupakan salah satu daripada tunggak utama dalam penjagaan ibu hamil *(safe motherhood)* selain aspek perancang keluarga, penjagaan antenatal serta pengendalian kebidanan (sakit puan) yang asas dan digariskan oleh WHO. Proses kelahiran selamat ini juga membawa maksud supaya ianya dikendalikan oleh individu yang terlatih dan dalam persekitaran yang sesuai bagi tujuan kelahiran. Trend kelahiran semasa bagi responden di negeri Selangor kebanyakannya adalah proses melahirkan secara normal dengan kekerapan seramai 415 orang (87.9%). Diikuti yang kedua tertinggi secara pembedahan *(ceaserean).*

University of Malaya

Menurut Wulandari[67] dan Jenius,[68] kelahiran secara normal lebih kepada kesakitan yang dialami melalui proses pengecutan rahim, yang seterusnya merangsang kepada pembukaan serviks secara perlahan-lahan dan diikuti dengan paksaan untuk membawa bayi keluar daripada faraj. Manakala bagi proses kelahiran secara pembedahan kebiasaannya menjadi pilihan selepas berlakunya beberapa komplikasi yang tidak membolehkan untuk kelahiran secara normal, maka satu proses kelahiran bayi melalui kaedah insisi uterus di bahagian abdomen akan dilakukan bertepatan dengan dapatan Hanafiah,[69] Gupta,[70] dan Bo1ey.[71]

5.5.7.2 Penglibatan positif pasangan ketika melalui proses kelahiran dan *post natal*

Jadual 5.26: Penjagaan ketika Proses Kelahiran dan *Postnatal*

Bil	Item		Kekerapan	%
1.	Adakah anda mengalami sebarang komplikasi ketika proses kelahiran	Tidak	348	73.7
2.	Adakah anda/suami menemani ketika setiap kali proses kelahiran	Ya	306	64.8
3.	Adakah anda/suami anda mengambil berat terhadap penjagaan kesihatan diri anda/isteri anda dari awal proses kelahiran hingga habis tempoh berpantang (post-natal).	Ya	386	81.8
4.	Adakah anda mendapatkan pemeriksaan berkala ibu dan bayi di mana-mana klinik/hospital selepas kelahiran	Ya	439	93.0

Sumber: Analisis Pengkaji

[67] Vina Eka Wulandari, "Faktor Risiko Yang Mempengaruhi Kasus Persalinan di Ugd Rsup Dr. Kariadi," (Fakulti Kedoktoran, Program Pendidikan Sarjana Kedoktoran, Universiti Diponegoro, 2013).

[68] Jenius L. Tobing & Hotma P. Pasaribu, *Persalinan Normal* (Indonesia: Jabatan Obstetrik & Ginekologi, Universiti Sumatera Utara, 2007), 2.

[69] Hanafiah Mohd Salleh, "Hubungan Pembedahan Caesarean Dengan Ciri-Ciri Demografi Di hospital Muar, Johor," *Jurnal Kesihatan Masyarakat*, vol. 8 (2002), 21.

[70] Gupta, Mili, "The Birth of Caesarean Section," *The University of Ontario Medical Journal*, vol. 78, no. 1 (2008), 79.

[71] Bo1ey, I.P., "The history of caesarian section," *Canadian Med: Assoc. J*, vol. 145, no. 4 (1991), 319-322.

University of Malaya

Jadual 5.26 menunjukkan pengamalan responden ketika proses kelahiran dan juga selepas kelahiran *(post natal)*. Penjagaan *postnatal* sebagaimana dinyatakan oleh Noor Aini,[72] merujuk kepada suatu tempoh masa yang perlu dilalui oleh wanita selepas proses kelahiran, sehingga alat kelamin dan rahim yang mengembang itu kembali normal. Permulaan perkiraan bermula daripada selepas kelahiran uri (fasa ketiga proses kelahiran) sehingga tempoh masa 42 hari. Turut dikenali sebagai tempoh waktu berpantang bagi ibu selepas bersalin.[73]

Semasa melalui proses *postnatal*, pentingnya untuk memastikan penjagaan yang sangat rapi bagi memastikan kesihatan pada ibu dan bayi. Ini kerana pada ketika itu, ibu yang menjalaninya akan mengalami proses perubahan hormon yang boleh mempengaruhi fizikal dan emosi ibu. Suatu garis panduan dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia[74] yang menggariskan setiap prosedur dan perkara yang perlu dilakukan oleh si ibu semasa proses post natal bagi memastikan kestabilan diri ibu dan bayi.

Hal ini bertepatan dengan dapatan dalam jadual 5.24, yang menunjukkan pengamalan positif dalam kalangan responden terhadap sesi penjagaan *post natal*, di mana suami turut memberikan kerjasama dalam urusan rumah tangga selain membawa isteri menjalankan pemeriksaan kesihatan mengikut garis panduan yang disarankan, walaupun masih ada segelintir kelompok suami yang tidak berperanan sebagaimana dianjurkan.

---

[72] Noor Aini Karimoon, "Perawatan Post Natal di Rumah," *Portal My Health, Kementerian Kesihatan Malaysia*, dicapai pada 20 Jun 2017, http://www.myhealth.gov.my/perawatan-postnatal-di-rumah/

[73] Aishah@Eshah Haji Mohamed & Abd. Aziz Hj. Bidin, "Penjagaan Kesihatan Wanita Semasa dalam Pantang: Amalan dan Kepercayaan," 20.

[74] Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia, *Garis Panduan Pusat Bersalin Alternatif (ABC) di Klinik Kesihatan* (Kuala Lumpur: KKM, 2013). Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga & Lembaga Bidan Malaysia, "Garis Panduan Perawatan Ibu Postnatal di Hospital," dicapai pada 20 Jun 2017, http://fh.moh.gov.my/v3/index.php/component/jdownloads/send/18-sektor-kesihatan-ibu/230-garis-panduan-perawatan-ibu-postnatal-di-hospital?option=com_jdownloads

5.5.8 Tahap Amalan Responden Terhadap Keganasan Rumah Tangga

5.5.8.1 Situasi yang menyumbang kepada keadaan tidak selamat seorang isteri

Jadual 5.27: Situasi Tidak Selamat Seorang Isteri

			N = 245	%
1.	Pernahkah anda merasa tidak selamat ketika berada bersama suami	Pernah	118	48.2
		Tidak Pernah	127	51.8
2.	Ketika sedang dalam pergaduhan	Ya	96	81.4
3.	Ketika suami sedang ada masalah kewangan	Ya	85	72
4.	Ketika suami sedang beremosi	Ya	88	74.6
5.	Berbincang dengan baik	Ya	101	85.6
6.	Ambil masa untuk berjauhan seketika	Ya	54	45.8
7.	Menegur dengan baik	Ya	99	83.9

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.27 menunjukkan tentang situasi yang boleh menyumbang kepada keadaan dan rasa tidak selamat isteri ketika bersama dengan suaminya. Aspek ini dinilai bagi melihat wujud atau tidak unsur keganasan rumah tangga dalam rumah tangga responden. Dalam bahagian keganasan rumah tangga ini hanya dijawab oleh responden perempuan seramai 245 orang sahaja. Pengamalan semasa antara ya atau tidak bagi situasi tidak selamat dalam kalangan isteri, tidak mempunyai jumlah yang jauh berbeza kerana kedua-duanya hampir sama dengan selang perbezaan seramai sembilan orang. Jawapan pernah seramai 118 orang dan jawapan yang mengatakan tidak pernah seramai 127 orang. Kebanyakan responden mengakui bahawa perasaan dan situasi tidak selamat itu kebiasaannya muncul ketika berlaku pergaduhan, suami sedang beremosi dan juga apabila dibelenggu dengan masalah kewangan. Dapatan ini hampir sama sepertimana

University of Malaya

perbincangan Jal Zabdi[75] dan Che Zuina[76] yang merumuskan bahawa perihal isu nafkah dan kewangan selain permasalahan lain yang melibatkan campur tangan pihak ketiga boleh mengundang kepada permasalahan dan pergaduhan sesebuah rumah tangga.

5.5.8.2 Perlakuan kasar suami terhadap isteri dalam bentuk perkataan, perbuatan dan hubungan seksual

Jadual 5.28: Perlakuan kasar suami terhadap isteri

Bil	Item		N = 245	%
1.	Adakah anda pernah merasa diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perkataan	Ya	113	46.1
		Tidak	132	53.9
2.	Adakah anda pernah merasa diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perbuatan (dipukul/ditendang/dilempar dengan sesuatu dll)	Tidak	212	86.5
3.	Adakah anda pernah dipaksa untuk melakukan hubungan seks secara paksa/luar dari kerelaan anda sebagai isteri	Ya	121	49.4
		Tidak	124	50.6

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.28 menunjukkan tentang perlakuan kasar suami terhadap isteri sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan mahupun hubungan seksual suami isteri. Pada asasnya, bentuk keganasan rumah tangga sebagaimana dijelaskan dalam perbincangan bab 3 sebelum ini,[77] turut seiring dengan pandangan Maizatul,[78] boleh terjadi dalam beberapa bentuk, iaitu penderaan psikologi dan emosi, fizikal, seksual dan juga sosial. Di setiap

[75] Jal Zabdi Mohd Yusoff, *Jenayah Keganasan Rumah Tangga*, 12.

[76] Che Zuina Ismail & Liziana Kamarul Zaman, "Masalah Keganasan Rumah Tangga Terhadap Wanita dan Cara-Cara Mengatasinya Menurut Undang-Undang Malaysia," dalam *Wanita dan Undang-Undang Siri 3: Isu Jenayah dan Etika* (Shah Alam: Universiti Teknologi Mara UiTM, 2014), 78.

[77] Rujuk perbincangan di bab 3, di bawah subtopik *'Hak terhadap perlindungan fizikal dan keganasan seksual'*, halaman 180-184.

[78] Maizatul Akmam Abu Bakar et al., "Keganasan Rumah Tangga: Corak, Punca dan Kaedah Penyelesaian," *Prosiding Seminar Kaunseling Keluarga* (Johor Bahru: t.t.p. 2008), 29.

University of Malaya

bentuk tersebut wujud jenis perbuatan dan perkataan yang boleh dikategori sebagai salah satu aspek keganasan rumah tangga.

Merujuk kepada dapatan sedia ada, rata-rata responden mengakui pernah diperlakukan secara kasar dalam bentuk perkataan dengan bilangan seramai 113 orang. Manakala perlakuan kekasaran melalui cara hubungan seksual, sama ada amalan luar kerelaan atau secara paksa seramai 121 orang. Jika diperlihatkan, bentuk kekasaran yang paling rendah dengan bilangan seramai 33 orang sahaja hanya terjadi melalui kekasaran secara pukulan fizikal. Walau bagaimanapun, keadaan dan frekuensi seperti ini tetap menunjukkan kepada satu tahap pengamalan yang sedang dihadapi oleh wanita berkahwin dalam kadar yang membimbangkan.

Kekasaran melalui perkataan boleh terjadi apabila suami kerap menengking isteri dan memarahi isteri dengan menggunakan ucapan-ucapan yang tidak sepatutnya. Begitu juga secara pukulan apabila berlaku sentuhan atau penderaan secara kasar terhadap tubuh badan isteri. Manakala kekasaran secara seksual berlaku apabila sesuatu hubungan seksual itu dipaksa dilakukan dengan keterpaksaan selain cara yang tidak dipersetujui kedua-dua pihak.

Perkara ini telah diperjelaskan dalam perbincangan sebelum ini[79] berkaitan hubungan seksual yang harus dilakukan dengan kerelaan dan rasa selamat antara kedua-dua pihak, tetapi pengamalan semasa menunjukkan masih wujud unsur diskriminasi terhadap isteri dalam aspek hubungan seksual ini. Jenis-jenis kekasaran sebegini boleh mengundang kepada rasa ketakutan sekaligus memberikan kesan gangguan emosi berpanjangan kepada

[79] Rujuk perbincangan bab 2, di bawah subtopik *'Seksualiti Rumah Tangga'*, halaman 107-120.

pihak isteri sekiranya dibiarkan tanpa pembelaan. Ellyia Ullfah,[80] jika menurut rekod simpanan Unit D11, Polis Diraja Malaysia (PDRM), aduan yang diterima berkaitan dengan jenayah melibatkan seksual ini tidak membimbangkan berbanding jenayah melibatkan fizikal, tetapi apa yang diperoleh pada ketika ini menunjukkan sebaliknya.

5.5.8.3 Aduan kekasaran terhadap pihak berkepentingan

Jadual 5.29: Aduan Kekasaran terhadap Pihak Berkepentingan

			Kekerapan	%
1.	Pernahkah anda mengadu tentang kekasaran yang dilakukan oleh suami terhadap anda pada mana-mana agensi/orang persendirian	Tidak	231	94.3
2.	Balai Polis berhampiran.	Ya	4	1.6
3.	Keluarga terdekat	Ya	16	6.5
4.	Sahabat dan rakan-rakan yang boleh dipercayai.	Ya	8	3.3
5.	Mana-mana NGO (Badan bukan kerajaan) di tempat anda.	Tidak	243	99.2

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.29 menunjukkan tentang aduan terhadap kekasaran yang diterima kepada mana-mana pihak berkepentingan. Rata-rata responden mengatakan bahawa tidak pernah mengadu kekasaran yang diterima kepada mana-mana pihak berkepentingan mahupun mana-mana individu perseorangan. Hanya segelintir sahaja yang melakukan aduan kepada keluarga terdekat, dan seramai empat orang sahaja yang mengajukannya ke balai polis.

Amalan ini suatu yang membimbangkan kerana masyarakat seharusnya sedar, bahawasanya terdapat pelbagai jaringan sokongan formal yang menjadi perantara dalam membantu mangsa keganasan rumah tangga. Peranan yang dimainkan samada dari aspek psikologi, emosi, sosial, perundangan, penempatan dan sebagainya bagi membantu mangsa

[80] Ellyia Ullfah (Asp D11, Unit Keganasan Rumah Tangga, Polis Diraja Malaysia), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 30 Ogos 2016.

University of Malaya

keganasan rumah tangga ini.[81] Pada asasnya juga, terdapat garis panduan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan yang boleh dijadikan rujukan kepada kaum wanita atau isteri apabila berhadapan dengan situasi ini. Ianya sebagai langkah dalam menangani dan mendepani situasi-situasi keganasan rumah tangga ini, meliputi perkara dan tindakan yang harus dilakukan.[82]

5.5.9 Amalan Masyarakat Berkaitan Peranan Hak Reproduktif Wanita Berkahwin Mengikut Domain dan Daerah

Setiap huraian bagi aspek hak reproduktif wanita berkahwin yang diketengahkan ini diterjemahkan kepada perincian secara jadual. Jadual ini menunjukkan pengamalan semasa peranan hak reproduktif wanita berkahwin mengikut domain dan daerah yang terlibat.

Jadual 5.30: Amalan Masyarakat Berkaitan Peranan Hak Reproduktif Wanita Mengikut Domain dan Daerah

Amalan		DAERAH				
		Gombak (N=50)	Hulu Langat (N=54)	Hulu Selangor (N=52)	Klang (N=56)	Kuala Langat (N=49)
Perkahwinan	Perkahwinan bebas daripada unsur paksaan	43	38	42	41	35
Seksual	Seksual aktif suami isteri	48	38	52	50	41
	Amalan seksual luar kerelaan isteri	**38**	16	**52**	33	**39**
Kehamilan	Kehamilan yang	**24**	9	**51**	22	**30**

[81] Mariny Abdul Ghani et al., "Isu Keganasan Rumahtangga: Keberkesanan Perkhidmatan Kaunseling Berdasarkan Perspektif Klien Wanita Mangsa Penderaan," *Jurnal Kemanusiaan*, vol. 25, no. 2 (2016), 6; Ellyia Ullfah (Asp D11, Unit Keganasan Rumah Tangga, Polis Diraja Malaysia), dalam temu bual beliau dengan penulis, pada 30 Ogos 2016.

[82] Women Aid Organisation. *Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga*. Dicapai pada 22 Jun 2017. Melalui laman sesawang http://wao.org.my/file/Garis+Panduan+Pengendalian+Kes+Keganasan+Rumah+Tangga+-+Final_compressed.pdf

University of Malaya

	tidak diingini					
	Penglibatan positif suami dalam penjagaan fizikal isteri	47	51	52	54	48
Kontraseptif	Jarak ideal susunan anak	20	18	24	30	18
	penyusunan jarak anak kerana faktor kewangan	40	42	24	48	41
	Penggunaan kontraseptif	22	21	23	35	33
Penguguran	Masalah kesihatan sebagai faktor utama pengguguran	3	4	0	0	1
Kelahiran	Penglibatan positif pasangan	44	48.5	45.5	50	45
Keganasan Rumah Tangga	Situasi yang menyumbang kepada keadaan tidak selamat isteri	**26**	**26**	2	21	16
	Perlakuan kasar suami terhadap isteri-Perkataan / Perbuatan / Hub. Seksual	12	10	0	**26**	**20**

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.30 (sambungan)

Amalan		**DAERAH**			
		Kuala Selangor (N=50)	**Petaling (N=56)**	**Sabak Bernam (N=51)**	**Sepang (N=54)**
Perkahwinan	Perkahwinan bebas daripada unsur paksaan	46	**24**	50	**30**
Seksual	Seksual aktif suami isteri	50	43	51	45

University of Malaya

	Amalan seksual luar kerelaan isteri	**50**	25	**51**	**38**
Kehamilan	Kehamilan yang tidak diingini	**49**	19	**49**	26
	Penglibatan positif suami dalam penjagaan fizikal isteri	50	53	51	51
Kontraseptif	Jarak ideal susunan anak	31	21	32	19
	penyusunan jarak anak kerana faktor kewangan	18	46	27	45
	Penggunaan kontraseptif	**19**	24	**22**	33
Penguguran	Masalah kesihatan sebagai faktor utama pengguguran	0	2	0	1
Kelahiran	Penglibatan positif pasangan	48	49.5	50	50
Keganasan Rumah Tangga	Situasi yang menyumbang kepada keadaan tidak selamat isteri	5	7	6	9
	Perlakuan kasar suami terhadap isteri-Perkataan / Perbuatan / Hub. Seksual	0	4	4	17

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.30 ini merupakan kesinambungan pengamalan semasa peranan hak reproduktif wanita berkahwin mengikut domain dan daerah. Antara ketujuh domain utama yang diketengahkan, empat domain utama memperlihatkan fenomena polemik yang tersendiri antara setiap daerah di negeri Selangor. Empat domain tersebut adalah seksual suami isteri, kehamilan, penggunaan kontraseptif dan juga keganasan rumah tangga. Bagi tiga lagi domain seperti perkahwinan, kelahiran dan pengguguran memperlihatkan kesederhanaan pengamalan dalam kalangan masyarakat.

Bagi item hubungan seksual, kesemua daerah memperlihatkan perjalanan hubungan seksual yang masih aktif antara pasangan suami isteri berdasarkan kekerapan perlakuan

University of Malaya

seksual pasangan. Aspek yang membimbangkan hanyalah bagi amalan seksual di luar kerelaan isteri. Daerah yang memperlihatkan kepincangan seperti di daerah Gombak, Hulu Selangor, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Sepang. Dapatan bagi daerah yang sama untuk amalan kehamilan yang tidak diingini. Perkara ini seakan menunjukkan satu kesinambungan dalam membuat hipotesis awalan tentang amalan seksualiti masyarakat di daerah-daerah ini.

Bagi amalan penggunaan kontraseptif pula, setiap daerah menunjukkan jumlah yang sederhana. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut berkisar pada penggunaan kontraseptif secara tradisional, bukan kaedah moden sepertimana yang dijelaskan secara panjang lebar dalam bahagian sebelum ini. Faktor kepada penolakan penggunaan kontraseptif moden juga lebih kepada rasa dan stigma negatif yang bermain mengikut andaian sendiri tanpa sebarang sandaran kukuh daripada pakar yang berautoriti dalam hal ini.

Manakala bagi domain keganasan rumah tangga menunjukkan pengamalan yang membimbangkan apabila pengamalan semasa memperlihatkan masih ada suasana yang mewujudkan rasa tidak selamat isteri ketika berada dengan suami. Ia disertai dengan amalan perlakuan kasar yang dilakukan kepada isteri sama ada fizikal, perkataan dan seksual terutama bagi daerah Gombak, Hulu Langat, Klang, Kuala Langat dan Sepang.

5.6 INFERENSI KONSTRUK KEFAHAMAN DAN AMALAN BERKAITAN HAK REPRODUKTIF WANITA

Bahagian ini akan membincangkan tentang hasil analisis inferensi yang dijalankan dalam menguji beberapa persoalan kajian seterusnya menjawab objektif kajian. Persoalan kajian yang terlibat dengan analisis ujian secara inferensi diringkaskan seperti jadual 5.31 di bawah:

University of Malaya

Jadual 5.31: Ringkasan Jenis Ujian Analisis Inferensi bagi Persoalan Kajian

Bil	Soalan Kajian	Jenis Ujian
1.	Apakah terdapat perkaitan/hubungan di antara kefahaman dan amalan masyarakat di Selangor tentang hak reproduktif wanita berkahwin?	Ujian *Chi Square* (Khi Kuasa Dua)
2.	Apakah terdapat perbezaan di antara lelaki dan perempuan dalam tahap kefahaman dan amalan hak reproduktif wanita berkahwin?	Ujian T
3.	Apakah terdapat perbezaan di antara masyarakat bandar dan luar bandar dalam kefahaman dan amalan hak reproduktif wanita berkahwin?	Ujian T
4.	Apakah faktor-faktor signifikan yang mempengaruhi kefahaman dan amalan tentang hak reproduktif wanita di Negeri Selangor?	Ujian Regresi Logistik Kaedah Stepwise.

Sumber: Analisis Pengkaji

5.6.1 Ujian Kenormalan (*Normality Test*)

Laporan data di bahagian ini akan dimulakan dengan ujian kenormalan, bagi melihat data-data yang diperolehi bertabur secara taburan normal atau tidak. Bagi mendapatkan keputusan ini, ujian kenormalan dijalankan ke atas keseluruhan data responden yang ada. Ujian ini merupakan suatu yang amat penting kerana ia akan menentukan jenis analisis data yang akan dijalankan.[83] Kenormalan data digunakan untuk menerangkan simentri data yang membentuk lengkongan atau kelok seperti loceng *(Bell shaped curve)*.[84] Apabila data yang diuji mempunyai taburan normal, bermakna ianya telah menepati salah satu syarat untuk menggunakan ujian parametrik seperti ujian T, dan regressi logistik bagi menganalisis data.[85] Hasil daripada ujian kenormalan yang dijalankan, taburan data di ringkaskan sebagaimana jadual 5.32 di bawah:

[83] Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan,* 119.
[84] Rahim Utah, *IBM SPSS Statistics For Window 21,* 105.
[85] Rahim Utah, *IBM SPSS Statistics For Window 21,* 105.

University of Malaya

Jadual 5.32: Taburan Data bagi Setiap Konstruk Bahagian Soal Selidik

	Kolmogorov-Smirnov		
	Statistik	*df*	*Sig.*
Perkahwinan	0.203	472	0.001*
Seksual	0.156	472	0.001*
Kehamilan	0.164	472	0.001*
Kontraseptif	0.165	472	0.001*
Penguguran	0.135	472	0.001*
Kelahiran	0.168	472	0.001*
Keganasan	0.224	472	0.001*

Sumber: Analisis Pengkaji

Melalui ujian kenormalan Kolmogorov-Smirnov, menunjukkan kesemua data yang ada tidak bertabur secara normal P<0.05 secara statistik, tetapi disebabkan saiz sampel yang besar, iaitu seramai 472 orang, data ini boleh di kira bertabur secara normal.[86]

5.6.2 Persoalan Kajian: Adakah terdapat perbezaan di antara lelaki dan perempuan dalam pemahaman dan amalan hak reproduktif wanita?

Jadual 5.33: Ujian T Perbezaan Lelaki dan Perempuan

	Lelaki (N=227)		**Perempuan (N=245)**			
	Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai	*t*	*P*
Perkahwinan	2.80	0.46	3.37	0.62	-11.44	0.001*
Seksual	3.44	0.28	3.76	0.35	-10.70	0.001*
Kehamilan	3.51	0.35	3.88	0.40	-10.40	0.001*
Kontraseptif	3.01	0.31	3.43	0.35	-13.80	0.001*
Pengguguran	4.16	0.35	4.10	0.48	1.65	0.100
Kelahiran	3.22	0.51	3.80	0.48	-12.72	0.001*
Keganasan	3.17	0.25	3.50	0.36	-11.60	0.001*
Jumlah	**3.33**	**0.24**	**3.69**	**0.29**	**-14.68**	**0.001***

[86] Ahmad Atory Hussain, *Pengantar Statistik: Pendekatan Memahami Statistik Penyelidikan Untuk Golongan Sains Sosial* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2004), 92.

University of Malaya

Sumber: Analisis Pengkaji

Merujuk pada jadual 5.33 di atas, setiap aspek hak reproduktif wanita berkahwin mempunyai perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan nilaian perempuan mendahului lelaki kecuali bagi aspek pengguguran. Ini boleh dirujuk pada ujian t-test bagi aspek perkahwinan (3.37±0.62), seksual (3.76±0.35), kehamilan (3.88±0.40), kontraseptif (3.43±0.35), kelahiran (3.80±0.48), dan keganasan rumah tangga (3.55±0.36) adalah lebih tinggi berbanding lelaki, iaitu [perkahwinan (2.80±0.46)], [seksual (3.44±0.28)], [kehamilan (3.51±0.35)], [kontraseptif (3.01±0.31)], [kelahiran (3.22±0.51)], dan [keganasan rumah tangga (3.17±0.25)] secara statistik.

Berbeza dengan aspek pengguguran yang tidak memperlihatkan sebarang nilai signifikan secara statistik apabila (t = 1.65, p = 0.100). Ini memberikan implikasi bahawa aspek pengguguran adalah sama di antara jantina lelaki dan perempuan.

Secara keseluruhannya bagi semua aspek hak reproduktif wanita berkahwin dalam konteks perbezaan antara jantina ini sememangnya menunjukkan perbezaan yang signifikan (t = -14.68, p = 0.001) di mana perempuan adalah lebih tinggi (3.69±0.29) berbanding lelaki (3.33±0.24) secara statistik. Justeru, atas dasar perbezaan signifikan ini, kajian ini **menolak hipotesis nul** $[Ho^1]$ yang ada. Perkara ini juga memperlihatkan bahawa setiap aspek ini lebih sinonim dengan kaum wanita berbanding kaum lelaki. Tetapi bukanlah suatu perkara yang agak janggal kerana ironinya aspek ini adalah peranan khusus yang dilalui sendiri oleh kaum wanita sendiri. Justeru, tidak mustahil untuk kaum wanita sendiri yang menguasai kefahaman tentangnya.

University of Malaya

5.6.3 Persoalan Kajian: Adakah terdapat perbezaan di antara masyarakat bandar dan luar bandar dalam pemahaman dan amalan hak reproduktif wanita?

Jadual 5.34: Ujian T Perbezaan Bandar dan Luar Bandar

Kategori Penempatan	Bandar (N=308)		Luar Bandar (N=164)		*t*	*P*
	Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai		
Perkahwinan	3.17	0.63	2.97	0.57	3.37	0.001*
Seksual	3.63	0.35	3.55	0.36	2.50	0.013*
Kehamilan	3.73	0.43	3.66	0.40	1.67	0.095
Kontraseptif	3.25	0.38	3.19	0.42	1.57	0.116
Pengguguran	4.14	0.45	4.12	0.36	0.53	0.594
Kelahiran	3.59	0.54	3.39	0.61	3.68	0.001*
Keganasan	3.34	0.38	3.34	0.30	-0.27	0.788
Jumlah	3.55	0.32	3.46	0.32	2.90	0.004*

Sumber: Analisis Pengkaji

Merujuk pada jadual 5.34 di atas, hanya tiga aspek hak reproduktif wanita berkahwin yang mempunyai perbezaan signifikan antara kategori penempatan bandar dan luar bandar. Selebihnya sebanyak empat aspek pula tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan. Ujian yang memperlihatkan perbezaan secara signifikan hanya dikenal pasti pada aspek perkahwinan, seksual dan kelahiran sahaja. Keputusan ini membawa satu implikasi bahawa tahap kefahaman dan pengamalan peranan hak reproduktif wanita berkahwin yang berkaitan tiga aspek ini adalah berbeza dalam kalangan penduduk bandar dan luar bandar. Perbezaan ini juga menunjukkan akan kepekaan dan pengamalan yang lebih positif dalam kalangan warga bandar berbanding luar bandar melalui penilaian terhadap perkahwinan (3.17±0.63), seksual suami isteri (3.63±0.35) dan kelahiran (3.59±0.54) secara statistik.

University of Malaya

Manakala bagi aspek yang tidak mempunyai perbezaan signifikan seperti kehamilan, kontraseptif, pengguguran dan keganasan rumah tangga menunjukkan bahawa kalangan warga bandar dan luar bandar, kedua-duanya mempunyai pemahaman dan pengamalan yang sama. Sungguhpun demikian, hasil keseluruhan masih memperlihatkan dapatan (t=3.55, p=0.004), justeru kajian secara langsungnya **menolak hipotesis nul** $[Ho^1]$ kerana wujud perbezaan signifikan secara statistik.

5.6.4 Persoalan Kajian: Adakah terdapat hubungan di antara kefahaman dan amalan masyarakat di Selangor tentang hak reproduktif wanita?

Bagi menjawab soalan kajian ini, ujian Khi Kuasa Dua (*chi square)* telah dijalankan, dan hasil dapatannya sebagaimana dalam jadual 5.35 di bawah:

Jadual 5.35: Hubungan *Chi Square* Tahap Kefahaman Hak Reproduktif Wanita dengan Faktor-faktor Amalan Setiap Aspek Hak Reproduktif Wanita yang dikaji

		Pengetahuan					
		Sederhana (min=2.34-3.66)		Tinggi (min=3.67-5.00)			
		N	%	N	%	χ^2	P
Keputusan bagi persetujuan untuk berkahwin dibuat oleh	Diri saya sendiri	57	16.8	40	30.1	31.08	0.001*
	Bakal pasangan dan diri saya sendiri	272	80.2	77	57.9		
	Ahli keluarga saya	1	0.3	0	0.0		
	Ibu bapa saya	8	2.4	15	11.3		
	Lain-lain	1	0.3	1	0.8		
Pada pendapat anda, cara yang terbaik dalam menentukan waktu untuk berkahwin adalah berdasarkan	Kehendak diri saya sendiri	35	10.3	35	26.3	24.88	0.001*
	Bakal pasangan dan diri saya sendiri	288	85.0	88	66.2		
	Kehendak ahli keluarga saya (adik beradik)	3	0.9	1	0.8		
	Kehendak ibu bapa	8	2.4	8	6.0		
	Lain-lain	5	1.5	1	0.8		

University of Malaya

Berapa kali kekerapan anda melakukan hubungan seks bersama pasangan dalam seminggu	1 Kali	31	9.1	23	17.3	30.91	0.001*
	2 kali	135	39.8	51	38.3		
	3 kali	149	44.0	32	24.1		
	4 kali	24	7.1	27	20.3		
Pernahkah anda berkomunikasi/berbincang tentang hubungan seks bersama pasangan	Pernah	323	95.3	126	94.7	0.06	0.805
	Tidak Pernah	16	4.7	7	5.3		
Adakah anda mengetahui bahawa memperoleh kenikmatan dalam berhubungan seks juga merupakan hak seorang isteri	Ya	283	83.5	127	95.5	12.57	0.002
	Tidak	3	0.9	1	0.8		
	Tidak Pasti	53	15.6	5	3.8		
Pernahkah anda/pasangan mengutarakan hal tentang hubungan seks sekiranya tidak mendapatkan kepuasan tersebut	Pernah	255	75.2	91	68.4	13.39	0.001
	Tidak Pernah	14	4.1	18	13.5		
	Tidak Selalu	70	20.6	24	18.0		
Pernahkah anda/pasangan meminta untuk melakukan hubungan seksual secara terpaksa, di luar kehendak/bukan di waktu keinginan anda	Pernah	209	61.7	40	30.1	63.22	0.001*
	Tidak Pernah	66	19.5	75	56.4		
	Tidak Selalu	64	18.9	18	13.5		
Pernahkah anda/isteri anda mengalami proses kehamilan yang tidak diingini (bukan pada waktu, keadaan yang sesuai dan anda masih belum bersedia).	Pernah	235	69.3	44	33.1	51.90	0.001*
	Tidak Pernah	104	30.7	89	66.9		
Apakah anda/isteri melakukan pemeriksaan berkala yang ditetapkan dalam tempoh kehamilan?	Ya	327	96.5	114	85.7	16.28	0.001*
	Tidak	11	3.2	16	12.0		
	Tidak Selalu	1	0.3	3	2.3		
Pernahkah anda/isteri mengalami komplikasi yang teruk dalam tempoh kehamilan?	Pernah	107	31.6	118	88.7	125.11	0.001*
	Tidak Pernah	232	68.4	15	11.3		
Pada kehamilan ke berapa anda/isteri anda mengalami komplikasi tersebut?	1.00	48	44.9	74	62.7	8.82	0.012
	2.00	49	45.8	32	27.1		
	3.00	10	9.3	12	10.2		
Adakah anda/suami anda melibatkan diri membantu urusan rumah tangga dalam setiap proses kehamilan anda?	Ya	291	85.8	117	88.0	1.08	0.582
	Tidak	5	1.5	3	2.3		
	Tidak Selalu	43	12.7	13	9.8		

University of Malaya

Adakah anda/isteri anda mengambil makanan yang berkhasiat sepanjang tempoh kehamilan anda?	Ya	304	89.7	124	93.2	1.81	0.405
	Tidak	2	0.6	1	0.8		
	Tidak Selalu	33	9.7	8	6.0		
Berapa orang anak yang anda miliki?	1 Orang	28	8.3	29	21.8	21.67	0.001*
	2 orang	170	50.1	43	32.3		
	3-5 orang	133	39.2	55	41.4		
	Lebih 6 orang	8	2.4	6	4.5		
Berapakah jarak tahun bagi setiap anak?	1 tahun	160	47.2	23	17.3	46.69	0.001*
	2 tahun	145	42.8	73	54.9		
	3-5 tahun	28	8.3	31	23.3		
	Lebih 6 tahun	6	1.8	6	4.5		
Siapakah yang terlibat dalam membuat keputusan mengenai saiz keluarga/jarak anak?	Suami	53	15.6	4	3.0	28.60	0.001*
	Diri sendiri	34	10.0	5	3.8		
	Bersama-sama	247	72.9	122	91.7		
	Pengamal Perubatan	2	0.6	2	1.5		
	Individu lain	3	0.9	0	0.0		
Adakah anda/pasangan anda mengamalkan perancangan keluarga	Ya	162	47.8	70	52.6	0.71	0.398
	Tidak	177	52.2	63	47.4		
Adakah anda/pasangan anda dibekalkan dengan bahan maklumat/pemahaman prosedur yang mencukupi untuk anda membuat pilihan kaedah kontraseptif	Ya	72	44.4	50	71.4	13.21	0.001*
	Tidak	90	55.6	20	28.6		
Sudah berapa lamakah anda/pasangan anda menggunakan kaedah kontraseptif tersebut	1 Tahun	20	12.3	17	24.3	15.82	0.001
	2 tahun	82	50.6	23	32.9		
	3-5 tahun	49	30.2	16	22.9		
	Lebih 6 tahun	11	6.8	14	20.0		
Adakah anda pernah mengikuti mana-mana program/ceramah berkaitan perancangan keluarga dari mana-mana agensi	Ya	29	8.6	38	28.6	29.80	0.001*
	Tidak	310	91.4	95	71.4		
Pernahkah anda/isteri mengalami/menjalani pengguguran kandungan	Ya	11	3.2	28	21.1	37.65	0.001*
	Tidak	328	96.8	105	78.9		
Siapakah yang terlibat dalam membuat keputusan untuk menjalani pengguguran	2.00	2	22.2	3	12.5	1.86	0.602
	3.00	2	22.2	11	45.8		
	5.00	4	44.4	7	29.2		
	6.00	1	11.1	3	12.5		

University of Malaya

Adakah anda mengalami sebarang komplikasi ketika proses kelahiran	Ya	97	28.6	27	20.3	3.41	0.065
	Tidak	242	71.4	106	79.7		
Adakah anda/suami menemani ketika setiap kali proses kelahiran	Ya	215	63.6	90	67.7	0.69	0.406
	Tidak	123	36.4	43	32.3		
Adakah anda/suami anda mengambil berat terhadap penjagaan kesihatan diri anda/isteri anda dari awal proses kelahiran hingga habis tempoh berpantang (post-natal).	Ya	280	82.6	106	79.7	11.12	0.004
	Tidak	20	5.9	19	14.3		
	Tidak Selalu	39	11.5	8	6.0		
Adakah anda mendapatkan pemeriksaan berkala ibu dan bayi di mana-mana klinik/hospital selepas kelahiran	Ya	321	94.7	118	88.7	5.23	0.022
	Tidak	18	5.3	15	11.3		
Pernahkah anda merasa tidak selamat ketika berada bersama suami	Pernah	70	51.9	48	43.6	1.64	0.201
	Tidak Pernah	65	48.1	62	56.4		
Adakah anda pernah merasa diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perkataan	Ya	63	46.7	50	45.5	0.04	0.850
	Tidak	72	53.3	60	54.5		
Adakah anda pernah merasa diperlakukan secara kasar oleh suami dalam bentuk perbuatan (dipukul/ditendang/dilempar dengan sesuatu dll)	Ya	25	18.5	8	7.3	6.58	0.010
	Tidak	110	81.5	102	92.7		
Adakah anda pernah dipaksa untuk melakukan hubungan seks secara paksa/luar dari kerelaan anda sebagai isteri	Ya	60	44.4	61	55.5	2.94	0.086
	Tidak	75	55.6	49	44.5		
Pernahkah anda mengadu tentang kekasaran yang dilakukan oleh suami terhadap anda pada mana-mana agensi/orang persendirian	Ya	8	5.9	6	5.5	0.03	0.874
	Tidak	127	94.1	104	94.5		

**Signifikan P<0.05*

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.35 menunjukkan analisis *chi square* yang dijalankan bagi melihat sejauh mana hubungan dan perkaitan yang wujud di antara tahap kefahaman dan amalan responden di negeri Selangor berkaitan dengan hak reproduktif wanita berkahwin bermula

University of Malaya

dengan perihal perkahwinan, kehamilan, perancangan keluarga dan penggunaan kontraseptif, pengguguran, kelahiran dan juga keganasan rumah tangga. Bagi melihat adakah wujud hubungan secara keseluruhannya antara kefahaman dan amalan dinyatakan sebagaimana jadual 5.36 di bawah:

Jadual 5.36: Hubungan Kefahaman dan Amalan Hak Reproduktif Wanita

		Kefahaman					
		Sederhana		**Tinggi**			
		N	%	N	%	χ^2	P
Amalan	Sederhana	287	84.7	49	36.8	106.49	0.001*
	Tinggi	52	15.3	84	63.2		

Sumber: Analisis Pengkaji

Secara umumnya, dalam jadual 5.36 di atas, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($\chi 2$=106.46, P=0.001) di antara pengetahuan dan amalan reproduktif wanita berkahwin dengan nilaian sederhana, iaitu 84.7%, jika dibandingkan dengan kumpulan pengetahuan dan amalan yang tinggi, iaitu 63.2% secara statistik. Hasil ini menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan yang sederhana di antara kefahaman dan amalan hak reproduktif wanita berkahwin. Dapatan ini juga secara automatiknya akan menolak **menolak hipotesis nul** [Ho^1] kerana wujud perbezaan signifikan secara statistik.

Petunjuk yang diperoleh daripada dapatan ini memberikan kesimpulan bahawa sungguhpun masih ada hubungan yang signifikan antara kedua-duanya, tetapi aplikasi kefahaman yang ada dengan pengamalan semasa hanya berada dalam kadar hubungan yang sederhana. Dalam erti kata lain, perkaitan antara kefahaman dan pengamalan masih perlu kepada penambahbaikan, dan pemurnian jika inginkan suatu perkaitan tahap kefahaman dan pengamalan yang tinggi. Ini kerana asasnya, setiap pengamalan dan sikap yang terbentuk adalah didasari dengan domain kognitif yang dimiliki oleh seseorang,

University of Malaya

kerana pengetahuan adalah suatu faktor kekuatan dalam membentuk sikap atau pengamalan seseorang sepertimana pandangan Maolinda et al.[87] Kerana itu, semakin baik atau tinggi pengetahuan maka akan terhasil satu pengamalan yang positif.[88]

Justeru dapatan ini memberikan satu respon dalam kalangan masyarakat di Selangor tidak kira bagi golongan lelaki atau perempuan, bahawa tahap pengamalan mereka dipengaruhi oleh tahap kefahaman mereka, iaitu semakin tinggi kefahaman mereka berkaitan dengan hak reproduktif wanita berkahwin, maka pengamalannya juga akan menjadi positif dan terjaga. Bertitik tolak daripada itu, perlunya ruang pengisian dan penambahbaikan dalam mana-mana bahagian yang dilihat kurang memberangsangkan supaya tidak berlakunya pengabaian yang serius terhadap hak reproduktif wanita berkahwin.

5.6.5 Persoalan Kajian: Apakah faktor-faktor signifikan yang mempengaruhi kefahaman dan amalan tentang hak reproduktif wanita di Negeri Selangor?

Jadual 5.37: Faktor-faktor Signifikan Mempengaruhi Hak Reproduktif Wanita Berkahwin

					95% C.I.for EXP(B)			
	B	*Wald*	*Sig.*	*Exp(B)*	*Lower*	*Upper*	*Cox & Snell R2 Square*	*Nagelkerke R Square*
Kehamilan	0.98	9.16	0.00	2.66	1.41	5.00	0.16	0.21
Kelahiran	1.07	18.90	0.00	2.91	1.80	4.70		
Constant	-7.92	62.61	0.00	0.00				

Sumber: Analisis Pengkaji

[87] Nisa Maolinda, Aat Sriati & Ida Maryati, "Hubungan Pengetahuan dengan Sikap Siswa Terhadap Pendidikan Kesihatan Reproduksi Remaja di SMAN 1 Margahayu," *E-Journal Mahasiswa dan Pasca Sarjana Universitas Padjajaran, Indonesia*, vol. 1, no. 1 (2012), 12.

[88] Anonuevo, C.M. *Women, Education and Empowerment: Pathways towards Autonomy. Report of the International Seminar.* UIE, Hamburg, 27 January - 2 February 1993. 1995. UNESCO Institute for Education. 7. dicapai pada 20 November 2017. melalui http://www.unesco.org/education/pdf/283_102.pdf

Jadual 5.37 menunjukkan keputusan ujian regressi logistik kaedah *Stepwise* yang dijalankan terhadap data bagi populasi kajian (N=472). Hasil keputusan menunjukkan bahawa hanya dua pembolehubah peramal (bebas) yang memberikan pengaruh signifikan terhadap pembolehubah berikat hak reproduktif wanita berkahwin, iaitu aspek kehamilan dan kelahiran. Ini boleh dilihat di mana faktor kehamilan memberi kesan sebanyak 2.66 kali ganda dalam kalangan masyarakat yang menjalankan peranan hak reproduktif wanita berkahwin dan menunjukkan kesan yang signifikan (*Wald*=9.16, P=0.001) secara statistik. Manakala faktor kelahiran pula memberi kesan sebanyak 2.91 kali ganda dalam kalangan masyarakat dan turut memberi kesan yang signifikan (*Wald*=18.90, P=0.001) secara statistik.

Secara kesimpulannya daripada keputusan regressi logistik ini, menunjukkan hanya dua aspek, iaitu kehamilan dan kelahiran sahaja yang memberikan kesan atau pengaruh sebanyak 21% *(Nagelkerke R Square=0.21)* terhadap hak reproduktif wanita berkahwin. Manakala aspek-aspek yang lain seperti perkahwinan, hubungan seksual suami isteri, perancangan keluarga, pengguguran, dan keganasan rumah tangga tidak memberikan kesan terhadap hak reproduktif wanita. Dapatan ini tidak jauh bezanya dengan dapatan keseluruhan yang diperolehi secara statistik deskriptif sebelum ini[89] apabila antara ketujuh-tujuh aspek hak reproduktif wanita berkahwin yang dikaji, hanya aspek kelahiran sahaja yang menunjukkan hasil yang positif. Hasil ini boleh diringkaskan sepertimana rajah 5.1:

[89] Rujuk perbincangan di 5 ini dalam perbincangan di bawah subtopik '*Tahap Amalan Responden Terhadap Kelahiran'*, halaman 356-358.

Rajah 5.1: Kerangka Hasil Dapatan Regressi Logistik Hak Reproduktif Wanita Berkahwin



5.7 DATA PRELIMINARI INDEKS HAK REPRODUKTIF WANITA BERKAHWIN

Pengukuran kesejahteraan hak reproduktif wanita berkahwin dianggap suatu yang sangat penting atas kapasitinya yang berperanan untuk mengukur tahap pengamalan semasa masyarakat dalam hal ini. Bagi pengamalan yang baik, menandakan setiap pelaksanaan dasar sedia ada itu sangat membantu mereka,[90] manakala bagi dapatan yang sebaliknya dan

[90] Noraini Mohd Nor, "Pembentukan Indikator Kesejahteraan Keluarga di Malaysia," dalam *Profesionalisme dalam Kaunseling dan Cabaran Masa Kini di Malaysia,* ed. Mohd Tajudin Ninggal & Rohany Nasir (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 322.

University of Malaya

dikenal pasti bermasalah, usaha berterusan dalam memberikan sokongan dan bantuan yang bersesuaian perlu dilakukan supaya kesejahteraan ini dapat dinikmati oleh semua golongan wanita. Secara tidak langsung juga indeks ini mampu mengukur kesan terhadap setiap pelaksanaan dasar sedia ada berkaitan kekeluargaan dan wanita, dalam melihat impaknya.

Penetapan Indeks ini lebih menjurus kepada penilaian kualiti terhadap pengamalan reproduktif wanita berkahwin, berdasarkan konsep kesejahteraan yang dilalui oleh masyarakat khususnya wanita dalam usaha menjalankan peranan reproduktif rumah tangga mereka. Hal ini bagi melihat setiap peranan yang dijalankan itu adalah bebas dari sebarang pengabaian dan diskriminasi.

Pada asasnya, wujud beberapa jenis indeks dan kajian di Malaysia yang berperanan sebagai pengukur bagi kesejahteraan hidup rakyat seperti Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (2016), Indeks Kualiti Hidup Malaysia (2011), Indeks Syariah Malaysia (2015), Indeks Belia Malaysia (2015) dan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (2014). Mengambil contoh, dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia dan juga Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, turut disertakan dengan hasil penemuan berkaitan reproduktif seperti bahagian pembentukan keluarga, kesuburan dan kesihatan reproduktif. Walau bagaimanapun, petunjuk yang ada hanyalah secara umum bagi semua peringkat usia, dari peringkat remaja hingga ke warga tua. Selain itu juga, tahap penekanan aspek juga tidak menjurus dan dikhususkan kepada keseluruhan aspek yang menyentuh tentang peranan hak reproduktif yang dilalui oleh golongan wanita berkahwin apabila tiada indikator pengamalan semasa tentang keganasan rumah tangga.

Oleh yang demikian, dapatan preliminari ini merumuskan satu data indeks hak reproduktif wanita berkahwin (IHRWB) sebagai suatu usaha bagi menggambarkan

University of Malaya

keadaan semasa golongan wanita berkahwin di negeri Selangor melalui pengamalan suami isteri dalam menjalankan peranan hak-hak reproduktif mereka. Ia akan meliputi pengamalan semasa hak reproduktif wanita berkahwin secara khusus, iaitu meliputi pengamalan masyarakat terhadap proses-proses dan peranan reproduktif yang berkisar dalam lingkaran usia reproduktif wanita berkahwin bermula saat penentuan berkahwin, seksualiti rumah tangga, kehamilan dan kelahiran, perancangan keluarga dan juga keganasan rumah tangga. Kerangka Indeks ini dapat memberikan suatu penilaian menyeluruh tentang tahap kesejahteraan hak reproduktif wanita di kawasan tersebut.

5.7.1 Metodologi Pengiraan dan Formula Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin

Bahagian ini memperlihatkan pengukuran dan metodologi formula pengiraan indeks hasil daripada pengiraan statistik dapatan kajian yang diperoleh secara kuantitatif melalui edaran soal selidik seterusnya dianalisis melalui perisian SPSS. Pengukuran Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin dalam kajian ini juga menggunakan formula pengiraan sedia ada sepertimana kebiasaannya proses bagi mengukur indikator sesebuah indeks seperti berikut:

Jadual 5.38: Formula bagi Pengiraan Skor Indikator, Skor Domain dan Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin

Jenis Perkiraan	Formula	Petunjuk
Skor Indikator	Σ [(Mx-Mmin) ÷ (Mmax - Mmin)] x 10	Σ: Jumlah Skor Mx: Min @ Purata Skor Mmin: Skor Minimum Mmax: Skor Maksimum N: Bilangan 10: Nilai skor tertinggi dianggarkan
Skor Domain (Konstruk)	ΣSkor Indikator ÷ N Indikator	
Skor Indeks (Hak Reproduktif Wanita)	ΣSkor Domain ÷ N	

University of Malaya

Sumber: Cummins, Saukani, LPPKN, dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.[91]

Seiring dengan pengiraan melalui formula sedia ada, indikator bagi setiap domain hak reproduktif wanita berkahwin diwujudkan sebagai tanda pengukur sesuatu indeks tersebut. Kaedah pengukuran pula diperolehi hasil daripada skala instrumen soalan yang sedia ada dalam soal selidik melalui pendekatan secara objektif dan subjektif[92] sepertimana yang diaplikasi oleh Noraini[93] dalam perbincangannya mengetengahkan indikator kesejahteraan keluarga di Malaysia. Gabungan antara dua pendekatan ini dipercayai boleh memberikan gambaran situasi tertentu sesebuah kualiti hidup masyarakat yang lebih menyeluruh. Merujuk kepada jadual 5.39, menunjukkan domain dan indikator yang digarap untuk dijadikan tanda ukur selepas diperhalusi melalui perbahasan dan garis panduan yang ditetapkan.[94]

Jadual 5.39: Ringkasan Pengukuran bagi Indikator dan Domain Hak Reproduktif Wanita Berkahwin

Domain	Indikator	Pengukuran
1. Penentuan Berkahwin	- Keputusan berkahwin bebas dari paksaan - Pilihan sendiri	- Diukur melalui skor bagi skala dua item yang dibina.
2. Seksual Suami Isteri	- Amalan seksual yang selamat	- Diukur melalui skor bagi skala lima item yang dibina.

[91] Robert A. Cummins, *Personel Well Being Index-Adult*, edisi 5 (Victoria, Australia: The International Well Being Group, 2013), 19. Lihat juga Mohd Nasir Mohd Saukani et al., "Indeks Modal Sosial dan Agihan Pendapatan di Malaysia," *International Journal of Management Studies*, vol. 17, no. 2 (2010), 264. Lihat juga Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, *Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia* (Kuala Lumpur: LPPKN, 2016), 15-16. Lihat juga Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, *Indeks Belia Malaysia* (Putrajaya: IPPBM, 2015).

[92] Pendekatan objektif merujuk kepada maklumat akan kehidupan seseorang yang boleh dimbil kira melalui penilaian secara objektif. Manakala pendekatan secara subjektif lebih menjurus kepada pengalaman seseorang terhadap sesuatu keadaan. Lihat Noraini Mohd Nor, "Pembentukan Indikator Kesejahteraan Keluarga di Malaysia," 324-325.

[93] Noraini Mohd Nor, "Pembentukan Indikator Kesejahteraan Keluarga di Malaysia," 324-325.

[94] Rujuk perbincangan di bab 2 berkaitan *Islam dan Hak Reproduktif Wanita*, halaman 92-161 tentang bagaimana anjuran syariat dalam perkara-perkara yang melibatkan peranan dan hak reproduktif wanita berkahwin ini.

University of Malaya

	- Amalan seksual dengan kerelaan isteri	
3. Kehamilan	- Kehamilan yang diingini - Penglibatan positif suami dalam proses kehamilan isteri	- Diukur melalui skor bagi skala enam item yang dibina.
4. Kontraseptif/ Perancangan Keluarga	- Penggunaan perancang keluarga dalam rumah tangga	- Diukur melalui skor bagi skala 12 item yang dibina.
5. Pengguguran	- Pengguguran selamat - Alasan pengguguran seperti digariskan syariat.	- Diukur melalui skor bagi skala tiga item yang dibina.
6. Kelahiran	- Penglibatan pasangan ketika proses kelahiran dan post natal	- Diukur melalui skor bagi skala 5 item yang dibina.
7. Keganasan rumah tangga	- Perlakuan kasar suami terhadap isteri	- Diukur melalui skor bagi skala lapan item yang dibina.

Sumber: Adaptasi daripada Domain dan Indikator Kesejahteraan Keluarga.[95]

Kajian ini mengetengahkan tujuh domain utama dan setiap domain diwakili oleh sejumlah item tertentu. Pada peringkat pertama, pengiraan dilakukan bagi mendapatkan skor indikator setiap domain. Peringkat analisis seterusnya pula bagi mendapatkan skor pencapaian bagi setiap domain hak reproduktif wanita yang dikenali sebagai skor domain. Skor domain diperolehi melalui pembahagian antara semua indikator yang terdapat dalam sesuatu domain. Melalui skor domain ini, akan diperolehi skor indeks sebenar Hak Reproduktif Wanita Berkahwin yang mana akan menentukan kedudukan dan pengamalan semasa setiap domain. Skala yang digunakan adalah nilai skala 1-10 bagi proses interpretasi data. Nilai skor domain yang meningkat menunjukkan kedudukan dan pengamalan yang cukup memberangsangkan, kecuali bagi 1 domain menggunakan pentafsiran negatif, iaitu keganasan rumah tangga. Domain ini menunjukkan sebaliknya apabila semakin tinggi nilai skor domain yang diperolehi, bermakna ia menunjukkan

[95] Noraini Mohd Nor, "Pembentukan Indikator Kesejahteraan Keluarga di Malaysia," 330-331.

University of Malaya

pengamalan yang tidak bagus dan menggugat kesejahteraan hak reproduktif wanita berkahwin.

5.7.2 Kerangka Data dan Klasifikasi Tahap Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin Negeri Selangor 2017 (IHRWB)

Selepas melalui fasa pengiraan menggunakan formula sedia ada, Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin (IHRWB) 2017 dapat diterjemahkan sebagaimana pada rajah 5.2 berikut:

Rajah 5.2: Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin Negeri Selangor



Rajah 5.2 menunjukkan tahap pencapaian hak reproduktif wanita berkahwin di Negeri Selangor bagi setiap domain yang dikaji dengan kadar purata keseluruhan indeks 5.1. Bagi kesemua tujuh indeks, tiga indeks sederhana, iaitu perkahwinan, pengguguran dan keganasan rumah tangga. Tiga aspek lain yang menunjukkan tahap rendah, iaitu seksual suami isteri, kehamilan dan kontraseptif. Manakala bakinya, satu aspek sahaja berada dalam julat yang tinggi, kelahiran. Secara huraiannya sebagaimana berikut:

University of Malaya

5.7.2.1 Penentuan Berkahwin

Indeks menunjukkan tahap pengamalan semasa berada pada tahap yang sederhana, tetapi menghampiri ke nilai tinggi iaitu dengan nilai julat indeks 7.7. Berpadanan dengan dapatan sedia ada yang menunjukkan pengamalan semasa masyarakat dalam aspek ini rata-ratanya adalah bebas daripada unsur paksaan mana-mana pihak. Hal ini memberikan gambaran bahawa pada asasnya bagi pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga kebiasaannya membawa calon sedia ada pada ahli keluarga bagi mendapatkan perkenan dan restu masing-masing. Unsur paksaan daripada wali supaya anak jagaannya berkahwin dengan calon pilihan seakan menjadi suatu kes yang terpencil.

5.7.2.2 Hubungan seksual suami isteri

Indeks menunjukkan tahap pengamalan semasa berada pada tahap yang agak membimbangkan bagi isu seksual suami isteri dengan nilai 2.9. Isu ini menunjukkan pengamalan seksual suami isteri yang masih didasari dengan keterpaksaan salah satu pihak dan tiada toleransinya. Seharusnya hubungan kelamin ini didasarkan dengan prinsip *mu'āsharah bi al-ma'rūf*, tiada sebarang paksaan, disertai dengan adab sopan dan saling mernghormati antara kehendak pasangan masing-masing.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa rata-rata masyarakat masih dalam kategori mereka yang aktif dalam hubungan seksual. Hal ini bukanlah suatu yang bersalahan dengan fitrah, tetapi menjadi suatu kebimbangan apabila amalan seksual ini sepatutnya dilakukan secara kerelaan kedua-dua pihak, tetapi dapatan sedia ada adalah sebaliknya dan suatu yang kontra apabila isteri sering dipaksa untuk melakukan hubungan di luar kerelaan isteri itu sendiri. Amalan seksual di luar kerelaan ini menjurus kepada suatu paksaan terhadap isteri dalam menunaikan keinginan seksual suami pada saat isteri tidak

berkemahuan, atas beberapa faktor yang mengganggu seperti kesihatan, emosi dan sebagainya.

5.7.2.3 Kehamilan

Indeks menunjukkan tahap pengamalan semasa bagi kehamilan berada pada tahap yang rendah, iaitu dengan nilai julat indeks 2.7. Satu nilai yang agak membimbangkan kerana peranan ini merangkap satu proses yang berisiko pada golongan wanita. Bertepatan dengan dapatan sedia ada, aspek ini masih lagi menunjukkan amalan kehamilan di luar keinginan pasangan, iaitu *unwanted pregnancies.* Sungguhpun terdapat sisi lain yang memberikan gambaran positif dengan keterlibatan pasangan dalam penjagaan isteri ketika kehamilan, akan tetapi tidak sama dengan perasaan isteri supaya diberikan hak yang sewajarnya pada mereka dalam menentukan bila, dan berapa jarak anak yang diingini bagi memelihara kestabilan diri, fizikal dan mental mereka.

5.7.2.4 Kontraseptif

Menjadi indeks yang paling rendah antara yang lain memberikan gambaran pengamalan yang sangat membimbangkan. Kemerosotan pengamalan jelas dilihat dengan nilai julat indeks serendah 1.1. Pengamalan ini secara jelasnya dipengaruhi oleh kemerosotan pada bahagian penggunaan kaedah kontraseptif pasangan. Kerajaan banyak mengorak langkah dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan penggunaan kontraseptif moden dalam mengatur jarak anak dalam sesebuah keluarga bagi memastikan kestabilan diri dan kesihatan isteri. Polemik dapat dilihat apabila segelintir masyarakat merasakan ianya sebagai suatu yang bersalahan dengan agama. Mereka masih lagi berpegang dengan sentimen bahawa amalan perancangan keluarga ini suatu yang

University of Malaya

bertentangan dengan syarak serta disulami kepercayaan bahawa mempunyai anak yang ramai akan meningkatkan prestij mereka dalam kalangan masyarakat.

5.7.2.5 Pengguguran dan kelahiran

Indeks bagi pengguguran dan kelahiran menunjukkan satu nilai yang agak memuaskan, antara sederhana dan tinggi dengan julat 6.2 dan juga 9.4. Kedua-dua bahagian ini juga tidak menunjukkan sebarang isu yang boleh mengundang kemudaratan melampau hasil dari dapatan sedia ada. Rata-rata masyarakat memahami konseptual kedua-duanya dengan baik bahawa pengguguran hanya boleh dilakukan apabila ianya melibatkan pertembungan antara dua mudarat di antara ibu dan anak yang dikandungkan, maka kesihatan ibu perlu didahului. Manakala bagi aspek kelahiran pula, pengamalan semasa menunjukkan suatu yang positif mengikut saranan dan penetapan garis panduan yang telah diendoskan oleh kerajaan melalui pelaksanaan Kementerian Kesihatan Malaysia.

5.7.2.6 Keganasan Rumah Tangga

Indeks yang terakhir iaitu Keganasan rumah tangga adalah suatu indeks negatif yang pentafsirannya sedikit berbeza dengan indeks yang lain. Julat nilai 6.0 menunjukkan suatu tafsiran yang agak membimbangkan. Berada pada tahap sederhana menunjukkan aspek ini dalam kadar penurunan kepada suatu tahap pengamalan hak reproduktif wanita pada peringkat yang kurang memuaskan. Selaras dengan dapatan asal di mana isu keganasan rumah tangga masih lagi berada pada tahap yang agak tinggi, dengan situasi yang boleh menyumbang kepada keadaan tidak selamat seorang isteri, dan juga perlakuan kasar suami terhadap isteri samaada melalui perkataan, perlakuan dan juga kekasaran secara seksual.

University of Malaya

Hal yang turut dibimbangkan juga apabila isteri yang berhadapan dengan situasi ini hanya mendiamkan amalan tersebut tanpa mengetengahkan kepada pihak berwajib.

Bagi menentukan tahap tinggi, sederhana dan rendah bagi setiap hak reproduktif wanita berkahwin ini, klasifikasi berikut telah digunakan selaras dengan julat nilai indeks atau min skor yang diperolehi oleh setiap responden.

Jadual 5.40: Tafsiran Tahap Pencapaian Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin

Nilai Indeks	Tahap pencapaian Reproduktif Wanita	Tafsiran positif tahap pencapaian [D1-D6]	Tafsiran negatif tahap pencapaian [D7]
8.00 ke atas	Tinggi	Kesejahteraan memberangsangkan ke arah pengamalan hak reproduktif yang lebih baik dan sejahtera	Pengamalan serius dalam hak reproduktif wanita sehingga ke peringkat tidak memuaskan
6.00-7.99	Sederhana	Permulaan baik ke arah menjamin pengamalan hak reproduktif wanita hidup yang baik	Penurunan tahap pengamalan hak reproduktif wanita pada peringkat kurang memuaskan
5.99 ke bawah	Rendah	Tindakan bersesuaian perlu disegerakan bagi menjamin dan mengekalkan pengamalan hak reproduktif wanita yang baik	Pengekalan tahap pengamalan hak reproduktif wanita pada peringkat memuaskan

Sumber: Mustaffa Omar.[96]

Secara ringkasnya pembinaan Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin adalah suatu usaha rintis bagi memperkukuhkan dan memperkasakan peranan reproduktif wanita, khusus wanita berkahwin dalam memperoleh hak yang sewajarnya selaras dengan peranan diri mereka yang kompleks ketika mana menjalani kehidupan berumah tangga. Indeks ini juga secara tidak langsung dapat menilai tahap sejauh mana pengabaian yang telah berlaku dalam kalangan wanita berkahwin di Selangor supaya dapat membuka jalan pada usaha-usaha pemurnian, pemerkasaan yang lebih bersifat holistik.

[96] Mustaffa Omar, "Perbandingan Indeks Kelestarian Hidup dan Kemudah ancaman Komuniti Minoriti Orang Asli di Semenanjung Malaysia," *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space,* vol. 12, no. 8 (2016), 34-47.

University of Malaya

5.8 RUMUSAN

Analisis dapatan data dalam bahagian ini memperlihatkan hasil bagi dua jenis perujian statistik iaitu secara pembentangan deskriptif dan juga pembentangan secara inferensi. Pembentangan deskriptif memberikan gambaran bahawa masih wujud kefahaman dan amalan yang berada pada tahap membimbangkan seperti aspek kehamilan, seksual suami isteri, perancangan keluarga dan juga keganasan rumah tangga. Aspek-aspek ini kebanyakannya menimbulkan persepsi tersendiri yang bertentangan dengan apa yang digariskan oleh syariat mahupun dasar negara.

Melalui pembentangan secara inferensi pula, menunjukkan satu kefahaman dan pengamalan yang sederhana dalam menjalani peranan hak reproduktif wanita berkahwin ini. Hal ini bertitik tolak daripada perbezaan kefahaman dan amalan yang sedikit ketara antara golongan lelaki dan wanita, serta kategori penempatan bandar dan luar bandar. Serba sedikit hal ini memberikan pengaruhnya terhadap pengamalan semasa walaupun secara statistiknya dapat dibuktikan wujud hubungan antara kefahaman dan amalan ini. Sungguhpun peranan ini dilalui oleh kelompok wanita, tidak semestinya kelompok lelaki atau suami boleh mengambil ringan akan perkara ini.

Kemuncak kepada ujian inferensi adalah penentuan dalam memperlihatkan pengaruh yang paling kuat memberikan kesan terhadap hak reproduktif wanita berkahwin antara aspek-aspek yang dikaji. Hasil yang diperolehi apabila hanya aspek kehamilan dan kelahiran sahaja yang memberi pengaruh kuat terhadap pengamalan hak ini berbanding hak-hak yang lain. Ini jelas menunjukkan bahawa bagi setiap peranan yang lain masih lagi menimbulkan polemik tersendiri dalam kalangan masyarakat. Bertepatan dengan hasil IHRWB 2017 ini yang turut meninggalkan kesan tersendiri dalam memperlihatkan

University of Malaya

pengukuran semasa masyarakat tentang peranan hak reproduktif wanita berkahwin, apabila setiap aspek menunjukkan tahap yang berbeza-beza antara rendah, sederhana dan tinggi.

University of Malaya

BAB 6: PENUTUP

6.0 PENDAHULUAN

Bab keenam merupakan bab terakhir dalam tesis ini. Perbincangan dimulakan dengan membuat rumusan ke atas semua dapatan bagi setiap objektif kajian yang telah diwujudkan. Seterusnya, perbincangan tertumpu pada hasil implikasi kajian ke atas beberapa aspek, cadangan penambahbaikan terhadap permasalahan yang telah dikenal pasti berlaku membabitkan hak reproduktif wanita berkahwin di negeri Selangor. Bab ini juga akan mengetengahkan beberapa cadangan kajian mendatang yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang oleh pengkaji lain bagi mengkayakan lagi khazanah penyelidikan dalam bidang yang sama.

6.1 RUMUSAN UTAMA

Berdasarkan objektif yang telah digariskan, dan hasil dapatan kajian yang telah dihuraikan dalam bab dua, tiga, empat dan lima, rumusannya dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

6.1.1 Hak Reproduktif Wanita Berkahwin Berdasarkan Prinsip Perbahasan Islam

Objektif pertama kajian ini adalah mengenal pasti hak reproduktif wanita berkahwin berdasarkan prinsip perbahasan Islam. Asasnya, Islam agama yang mengiktiraf wanita, tidak kira apa jua kapasiti dan situasi seorang wanita pada ketika itu. Mengambil kira perbincangan hak reproduktif wanita berkahwin, yang mana beberapa aspek perbincangan utama telah diketengahkan iaitu pertama [penentuan berkahwin], kedua [seksualiti rumah tangga] merangkumi hubungan seksual suami isteri, kehamilan dan kelahiran, pengguguran, serta anjuran *mu'āsharah bi al-ma'rūf*, dan ketiga [perancangan keluarga].

University of Malaya

Melihat kepada pengamalan aspek ini dalam kalangan masyarakat, masih wujud salah faham dan perselisihan yang tersendiri. Zahir dalil sedia ada secara literal seakan-akan menafikan hak wanita, akan tetapi jika melihat kepada perbincangan yang lebih terperinci menggunakan medium *maqāṣid al-sharī'ah* dan *maṣlaḥah*nya, maka akan dikenalpasti titik kesederhanaan dalam perlakuan sebenar. Kadang kala juga wujud unsur *'ghuluw'* dalam menterjemahkan sesuatu perbuatan sungguhpun terdapat dalil tertentu dalam sesuatu perkara itu. Sedangkan, Islam masih terbuka kepada ruang untuk bertasamuh dan berijtihad dalam beberapa perkara yang mungkin lebih menjamin dan memberikan *maṣlaḥah* besar kepada masyarakat.

Setiap aspek yang dibincangkan menampilkan perbahasan dalam kalangan ulama' berdasarkan rujukan al-Quran dan al-Sunnah yang seterusnya memberikan satu garis panduan kepada masyarakat dalam konteks amalan kehidupan seharian mereka. Perbincangan dimulakan dengan aspek penentuan berkahwin yang mana anjuran Islam melarang untuk sesebuah perkahwinan itu dijalankan secara paksa ke atas setiap wanita, sama ada anak gadis yang masih belum atau sudah akil baligh, dan juga perempuan yang kematian suami atau diceraikan suami (janda).[1] Sesetengah ulama' membahaskan sekiranya berlaku situasi secara paksaan berikut ke atas anak gadis, maka perkahwinan tersebut boleh dikira sebagai tidak sah.[2] Walaupun seorang wali mujbir itu pada asasnya boleh menggunakan kuasanya sebagai wali, tetapi dengan mengambil kira *maṣlaḥah* yang ada apabila sesuatu perkahwinan itu dilihat boleh menimbulkan kesan yang tidak wajar pada satu-satu pihak, maka hukum ini boleh diketepikan.

---

[1] Rujuk Perbincangan di bab 2, Islam & Hak Reproduktif Wanita, di bawah subtopik *'Menentukan Perkahwinan'*, halaman 93-106.

[2] Rujuk Perbincangan di bab 2, Islam & Hak Reproduktif Wanita, di bawah subtopik '*Menentukan Perkahwinan'*, halaman 102.

Perbincangan berkaitan seksualiti rumah tangga boleh dipecahkan kepada aspek hubungan seksual suami isteri, anjuran untuk melakukan *mu'āsharah bi al-ma'rūf* suami isteri bagi mengelakkan daripada layanan dan kekasaran terhadap isteri, kehamilan dan kelahiran serta pengguguran. Sememangnya dalam Islam seorang isteri diwajibkan untuk menuruti segala kehendak suami, selagi mana tidak bercanggah dengan hukum syarak. Apatah lagi melibatkan hubungan seksual antara pasangan, kewajipan menunaikan tanggungjawab tersebut sering kali dibanggakan dan dijadikan sebagai kuasa 'veto' oleh kaum lelaki. Tanpa disedari, ada sisi lain dalam hukum Islam yang sebenarnya memberikan kebenaran untuk isteri menolak ajakan tersebut apabila isteri tidak bersedia, berada dalam keadaan yang tidak stabil fizikal dan emosinya pada ketika itu.[3] Malahan, bukan sahaja isteri yang memegang penuh tanggungjawab untuk menunaikan keinginan seksual pasangan, bahkan suami juga mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap isteri dalam perkara ini.[4] Anjuran sebegini boleh dilihat sebagai suatu usaha untuk memastikan setiap pasangan mengaplikasikan tuntutan *mu'āsharah bi al-ma'rūf* dalam kehidupan rumah tangga. Tidak kira dalam apa juga tanggungjawab dan hak yang ingin dilaksanakan sesama mereka, perkara utama dalam memastikan keharmonian rumah tangga harus dititikberatkan. Secara tidak langsung ianya mencerminkan satu suasana kehidupan suami isteri yang bahagia dan bebas dari unsur penganiayaan terhadap wanita.

Aspek perancangan keluarga sering kali disalah tafsir dalam kalangan masyarakat tentang keharusannya, samaada kaedah tradisional mahupun moden. Tiada sebarang nas agama yang melarang secara jelas tentang amalan ini, bahkan golongan cendekiawan Islam

---

[3] Rujuk Perbincangan di bab 2, Islam & Hak Reproduktif Wanita, di bawah subtopik '*Hubungan Seksual Suami Isteri'*, halaman 114-115.

[4] Rujuk Perbincangan di bab 2, Islam & Hak Reproduktif Wanita, di bawah subtopik *'Hubungan Seksual Suami Isteri'*, halaman 114-115.

juga telah membincangkan akan hal ini sehingga termaterainya fatwa Kebangsaan yang membawa kepada implikasi keharusan amalan tersebut dengan syarat adanya sebab-sebab tertentu untuk menggunakannya. Sebab-sebab yang boleh diterima sepertimana menitikberatkan hal kesihatan si ibu, apabila jarak yang terlalu rapat antara anak sedia ada, dan juga ibu yang mempunyai komplikasi kesihatan yang lain. Walau bagaimanapun, menjadi satu keperluan penilaian semula hukum tentang amalan perancangan keluarga ini atas kapasiti fleksibiliti hukum syariah itu yang berdiri atas dasar ijtihad semasa dalam memberikan satu penjelasan hukum yang lebih bersifat kontemporari pada masyarakat kini, dengan mengambil kira faktor-faktor tertentu supaya amalan ini tidak memberikan persepsi negatif kepada mana-mana pihak.[5]

Amalan ini bukanlah suatu amalan yang menolak takdir atau rezeki, bahkan jauh sekali sebagai perbuatan ekstrem yang dikira sebagai pembunuhan secara tersembunyi *(wa'd al-khafiyy)*,[6] tetapi ia tidak lebih kepada satu cara untuk memberikan ruang yang sewajarnya kepada isteri dalam menentukan bila masa, dan berapa anak yang diinginkan sebagai satu usaha memastikan peranan reproduktif seorang isteri terjaga.

6.1.2 Hak Reproduktif Wanita Berkahwin Berdasarkan Komitmen Kerajaan dan Peringkat Antarabangsa

Objektif kedua dalam kajian ini adalah mengenal pasti hak reproduktif wanita berkahwin melalui komitmen kerajaan dan pengamatannya di peringkat antarabangsa melalui

---

[5] Rujuk Perbincangan di bab 2, Islam & Hak Reproduktif Wanita, di bawah subtopik *'Penentuan Kehamilan (Perancangan Keluarga)'*, halaman 147-148.

[6] Rujuk Perbincangan di bab kedua Ms bab 2, Islam & Hak Reproduktif Wanita, di bawah subtopik *'Penentuan Kehamilan (Perancangan Keluarga) - Perancangan keluarga sebagai suatu pembunuhan anak secara 'khafiyy'*, halaman 133-135.

University of Malaya

pendekatan instrumen berkaitan. Berdasarkan perbincangan dalam bab ketiga kajian,[7] secara keseluruhannya dirumuskan bahawa hak reproduktif wanita itu dilihat sebagai suatu usaha dalam memartabatkan hak asasi manusia secara menyeluruh. Perkara ini meliputi hak mereka untuk mendapatkan hak kesaksamaan yang wajar tanpa sebarang unsur diskriminasi tidak kira jantina, atau faktor sosial yang lain. Hak ini terpakai terhadap kesemua mu'amalah yang melibatkan wanita, khususnya kepada wanita berkahwin.

Dalam konteks pelaksanaan di negara kita, secara asasnya dasar-dasar yang diwujudkan jelas memperlihatkan kesaksamaan, keadilan yang diberikan kepada golongan wanita. Ini dibuktikan dengan termeterainya perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang melarang sebarang unsur ketidakadilan terhadap wanita.[8] Diteruskan dengan penggubalan Dasar Wanita Negara 1989 dan 2009, kemasukan bab wanita dalam Pembangunan Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 1997, dan juga Akta Keganasan Rumah Tangga yang berperanan sebagai penguatkuasaan undang-undang terhadap pencabulan hak wanita dalam rumah tangga. Tidak kurang juga enakmen-enakmen di bawah perundangan Syariah di Malaysia yang menetapkan hak tertentu bagi wanita dalam perihal perkahwinan dan perceraian. Kesemua dasar dan komitmen ini sebagai langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan tiada bias yang jelas terhadap golongan wanita.

Isu ini juga bukanlah suatu isu baru di peringkat antarabangsa, kerana sebenarnya di peringkat global ianya seakan isu yang sentiasa 'segar' atas kapasiti memperjuangkan hak wanita. Mereka menyifatkan amalan diskriminasi terhadap golongan wanita ini sebagai

---

[7] Rujuk Perbincangan di bab 3, berkaitan 'Pelaksanaan Hak Reproduktif Wanita Dalam Konvensyen Kebangsaan Dan Antarabangsa', halaman 168-230.

[8] Rujuk Perbincangan di bab 3, di bawah topik *'Wanita: Implikasi Dalam Hak Perundangan Kebangsaan - Hak Kesaksamaan dan Tidak didiskriminasikan'*, halaman 171-175.

suatu yang tidak wajar, apabila satu tuntutan untuk isu hak reproduktif ini menjadi subjek perbincangan dalam perundangan hak asasi manusia antarabangsa bagi menjamin keseimbangan dan memberikan perlindungan sama rata antara lelaki dan wanita.[9] Tuntutan ini secara rasminya disuarakan di dalam Persidangan Antarabangsa Dunia Wanita bermula tahun 1975, 1980, 1985 dan 1995[10], serta melalui kewujudan deklarasi pada tahun 1980, 1993, 1994 dan 1995.[11] Melalui usaha-usaha ini, secara rasminya memberikan pengiktirafan dan diperakui bahawa perlindungan kesihatan reproduktif dan seksual adalah suatu keadilan sosial, yang boleh dicapai melalui penggunaan hak asasi manusia yang termaktub dalam undang-undang negara yang sedia ada dan perjanjian antarabangsa.

Rentetan daripada itu wujudnya pelbagai konvensyen dan instrumen antarabangsa seperti Konvensyen Tentang Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita *[Convention On The Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)]*, Deklarasi Vienna dan Program Tindakan *(Vienna Declaration and Programme of Action),* Persidangan Antarabangsa tentang Kependudukan dan Pembangunan di Kaherah *[International Conference on Population and Development (ICPD)],* dan Deklarasi Beijing dan Platform Tindakan *(Beijing Declaration and Platform For Action)*.[12] Termeterainya instrumen ini sebagai suatu usaha untuk mempromosikan dan melindungi hak reproduktif wanita sebagai salah satu instrumen hak asasi manusia yang harus diperkasakan. Sungguhpun ianya tidak mengikat perundangan negara kita, tetapi sebagai salah satu negara yang menganggotai Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)

---

[9] Rujuk Perbincangan di bab 3, *'Pelaksanaan Hak Reproduktif Wanita Dalam Konvensyen Kebangsaan Dan Antarabangsa'*, halaman 171-172.

[10] Rujuk Perbincangan di bab 3, dalam topik *'Komitmen Global Dalam Pemerkasaan Wanita'*, halaman 191-205.

[11] Rujuk Perbincangan di di bab 3, dalam topik '*Komitmen Global Dalam Pemerkasaan Wanita',* halaman 191-205.

[12] Rujuk Perbincangan di di bab 3, dalam topik '*Komitmen Global Dalam Pemerkasaan Wanita'*, halaman 191-205.

serta meratifikasi *CEDAW,* maka sewajarnya komitmen yang ditunjukkan selaras dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia di peringkat antarabangsa.

6.1.3 Kefahaman dan Pengamalan Semasa Masyarakat di Selangor dalam Hak Reproduktif Wanita Berkahwin

Objektif ketiga dalam kajian ini adalah menganalisis kefahaman dan amalan masyarakat di Selangor dalam menjalani peranan hak reproduktif mereka. Penilaian dilakukan terhadap beberapa aspek hak reproduktif wanita yang menjurus kepada wanita berkahwin, iaitu penentuan perkahwinan, seksualiti rumah tangga merangkumi hubungan seksual suami isteri, kehamilan, kelahiran, pengguguran, perancangan keluarga, dan juga keganasan rumah tangga.

Hasil analisis mendapati tahap kefahaman masyarakat di Selangor berkaitan aspek-aspek hak reproduktif ini berada dalam tahap yang sederhana secara keseluruhannya. Hanya dua aspek iaitu kehamilan dan pengguguran sahaja menunjukkan tahap kefahaman yang baik. Hal ini sepertimana dijelaskan dalam bab kelima kajian,[13] ia lebih kepada proses yang sangat lazim dilalui oleh wanita, apatah lagi kerajaan melalui Kementerian berkaitan sudah banyak menggariskan panduan yang boleh diikuti bagi memastikan penjagaan kestabilan ibu dan bayi. Bagi aspek pengguguran pula menunjukkan kepekaan masyarakat terhadap persoalan bila, untuk apa dan tempat yang membolehkan dijalankan pengguguran.

Bagi pengamalan pula menunjukkan reaksi yang pelbagai dalam kalangan masyarakat. Aspek seksual suami isteri, kehamilan, perancangan keluarga dan keganasan

[13] Rujuk Perbincangan di bab 5, di bawah topik '*Tahap Kefahaman Responden Terhadap Proses Kehamilan'*, halaman 325-327 dan '*Tahap Kefahaman Responden Terhadap Pengguguran'*, 329-331.

University of Malaya

rumah tangga masih menimbulkan polemik yang tersendiri. Masyarakat masih memegang stigma bahawa hubungan seksual adalah suatu yang mutlak milik suami.[14] Apabila seorang suami berkeinginan terhadap hubungan kelamin, maka menjadi kemestian bagi isteri untuk memberikan ketaatan, sekalipun pada hakikatnya isteri tidak berkehendak ketika itu. Begitu juga dengan amalan kehamilan, bilangan masyarakat yang mengalami proses kehamilan yang tidak diingini *(unwanted pregnancies)* masih pada tahap membimbangkan. Ini boleh dikaitkan dengan penolakan yang berlaku dalam aspek penggunaan kontraseptif atau perancangan keluarga atas beberapa alasan yang boleh dirumuskan agak 'jumud' walaupun promosi, hebahan dan pelbagai cara dilakukan dalam memperjelaskan kekeliruan tersebut. Polemik penolakan perancangan keluarga atas alasan syariat tidak membenarkan adalah suatu pegangan yang agak ekstrem dan tidak adil bagi golongan wanita.[15] Ini kerana wanita mempunyai hak untuk memastikan keadaan fizikal, mental mereka cukup bersedia untuk berhadapan dengan proses kehamilan dan kelahiran yang melemahkan. Manakala bagi amalan keganasan rumah tangga pula masih memerlukan kepada penguatkuasaan berterusan dalam memastikan golongan wanita (isteri) tidak menjadi mangsa kerana masih ada situasi yang menunjukkan rasa tidak selamat seorang isteri apabila bersama suami disebabkan perlakuan yang boleh menyumbang kepada kekasaran samaada perbuatan, fizikal dan juga seksual.

Kajian juga menumpukan kepada penilaian secara inferensi apabila perbezaan dilakukan antara jantina dan kategori penempatan dalam menilai kefahaman dan amalan masyarakat. Dapatan menunjukkan perbezaan yang signifikan antara lelaki dan wanita, dan

---

[14] Rujuk perbincangan di bab 5, di bawah topik *'Tahap Kefahaman Responden Terhadap Hubungan Seksual dalam Perkahwinan'*, halaman 323.

[15] Rujuk perbincangan di bab 5, di bawah topik '*Polemik penolakan amalan perancangan keluarga'*, halaman 352-354.

juga penempatan bandar dan luar bandar dalam memahami dan menjalankan peranan hak reproduktif wanita ini.[16] Golongan wanita mendominasi daripada golongan lelaki, begitu juga masyarakat di bandar lebih peka berbanding masyarakat di luar bandar. Analisis di antara kefahaman dan amalan semasa juga mendapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara kedua-duanya, memperlihatkan bahawa sesuatu pemahaman yang baik mampu untuk menggerakkan pengamalan yang baik. Walau bagaimanapun, kefahaman yang sederhana dalam kalangan masyarakat ini turut menyumbang kepada amalan yang tidak begitu baik, tetapi masih perlu kepada pemerkasaan berterusan. Di samping itu, kajian juga mendapati di antara kesemua aspek yang dikaji, hanya dua aspek yang benar-benar signifikan mempengaruhi pengamalan masyarakat di Selangor, iaitu aspek kehamilan dan kelahiran sahaja. Ini menunjukkan bahawa masyarakat sangat sinonim dengan dua amalan ini sahaja berbanding pengamalan reproduktif wanita berkahwin yang lain.

6.1.4 Pembinaan Preliminari Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin bagi Tahap Pencapaian Hak Reproduktif Wanita Berkahwin di Negeri Selangor

Objektif keempat kajian ini adalah merumuskan satu preliminari Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin bagi mengetengahkan tahap pencapaian semasa hak reproduktif wanita berkahwin di Negeri Selangor.

Dapatan preliminari ini merumuskan satu indeks hak reproduktif wanita berkahwin (IHRWB) sebagai usaha menggambarkan keadaan semasa masyarakat dalam menjalankan peranan reproduktif wanita mereka, tidak kira suami mahupun isteri. Bagi pengamalan yang menunjukkan tahap indikator yang baik, memberikan satu gambaran positif terhadap

[16] Rujuk Perbincangan di bab 5, melihat perbezaan antara jantina dan penempatan, halaman 368-371.

pelaksanaan muamalah pasangan dalam hubungan suami isteri. Selain menunjukkan tahap kesedaran dan kepekaan terhadap komitmen sedia ada yang telah diberikan oleh kerajaan dalam membantu dan memperoleh hak yang sepatutnya. Bagi dapatan yang sebaliknya dan dikenal pasti bermasalah, sudah pasti usaha berterusan dalam meningkatkan kesejahteraan tersebut sangat diperlukan bagi memastikan kestabilan wanita di negara kita.

Menggunakan justifikasi tafsiran positif bagi enam aspek iaitu penentuan perkahwinan, seksual suami isteri, kehamilan, kelahiran, perancangan keluarga dan pengguguran, manakala tafsiran negatif bagi aspek keganasan rumah tangga. Dengan julat skor 10, nilai yang meningkat menunjukkan satu pencapaian yang memberangsangkan dan berada pada paras yang baik bagi tafsiran positif. Manakala bagi tafsiran negatif pula, julat nilai yang meningkat menunjukkan pengamalan yang berada pada tahap yang serius dan membimbangkan.

Aspek kelahiran menunjukkan tahap indeks yang tinggi berbanding aspek yang lain. Manakala aspek perkahwinan dan pengguguran berada pada paras sederhana, tetapi dengan nilai perkahwinan yang menghampiri nilai julat tinggi. Sedikit membimbangkan bagi aspek seksual suami isteri, kehamilan dan kontraseptif, masing-masing memperlihatkan nilai julat indeks yang agak rendah, seterusnya merungkai makna tersirat akan pengamalan semasa berkaitan tiga aspek tersebut berada dalam tahap sedikit kritikal. Begitu juga dengan aspek keganasan rumah tangga yang berada pada paras sederhana tetapi menjurus kepada kadar penurunan ke tahap yang tidak memuaskan.[17]

Berdasarkan kepada rumusan yang dinyatakan dan penganalisisan yang telah dijalankan bermula dari bab kedua hingga bab kelima berhubung kefahaman dan

[17] Rujuk perbincangan di bab 5, di bawah topik *'Kerangka Data dan Klasifikasi Tahap Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin Negeri Selangor 2017 (IHRWB)'*, halaman 383.

University of Malaya

pengamalan masyarakat tentang hak reproduktif wanita berkahwin di negeri Selangor, ternyata setiap objektif yang telah digariskan dalam kajian ini telah tercapai. Secara ringkasnya, pengamalan semasa masyarakat pada asasnya dipengaruhi oleh banyak perkara di sekeliling mereka. Sama ada berbekalkan kefahaman yang sedia ada dalam kalangan mereka, mahupun bergantung pada usaha kerajaan yang bertindak sebagai ejen pelaksana dalam menyampaikan input-input penting yang informatif kepada golongan sasaran supaya tidak berlaku sebarang salah faham dalam melaksanakan peranan masing-masing. Juga penting bagi mereka dalam memahami hak-hak ini dalam kerangka konsep hak reproduktif, tidak secara berasingan supaya setiap perlakuan itu seiring di bawah menjaga hak reproduktif wanita.

6.2 SUMBANGAN KAJIAN

Hasil penelitian terhadap dapatan kajian sedia ada, kajian ini dapat memberi tiga sumbangan dalam usaha memperkasakan peranan dan hak reproduktif wanita berkahwin sebagaimana berikut:

6.2.1 Penyediaan Indeks Hak Reproduktif Wanita Berkahwin Negeri Selangor 2017

Kajian ini menjadi indikator pengamalan semasa masyarakat di Negeri Selangor tentang status peranan hak reproduktif wanita berkahwin mereka. Setelah mana kajian-kajian yang dijalankan kepada masyarakat tentang kesejahteraan keluarga di Malaysia, maka dapatan ini memberikan satu dapatan terkini status bagi setiap aspek hak reproduktif wanita berkahwin bermula dengan penentuan perkahwinan, hubungan seksual suami isteri, penggunaan kontraseptif dan perancangan keluarga, kehamilan, kelahiran, pengguguran dan keganasan rumah tangga.

University of Malaya

6.2.2 Penggubal dasar

i. Turut dijadikan petunjuk bahawa perlunya usaha penambahbaikan dalam konteks perancangan atau pelaksanaan dasar dan program sedia ada berkaitan hak reproduktif wanita berkahwin. Hal ini kerana, supaya dapat dirangka satu pendekatan yang bersesuaian dalam menyuntik kesedaran pelbagai pihak untuk sama-sama menggalas tanggungjawab yang proaktif untuk memperkasakan peranan reproduktif wanita berkahwin dalam rumah tangga.

ii. Menjadi satu keperluan untuk satu usaha sama dan jalinan kerjasama antara pihak Polis di Raja Malaysia (Unit D11) dan juga LPPKN dalam mewujudkan satu rangka kerja yang lebih berkesan dalam menangani polemik penganiayaan terhadap wanita berkahwin, melalui kes keganasan rumah tangga.

6.2.3 Pemerkasaan peranan hak reproduktif wanita berkahwin mengikut landasan keagamaan

Kajian ini secara khususnya telah mengetengahkan perbahasan dan perbincangan hak reproduktif wanita berkahwin melalui sisi keagaamaan dan syariat Islam. Secara tidak langsung ianya boleh dijadikan sebagai salah satu rujukan dalam usaha menyuntik rasa kesedaran dalam kalangan masyarakat, yang mungkin masih lagi berteka-teki tentang keharusan, atau hak mereka yang telah wujud dalam doktrin agama tanpa disedari. Kajian ini juga boleh dijadikan garis panduan yang menjadi pegangan masyarakat khususnya para suami dalam menjaga kestabilan fizikal dan mental golongan isteri, supaya timbul rasa kebertanggungjawaban untuk merealisasikan status dan pemerkasaan terhadap wanita sepertimana yang disarankan agama dan negara.

University of Malaya

6.3 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Melalui dapatan yang diperoleh daripada tesis ini, terdapat enam cadangan yang boleh dikemukakan dalam menambah baik pelaksanaan peranan hak reproduktif wanita berkahwin dalam kalangan masyarakat di Malaysia terutamanya di kawasan kajian, Selangor.

Cadangan yang pertama adalah mewujudkan satu kurikulum khusus berkaitan hak reproduktif wanita dalam kekeluargaan yang mengandungi inti pati penting, isu-isu relevan yang bersangkutan dengan hak reproduktif wanita untuk dimulai pengajarannya di semua Institusi Pengajian Tinggi. Langkah ini boleh dimulai dengan menjadikan kurikulum ini sebagai satu subjek elektif pada peringkat awal, dan seterusnya ke teras umum. Ini sebagai satu langkah memperkenalkan dan mengukuhkan lagi kefahaman masyarakat tentang kepentingan isu hak reproduktif wanita.

Cadangan yang kedua adalah mewujudkan satu *'post'* kerjaya di peringkat kementerian yang bertanggungjawab terhadap pengkhususan kerja dalam bidang hak reproduktif wanita ini, yang mahir dalam kedua-dua bidang disiplin ilmu sama ada syariah mahu pun sosial. Realiti kini adalah kebanyakan isu reproduktif wanita ini ditangani oleh individu yang berkelulusan dalam satu bidang sahaja iaitu perubatan. Melalui usaha ini, keseimbangan dalam pelaksanaan hak reproduktif wanita ini akan diperolehi.

Cadangan yang ketiga adalah meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak secara sinergi bersama, seperti pihak LPPKN dan PDRM untuk memasukkan elemen/domain keganasan rumah tangga ke dalam skop perbahasan hak reproduktif wanita. Ini bagi memastikan langkah proaktif daripada kedua-dua pihak dapat membantu pengurangan jenayah terbabit.

University of Malaya

Cadangan yang keempat adalah melakukan pemurnian semula terhadap Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif & Sosial Kebangsaan (PEKERTI) yang telah dimaterai pada tahun 2012. Dasar ini terpakai pada semua lapisan masyarakat tanpa mengira had peringkat umur. Sungguhpun demikian, dari segi pelaksanaan dasar ini lebih tertumpu kepada golongan remaja, dengan terlaksananya program Pekerti bagi sasaran usia 13 hingga 24 tahun. Keperluan untuk penilaian semula dasar dan pelan tindakan ini bagi mencapai keseimbangan pemantapan terhadap golongan wanita berkahwin juga.

Cadangan yang kelima adalah mewujudkan secara khusus indeks hak reproduktif wanita berkahwin bagi setiap negeri atau skala liputan yang lebih besar di peringkat nasional, dua tahun sekali supaya data yang diperoleh dapat digambarkan sebagai pengamalan semasa yang relevan.

Cadangan yang terakhir adalah pembangunan dan pemantapan program intervensi. Usaha ini boleh dilaksanakan melalui program latihan dan perluasan penyebaran informasi kepada masyarakat, serta ejen pelaksana yang bertanggungjawab dalam mempromosi hak reproduktif wanita khususnya wanita berkahwin. Hal ini bagi memastikan setiap maklumat dapat disampaikan dan diterima dengan baik yang akhirnya akan meningkatkan kualiti hidup masing-masing. Perkara ini boleh dikhususkan dalam kalangan masyarakat luar bandar, di sekitar kawasan yang kurang aksesbiliti secara berkesan bagi memastikan tidak berlaku pengabaian dalam hak ini.

6.4 SARANAN KAJIAN LANJUTAN

Dalam mengisi kelompangan kajian ini, beberapa saranan untuk kajian akan datang boleh dilaksanakan antaranya:

University of Malaya

1. Kajian ini hanya memfokuskan di negeri Selangor. Kajian seterusnya boleh diteruskan dengan skop kajian dan metodologi yang sama tetapi diperluaskan ke negeri-negeri yang lain mengikut zon di Malaysia iaitu zon Timur, Barat dan Utara. Ini bagi melihat perbandingan antara dapatan kajian ini dan juga dapatan baru tentang aspek kefahaman dan pengamalannya.
2. Kajian ini memfokuskan kepada masyarakat Melayu. Kajian seterusnya boleh dikaji pada golongan Melayu asli minoriti di negeri Selangor atau mengikut zon di Malaysia dalam melihat bagaimana pengamalan mereka terhadap hak reproduktif wanita berkahwin ini. Sudah pasti ianya akan memberikan satu sudut pandang yang berbeza.
3. Kajian mendatang juga boleh dikaji dalam melihat polemik hak reproduktif wanita dalam agama, tetapi difokuskan kepada NGO, badan-badan keagamaan, atau individu yang dilihat mempamerkan ketidaksetujuan dalam hal ini. Kajian ini boleh mencari titik persamaan dan perbalahan di antara kedua-dua belah pihak yang menyokong dan menolak asas ini.
4. Kajian ini telah mendapatkan dapatan penglibatan lelaki yang agak sederhana dalam setiap peranan hak reproduktif wanita. Kajian seterusnya dicadangkan supaya difokuskan terhadap pandangan kaum lelaki sahaja untuk menilai secara mendalam berkaitan respon mereka dalam isu ini.

6.5 RUMUSAN

Setiap wanita dalam dunia ini pada asasnya memegang hak mereka tersendiri dalam mendapatkan akses kesihatan dan hak kelangsungan hidup yang bebas daripada sebarang diskriminasi dan kezaliman. Apatah lagi yang melibatkan taraf kesihatan reproduktif diri

University of Malaya

mereka, sekiranya taraf kesihatan itu terjejas bermakna ianya akan memberikan kesan negatif juga pada kelangsungan dan kelancaran hidup anggota dan masyarakat yang lain. Ini melihat kepada populasi wanita yang melebihi jumlah populasi kaum lelaki di negara ini.

Hasil kajian yang ada memberikan jawapan kepada objektif dan persoalan kajian dalam mengkaji hak reproduktif wanita menurut perbahasan Islam dan juga menurut instrumen antarabangsa. Secara asasnya isu ini sememangnya fikrah yang dibawa negara barat, tetapi apabila semua pihak terlibat dalam memastikan keupayaan diri mereka dijaga, sudah pasti wujud elemen hak di situ. Ini kerana inti pati bagi semua permasalahan wanita yang wujud hanya akan terbela dengan cara memperjuangkan hak tersebut. Oleh yang demikian, Islam mengiktiraf setiap hak wanita dalam cara yang sangat adil, pelaksanaannya selagi mana dirasakan tidak mendatangkan 'darar' pada mana-mana pihak, dan tidak bersalahan dengan objektif syarak', maka bukanlah suatu pertikaian yang sangat besar.

Memperlihatkan kajian dan analisis yang dijalankan terhadap kefahaman dan pengamalan hak reproduktif wanita berkahwin di negeri Selangor ini, masih lagi terdapat ruang-ruang pembaikan yang perlu dipulihkan dalam kalangan masyarakat, sama ada dalam ruang mentaliti dan persepsi, mahupun ruang amalan dan aplikasi. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan masih terdapat pengamalan yang cukup baik dan ianya menunjukkan tahap kesedaran optimum dalam kalangan masyarakat berkaitan hak reproduktif ini. Menjadi kepentingan untuk memastikan komitmen yang berterusan daripada semua pihak, sama ada kerajaan, atau individu tertentu dalam usaha memperkasakan hak reproduktif wanita.

University of Malaya

Secara konklusinya, bab ini telah menjawab kesemua soalan kajian yang dikemukakan pada awal penulisan dan setiap objektif kajian yang digariskan telah dicapai dengan jayanya. Hasil penemuan kajian juga diyakini mampu memberikan satu impak yang positif kepada pihak yang berkepentingan dalam ruang lingkup aspek hak reproduktif wanita, khususnya golongan berkahwin.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

‘Abd al-Mālik bin ‘Abd al-Karīm Amr Allāh, *Tafsīr al-Azhar*, vol. 4 (Jakarta: PT Pustaka Panjimas, 1983).

‘Abd al-Raḥmān al-Jazā’irī, *Kitāb al-Fiqh ‘ala al-Madhāhib al-Arba‘ah,* vol. 4 (Bayrūt, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003).

‘Alaw al-Dīn Ibn Mas‘ūd al-Kasānī, *Baḍā’i‘ al-Ṣanā’i‘,* vol. 2 (Qāhirah: t.t.p., t.t.).

‘Alī ‘Abd al-Wahid al-Wafī, *Ḥuqūq al-Insān fī al-Islām* (al-Qāhirah: Dār Nahḍah Miṣr li al-Taba‘ah wa al-Nashr, 1979).

A. Abdulloh Khuseini, “Institusi Keluarga Perspektif Feminisme: Sebuah Telaah Kritis”, *Tsaqafah Jurnal Peradaban Islam,* vol. 13, no. 2 (2017), 297-318.

A. Marie Josephine Aruna, “Patriarchal Myths In Postmodern Feminist Fiction: A Select Study,” (Tesis Kedoktoran, Pondicherry University, India, 2010).

A. Siriporn Yongpanichkul, “Review of Sexuality and Reproductive Health and Rights in Thailand,” *Report for the Sexuality and Reproductive Health Program* (Hanoi, Vietnam: Ford Foundation Office for Vietnam and Thailand, 2007).

Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali@Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh* (Selangor: Ilham Abati Enterprise, 2000).

Abdel Rahim Omran, “Contraception, Abortion and Reproductive Issues in the Legacy of Islam,” *Islam, Reproductive Health, Women’s and Rights,* ed. Zainah Anwar & Rashidah Abdullah (Kuala Lumpur: Sister In Islam, 2000).

Abdul Aziz Jemain & Puzziawati Ab Ghani, “Menjejak Perubahan Fertiliti dan Umur Perkahwinan di Semenanjung Malaysia,” *Jurnal Teknologi*, vol. 39 (2003), 75-89.

Abdul Muqhsith Ahmad “Faktor Yang Mempengaruhi Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lepasan Diploma Politeknik dan Matrikulasi Terhadap Subjek Kejuruteraan,” (Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2013).

Abdullah bin Muhammad Alu Syaikh, *Tafsir Ibnu Kathir,* terj M. ‘Abdul Goffar E.M., vol. 8 (Jakarta: Pustaka Imam Asy Syafi’i, 2008).

Abī Zakariyyā Maḥy al-Dīn Ibn Sharf Nawawī, *Kitāb Majmū‘ Sharḥ Muhadhdhab li al-Shirazī*, ed. Muḥammad Najib al-Muṭi‘ī, vol. 18 (Jeddah: Maktabah al-Arshād, t.t).

Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Isma‘il al-Bukhārī, “Sahīh al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sālih bin ‘Abd al-‘Azīz Al al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000).

University of Malaya

Abū ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā bin Sawrah bin Mūsā al-Tirmidhī, “Jāmi‘ al-Tirmidhī,” dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Al al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000).

Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin ‘Abd al-Bar bin ‘Asim al-Namri al-Qurṭubī, *al-Tamhid li ma fī al-Muwaṭṭā‘ min al-Ma‘ānī wa al-Asānid,* vol. 19 (t.t.: t.t.p., 1988).

Abū al-A‘la Mawdūdī, *Harakāt Tahdīd al-Nasl* (Bayrūt: Muassasah al-Risālat, 1982).

Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisabūrī, “Ṣaḥīḥ al-Muslim,” *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Al al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000).

Abū al-Qaṣīm Maḥmūd Ibn ‘Umar al-Zamakhsharī, *Tafsīr al-Kashaf*, ed. Khalīl Ma’mun Shaykhan (Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, 2009).

Abu Bakar, “Kawin Paksa: Problem Kewenangan Wali dan Hak Perempuan dalam Penentuan Jodoh,” dalam *al-Ihkam*, vol. 5, no. 1 (2010), 81-96.

Abū Dāwud Sulayman bin Ash‘ath bin Isḥāq al-Azdi al-Sijistanī, “Sunan Abū Dāwud,” dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000).

Abū Fidā’ Ismā‘il Ibn Kathīr al-Qurshī al-Dimashqī, *Tafsīr Ibn Kathīr,* vol. 5, ed. Sami bin Muḥammad al-Salāmah (Riyāḍ: Dār Ṭayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi‘, 1997).

Abū Ḥamīd Muḥammad bin Aḥmad al-Ghazzālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn,* vol. 2 (Qāhirah: Maktabah al-Istiqāmah, t.t.).

Abū Isḥāq Ibrāhim Ibn ‘Alī Ibn Yūsuf al-Firuzabadī al-Shirazī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1980).

Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān fī Tafsīr al-Qur’ān*, vol. 6 (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1980).

Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazid bin Kathīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī min Kitāb Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl al-Qur’ān*, vol. 5, tahqiq Bashar ‘Awad Ma‘rūf dan ‘Iṣam Faris al-Harastanī (Bayrūt: Mu’assasah Risālah, 1994).

Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Sa‘īd bin Hazm al-Andalūsī, *al-Mahalla bi al-Athār,* vol. 9, ed. ‘Abd al-Ghaffar Sulayman al-Bandarī (Bayrūt: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 2003).

Abul A’la Maududi, *Rancang Keluarga: Dari Sudut-sudut Kemasyarakatan, Politik, Ekonomi, Akhlak & Agama* (Kedah: Pustaka Ikhwan, 1985).

University of Malaya

Abul Fadl Mohsin Ebrahim, *Isu-isu Biomedis dalam Perspektif Islam: Aborsi, Kontrasepsi dan Mengatasi Kemandulan* (Jakarta: Penerbit Mizan, 1988).

Achie Sudiarti Luhulima, *CEDAW: Menegakkan Hak Asasi Perempuan* (Indonesia: Yayasan Pustaka Obor, 2014).

Ademola Adelekan Philomena Omoregie & Elizabeth Edoni, "Male Involvement in Family Planning: Challenges and Way Forward," *International Journal of Population Research* (2014), 1-9.

Adrina et al., *Hak-hak Reproduksi Perempuan Yang Terpasung* (Jakarta: Pustaka Sinar Harapan bekerjasama Pusat Penelitian Kependudukan Universitas Gadjah Mada & The Ford Foundation, 1998).

Afamia Kaddour, Raghda Hafez & Huda Zarayk, "Womens Perceptions of Reproductive Health in Three Communities around Beirut, Lebanon," *Journal Reproductive Health Matters*, vol. 13, no. 25 (2005), 34-42.

Agus Dwiyanto & Muhadjir Darwin, *Seksualitas, Kesehatan Reproduksi, dan Ketimpangan Gender: Implementasi Kesepakatan Konferensi Kependudukan Kairo bagi Indonesia* (Jakarta: Pustaka Sinar Harapan bekerjasama Pusat Penelitian Kependudukan Universitas Gadjah Mada & The Ford Foundation, 1996).

Ahmad al-Sharabassi, "Islam and Family Planning" dalam *Muslim Attitudes toward Family Planning* (New York: The Population Council, 1973), 110-111.

Aḥmad al-Sharbassī, *al-A'immah al-Arba'ah* (Qāhirah: Dār al-Hilāl, 1964).

Ahmad Atory Hussain, *Pengantar Statistik: Pendekatan Memahami Statistik Penyelidikan Untuk Golongan Sains Sosial* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2004).

Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,* vol. 11, ed. Abū Qutaybah Nazar bin Muḥammad al-Fariyabī (Riyāḍ: Dār al-Ṭayyibah, 2005).

Aḥmad bin Shu'ayb Abū 'Abd al-Raḥmān al-Nasa'ī, "Sunan al-Nasa'ī," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000).

Ahmad Fakaruddin et al., "Kajian Mengenai Kelahiran Rapat dan Faktor-faktor yang Berkaitan dengannya di Kalangan Ibu-ibu di Kampung Kunci Air Buang Mukim Tanjung Karang," *Buletin Kesihatan Masyarakat*, vol. 2, no. 2 (1995), 12-27.

Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia," *Jumal Syariah*, vol 10, no. 1 (2002), 39-52.

Ahmad Sarwat, *Seri Fikih Islam, Kitab Nikah* (Indonesia: Penerbit Syariah, 2009).

University of Malaya

Aiko Eida, "Perceptions and Behaviour Related to Family Planning in A Rural Area in the Oromia Region, Ethiopia," (Master Thesis, University of Oslo, 2012), 85.

Aishah@Eshah Haji Mohamed & Abd. Aziz Hj. Bidin, "Penjagaan Kesihatan Wanita Semasa dalam Pantang: Amalan dan Kepercayaan," *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space*, vol. 8, no. 7 (2012), 20-31.

Akhter Hameed Khan, "Islamic Opinion on Contraceptive" dalam *Muslim Attitudes Toward Family Planning* (New York: The Population Council, 1973).

Alejandro Roberto Cervantes-Carson, *Human rights, reproductive rights, and population policies: a theoretical intervention, an analytical proposal, and an application to the case of Mexico* (Austin: University of Texas, 2002).

Al-Ḥafīẓ al-Jalīl Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥussayn bin 'Alī al-Bayḥaqī, *Sunan al-Ṣaghīr,* vol. 3 (Miṣr: Manṣūrah, 1989).

Alhaji Umar Alkali et al., "Abortion: An Infringement of the Foetus' Right To Life in Islamic Law," *IIUM Law Journal*, vol. 23, no. 1 (2015), 158.

Amanullah Khan, Fariyal F. Fikree, Omrana Pasha, Tayyaba Husain, Rachel C. Snow, *Reproductive Decision Making Within Muslim Families in Squatter Settlements of Karachi, Pakistan* (Karachi: Aga Khan University, t.t.).

Aminah Ahmad, "Country Briefing Paper, Women in Malaysia," dicapai pada 5 April 2016, http://www.adb.org/sites/default/files/institutional-document/32552/women-malaysia.pdf

Amruta S. Indupalli & Purushottam A. Giri, "Sexual Violence among Married Women: An Unspoken Sting," *International Journal of Research in Medical Sciences,* vol. 2, no. 4 (2014), 1248-1252.

Angela Heimburger & Victoria Ward, "Putting the 'S' Back into Sexual & Reproductive Health," *International Journal of Sexual Health* (2014), 63-90.

Angela Kaida. Patrick Hessel, Walter Kipp & Joseph K. Lulu, "Male Participation in Family Planning: Result From A Qualitative Study in Mpigi District, Uganda," *Journal Biosocial Science*, vol. 37 (2005), 269-286.

Ani Purwanti, "Pengaturan Kesehatan Reproduksi Perempuan dan Implementasinya di Indonesia," *Palastren*, vol. 6, no. 1 (2013), 107-128.

Anne Thinker, "Improving Women's Health: Issues and Interventions," in *Health, Nutrition, Population* (Washington: The World Bank, 2000).

University of Malaya

Anonuevo, C.M. Women, Education and Empowerment: Pathways towards Autonomy. Report of the International Seminar. UIE, Hamburg, 27 January - 2 February 1993. 1995. UNESCO Institute for Education. 7. dicapai pada 20 November 2017. melalui http://www.unesco.org/education/pdf/283_102.pdf

Arbaiyah Prantiasih, "Hak Asasi Manusia Bagi Perempuan," *Jurnal Pendidikan Pancasila dan Kewarganegaraan, Universitas Negeri Malang*, no. 1 (2012), 10-15.

Arif Ali Khan & Tauqir Mohammad Khan, *Encyclopedia of Islamic Law: Foundations of Islamic Law,* vol. 2 (India: Pentagon Press, 75).

Al-Asfahānī, Abū Qaṣīm Abū al-Ḥussayn bin Muḥammad al-Raghib, *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān* (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī, 1961).

Asha Moodley, "Defining Reproductive Rights Agenda: Empowering Women for Gender Equity," *Agenda.* vol. 27 (1995), 8-14.

Ashok Barnwal, "Success of the Indonesian Population Program: Lessons for India," *Journal of Development and Social Transformation* (t.t.) 43, dicapai pada 10 Mei 2016, https://www.maxwell.syr.edu/uploadedFiles/moynihan/dst/barnwal6.pdf?n=8104

Azman Ab Rahman, "Konsep Fatwa dan Cabaran Penguatkuasaannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa,* vol. 2 (2011), 8. 7-26.

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga & Lembaga Bidan Malaysia, "Garis Panduan Perawatan Ibu Postnatal di Hospital," dicapai pada 20 Jun 2017, http://fh.moh.gov.my/v3/index.php/component/jdownloads/send/18-sektor-kesihatan-ibu/230-garis-panduan-perawatan-ibu-postnatal-di-hospital?option=com_jdownloads

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia, *Garis Panduan Pusat Bersalin Alternatif (ABC) di Klinik Kesihatan* (Kuala Lumpur: KKM, 2013).

Baharuddin, Ahmad Syukran, "Jenayah Pengguguran Janin," *Majalah al-Ustaz,* vol. 60 (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2017).

Bailey, D. K., *Methods of Social Research*, 4th ed. (USA: The Free Press, 1994).

Bland, J.M. & Altman, D.G., "Statistics Notes: Cronbach's Alpha," *British Medical Journal*, vol. 314, no. 7080 (1997).

Bo1ey, I.P., "The history of caesarian section," *Canadian Med: Assoc. J*, vol. 145, no. 4 (1991), 319-322.

University of Malaya

Bonnie Shepard, "Sexuality Counselling Family Planning in Columbia," in *Responding to Cairo, Case Studies of Changing Practices in Reproductive Helath & Family Planning* (USA: Population Council, 2002).

Browne, Alyssa, "What's Religion got to do with it? Islam and Fertility in Senegal and Cameroon," (Research Honours Program, Cornell University, 2012).

Carmen Alvarez-Nieto et al., "Sexual and reproductive health beliefs and practices of female immigrants in Spain: A Qualitative Study," *Reproductive Health Journal,* vol. 12 (2015), 2-10.

Carolyn Frohmader & Stephanie Ortoleva, "The Sexual and Reproductive Rights of Women and Girls with Disabilities," (ICPD Beyond 2014: International Conference On Human Rights, 2013), 2. Dicapai pada 22 Disember 2017 melalui laman sesawang http://wwda.org.au/wpcontent/uploads/2013/12/issues_paper_srr_women_and_girls_with_disabilities_final.pdf

Casterline JB, Sathar ZA, Haque M., "Obstacles to Contraceptives Use in Pakistan: A Study in Punjab," *Study in Family Planning*, vol. 32, no. 2 (2001), 95-105.

Centre of Reproductive Rights, Asian Pacifics Resources and Research Centre for Women, *Women of The World: Laws and Policies Affecting Their Reproductiv Lives (East and Southeast Asia)* (United States of America: ARROW, 2005).

Chandick N., Dhillon B.S., Kambo I. & Saxena N.C., "Contraceptive Knowledge, Practices and Utilization of Services in the Rural Areas of India," *Indian Journal of Medical Sciences*, vol. 57, no. 7 (2003), 303-310.

Chandiramani, Radhinika, "Mapping the Contours: Reproductive Health and Rights and Sexual Health and Rights in India," dalam *Where Human Rights Begin: Health, Sexuality and Women in the New Millenium,* ed. W. Chavkin & E. Chesler (New Brunswick, New Jersey and London: Rutgers University Press, 2005), 127-153.

Che Zainon Yusof, *Penyelewengan Wanita Menurut Pandangan Islam* (Kuala Lumpur: Penerbitan Ilmu, 1995).

Che Zuina Ismail & Liziana Kamarul Zaman, "Masalah Keganasan Rumah Tangga Terhadap Wanita dan Cara-Cara Mengatasinya Menurut Undang-Undang Malaysia," dalam *Wanita dan Undang-Undang Siri 3: Isu Jenayah dan Etika* (Shah Alam: Universiti Teknologi Mara UiTM, 2014), 77-89.

Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan,* ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Companies Education, 2012).

Cochran, W.G., Bartlett, J.E., Kotrlik, J.W. & Higgins, C.C., "Organizational Research: Determining Appropriate Sample Size in Survey Research," *Information Technology, Learning, and Performance Journal,* vol. 19, no. 1 (2001), 43-50.

University of Malaya

Cook, Rebecca J., "State Accountability for Womens Health," *International Digest of Health Legislation,* vol. 49, no. 1 (1998), 265-282.

Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: DBP, 2015).

Dhian Rachmawati, *Hak-Hak Reproduksi Perempuan dalam Fiqh: Studi Terhadap Hak Istri untuk Menolak Hubungan Seksual dan Menentukan Kehamilan dalam Perspektif Gender* (Indonesia: Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2004).

Dixon Bester Jimmy-Gama, "An Assessment of the Capacity of Facilitybased Youth Friendly Reproductive Health Services To Promote Sexual and Reproductive Health Among Unmarried Adolescents: Evidence from Rural Malawi," (Ph.D Thesis, Queen Margaret University, 2009).

Elizabeth J. Mason, "Identifying Factors of Influence On Family Planning Practices Among Rural Haitian Women," (Master Thesis, University of Pittsburgh, 2010).

Elizabeth M., Saewyc, Lara, Leanne Magee, Sandra E. Pettingell, "Teenage Pregnancy and Associated Risk Behaviors Among Sexually Abused Adolescents," *Perspectives on Sexual and Reproductive Health*, vol. 36, no. 3 (2004), 98-105.

Euis Amalia, "Feminisme; Konsep, Sejarah dan Perkembangan," dalam *Pengantar Kajian Gender* (Jakarta: PSW UIN Syarif Hidayatullah & McGill-ICIHEP, 2003).

Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah, "Ratifikasi CEDAW di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang dan Hukum Syarak," *Journal of Shariah Law Research,* vol. 2, no. 2 (2017), 207-234.

Fadzlullah Haji Suib, *Wanita menurut Syariat Islam* (Kuala Lumpur: Penerbitan Saiful Azanis, 1987).

Farzanah Roudi Fahimi, *Islam and Family Planning* (Washington: Population Reference Bureau, 2004).

Fazilahton Rajulin, *Prosedur Pengendalian Ibu Hamil di Klinik Kesihatan* (Kota Tinggi, Johor: Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015).

Flegel, Alison C., "Violation of Women's Reproductive Rights: The Doctrines, Laws, and Habits that Create the Foundation of Our Sexist Culture," (Master Thesis, East Carolina University, 2013).

Fowler, Erin, "Advancing Reproductive Rights in a Religious World: A Comparative Survey of Reproductive Rights in Poland, Indonesia and Israel," (Master Thesis, University of Toronto, 2013).

Gan Kong Meng, "Kajian Kes Perogol di Negeri Kedah dan Perak," (Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Sains Malaysia, 2007).

University of Malaya

Gipson, J., et al., "The Effects of Unintended Pregnancy on Infant, Child, and Parental Health: A Review of the Literature," *Studies in Family Planning*, vol. 39, no. 1 (2008), 18-38.

Glasier, Anna A Metin Gulmezoglu, George P Schmid, Claudia Garcia Moreno, Paul FA Van Look, "Sexual and reproductive health: A matter of life and death," dalam *The Lancet Sexual and Reproductive Health Series* (New York, United States of America: PubMed National Institutes of Health, 2006), 1595-1607.

Guang-Zhen Wang & Vijayan K. Pillai, "Women's Reproductive Health: A Gender - Sensitive Human Rights Approach," *Acta Sociologica,* vol. 44 (2001), 231-242.

Gupta, Mili, "The Birth of Caesarean Section," *The University of Ontario Medical Journal*, vol. 78, no. 1 (2008), 79-85.

H.Bgd. M. Leter, *Tuntutan Rumah tangga Muslim dan Keluarga Berencana* (Padang: Penerbitan Angkasa Raya, 1985).

Hajiya Bilkisu Yusuf, "Sexuality and The Marriage Institution In Islam: An Appraisal," *Africa Regional Sexuality Resource Centre,* dicapai pada 6 Julai 2017, http://www.arsrc.org/downloads/uhsss/bilkisu.pdf

Hamim Ilyas, Sekar Ayu Ariyani & Rachmad Hidayat, "Men's Involvement in Reproductive Health: An Islamic Perspective," dalam *Asia-Pacific Social Science Review,* vol. 7, no. 1 (Indonesia: Center for Women's Studies, State Islamic University Sunan Kalijaga, 2006).

Hamisa Omari Mwenegoha, "Women's Reproductive Rights and Autonomy Under Islam as They Intersect with Human Rights Entitlements and Customary Norms and Practices in Tanzania: Lushoto as a Case Study," (Tesis Sarjana, Faculty of Law, University of Zimbabwe, 2008).

Hanafiah Mohd Salleh, "Hubungan Pembedahan Caesarean Dengan Ciri-Ciri Demografi Di hospital Muar, Johor," *Jurnal Kesihatan Masyarakat*, vol. 8 (2002), 21-28.

Hannah Tapang, "To See Her Smile Midwifery, Health and Reproductive Choice in Ghana," *Private Decisions, Public Debate: Women, Reproduction, and Population* (London: Panos Publications Ltd., 1994), 86-94.

Hannum, H., *The Status of the Universal Declaration of Human Rights in National and International Law* (United States: Massachusetts, 1996).

HanXiao@Indah, "Pemodenan dan Pembentukan Keluarga Melayu di Bandar," *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, vol. 9, no. 2 (2016), 245-261.

Harlina Halizah Siraj, "Perancangan Keluarga dan Islam" (Kursus Perancangan Keluarga Peringkat Kebangsaan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Kuala Lumpur, Julai 2012).

University of Malaya

Harlina Halizah Siraj, *Citra Wanita Kontemporari* (Kuala Lumpur: JIMedia, 2009).

Haslegrave, M., "Sexual and Reproductive Health and Rights In The Sustainable Development Goals and The Post-2015 Development Agenda: Less Than A Year To Go," *Reproductive Health Matters: An International Journal on Sexual and Reproductive Health and Rights,* vol. 22, no. 44 (2014), 102-103.

Heather Boonstra, *Islam, Women and Family Planning: A Primer* (t.t.p.: The Guttmacher Report on Public Policy, 2001).

Henri Shalahudin, "Wacana Kesetaraan Gender Dalam Pemikiran Islam Di Institusi Pengajian Tinggi Islam Negeri Di Indonesia: Kajian Kes Di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta" (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016).

Henry P. David, Janine M. Morgall, "United States and Denmark: Different Approaches to Health Care and Family Planning," in *Studies in Family Planning*, vol. 21, no. 1 (1990), 1-19.

Huzaemah T. Yanggo, *Fiqh Perempuan Kontemporer* (Jakarta: al-Mawardi Prima, 2001).

I. Swenson, "Expected Reductions in Fetal and Infant Mortality by Prolonged Pregnancy Spacing in Rural Bangladesh," *Bangladesh Development Studies,* vol. 5, no. 1 (1977), 8-9.

Ibn ʻĀbidīn, *Radd al-Mukhtār ʻala al-Durr al-Mukhtār* (*Hasyiyah Ibn ʻĀbidīn*), ed. ʻAdil Aḥmad ʻAbd al-Mawjūd, ʻAlī Muḥammad Muʻawwadh (Riyāḍ: Dār ʻAlam al-Kutub, 2003).

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Maʻād,* vol. 4 (Miṣr: Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī wa Awlāduh, 1960).

Ibrahim Lembut, "Kaedah Taʻliq Talak di Mahkamah Syariah,", *Jurnal Hukum*, vol. 21 (2006), 147-157.

Idda Mosha, Ruerd Ruben, Deodatus Kakoko, "Family planning decisions, perceptions and gender dynamics among couples in Mwanza, Tanzania: A Qualitative study," *BMC Public Health*, vol. 13 (2013).

Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Intel Multimedia and Publication, 2001).

Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, "Amalan Pengurusan Sumber Manusia Berteraskan Kompetensi dan kualiti Perkhidmatan dalam Organisasi Awam di Malaysia: Kesalingbergantungan Tugasan Sebagai Penyederhana" (Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2008).

University of Malaya

Al-Imām Abū al-Ḥasan al-Ḥanafī al-Ma‘rūf bi al-Sindī, *Sharḥ Sunan Ibn Mājah*, vol. 2, tahqiq Shaykh Khalīl Ma’mun Shayhan (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1996).

Al-Imām al-Ḥafīẓ Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubarakfūrī, *Tuḥfah al-Aḥwādhī bi Sharḥ Jāmi‘ Tirmidhī,* vol. 4 (Bayrūt, Lebanon: Dār al-Fikr, t.t.).

Imam an-Nawawi, *Riadhus Shalihin*, terj. H. Salim Bahreisy (Selangor: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.).

Imam Bernadib, *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Penerbitan FIP-IKIP, 1982).

Imām Maḥy al-Dīn al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Imām al-Nawawī,* vol. 10 (Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, 1995).

Imām Muḥy al-Dīn Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhazzab,* vol. 16 (Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t.).

Imām Muḥy al-Dīn Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim,* vol. 7 & 9 (Miṣr: Matba’ah Azhar, 1929).

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, *Indeks Belia Malaysia* (Putrajaya: IPPBM, 2015).

Irma Rayani, “The Silent Desire: Islam, Women’s Sexuality and the Politics of Patriarchy in Indonesia,” (Ph.D Thesis, School of Social Asian, University of Western Australia, Australia, 2016).

Isfahan Merali, “Advancing Women’s Reproductive and Sexual Health Rights: Using the International Human Rights System,” *Development in Practice*, vol. 10, no. 5 (London: Routledge, 2000).

Ishak Mad Shah *et al.*, *Gangguan Seksual di Tempat Kerja: Kajian ke atas Mangsa dan Pelaku di Sekitar Johor Bahru, Johor* (Skudai: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan dan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 2004).

Ismail Yakub, *Terjemahan Ihya’ Ulumuddin: Kitab Nikah,* vol. 1 (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd., t.t.).

Iwu Dwisetyani Utomo, et al., “Village Family Planning Volunteers in Indonesia: Their Role in the Family Planning Programme,” *Journal of Reproductive Health Matters* (2006), 73-82.

University of Malaya

J.Yerushalmy, J.M.Bierman, D.H.Kemp, A. Connor & F.E.Frensh, "Longitudinal Studies of Pregnancy on the Island of Kauai, Territory of Hawai: Analysis of Previous Reproductive History," *American Journal of Obstetrics and Gynecology* (January 1956), 80-96.

Jabatan Agama Islam Selangor, "Sister In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme di Malaysia?" laman web *Jabatan Agama Islam Selangor,* dicapai pada 4 September 2017 melalui http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/2012 /julai/KertasKerja_4.pdf

Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, *Pelan Tindakan Pembangunan Wanita* (Seri Kembangan: HAWA, 1997).

Jabatan Kehakiman Islam Malaysia, "Fatwa Menggugurkan Janin Pembawa Atau Pengidap Penyakit Thalassaemia," *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia* (Putrajaya: JAKIM, 2002).

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015).

Jabatan Pembangunan Wanita, "Latar Belakang Jabatan Pembangunan Wanita", dicapai pada 25 Mei 2016, http://www.jpw.gov.my/web/home/article_view/109/69/.

Jabatan Perangkaan Malaysia, "Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, Jantina, Etnik, Strata dan Negeri Malaysia 2010," *Jabatan Perangkaan Malaysia,* dicapai pada 15 Februari 2013. https://www.statistics.gov.my/censusatlas/images/EthnicEN.pdf

Jal Zabdi Mohd Yusoff, *Jenayah Keganasan Rumah Tangga*, edisi ke-2 (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2010).

Jalāl al-Dīn al-Ṣuyuṭī, *al-Durr al Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr,* vol. 2, tahqiq 'Abd Allāh Ibn 'Abd al-Ḥassan al-Tarakī (Qāhirah: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah, 2003).

Jasser Auda, *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*, terj Marwan Bukhari A.Hamid (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2014).

Jawatankuasa Pengkaji dan Penyemak JAKIM, *Memasuki Gerbang Perkahwinan,* edisi Kedua (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008).

University of Malaya

Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang, "Mesyuarat Kali Ke-4/2010: Hukum Pengguguran Janin dan Membekal Bahan Kontraseptik Kepada Golongan Yang Berisiko Tinggi," dicapai pada 17 Jun 2017, http://mufti.pahang.gov.my/index.php/2012-12-11-06-41-06/2012-12-11-06-44-13/2012-12-11-06-44-58/2010/39-hukum-pengguguran-janin-dan-membekal-bahan-kontraseptik-kepada-golongan-yang-berisiko-tinggi

Jenius L. Tobing & Hotma P. Pasaribu, *Persalinan Normal* (Indonesia: Jabatan Obstetrik & Ginekologi, Universiti Sumatera Utara, 2007).

Jibrail Yusuf, "Contraception and Sexual and Reproductive Awareness Among Ghanaian Muslim Youth: Issues, Challenges, and Prospects for Positive Development," *Sage Open Journal* (2014), 1-12.

Joachim Herrman & Erik Zurcher, *History of Humanity Scientific and Cultural Development,* vol. 2 (London: Routledge, Paris: United Nations Educational Scientific and Cultural Organizations, 1996).

Joan C. Chrisler, "A Reproductive Justice Approach toWomen's Health," dalam *Analyses of Social Issues and Public Policy*, vol. 14, no. 1 (2014), 205-209.

John P. Mckay, Bennett D. Hill & John Buckler, *A History of Western Society,* Cet. Ke 3 (Boston: Houghton Mifflin Company., 1987).

